



**IJM CORPORATION BERHAD**

(104131-A)

laporan tahunan '09

# BANGKIT MENGATASI CABARAN



# K A N D U N G A N

## RANGKA KERJA & KOMITMEN

- 04 Piagam IJM
- 05 Penyata Wawasan, Misi dan Budaya Kami
- 06 Profil Korporat
- 08 Struktur Kumpulan
- 10 IJM dalam Tajuk Utama
- 11 Diari Korporat

## RINGKASAN MAKLUMAT PEMEGANG SAHAM

- 40 Sorotan Kewangan Kumpulan
- 42 Penyata Tambahan Nilai & Pengagihan
- 43 Maklumat bagi Pelabur-Pelabur
- 45 Analisis Pemegangan Saham & Pemegangan Waran
- 51 Pekerja dan Produktiviti

## TANGGUNGJAWAB KORPORAT

- 124 Pasaran
- 127 Alam Sekitar
- 128 Masyarakat
- 132 Tempat Kerja

## ORGANISASI & PENGEMUDIAN

- 22 Carta Organisasi Kumpulan
- 24 Lembaga Pengarah & Setiausaha
- 26 Profil Para Pengarah
- 34 Profil Pengurusan Kanan

## KAJIAN & LAPORAN PERNIAGAAN

- 54 Penyata Pengurus
- 60 Ulasan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif
- 92 Penyata Pentadbiran Korporat
- 102 Laporan Jawatankuasa Audit
- 106 Penyata Kawalan Dalaman
- 110 Laporan Kualiti
- 112 Laporan Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar

## PENYATA KEWANGAN DAN LAIN-LAIN

- 140 Penyata Kewangan
- 264 Senarai 10 Harta Teratas
- 266 Notis Mesyuarat Agung Tahunan
- 267 Borang Proksi
- 269 Maklumat Korporat



Berhadapan dengan cabaran-cabaran yang ditimbulkan oleh persekitaran ekonomi global, Kumpulan IJM terus memberi tumpuan pada pembangunan masa hadapan yang mapan bagi semua pemegang pelbagai kepentingan, membolehkan kami menempuh cabaran-caran sedemikian dengan wawasan yang teguh dan berdaya tahan.

Usaha kami untuk cemerlang, disemarakkan oleh pelaburan kami dalam aset-aset dan sumber-sumber strategik, yang memperkuatkan kualiti operasi kami, terus menghasilkan peluang-peluang peningkatan nilai buat Kumpulan.

Mengambil kesempatan ke atas strategi-strategi pro-aktif dan pelaksanaan amalan-amalan terbaik yang berterusan, membolehkan Kumpulan memacu dengan tumpuan yang jelas, memastikan kami terus menempuh gelombang dan bangkit mengatasi apa jua cabaran ke arah matlamat yang lebih besar.



Blok Melayu, Alam Warisan Hotel, Putrajaya

# Rangka Kerja & Komitmen



- 04**  
Piagam IJM
- 05**  
Penyata  
Wawasan, Misi  
dan Budaya Kami
- 06**  
Profil Korporat
- 08**  
Struktur Kumpulan
- 10**  
IJM dalam  
Tajuk Utama
- 11**  
Diari Korporat

# Piagam IJM

Polisi dan tatacara perniagaan kami terus dipandu oleh komitmen yang kukuh ke arah...

- Produk & Perkhidmatan Berkualiti
- Hubungan Klien Amanah
- Keselamatan, Kesihatan & Alam Sekitar
- Kebajikan Kakitangan
- Tanggungjawab Sosial
- Pentadbiran Korporat Yang Baik
- Memaksimumkan Pulangan Pemegang Pelbagai Kepentingan
- Pengurusan Beretika

# Penyata kami Wawasan

Untuk menjadi jurubina Malaysia bagi projek-projek infrastruktur dan bangunan bertaraf dunia yang berdaya saing di peringkat antarabangsa.

## Penyata kami Misi

Untuk terus memberikan standard prestasi tertinggi dalam semua usaha niaga kami dengan Mercu Kecemerlangan IJM.

## Penyata kami Budaya

Kami berusaha untuk:

- mendukung standard keprofesionalan tertinggi dan pentadbiran korporat contoh untuk memaksimumkan manfaat bagi semua pemegang kepentingan;
- menghormati pelbagai budaya, jantina, agama, hak asasi manusia dan maruah semua pemegang pelbagai kepentingan kami;
- memastikan kualiti produk dan perkhidmatan kami melangkaui jangkaan pelanggan-pelanggan kami;
- mewujudkan suasana yang kondusif bagi semangat berpasukan di kalangan kakitangan kami untuk berusaha ke arah tenaga kerja yang bersatu padu; dan
- menjadi warga korporat yang bertanggungjawab dan dihormati dengan keprihatian terhadap isu-isu sosial, keselamatan, kesihatan dan alam sekitar.



Pusat Konvensyen Putrajaya

## PROFIL KORPORAT

IJM ADALAH SALAH SATU DARIPADA KUMPULAN PEMBINAAN MALAYSIA YANG TERKEMUKA DAN DISENARAIKAN PADA PAPAN UTAMA BURSA MALAYSIA. KEGIATAN PERNIAGAANNYA MERANGKUM PEMBINAAN, PEMBANGUNAN HARTA, PENGILANGAN DAN PENGKUARIAN, KONSESI INFRASTRUKTUR DAN PERLADANGAN.

BERIBU PEJABAT DI SELANGOR, MALAYSIA, ASPIRASI SERANTAU IJM TELAH MENYAKSIKANNYA MEWUJUDKAN KEHADIRAN YANG SEMAKIN MENINGKAT DALAM PASARAN NEGARA JIRAN YANG SEMAKIN BERKEMBANG DENGAN OPERASI-OPERASI YANG PADA MASA INI MENJANGKAU 11 BUAH NEGARA, DENGAN TUMPUAN UTAMA DI MALAYSIA, INDIA, EMIRIAH ARAB BERSATU, CHINA DAN INDONESIA.

PERTUMBUHAN LUAR BIASA IJM SELAMA LEBIH DUA SETENGAH DEKAD YANG LEPAS ADALAH HASIL DARIPADA TUMPUAN YANG TIDAK PERNAH GOYAH PADA KEKOMPETENAN TERASNYA, KEPELBAGAIAN DALAM PERNIAGAAN BERKAITAN SECARA STRATEGIK DAN PENGEMBANGAN TERPILIH KE DALAM PASARAN-PASARAN BARU.

Wujud hasil daripada penggabungan tiga syarikat pembinaan tempatan saiz sederhana - IGB Construction Sdn Bhd, Jurutama Sdn Bhd dan Mudajaya Sdn Bhd, IJM telah ditubuhkan pada 1983 dengan tujuan utama untuk bersaing secara lebih berkesan dengan pesaing-pesaing asing yang lebih besar. Dengan pantas Syarikat mula memantapkan dirinya sebagai kumpulan pembinaan yang terurus secara profesional dan mendapat penerimaan pasaran dengan cepat. Selama beberapa tahun, Syarikat secara progresif membina atas kehandalan daya saingannya, keupayaan kewangan dan reputasi untuk kedudukannya sebagai kontraktor tempatan yang serius.

Pada bulan April 2007, IJM bergabung dengan Kumpulan Road Builder ("RBH"), pesaing terdekatnya, untuk mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai jurubina kedua terbesar negara. Selain daripada menambah buku pesanan pembinaannya, simpanan harta tanah dan portfolio infrastruktur, Kumpulan yang diperbesarkan membolehkan IJM untuk memperoleh manfaat sinergistik yang besar daripada penggabungan, keunggulan tempatan yang lebih ketara serta mencapai kunci kira-kira yang lebih besar bagi membida untuk kerja-kerja yang lebih besar dan memudahkan pengembangannya ke pasaran-pasaran luar negeri.



Cerukuk di Haiwan Petrochemical Port, Dongguan, China



Pokok kelapa sawit

REKOD PRESTASI CEMERLANG IJM CUKUP DIIKTIRAF DAN TELAH DITAWLIAHKAN DENGAN PELBAGAI ANUGERAH. ANUGERAH-ANUGERAH YANG DITERIMA BARU-BARU INI TERMASUK:

- Anugerah Kontraktor Antarabangsa Malaysia Tahun 2000 dan 2005
- Anugerah Jurubina Malaysia Tahun 2001 dan 2002
- Anugerah Projek dalam Kategori Bangunan Utama tahun 2003 dan Projek Mahir Utama tahun 2004
- Anugerah Kecemerlangan MITI bagi Eksport Perkhidmatan tahun 2003 dan 2007
- Anugerah Kecemerlangan Kejuruteraan Jalan Raya tahun 2004
- Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (Pencapaian Antarabangsa) tahun 2001, 2006 dan 2007



Unit kediaman di Nautilus Bay, Pulau Pinang



Pelabuhan Kuantan, Pahang

Usaha niaga IJM sebagai pemaju harta tanah bermula sebagai satu kemajuan biasa daripada pengalaman dan keparakannya yang luas dalam perniagaan pembinaan. Sejak itu bahagian harta tanah Kumpulan berkembang dengan ketaranya. Tersenarai pada Papan Utama Bursa Malaysia, IJM Land Berhad pada masa ini adalah salah satu daripada pemaju-pemaju harta terbesar di Malaysia dengan kawasan perbandaran yang tersebar luas, bangunan-bangunan komersil dan kondominium bertingkat tinggi di bawah pembangunan, dalam kawasan pertumbuhan utama di seluruh negara. Kumpulan juga sejak kebelakangan ini telah banyak memasuki pasaran sebagai pemaju bereputasi di India. Selain itu, pada masa-masa lepas ia juga telah membuat usaha niaga di luar negeri seperti USA, Singapura dan Australia.

Bermula dengan menyokong operasi pengilangan dan pengkuariannya dengan tempahan dari dalam Kumpulan, Bahagian Industri Kumpulan dengan pantas mengembangkan operasinya ke dalam kegiatan-kegiatan teras berskala besar dengan tumpuan ke atas permintaan di luar Kumpulan. IJM terus memperluaskan operasinya dalam bahagian ini dengan pengambilalihan strategik seperti pengambilalihan Industrial Concrete Products Berhad pada 2004 dan pemelbaagan pasaran yang berjaya ke China, India dan Pakistan.

Mengambil kesempatan atas keparakan pembinaannya, Kumpulan juga menyasarkan pelaburan infrastruktur untuk membina aliran pendapatan berulang jangka panjang. Walau bagaimanapun percubaan awal ke dalam aset konsesi di Malaysia terbukti agak sukar dan dengan itu, Kumpulan memilih untuk memberi tumpuan pada pasaran luar negeri. Penglibatan IJM dalam skim penswastaan infrastruktur luar negeri (Bina-Kendali-Pindah) telah mencapai kejayaan yang besar. Antara beberapa pelaburan semasa Kumpulan dalam projek-projek infrastruktur terkemuka luar negeri adalah Western Access Tollway di Argentina, lima lebuh raya bertol di India dan konsesi rawatan air Binh An di Vietnam. Di Malaysia, Kumpulan mengendali dua lebuh raya bandar dan konsesi pelabuhan daripada penggabungan RBH dan mempunyai sebuah jalan raya bertol yang sedang dalam pembinaan. Kumpulan sebelum ini telah melabur dan menjual beberapa aset infrastruktur di China yang membawa keuntungan.

Kumpulan menunjukkan wawasan yang agak mengagumkan dengan mencebur ke dalam perladangan pada tahun 1985 sebagai sumber pendapatan stabil untuk mengurangkan kesan sifat berkitar perniagaan pembinaan terasnya. Sejak dari itu pelaburan ini telah mendatangkan hasil yang baik. Kini disenaraikan pada Papan Utama Bursa Malaysia, Bahagian Perladangan ini telah menyumbang dengan ketara kepada perolehan Kumpulan sepanjang beberapa tahun yang lepas dan juga telah membantu menampung pendapatan Kumpulan pada masa-masa sukar, seperti ketika krisis kewangan Asia 1997. Ia kini mengembangkan simpanan tanah perladangannya ke Indonesia dan kini dalam peringkat awal bagi pembelian gugusan buah segar sawitnya dan perniagaan pengilangan di India .

#### BUDAYA PROFESIONALISME, PRESTASI, URUS TADBIR DAN INISIATIF TANGGUNGJAWAB KORPORAT YANG BAIK SENTIASA MENJADI CIRI-CIRI UTAMA BUDAYA IJM DAN PENGIFTIRAFAN DALAM BENTUK ANUGERAH-ANUGERAH YANG BERIKUT ADALAH BUKTINYA:

- Anugerah Sulung Urus Tadbir Korporat Perniagaan Malaysia tahun 2002
- Anugerah Merit Korporat BSKL (Sektor Pembinaan) tahun 2001, 2002 dan 2003
- Anugerah Asia Money Best Managed Company (Modal Sederhana) di Malaysia tahun 2006
- Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA (Pembinaan dan Infrastruktur) tahun 2003, 2004, 2006, 2007 dan 2008
- Laporan Kajian Urus Tadbir Korporat 200 PLC Teratas tahun 2006 (Tempat Kesembilan)
- Anugerah Pelaporan Alam Sekitar dan Sosial Malaysia ACCA tahun 2006 (Pemenang Tempat Kedua dalam Pelaporan Sosial Terbaik)
- Anugerah CSR Perdana Menteri (Kategori Alam Sekitar) tahun 2007
- Anugerah Pingat Emas bagi Kecemerlangan Keselamatan & Kesihatan Tempat Kerja Kebangsaan pada 2007
- Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (Anugerah Pengumuman Khas Amalan Terbaik Alam Sekitar) pada 2008

**Apabila IJM menjadi syarikat tersenarai awam pada tahun 1986, ia mempunyai permodalan pasaran sebanyak RM66 juta dan jumlah aset sebanyak RM172 juta. Pada 31 Mac 2009, permodalan pasaran dan aset Kumpulan masing-masing berjumlah lebih kurang RM4 bilion dan RM12 bilion.**

# STRUKTUR KUMPULAN



IJM CORPORATION BERHAD



## PEMBINAAN

### IJM Construction Sdn Bhd

- Road Builder (M) Sdn Bhd
  - Commerce House Sdn Bhd
  - IJM Building Systems Sdn Bhd
- IJM Construction International Limited Liability Company
- IJM Investments J. A. Limited
  - IJM Gulf Limited
    - IJM Gulf Pakistan (Pvt) Limited
    - IM Technologies Pakistan (Private) Limited
    - Karachi Expressway J. A. Limited
  - Insitu Envirotech Pte Ltd
    - Insitu Envirotech (S.E.Asia) Pte Ltd
  - Insitu Envirotech (M) Sdn Bhd
  - Jurutama Sdn Bhd
  - Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd
- CSC Ground Engineering Sdn Bhd
- Hexacon Construction Pte Limited
- Integrated Water Services (M) Sdn Bhd
- IT&T Builders Sdn Bhd
- THB-IJM Joint Venture Sdn Bhd
- Ambang Usaha Sdn Bhd
- ECC-IJM Joint Venture
- Hafeera-IJM Joint Venture
- IJMC-Liberty Properties Joint Venture
- IJMC-Norwest Joint Venture
- IJMC-Peremba Joint Venture
- IJMC-Perkasa Sutera Joint Venture
- IJMC-Puncabahan Joint Venture
- IJMC-Teratai Joint Venture
- ISZL Consortium

### IJM Construction (Middle East) Limited Liability Company

### Nilai Cipta Sdn Bhd

- IJM-Gayatri Joint Venture  
IJM-NBCC-VRM Joint Venture

- IJM (India) Infrastructure Limited &  
• IJM (India) Geotechniques Private Limited


## HARTA-HARTA

### IJM Land Berhad

- IJM Properties Sdn Bhd
  - Aqua Aspect Sdn Bhd
  - Chen Yu Land Sdn Bhd
  - Cypress Potential Sdn Bhd
  - IJM Management Services Sdn Bhd
  - Jelutong Development Sdn Bhd
  - Liberty Heritage (M) Sdn Bhd
  - Manda'rina (M) Sdn Bhd
  - NS Central Market Sdn Bhd
  - Sinaran Intisari (M) Sdn Bhd
  - Suria Bistari Development Sdn Bhd
  - Worldwide Ventures Sdn Bhd
- RB Land Sdn Bhd
  - Aras Varia Sdn Bhd
  - Casa Warna Sdn Bhd
  - Dian Warna Sdn Bhd
  - RB Property Management Sdn Bhd
  - Seremban Two Holdings Sdn Bhd
  - Seremban Two Properties Sdn Bhd
  - Seremban Two Property Management Sdn Bhd
  - Shah Alam 2 Sdn Bhd
  - Titian Tegas Sdn Bhd
  - Tarikan Abadi Sdn Bhd
  - Unggul Senja Sdn Bhd
- Delta Awana Sdn Bhd
- Emko Properties Sdn Bhd
  - Emko Management Services Sdn Bhd
- ERMS Berhad
  - Holiday Villa Management Sdn Bhd
- RB Development Sdn Bhd
- MASSCORP-Vietnam Sdn Bhd
- Astaka Tegas Sdn Bhd
- Cekap Tropikal Sdn Bhd
- Elegan Pesona Sdn Bhd
- Good Debut Sdn Bhd
- IJM Management Services-Giat Bernas Joint Venture
- IJM Properties-JA Manan Development Joint Venture
- LCL-IJMII International Interiors @ Private Limited
- Radiant Pillar Sdn Bhd
- Sierra Selangor Sdn Bhd
- Sierra Ukay Sdn Bhd
- Valencia Terrace Sdn Bhd

### IJM Australia Pty Limited

- IJM Lingamaneni Township Private Limited @  
Swarnandhra-IJMII Integrated Township @ Development Company Private Limited
- OSW Properties Pty Limited \$



## INDUSTRI

### Industrial Concrete Products Berhad

- Durabon Sdn Bhd
- Expedient Resources Sdn Bhd
- Tadmansori Rubber Industries Sdn Bhd
- ICP Investments (L) Limited
- ICPB (Mauritius) Limited
  - IJM Concrete Products Private Limited
  - IJM Steel Products Private Limited
- ICP Jiangmen Co. Ltd
- ICP Marketing Sdn Bhd
- Malaysian Rock Products Sdn Bhd
  - Aggregate Marketing Sdn Bhd
  - Azam Ekuiti Sdn Bhd
  - Global Rock Marketing Sdn Bhd
  - IJM Concrete Private Limited
    - IJM Concrete Pakistan
  - IJM Concrete Products Pakistan (Private) Limited
  - Kuang Rock Products Sdn Bhd
  - Oriental Empire Sdn Bhd
  - Scaffold Master Sdn Bhd
  - Strong Mixed Concrete Sdn Bhd
- Ubon Steel Sdn Bhd

### Kamad Quarry Sdn Bhd

### Kemena Industries Sdn Bhd

### Cofreth (M) Sdn Bhd

### Metech Group Berhad

### Spirolite (M) Sdn Bhd

## PERLADANGAN

### IJM Plantations Berhad X

- Akrab Perkasa Sdn Bhd
- Ampas Maju Sdn Bhd
- Berakan Maju Sdn Bhd
- Desa Talisai Palm Oil Mill Sdn Bhd
- Desa Talisai Sdn Bhd
- Excellent Challenger (M) Sdn Bhd
- Gapas Mewah Sdn Bhd
- Golden Grip Sdn Bhd
- Gunaria Sdn Bhd
  - PT Sinergi Agro Industri
- IJM Agri Services Sdn Bhd
- IJM Edible Oils Sdn Bhd
- IJMP Investments (M) Limited
  - IJM Plantations (Mauritius) Limited
- Kulim Mewah Sdn Bhd
- Laserline Sdn Bhd
- Minat Teguh Sdn Bhd
  - PT Primabahagia Permai
- Rakanan Jaya Sdn Bhd
- Rantajasa Sdn Bhd
- Ratus Sempurna Sdn Bhd
- Sabang Mills Sdn Bhd
- Sijas Plantations Sdn Bhd
- Sri Kilau Sdn Bhd
- Loongsyn Sdn Bhd
- Godrej IJM Palm Oil Limited %  
(dahulunya dikenali sebagai Godrej Gokarna Oil Palm Limited)

## INFRASTRUKTUR & LAIN-LAIN

### Road Builder (M) Holdings Bhd

- ↗ Besraya (M) Sdn Bhd
- ↗ New Pantai Expressway Sdn Bhd
- ↗ Kuantan Port Consortium Sdn Bhd
  - KP Port Services Sdn Bhd
  - Sukma Samudra Sdn Bhd ▲

### Konsortium Pelabuhan Kemaman Sdn Bhd

### KP Depot Services Sdn Bhd H

### IJM Investments (M) Limited

- IEMCEE Infra (Mauritius) Limited
- IJMII (Mauritius) Limited
  - Roadstar (India) Infrastructure @  
Private Limited
  - Swarnandhra Road Care Private @  
Limited
- IJM Rajasthan (Mauritius) Limited
  - Jaipur-Mahua Tollway Private Limited
- IJM Rewa (Mauritius) Limited
  - Rewa Tollway Private Limited
- IJM Trichy (Mauritius) Limited
- IJM Vijayawada (Mauritius) Limited
- Gautami Power Private Limited #
- Swarna Tollway Pte Ltd \*

### IJM International Limited

### IJM Investments (L) Ltd

### RB Highway Services Sdn Bhd

### Kuching Riverine Resort Management Sdn Bhd

### CIDB Inventures Sdn Bhd

### Emas Utilities Corporation Sdn Bhd

### Grupo Concesionario del Oeste S. A.

### Lebuhraya Kajang-Seremban Sdn Bhd

### Trichy Tollway Private Limited o

### Vijayawada Tollway Private Limited !



## APRIL '08

### **17-20 Lawatan Pasukan IJM India ke Ibu Pejabat IJM @ Wisma IJM**

Sebagai mengiktiraf sumbangan oleh pasukan IJM India kami, IJM telah menjadi tuan rumah kepada 15 orang kakitangan IJM India dalam lawatan 4-hari ke Malaysia, bertemu dengan pengurusan dan kakitangan tempatan. Pasukan itu juga telah menerima Anugerah Kualiti bagi projek Shantiniketan Berprestij mereka di Bangalore.



## MEI '08



### **1 Sekolah Humana Pertama @ Estet Perladang, Sabah**

Sekolah Humana pertama IJM Plantations Berhad di Ladang Desa Talisai Selatan mula beroperasi dengan 3 orang guru berpengalaman yang dilatih oleh Borneo Child Aid. Sekolah tersebut menyediakan pendidikan asas kepada anak-anak pekerja Indonesia di ladang tersebut.

## DIARI KORPORAT 08-09

### **19 Makan Malam Tahunan IJM 2008 @ Pusat Konvensyen Grand Pyramid, Sunway**

YM Tengku Tan Sri Dato' Seri Ahmad Rithauddeen bin Tengku Ismail adalah tetamu kehormat pada makan malam tahunan IJM. Lebih 2,000 kakitangan telah diraikan dengan makanan yang lazat, muzik yang menceriakan, penyampaian anugerah dan persembahan istimewa oleh pelawak Phua Chu Kang. Kakitangan daripada beberapa bahagian juga bersaing dalam Pertandingan Prestasi Terbaik yang dimenangi oleh Bahagian Perladangan.



### **24-25 Pengesanan & Pencegahan Awal Menyelamatkan Nyawa @ Wisma IJM**

Program saringan kesihatan telah dilaksanakan oleh Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan untuk menggalakkan kehidupan sihat dan telah dihadiri oleh 142 kakitangan. Khidmat perundingan pelaksanaan

ujian kesihatan meliputi tekanan darah, analisis air kencing dan glukosa darah rawak serta memberi ceramah mengenai penyakit buah pinggang.

### **9-11 Pameran Kerjaya dan Pendidikan (MYCareer & Education Fair) 2008 @ Pusat Pameran Mid Valley**

IJM mengambil bahagian dalam pameran kerjaya dan pendidikan yang menarik 50,000 pengunjung, 10,000 pekerjaan, 100 majikan dan 50 institusi pengajian. Pameran tersebut telah dirasmikan oleh YB Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi.



### **24-29 Hari Pelabur Syarikat-syarikat Baru Muncul UBS Pan Asia @ New York dan London**

IJM turut serta dalam persembahan dalam kunjungan bukan urus niaga di New York dan London, dimana mereka membentangkan kepada ramai pengurus dana.

## MEI '08

### 12 Pameran Kunjungan Bukan Urus Niaga UBS @ Sydney

IJM bertemu dengan pelabur-pelabur institusi dalam beberapa mesyuarat satu dengan satu.

### 15-16 IJM Toastmasters Club Speechcraft @ Wisma IJM

Sesi selama 2-hari dianjurkan untuk meningkatkan kemahiran pidato umum kakitangan. 24 peserta telah mengikuti teknik-teknik dipertingkatkan untuk menyampaikan ucapan dengan yakin dan berkesan.



## DIARI KORPORAT 08-09

### 27 Anugerah Kecemerlangan Industri MITI 2007 @ Kuala Lumpur

IJM telah dianugerahkan dengan Anugerah Kecemerlangan Industri MITI 2007 atas Kecemerlangan Eksport (Perkhidmatan) oleh YB Tan Sri Muhyiddin Yassin pada majlis Anugerah Kecemerlangan Industri Ke-17 yang diadakan di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur.



### 27 Kempen Derma untuk Chew Cai Ying

Satu kempen derma telah dimulakan bagi mengutip dana untuk anak perempuan seorang kakitangan yang berusia 8 tahun, Chew Cai Ying yang menghidap penyakit Fanconi Anaemia, sejenis penyakit darah yang memerlukan Pemindahan Sel Stem Hematopoiesis yang menelan kos lebih

kurang RM160,000. Kakitangan IJM dan Kelab Sukan IJM ("KSIJM") telah berjaya mengumpul RM187,283 untuk Cai Ying.

### 30 Pelantikan Baru dalam Pengurusan Atasan

IJM telah mengumumkan perubahan dalam pengurusan atasan dengan pelantikan terbaru En. Teh Kean Ming sebagai Timbalan CEO & Timbalan Pengarah Urusan IJM Corporation Berhad, Dato' Soam Heng Choon sebagai Ketua kumpulan harta tanah, IJM Land Berhad dan En. Joseph Tek sebagai Pengarah Eksekutif IJM Plantations Berhad.

## JUN '08

### 3-4 Bicara Kewangan @ Wisma IJM

Bicara kewangan telah dianjurkan untuk kakitangan: Kesejahteraan Kewangan ('Financial Health'), telah dibentangkan oleh Perancang Kewangan AIA diperakui, En. Edmund Tai dan 'SOCSCO: Skim dan Manfaatnya', dibentangkan oleh En. Christappa Samuel, Penolong Pengarah PERKESO.

### 16 Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) @ Holiday Villa Hotel & Suites Subang

Pemegang-pemegang saham telah meluluskan semua resolusi berhubung dengan cadangan perasionalan bahagian harta, cadangan bayaran balik modal, cadangan dividen pengecualian cukai in-spesie dan cadangan tawaran kepada kakitangan yang layak.



### 21-22 Sukan IJM @ Sandakan, Sabah

IJM Plantations Berhad telah menganjurkan sukan dwitahunan antara bahagian terdiri daripada sukan tertutup dan sukan luaran dan perlawanan bagi lebih kurang 350 kakitangan sebagai sebahagian daripada usaha Kumpulan untuk menggalakkan gaya hidup sihat. Juara keseluruhan dirangkul oleh Bahagian Perladangan. Peserta-peserta juga telah dibawa untuk melawat seluruh pelosok bandar, orang utan dan estet-estet perladangan.

### 23 Pengaktifan Loji Pengelompokan Ke-5 @ Johor

Bahagian Industri Strong Mixed Concrete Sdn Bhd telah mengaktifkan loji pengelompokan Malaysia kelima di Kuari Ulu Choh Malaysian Rock Products Sdn Bhd di Johor.



## JULAI '08

### 9 Anugerah Kecemerlangan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negara 2007

IJM Construction Sdn Bhd telah memenangi anugerah pingat emas bagi Anugerah Kecemerlangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2007 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Anugerah telah disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YB Datuk Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak.



### 16 Jubli Perak IJM

Hari ini menandakan ulang tahun ke-25 Kumpulan sejak penubuhannya sebagai Solidstate Sdn Bhd pada 1983 dan kemudian penggabungan tiga syarikat pembinaan tempatan terkemuka: IGB Construction Sdn Bhd, Jurutama Sdn Bhd dan Mudajaya Construction Sdn Bhd untuk membentuk IJM.



### 17-18 Dialog Pengurusan Kanan @ Genting Highlands, Pahang

Lembaga Pengarah, pengurusan kanan dan pengurus projek telah menghadiri dialog tahunan dan merayakan Jubli Peraknya di Pusat Konvensyen Antarabangsa Genting.



### 25 Forum StarBiz-ICR @ Menara Star, Petaling Jaya

CEO & Pengarah Urusan kami, Dato' Krishnan Tan telah menyertai kumpulan barisan panel dalam forum Tanggungjawab Korporat StarBiz-Institute ("ICR") Malaysia mengenai 'Memasukkan Tanggungjawab Korporat dalam Agenda CEO di mana beliau menekankan perihal pentingnya peranan seseorang CEO dalam menanam Tanggungjawab Korporat dalam strategi syarikat dan operasi harian.

## OGOS '08



### 6 Audit dan Taklimat Ringkas Penggredan FFB @ Sabah

Audit dan taklimat ringkas penggredan tandan buah segar kelapa sawit ("FFB") telah dijalankan oleh jabatan R&D IJM Plantations Berhad di semua kilang minyak sawitnya.

### 8 Pembukaan Kilang Cerucuk Baru @ Senai, Johor

Lembaga Industrial Concrete Products Berhad ("ICP") telah membuka secara rasmi kilang cerucuk konkrit berpintal pratengangnya yang kesembilan di Senai, Johor.



## OGOS '08

### **11 Majlis Bersama Pemegang Biasiswa dan Penyampaian Anugerah Biasiswa IJM 2008 @ Holiday Villa Hotel & Suites Subang**

Seramai 29 pemegang biasiswa IJM bertemu dengan mentor-mentor mereka dalam program bimbingan (tahun ketiga) di mana pemegang biasiswa IJM dibimbing daripada pengajian tinggi sehingga masa mereka menyertai Kumpulan. Ini diikuti dengan Majlis Penyampaian Anugerah Biasiswa IJM 2008 Ke-14 oleh YB Datuk Dr S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia. Seramai 20 pelajar yang kurang berkemampuan telah menerima biasiswa tahun ini.



### **22 Pembukaan Lebuh Raya Kajang Seremban ("LEKAS") @ Plaza Tol Kajang Selatan**

Pakej 1 lebuh raya ke Pajam/Nilai telah dibuka secara rasmi oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato' Ir. Mohd Zin Mohamed, disaksikan oleh Y.A.M. Tunku Laksamana Negeri Sembilan Tunku Naquiyuddin Ibni Tunku Ja'afar dan Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, YB Dato' Ir. Hj Mohamad Razali bin Othman.

## DIARI KORPORAT 08-09

### **13-14 Bengkel Bina Semangat @ Ulu Langat, Selangor**

Seramai 29 kakitangan daripada beberapa bahagian telah menghadiri bengkel bina semangat yang bermalam selama 2 hari di kaki bukit Ulu Langat. Kursus tersebut meliputi perkara-perkara subjek seperti gaya kepimpinan, komunikasi, pasukan kerja, menangani masalah dan perancangan strategik, antaranya.



### **24 Pameran Makanan & Pesta Ria NASAM @ Petaling Jaya**

IJM mengambil bahagian buat kali pertama dalam Pameran Makanan & Pesta Ria Persatuan Strok Kebangsaan Malaysia ("NASAM") dengan mengendalikan gerai ais-kacang. Semua penaja korporat bersama-sama membantu mengumpulkan perolehan bersih sebanyak RM180,000.



### **19 Perlumbaan Edge-Bursa Malaysia Kuala Lumpur Rat Race 2008 (Edisi Ke-9)**

Seramai 7 kakitangan telah menyertai 830 orang daripada 140 syarikat dalam perlumbaan tahun ini. CEO dan eksekutif dengan memakai sut bergaya dan pakaian kerja mereka bersesak-sesak-sesak memenuhi jalan-jalan bandar semasa waktu puncak sebelah petang dan berjaya mengumpul sejumlah RM1.75 juta untuk pertubuhan-pertubuhan amal. IJM juga mengambil bahagian dalam pertandingan Kumpulan Sorak dan muncul sebagai Juara keseluruhan.



### **26 Mesyuarat Agung Tahunan IJM @ Holiday Villa Hotel & Suites Subang**

IJM telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya ("AGM") ke-24 di Holiday Villa Hotel & Suites Subang dan pemegang-pemegang saham telah meluluskan resolusi untuk menerima penyata kewangan teraudit FY 2008, dan pelantikan semula para pengarah dan juruaudit, antara lainnya.

## SEPTEMBER '08

### 5 Notis Tawaran Am Sukarela ke atas ICP

IJM menyampaikan Notis Tawaran Am Sukarela ke atas anak syarikat milik 63.44%-nya, ICP, untuk mengambil alih saham-saham biasa selebihnya dalam ICP yang belum lagi dimiliki oleh IJM. Rasional tawaran tersebut adalah untuk menjadikan ICP anak syarikat milik penuh berdasarkan manfaat yang sinergi dan prospek masa hadapan yang positif.



### 11 IJM Land @ Holiday Villa Hotel & Suites Subang

lJM Land Berhad telah mendedahkan identiti dan logo korporat yang terbarunya, menandakan penyelesaian langkah perasionalan harta dan muncul sebagai pengusaha

utama dalam pasaran harta tanah Malaysia. Ia telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Ong Ka Chuan, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.



### 18 Kempen Keselamatan Bersama Lebuh Raya Besraya & LEKAS

Sejajar dengan musim balik kampung beramai-ramai sempena Hari Raya Aidilfitri, Lebuh Raya Besraya dan LEKAS secara bersama telah melancarkan kempen keselamatan jalan raya yang dirasmikan oleh YDH Dato' Hj. Hamza bin Taib, Bukit Aman Ketua Polis Trafik dan disaksikan oleh YB Dato' Ir. Hj Mohamad Razali bin Othman, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia.

### 19 Majlis Berbuka Puasa @ Wisma IJM

Dengan semangat kemeriah dan perpaduan, lebih daripada 100 kakitangan telah menghadiri Majlis Berbuka Puasa yang dianjurkan oleh KSIJM.

## OKTOBER '08

### 14 Kempen Derma Darah @ Wisma IJM

Dengan kerjasama Pusat Perubatan Universiti Malaya, satu kempen derma darah telah dianjurkan di Wisma IJM.



### 16 & 30

#### Ceramah Kesihatan @ Wisma IJM



Satu siri ceramah kesihatan dibentangkan oleh pakar perubatan berkelayakan telah dianjurkan meliputi 'Penyakit Kardiovaskular, Kanser & Kesihatan Semula Jadi dan 'Makan Sayuran untuk menentang Penyakit Kronik, Hidup Lebih Lama & Lebih Sihat' bagi mewujudkan kesedaran mengenai penyakit dan menggalakkan kehidupan yang sihat.

### 21-22 Jualan Kad Touch 'n Go @ Wisma IJM

Dalam usaha menyokong Bahagian Tol, sejumlah 659 keping kad 'Touch 'n Go' direka khusus yang mempromosikan 3 lebuh raya Kumpulan (Besraya, NPE dan LEKAS) telah dijual kepada kakitangan.



## NOVEMBER '08

### 1 Pengaktifan Loji Siap Campur Ke-2 @ Pakistan

IJM Concrete Products Pakistan Pvt Ltd daripada Bahagian Industri telah mengaktifkan loji siap campur keduanya di Karachi, Pakistan.

### 3 Deepa Raya @ Wisma IJM

Lebih 400 kakitangan, 17 penerima Anugerah Kecemerlangan Akademik dan ibu bapa mereka telah menghadiri sambutan perayaan Deepavali dan Hari Raya, menikmati masakan Melayu dan India sambil dihiburkan dengan tarian tradisional Melayu dan India termasuk tarian 'Merak' yang mengasyikkan.



## DIARI KORPORAT 08-09

### 4 Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) @ Holiday Villa Hotel & Suites Subang

Pemegang-pemegang saham memberikan kelulusan mereka bagi tawaran sukarela bersyarat untuk mengambil alih kesemua saham selebihnya dalam ICP dan cadangan perubahan kepada harga tawaran di bawah cadangan tawaran waran IJM Land Berhad kepada kakitangan yang layak.



### 9 Pesta Warna-warni Kehidupan @ Seremban 2

IJM Land Berhad telah menganjurkan pesta bertemakan 'Warna-warni Kehidupan' dan ceramah amal yang telah mengutip RM10,000 untuk Majlis Kanser Nasional.



### 19 Anugerah Laporan Korporat Tahunan Negara ("NACRA") 2008

Buat lima tahun berturut-turut, IJM telah mengekalkan Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA dalam kategori Pembinaan dan Infrastruktur pada majlis Penyampaian NACRA 2008 yang diadakan di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur..

## DISEMBER '08

### 10 Penyahsenaraian ICP

ICP telah dikeluarkan daripada Senarai Rasmi Bursa Securities berikutan pengambilalihan sebahagian IJM sebanyak 34.65% dalam ICP.

### 18 Perayaan Krismas @ Wisma IJM

Inilah musim untuk bersuka ria. Warga IJM berhimpun untuk merayakan musim Krismas.



### 31 Pembukaan Seksyen Pajam-Mantin @ Lebuh Raya LEKAS

Pakaj 2A dari Pajam ke Mantin telah dibuka secara rasmi kepada orang awam oleh Puan Zahratul 'Ula binti Mohd Ibrahim, Pengarah Kawasan Tengah, Lembaga Lebuhraya Malaysia yang juga menyampaikan hamper kepada beberapa pemandu bertuah.



## JANUARI '09

### 9 Penanaman Pertama @ Kalimantan, Indonesia

IJM Plantations Berhad diketuai oleh CEO dan Pengarah Urusannya, En. Velayuthan Tan melakukan penanaman pertamanya di Kalimantan Timur, Indonesia.



### 13 Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia ("MCIEA") 2008

CEO & Pengarah Urusan kami, Dato' Krishnan Tan telah diberikan anugerah 'Prominent Player Award' oleh YB Dato' Ir. Mohd Zin Mohamed, Menteri Kerja Raya pada Majlis MCIEA 2008 yang dihoskan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan ("CIDB") di Pusat Konvensyen CIDB di Kuala Lumpur. IJM juga telah menerima anugerah Amalan Terbaik Alam Sekitar - Anugerah Pengumuman Khas.



### 13 Ceramah Pencegahan Jenayah @ Wisma IJM

Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia telah menyampaikan satu ceramah kepada kakitangan mengenai pelbagai langkah keselamatan, perlindungan dan pencegahan jenayah dalam kehidupan sehari-hari. Selain daripada itu, sesi mempertahankan diri telah ditunjukkan oleh Persatuan Yoshinkan Aikido Malaysia.



### 15 ICP Menjadi Anak Syarikat Milik Penuh IJM

IJM telah menyelesaikan pengambilalihan saham-saham selebihnya dalam ICP yang menjadikan ICP anak syarikat milik penuhnya.

### 17 Rakan Membasmi Kemiskinan @ Pulau Pinang

IJM memberi sokongan kepada Program 'Rakan Membasmi Kemiskinan' di Pulau Pinang.

### 19-20 Persembahan Kunjungan Bukan Urus Niaga Credit Suisse @ Singapura

IJM telah mengambil bahagian dalam mesyuarat satu dengan satu dan kumpulan kecil dengan pelabur-pelabur selama dua hari.

### 22 Kempen Keselamatan Jalan Raya @ Kawasan Rehat & Rawat Beranang, Selangor

Untuk menggalakkan pemanduan selamat semasa musim perayaan Tahun Baru Cina dan pemasangan tali pinggang belakang, Bahagian Tol telah menganjurkan kempen keselamatan jalan raya di Kawasan Rehat & Rawat Beranang, dirasmikan oleh Ketua Polis Selangor, YDH DCP Dato' Khalid bin Abu Bakar.



## FEBRUARI '09

### 5 IJM menderma RM100,000 kepada Mangsa Gaza @ Pusat Konvensyen CIDB

IJM telah mendermakan RM100,000 kepada Tabung Kemanusiaan untuk Rakyat Palestin yang dianjurkan oleh Kementerian Kerja Raya Malaysia.



### 13 & 24 Penutupan Dua Plaza Tol @ Lebuh Raya Pantai Baru dan Lebuh Raya Besraya

Menteri Kerja Raya, YB Dato' Ir. Mohd Zin Mohamed telah mengumumkan penutupan plaza tol PJS 2 (Sempadan KL), Lebuh Raya Pantai Baru yang memberi manfaat kepada penduduk berhampiran Taman Medan dan Kampung Dato' Harun. 11 hari kemudian, plaza tol Salak Jaya Besraya telah ditutup memberi manfaat kepada lebih kurang 50,000 penduduk Sungai Besi, Kampung Malaysia, Kuchai Lama dan Taman Salak Selatan.

## DIARI KORPORAT 08-09

### 6 Majlis Bersama Pemegang Biasiswa-Mentor & Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina @ Wisma IJM

Satu lagi majlis perjumpaan Pemegang Biasiswa-Mentor IJM telah dianjurkan di mana pemegang biasiswa telah menyuarakan keimbangan mereka berhubung dengan pengajian, program biasiswa dan haluan kerjaya bersama IJM, diikuti dengan jamuan makan malam mewah Tahun Baru Cina dan pertunjukan tarian singa dengan kakitangan IJM di Wisma IJM.



### 11 Sukan Futsal & Badminton @ Petaling Jaya

KSIJM telah melancarkan kegiatan sukan 2009 dengan sukan futsal mingguan dan Kejuaraan Badminton Tertutup yang menarik penyertaan besar dan sokongan daripada kakitangan IJM.



### 27 KSIJM Idol 2009 @ Holiday Villa Hotel & Suites Subang

Seramai 13 kakitangan mengambil bahagian dalam pertandingan karaoke KSIJM Idol di mana peserta memperkenalkan bakat suara mereka dan menghiburkan para penonton. Juara KSIJM Idol adalah Nurhudayah binti Abdul Aziz yang memukau hadirin dengan lagu 'Menghitung Hari' daripada Kris Dayanti dan 'My Heart Will Go On' daripada Celine Dion.



### 28 Gotong-Royong @ Wisma IJM

Kakitangan IJM bekerja sama untuk mengindahkan kawasan Wisma IJM sebagai sebahagian daripada usaha Kumpulan untuk menjadikan bumi lebih hijau. Sukarelawan yang penuh bersemangat dilengkapi dengan peralatan berkebun dari rumah, menanam sayuran-sayuran dan mengecat pasu-pasu indah.



## MAC '09

### 7 Menteri Pengangkutan Melawat Pelabuhan Kuantan @ Pahang

Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ong Tee Keat telah mengadakan lawatan ke Pelabuhan Kuantan, menemui pegawai-pegawai kanan dan melawat kawasan operasi pelabuhan.



### 13 Lawatan Pengurusan Bursa Malaysia Ke IJM @ Wisma IJM

Pengurusan kanan Bursa Malaysia diketuai oleh CEO, Dato' Yusli bin Mohamed Yusoff, mengadakan kunjungan hormat ke IJM dan bertegur sapa dengan pengurusan kanan untuk meningkatkan pemahaman lebih baik dalam perniagaan dan operasi Kumpulan.



### 14-15 Program Melihat Burung Pemangsa & Perlumbaan Rumah Api @ Tanjung Tuan, Melaka

IJM telah menaja Perlumbaan Rumah Api yang diadakan selaras dengan Program Melihat Burung Pemangsa Persatuan Pencinta Alam Malaysia Tahunan Ke-10 untuk menyambut kepulangan burung hijrah/ burung pemangsa semasa perjalanan pulang mereka ke habitat asal mereka di hemisfera utara dan mewujudkan kesedaran awam mengenai pemuliharaan burung pemangsa dan habitat mereka.



### 26-27 Persidangan Pelaburan Asia Credit Suisse @ Hong Kong

IJM telah membuat pembentangan kepada ramai pengurus dana bagi memenuhi jadual padat selama 2 hari dalam mesyuarat satu dengan satu dan kumpulan kecil di Island Shangri-La Hotel.

### 28 Padam Lampu Sejam (Earth Hour)

IJM menyokong inisiatif 'padam lampu sejam' seluruh dunia (Earth Hour) dengan menutup semua lampu luaran dan lampu tidak penting antara jam 8.30 malam hingga 9.30 malam di semua pejabatnya di Malaysia dan di luar negeri, dan juga menggalakkan kakitangan melaksanakan perkara yang sama di rumah, untuk menunjukkan sokongan bagi menangani perubahan iklim.



Pejabat Komersil Pembangunan PJ8 di Petaling Jaya, Selangor

# Organisasi & Pengemudian



**22**

Carta Organisasi  
Kumpulan

**24**

Lembaga  
Pengarah &  
Setiausaha

**26**

Profil Para  
Pengarah

**34**

Profil Pengurusan  
Kanan

# CARTA ORGANISASI KUMPULAN

Jawatankuasa  
Eksekutif

Jawatankuasa  
Audit

Jawatankuasa  
Pengurusan Risiko  
Cyrus Eruch Daruwalla

Audit  
Dalaman  
Lyndon Alfred Felix

Jawatankuasa  
Pelantikan &  
Imbuhan

Jawatankuasa  
Sekuriti &  
Opsyen

Setiausaha  
Syarikat  
Jeremie Ting Keng Fui



Soo Heng Chin



Cyrus Eruch Daruwalla



James Ponniah Joseph



Jeremie Ting Keng Fui

Perkhidmatan  
Sokongan  
Kumpulan



Ng Yoke Kian



Pang Mok Shyan



S. Ramesh a/l  
V. Subramaniam

# LEMBAGA PENGARAH

**Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan &  
Pengarah Urusan Kumpulan**  
**Dato' Krishnan Tan**

**Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan &  
Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan**  
**Teh Kean Ming**

## BAHAGIAN

## PERKHIDMATAN SOKONGAN KUMPULAN

Pembinaan Dato' Goh Chye Koon Tan Gim Foo	Pembinaan Dato' Soam Heng Choon	Industri Khor Kiem Teoh
Perlادangan Velayuthan Tan	Infrastruktur	
Usaha Niaga Antarabangsa	Tol Neoh Soon Hiong	Pelabuhan Wong Soon Fah
Argentina Adam Eleod	India Teh Kean Ming	Pakistan Pook Fong Fee

Akaun & Kewangan Cyrus Eruch Daruwalla (CFO) Lee Chun Fai (Deputy CFO)	Perundangan James Ponniah Joseph	Perkhidmatan Korporat & Pentadbiran Jeremie Ting Keng Fui
Pembangunan Perniagaan & Usaha Niaga Baru Mohd Kamal bin Harun	Kualiti, Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar Soo Heng Chin	Perkhidmatan Korporat Ng Yoke Kian
Sumber Manusia Pang Mok Shyan	Sistem Kualiti S. Ramesh a/l V. Subramaniam	Pentadbiran Lynda Wong
Hubungan Pelabur Shane Guha Thakurta	Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar Ahmad Nazmi bin Mohamed Ali	Sistem Maklumat Wong Hong Fay




Lee Chun Fai      Mohd Kamal bin Harun      Ahmad Nazmi bin Mohamed Ali      Lyndon Alfred Felix



Wong Hong Fay      Lynda Wong      Shane Guha Thakurta      Sheela Kasivisvanathan



Teh Kean Ming      Pook Fong Fee



Tan Peng Kok      Adam Eleod      Tan Joo Kee

**Usaha Niaga  
Antarabangsa**

## LEMBAGA PENGARAH & SETIAUSAHA

*kiri ke kanan:*

Y. Bhg. Dato' (Dr) Megat Abdul Rahman Bin Megat Ahmad, Y. Bhg. Datuk Lee Teck Yuen, Tan Gim Foo,  
Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng, Y. Bhg. Datuk Hj Hasni Bin Harun, Y. Bhg. Tan Sri Abdul Halim Bin Ali,  
Teh Kean Ming, Y. Bhg. Dato' Goh Chye Koon, Y. Bhg. Dato' David Frederick Wilson,  
Y. Bhg. Datuk Yahya Bin Ya'acob, Soo Heng Chin dan Jeremie Ting Keng Fui, *Setiausaha*



Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. (Dr)  
Wan Abdul Rahman Bin Wan Yaacob



Y. Bhg. Dato' Tan Boon Seng  
@ Krishnan

*kirik ke kanan*

Y. BHG. TAN SRI DATO' IR. (DR)  
WAN ABDUL RAHMAN BIN WAN YAACOB  
Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas

Y. BHG. DATO' TAN BOON SENG @ KRISHNAN  
Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan



## PROFIL PARA PENGARAH

### Y. BHG. TAN SRI DATO' IR. (DR) WAN ABDUL RAHMAN BIN WAN YAACOB

PSM, SPMT, DPMT, JSM, AMN

D.Eng.(h.c.) B'ham, FASc, FIEM, FICE, FIHT, FCIOB, P.Eng., C.Eng.

PENGERUSI BUKAN EKSEKUTIF BEBAS

- Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan
- Jawatankuasa Audit

**Y. Bhg. Tan Sri Dato' Wan Abdul Rahman**, dilahirkan pada Jun 1941, menyertai Lembaga pada 1 Julai 1996. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi IJM pada 28 Februari 2003.

Beliau memperoleh Diploma dalam Kejuruteraan Awam dari Maktab Teknik, Kuala Lumpur pada 1963, Diploma dalam Kejuruteraan Awam & Struktur dari Brighton College of Technology, United Kingdom pada tahun 1965, dan menghadiri Advanced Management Programme di Harvard Business School, Boston, Massachusetts, USA pada 1993. Beliau telah dianugerahkan ijazah Doktor Kehormat Kejuruteraan oleh University of Birmingham, United Kingdom pada 1993. Beliau telah berkhidmat dengan Kementerian Kerja Raya selama 32 tahun, dengan enam (6) tahun terakhir perkhidmatannya sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya sebelum persaraan beliau pada tahun 1996.

Beliau pada masa ini adalah ahli Majlis The Road Engineering Association of Asia & Australia (REAAA), Bekas Presiden Institusi Lebuh Raya dan Pengangkutan (Cawangan Malaysia) dan Persatuan Kejuruteraan Jalan Raya Malaysia (REAM). Pada masa ini beliau merupakan Naib Presiden Persatuan Tenis Kuala Lumpur dan Persatuan Kriket Melayu.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad (Pengerusi), Lysaght Galvanized Steel Berhad (Pengerusi), Bank of America Malaysia Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, NCB Holdings Berhad, Saujana Consolidated Berhad, MMC Corporation Berhad, Northport (Malaysia) Berhad (Pengerusi), Yayasan Proton dan Yayasan Telekom.

### Y. BHG. DATO' TAN BOON SENG @ KRISHNAN

SMS, DSPN

B.Econs(Hons), CPA(M), CA, MBA

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF & PENGARAH URUSAN

- Jawatankuasa Eksekutif

**Y. Bhg. Dato' Tan**, dilahirkan pada Disember 1952, menyertai IJM sebagai Pengawal Kewangan pada 1983 dan menyertai Lembaga sebagai Pengarah Silih Ganti pada 12 Jun 1984, Pengarah pada 10 April 1990 dan Timbalan Pengarah Urusan pada 1 November 1993. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan pada 1 Januari 1997. Beliau telah dilantik semula sebagai Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan pada 26 Februari 2004.

Beliau layak sebagai Akauntan Awam Diperakui pada 1978 selepas tamat pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1975, dan memegang ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Golden Gate University, San Francisco, USA. Sebelum menyertai IJM, beliau bersama dengan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad selama tujuh (7) tahun, jawatan akhir beliau adalah Pengawal Kewangan Kumpulan. Beliau adalah penerima Anugerah Pengusaha Terunggul 2008 oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk IJM Plantations Berhad, Industrial Concrete Products Berhad, IJM Land Berhad (Pengerusi), Malaysian South-South Corporation Berhad dan Group Concesionario del Oeste S.A., Argentina. Beliau juga adalah Presiden COBRA (Combined Old Boys Rugby Association) sejak 1995, dan Pemegang Amanah Yayasan Kepimpinan Perdana sejak 2003.

# PROFIL PARA PENGARAH (samb.)



## TEH KEAN MING

PKT

B.E (Civil), P.Eng., MIEM

TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF &  
TIMBALAN PENGARAH URUSAN

- Jawatankuasa Eksekutif
- Jawatankuasa Sekuriti & Opsyen

## Y. BHG. DATO' GOH CHYE KOON

KMN, DSPN, JMN

B.Eng.(Civil)(Hons), MIEM, P.Eng.

PENGARAH EKSEKUTIF

**En Teh**, dilahirkan pada April 1955, telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan pada 1 Julai 2008. Beliau adalah Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Keat dari 1 September 2005 hingga 16 Ogos 2006 dan Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon dari 16 Ogos 2006 hingga 30 Jun 2008.

Beliau tamat pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari University of New South Wales, Australia pada 1981.

Beliau adalah Jurutera Residen Sivil & Struktur Projek Dayabumi Fasa 3 (1981-1983) dan Menara Maybank (1983-1987) dan Jurutera Kawasan Antah Biwater J.V. Sdn Bhd (1987-1989) sebelum menyertai IJM Construction Sdn Bhd sebagai Pengurus Projek (1989-1993), Pengurus Kanan (Projek) (1994-1997) dan Pengarah Projek (1998-2001). Beliau adalah Pengurus Besar Kumpulan IJM Corporation Berhad dari 1 April 2001 hingga 31 Disember 2004. Beliau juga adalah Ketua Bahagian Harta IJM dari 2001 hingga 2008 dan Pengarah Urusan IJM Properties Sdn Bhd dari 1 Januari 2005 hingga 10 Jun 2009.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat awam lain termasuk Metech Group Berhad, IJM Land Berhad, IJM Plantations Berhad, Industrial Concrete Products Berhad, ERMS Berhad dan Road Builder (M) Holdings Bhd.

## Y. Bhg. Dato' Goh, dilahirkan pada Jun 1949, adalah pengarah Bukan Eksekutif sejak 30 Jun 2009.

Beliau tamat pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1973, dan berkhidmat sebagai jurutera dalam Kementerian Kerja Raya selama (11) tahun dan merupakan Jurutera Pengawasan sebelum menyertai IJM sebagai Jurutera Kanan pada 1984. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar (Kawasan Tengah) pada 1986 dan telah dilantik Pengarah Silih Ganti pada 25 Julai 1995 sebelum memegang jawatan Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan pada 1 Januari 1997. Beliau telah dilantik semula Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan pada 2004, dan selepas persaraan beliau, beliau kekal sebagai Pengarah Eksekutif selama setahun sehingga 29 Jun 2009 untuk menyelia kegiatan pembinaan luar negeri.

Beliau pada masa ini adalah ahli Panel Perunding Pembinaan bagi Perbadanan Syarikat Produktiviti Malaysia (dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Produktiviti Negara) ("MPC") dan juga ahli Kumpulan Sumber Teknikal mengenai Sumber Manusia MPC. Beliau adalah Pengurus Majlis Presiden Industri Pembinaan (Jun 2007 hingga Jun 2008) dan Presiden Persatuan Jurubina Induk Malaysia bagi sesi 2004/2006, dan telah berkhidmat sebagai Timbalan Presiden, Naib Presiden dan Timbalan Ketua Setiausaha. Beliau juga adalah ahli Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan, Malaysia (2004-2006) dan Majlis Perunding Presiden Lembaga Jurutera, Malaysia (2002-2004).

Beliau juga adalah Pengarah Kumpulan Europlus Berhad.

**En Soo**, dilahirkan pada Januari 1955, telah dilantik sebagai Pengarah Silih Ganti pada 12 Jun 1998 dan kemudiannya sebagai Pengarah Eksekutif Kumpulan pada 17 Mei 2001. Jawatan beliau telah dinamakan semula sebagai Pengurus Besar Kanan & Pengarah Eksekutif berkuat kuasa dari 26 Februari 2004. Beliau mengetuai Perkhidmatan Pembinaan di Ibu Pejabat menyelia bahagian Tender & Kontrak, Pemerolehan & Stor, Loji & Bengkel, Pengawasan Projek, jabatan-jabatan Perkhidmatan Kejuruteraan dan Kualiti, Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1978, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Golden Gate University, San Francisco, USA. Sebelum menyertai IJM pada 1979 sebagai jurutera di Mudajaya Construction Sdn Bhd, beliau merupakan jurutera dengan Jabatan Saliran dan Pengairan, Pahang.



**SOO HENG CHIN**

B.Eng.(Civil)(Hons), MIEM, MBA

**PENGURUS BESAR KANAN & PENGARAH EKSEKUTIF**

- Jawatankuasa Eksekutif
- Jawatankuasa Sekuriti & Opsyen

**Y. Bhg. Datuk Yahya**, dilahirkan pada Januari 1944, telah dilantik sebagai Pengarah pada 31 Mac 1999.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dan Diploma dalam Pentadbiran dari Universiti Malaya masing-masing pada 1967 dan 1970, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan dari Asian Institute of Management pada 1976.

Beliau telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik Malaysia selama lebih daripada 32 tahun, setelah berkhidmat selama lima (5) tahun yang terakhir sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya sebelum beliau bersara pada tahun 1999. Jawatan-jawatan lain beliau termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan (1991-1994), Setiausaha Bahagian Kontrak, Kementerian Kewangan (1988-1991), Timbalan Pengarah Unit Pelaksanaan & Penyelaras, Jabatan Perdana Menteri (1986-1988), dan Timbalan Setiausaha Bahagian Kewangan, Kementerian Kewangan (1976-1986).

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Emas Kiara Industries Berhad, LBI Capital Berhad, UDA Holdings Berhad, Pelaburan Johor Berhad dan Damansara Realty Berhad.



**Y. BHG. DATUK YAHYA BIN YA'ACOB**

PJN, DIMP, JSM, KMN, SMP, PBS

B.A. (Hons), D.P.A. (Malaya), M.B.M. (Philippines)

**PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS KANAN**

- Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan
- Jawatankuasa Audit
- Jawatankuasa Sekuriti & Opsyen

# PROFIL PARA PENGARAH

(samb.)



## **Y. BHG. TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI**

PMN, PJN, SPMS, SIMP, DGSM, DHMS, DSDK, JSM, KMN

BA (Hons), University of Malaya

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS

- Jawatankuasa Audit

## **Y. BHG. DATUK OH CHONG PENG**

PJN, JSM

FCA

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS

- Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan
- Jawatankuasa Audit

**Y. Bhg. Tan Sri Abdul Halim,** dilahirkan pada Julai 1943, telah dilantik sebagai Pengarah pada 25 April 2007.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1966. Beliau menyertai Kementerian Luar Negeri dan berkhidmat dalam Perkhidmatan Diplomatik Malaysia dari tahun 1966 sehingga 1996. Dalam tempoh ini, berliau berkhidmat dalam beberapa misi diplomatik luar negeri, termasuk pelantikan kedutaan di Vietnam dan Austria. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha kepada Kerajaan Malaysia pada tahun 1998 dan bersara pada 2001. Selepas persaraan beliau, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sehingga Januari 2007.

Jawatan pengarah beliau dalam lain-lain syarikat awam termasuk Malaysia Building Society Berhad (Pengerusi), Malakoff Corporation Berhad (Pengerusi), Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti (Pengerusi), ESSO Malaysia Berhad dan LCL Corporation Berhad.

**Y. Bhg. Datuk Oh,** dilahirkan pada Julai 1944, telah dilantik sebagai Pengarah pada 12 April 2002.

Beliau mengikuti latihan perakaunan beliau di London dan adalah layak sebagai Akauntan Bertauliah pada 1969 dan merupakan Ahli Fellow Institute of Chartered Accountants of England and Wales. Beliau juga adalah ahli Institut Akauntan Awam Diperakui Malaysia (MICPA) dan Institut Akauntan Malaysia.

Bagi jangka masa panjang, Kumpulan akan terus menumpukan sumber-sumbernya untuk memasuki pasaran serantau, mengembangkan asas pendapatan berulangnya dan mengkaji portfolio aset-asetnya bagi peluang-peluang, sambil meneruskan agenda pertumbuhan dalam negerinya.

#### DIVIDEN & CADANGAN TERBITAN BONUS

Satu dividen interim khas sebanyak 25 sen setiap saham tolak cukai sebanyak 25% telah diisyiharkan oleh Syarikat pada 16 Oktober 2008 dan dibayar pada 25 November 2008. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009, Syarikat telah mengisyiharkan dividen interim kedua sebanyak 5 sen setiap saham tolak cukai 25% yang akan dibayar pada 21 Ogos 2009 kepada pemegang-pemegang saham dalam daftar pada 31 Julai 2009.

Dalam suku kedua tahun kewangan, dividen dikecualikan cukai dalam specie sebanyak 4.99 sen juga telah diisyiharkan dan kemudiannya dibayar pada 15 September 2008 kepada semua pemegang saham IJM selaras dengan penyenaraian dan sebut harga Waran IJM Land.

Pada 26 Mei 2009, Syarikat mencadangkan terbitan bonus 2 saham bagi 5 saham IJM sedia ada yang dimiliki pada tarikh keberhakan yang akan ditentukan kemudiannya, dan tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham.

# PENYATA PENGERUSI

(samb.)

## CADANGAN KORPORAT

FY 2009 menyaksikan penyelesaian langkah-langkah korporat yang berikut:

- (i) Berikutan penggabungan di antara IJM dan Kumpulan Road Builder pada tahun kewangan yang lepas, perasionalan Bahagian Harta Malaysia Kumpulan - sekarang dikenali sebagai IJM Land Berhad - telah selesai dilaksanakan pada 5 September 2008. Pada hari ini IJM Land Berhad adalah salah satu pemaju harta tersenarai yang terbesar dalam negara.
- (ii) IJM juga telah selesai melaksanakan penswastaan Industrial Concrete Products Berhad, yang telah dinyahsenaraikan penyenaraianya daripada Bursa Malaysia pada 10 Disember 2008.
- (iii) Pada 19 Disember 2007, Syarikat telah mengumumkan cadangan pembayaran balik modal sebanyak RM0.50 bagi setiap satu Saham IJM yang sedia ada. Cadangan ini kemudiannya telah ditarik balik pada 16 Oktober 2008 memandangkan syarat kebenaran pemberi pinjaman yang diperlukan tidak diperoleh. Memandangkan hal itu, Syarikat mengisyitiharkan dividen interim khas sebanyak 25 sen setiap saham tolak cukai 25% sebagaimana dinyatakan di atas.

Satu lagi cadangan korporat lain yang masih belum diselesaikan pada 31 Mac 2009 adalah seperti berikut:

- (i) Pada 22 Mei 2008, Syarikat telah mengumumkan bahawa cadangan berhubung dengan tawaran untuk jualan 60,000,000 Waran IJM Land kepada kakitangan yang layak Kumpulan IJM telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti melalui suratnya bertarikh 21 Mei 2008. Cadangan ini telah diluluskan oleh pemegang-pemegang saham pada 16 Jun 2008. Kemudiannya pada 25 September 2008, Syarikat mengumumkan cadangannya untuk mengubah harga tawaran waran tersebut dan ini telah diluluskan oleh pemegang-pemegang saham pada 4 November 2008. Pada 22 April 2009, Syarikat telah mengumumkan bahawa harga tawaran telah ditetapkan pada RM0.302 dan prospektus kemudiannya telah dikeluarkan kepada kakitangan yang layak pada 7 Mei 2009, dengan penerimaan dan bayaran untuk dibuat menjelang 15 Mei 2009. Tawaran ini telah sejak itu ditutup dengan langganan yang diterima untuk penerimaan dan lebihan permohonan masing-masing sebanyak 57,204,050 dan 15,614,317 Waran IJM berbanding 60,000,000 waran yang ditawarkan.

## URUS TADBIR KORPORAT

Komitmen IJM kepada prinsip-prinsip urus tadbir korporat yang baik timbul daripada kepercayaannya bahawa pengendalian perniagaan yang bertanggungjawab adalah contoh yang terbaik untuk secara berkekalan mempertingkatkan nilai pemegang pelbagai kepentingan. Kepercayaan ini dilihat dengan jelas dalam semua urusan perniagaannya meliputi semua peringkat kakitangan dan sentiasa diperakui oleh pemegang-pemegang sahamnya,



Lebuhraya Pantai Baru

dibuktikan melalui komposisi pegangan saham institusi dan asingnya yang sangat besar dan juga daripada sanjungan urus tadbir korporat yang diterima oleh Kumpulan.

Penyata Urus Tadbir Korporat kami boleh didapati pada muka surat 92 hingga 101.

Tidak ada sanksi dan/atau penalti yang dikenakan ke atas Syarikat dan anak-anak syarikatnya, para Pengarah atau pihak pengurusan oleh badan-badan berperaturan berkenaan pada 2008/09.

## URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

Urus niaga pihak berkaitan Kumpulan yang ketara bagi tahun kewangan dinyatakan dalam Nota 51 kepada Penyata Kewangan. Nota ini juga mengemukakan urus niaga berulang yang dijalankan dalam tempoh selaras dengan madat am yang diperoleh daripada pemegang-pemegang saham dalam mesyuarat Agung Luarbiasa yang diadakan pada 26 Ogos 2008.

Melainkan bagi perkara yang dinyatakan dalam Nota 51 kepada Penyata Kewangan, tidak ada kontrak material Kumpulan yang melibatkan kepentingan para Pengarah dan pemegang-pemegang saham utama dalam tempoh berkenaan.

## TANGGUNG JAWAB KORPORAT

Penekanan IJM ke atas Tanggungjawab Korporat (CR) menggambarkan keyakinannya bahawa kejayaan ekonomi mesti diiringi dengan kesan positif yang boleh dikekalkan ke atas masyarakat. Falsafah ini adalah berpandukan Rangka Kerja CSR Kumpulan dan penyata polisi, dan diamalkan dalam seluruh operasinya melalui rangkaian amalan pengurusan mesra alam sekitar dan amalan pengurusan terbaik operasi untuk mencapai manfaat yang boleh dikekalkan bagi semua pemegang saham pelbagai kepentingan.



Perumahan Pekerja di Meliau Estate

Perniagaan pembinaan Kumpulan, menyedari akan kesannya ke atas alam sekitar, telah menyatakan komitmennya kepada kod tatacara yang ditetapkan dalam Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001, manakala unit perladangan kami menggunakan amalan alam sekitar agronomi yang baik dan terus melibatkan diri dalam Meja Bulat Tentang Kemapanan Minyak Sawit (RSPO) untuk menggalakkan pengeluaran dan penggunaan minyak sawit boleh dikenakan.

Kumpulan meletakkan penekanan yang besar dalam memastikan standard urus tadbir, pengendalian perniagaan beretika dan nilai-nilai tertinggi yang diamalkan dalam organisasinya. Sebagai sebahagian daripada usaha-usaha dermawannya, Kumpulan melaksanakan banyak program-program kemasyarakatan berhubung dengan kebajikan sosial, pendidikan dan pembangunan sukan dan akan terus mengenal pasti bidang-bidang di mana sokongannya boleh memberi kelainan yang nyata. Kumpulan juga adalah komited untuk menyediakan kesejahteraan di tempat kerja melalui kesedaran, tanggungjawab bertambah serta latihan berterusan kakitangan dan kontraktor terhadap pengendalian semua kegiatan cara yang beretika, bertanggungjawab dari segi alam sekitar, selamat dan sihat.

Lebih banyak maklumat mengenai kegiatan-kegiatan Tanggungjawab Korporat Kumpulan yang ekstensif disediakan pada muka surat 122 hingga 137.

#### PENGHARGAAN

Dato' (Dr.) Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad akan bersara pada tahun ini dan tidak akan menawarkan diri untuk dilantik semula pada 25 Ogos 2009 nanti. Dato' (Dr.) Megat telah menjadi ahli Lembaga Pengarah IJM sejak 31 Oktober 2005. Bagi pihak Lembaga, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kami kepada Dato' (Dr.) Megat atas sumbangan dan khidmat beliau yang tidak ternilai kepada Kumpulan dan kami ingin mengucapkan semoga beliau berjaya dan sejahtera dalam persaraan beliau.

Lembaga dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para Pengarah, pengurusan dan semua kakitangan Kumpulan atas dedikasi, kebijaksanaan, komitmen dan sumbangan mereka kepada Kumpulan dalam tahun yang amat mencabar ini. Kami juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kami kepada pemegang saham, sekutu, klien, juru bank, subkontraktor dan pembekal kami atas sokongan mereka kepada Kumpulan. Kumpulan menghargai dan mengharapkan perhubungan berterusan ini seiring dengan kemajuan yang akan dicapai dalam usaha niaga-usaha niaga baru.

Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob  
Pengerusi

## GAMBARAN KESELURUHAN

TEMA TAHUN INI 'BANGKIT MENGATASI CABARAN' YANG BEGITU SESUAI MENGGAMBARKAN DENGAN TEPAT CABARAN-CABARAN YANG TIDAK PERNAH WUJUD SEBELUMINI DALAM PERSEKITARAN EKONOMI GLOBAL YANG KUMPULAN TERPAKSA ATASI DALAM TAHUN KEWANGAN. DALAM SETENGAH TAHUN PERTAMA, KENAIKAN DALAM HARGA MINYAK DAN BAHAN BINAAN DAN DESAKAN BERIKUTNYA KE ATAS MODAL KERJA MENGHENTAM PERNIAGAAN TERAS PEMBINAAN DAN HARTA KUMPULAN PADA MASA APABILA BUKU PESANAN KUMPULAN MENCATAT REKOD TERTINGGI. MARGIN BERKURANGAN DENGAN KETARA. SEMENTARA ITU, KENAIKAN HARGA MINYAK DAN BAJA TURUT SAMA MEMBEANKAN KOS KENDALIAN BAHAGIAN PERLADANGAN WALAUPUN KENAIKAN HARGA CPO SEBAHAGIAN BESARNYA TELAH DAPAT MENGURANGKAN PUKULAN KENAIKANINI.


Dato' Krishnan Tan menerima  
Anugerah Pengusaha Terunggul  
2008 di Majlis Kecermelangan  
Industri Pembinaan Malaysia  
2008 pada Januari 2009




# Kajian Operasi CEO

Setengah tahun kedua melibatkan gambaran yang jauh berbeza dan beberapa masalah baru timbul. Krisis kewangan global yang dipercepatkan oleh masalah dalam bank-bank utama dunia dan keruntuhan Lehman Brothers memperkenalkan cabaran baru yang berlainan jenis. Penyataan kredit dan kos berhubung dengannya dalam pasaran-pasaran tertentu mengakibatkan permintaan yang semakin berkurangan, meningkatkan bilangan pengutang dengan bayaran balik hutang yang perlahan dan kenaikan kos hutang. Selanjutnya, tahap inventori terkumpul yang tinggi dalam tempoh sebaik sahaja kos melonjak turut menimbulkan lebih banyak masalah. Akibat daripada itu, kesan ke atas margin keuntungan yang telah pun merosot telah menjadi semakin buruk.

Di sebalik keadaan-keadaan yang sukar ini, Kumpulan telah memberi prestasi yang agak baik dan juga telah dapat mencatat peristiwa-peristiwa penting yang baru. Buku pesanan pembinaan kekal kukuh. Bahagian Industri kami telah mencatat rekod bagi jumlah dagangan dan keuntungan. Bahagian Infrastruktur terus menyaksikan pertumbuhan hasil yang stabil dan akan menyaksikan konsesi baru yang akan memulakan operasi tidak lama lagi.




Hasil Kumpulan mengikut Bahagian\* (RM'juta)



\*termasuk bahagian hasil syarikat bersekutu dan usaha sama

Hasil Kumpulan mengikut Bahagian\* (% Perkadaran)




Dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009 ("FY 2009"), Kumpulan mencatat jumlah dagangan (tidak termasuk bahagian hasil syarikat bersekutu dan usaha sama) sebanyak RM4,601.29 juta yang hanya 0.8% lebih rendah daripada tahun sebelumnya. Bagaimanapun dengan kemasukan bahagian hasil syarikat bersekutu dan usaha sama, jumlah dagangan Kumpulan adalah lebih tinggi oleh 4.3% kepada RM5,305.31 juta daripada tahun sebelumnya. Bahagian Pembinaan, Industri, Perludangan dan Infrastruktur mencapai jumlah dagangan yang lebih tinggi dalam tempoh, dipacu terutamanya oleh permintaan yang kukuh bagi bahan binaan Kumpulan, harga minyak sawit mentah ("CPO") yang tinggi dalam setengah tahun pertama pada tahun 2008, aliran hasil yang stabil daripada konsesi tol dan pelabuhannya dan pembelian daripada Bahagian Pembinaan. Walau bagaimanapun, kenaikan daripada bahagian-bahagian ini telah, disederhanakan oleh Bahagian Harta yang mencatat jumlah dagangan yang agak rendah sedikit daripada tahun lepas.

PBT Kumpulan mengikut Bahagian\*\* (RM'juta)



\*\*tidak termasuk kerosotan muhibah tidak berulang

PBT Kumpulan mengikut Bahagian\*\* (% Perkadaran)



# KAJIAN OPERASI CEO

(samb.)

Kumpulan mencatat keuntungan sebelum cukai ("PBT") sebanyak RM528.67 juta bagi tahun kewangan di bawah kajian berbanding dengan kerugian sebelum cukai tahun terdahulu sebanyak RM144.85 juta. Keputusan tahun sebelumnya termasuk kerosotan sekali ke atas muhibah penggabungan berjumlah RM940.86 juta berpunca daripada pengambilalihan Kumpulan akan Kumpulan Road Builder dan keuntungan modal sekali timbul daripada pelupusan aset-aset Kumpulan sebanyak RM225.98 juta. Dengan pengecualian penghapusan kira kerosotan dan keuntungan modal, keputusan kendalian akan mencatat keuntungan sebanyak RM570.03 juta. Dalam hubungan ini, PBT Kumpulan bagi FY 2009 sebanyak RM528.67 juta adalah 7% atau RM41 juta lebih rendah daripada tahun terdahulu. Mengambil kira persekitaran perniagaan yang luar biasa sukarnya, ia merupakan keputusan yang agak baik.

Bahagian Pembinaan dan Perladangan mencatat keuntungan pra-cukai yang lebih rendah dalam tahun kewangan. Bahagian Pembinaan adalah bahagian yang paling merasai kesannya oleh input yang bertambah dan kos pembiayaan yang memerlukan pengurangan nilai yang ketara ke atas keuntungan terakru dalam tahun-tahun terdahulu manakala Bahagian Perladangan terjejas oleh penurunan yang mendadak dalam harga CPO dalam setengah tahun kedua 2008 dan kos baja yang secara amnya lebih tinggi. Bahagian Harta, Industri dan Infrastruktur mencatat prestasi yang lebih baik disebabkan oleh pengiktirafan kerja pembinaan dalam pelaksanaan yang lebih tinggi ke atas projek-projek harta di samping pelupusan pasar raya hiper Tesco di Pulau Pinang, peningkatan penggunaan loji yang bertambah dan pertumbuhan hasil yang stabil daripada konsesi yang matang. Untuk rekod, Bahagian Industri mencatat PBT yang tertinggi pernah dicatatkan sebanyak RM171 juta.

## Perniagaan dan Pasaran Terpelbagai Kumpulan

	Pembinaan	Harta	Industri	Infrastruktur	Perladangan
Malaysia	•	•	•	•	•
India	•	•	•	•	•
Timur Tengah	•				
Singapura	•				
Pakistan	•		•		
China		•	•		
Australia		•			
Vietnam		•		•	
Argentina				•	
Indonesia					•

Daripada perspektif perolehan, tidak dapat diragukan lagi bahawa asas perolehan dan pasaran terpelbagai Kumpulan telah mengurangkan risiko kebergantungan pada industri pembinaan dan perniagaan di Malaysia semata-mata, terutamanya semasa kegawatan kewangan global dan tempoh ketidakpastian ekonomi selepas itu. Butir-butir selanjutnya mengenai prestasi mengikut bahagian terkandung dalam seksyen masing-masing pada muka surat-muka surat berikut.

Berikutan pengambilalihan Kumpulan Road Builder, Kumpulan telah menyelesaikan langkah perasionalan pada September 2008 untuk menyatukan Bahagian Harta di bawah satu bumbung, dikenali sekarang sebagai IJM Land Berhad, dengan itu menandakan kemunculan salah satu pemaju harta tersenarai yang terbesar dalam negara. Berikutan dengan itu, Kumpulan memulakan penyepadan dan penajaran operasi perniagaan sedia ada di samping penjenamaan semula dan proses-proses pengaturan semula pasaran bagi membentuk kesedaran awam mengenai entiti baru yang diperbesarkan ini.

Pada September 2008, IJM memulakan satu lagi langkah korporat bagi membeli saham-saham biasa selebihnya yang mereka belum miliki dalam anak syarikat tersenarainya, Industrial Concrete Products Berhad ("ICP") mewakili kira-kira 36.9% kepentingan ekuiti. Rasional bagi langkah ini adalah untuk menjadikan ICP anak syarikat milik penuh memandangkan manfaat sinergistik dan prospek masa hadapan yang positif kepada Kumpulan. Langkah ini telah mencapai kejayaan, membawa kepada ICP menjadi anak syarikat milik penuh IJM pada Januari 2009.



Pusat Maritim, Putrajaya



Rumah berkembar dua dan banglo enklaf Bayu Segar di Cheras, Selangor



Tapak kuari di Kuang, Selangor



Penanaman semula di Ladang Desa Talisai

Tepat dengan motonya 'IJM - Mercu Kecemerlangan'nya, Kumpulan berterusan mengumpul anugerah demi anugerah dalam tahun kewangan; anugerah-anugerah ini termasuklah Anugerah Kecemerlangan Industri MITI bagi Kecemerlangan Eksport (Perkhidmatan) dan pingat emas untuk Anugerah Kecemerlangan Keselamatan & Kesihatan Tempat Kerja Negara. Untuk tempoh lima tahun berturut-turut, IJM mengekalkan Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA dalam kategori Pembinaan dan Infrastruktur. Sebagai mengiktiraf usaha-usaha IJM ke arah kebertahanan alam sekitar sedemikian, IJM telah menerima Anugerah Sebutan Khas - Amalan Terbaik Alam Sekitar semasa penyampaian Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia ("MCIEA"). Pada masa yang sama, saya berbesar hati dan berterima kasih kerana telah dianugerahkan dengan Anugerah Pengusaha Terkemuka pada majlis MCIEA. Secara keseluruhannya, anugerah-anugerah ini adalah bukti dedikasi dan komitmen warga IJM untuk cemerlang dalam prestasi mereka.

Dikatakan bahawa ujian sebenar bagi syarikat dan pekerja-pekerjanya adalah semasa menghadapi kesusahan. Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa, dalam persekitaran ekonomi semasa, warga kerja Kumpulan telah bertindak balas secara proaktif dengan mengkaji dan meningkatkan operasi dan proses kita untuk menjadi lebih cekap dan berkesan di samping melaksanakan beberapa langkah pengurangan kos. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pekerja yang telah berkorban secara peribadi pada masa-masa yang tidak pasti ini dengan menerima penundaan kenaikan pangkat dan kenaikan tahunan, dan ahli-ahli kakitangan kanan yang sanggup menerima potongan gaji secara sukarela. Ini adalah manifestasi yang jelas mengenai falsafah 'untunga nasib dikongsi' ('shared destiny') yang dipelopori dan diamalkan dalam Kumpulan.

Berlandaskan kepada asas-asas yang kukuh ini, wawasan strategik dan ciri utama tidak boleh ditiru oleh sesiapa IJM akan kerja keras, profesionalisme dan urus tadbir yang baik, saya berharap dan yakin bahawa Kumpulan dan warga kerjanya akan terus bekerja dengan tekun bagi memastikan prestasi teguh dan keberuntungan yang mapan di seluruh bahagian perniagaannya, walaupun pada masa ekonomi yang mencabar ini.




Himpitan Kapal dan Kapal dalam Operasi di Pelabuhan Kuantan

BAHAGIAN PEMBINAAN TABAH MENGHADAPI TEMPOH YANG SUNGGUH-SUNGGUH MENCABARINI DISEBABKAN OLEH KENAIKAN DALAM HARGA BAHAN BINAAN YANG TIDAK PERNAH BERLAKU SEBELUMINI DALAM SETENGAH TAHUN PERTAMA. PROGRES PEMBINAAN TELAH TERHALANG DISEBABKAN OLEH KEKANGAN BEKALAN YANG TIMBUL DARIPADA KESUKARAN PELETAKAN HARGA DALAM PASARAN YANG MERUAP. PENGURANGAN YANG TERHASIL DALAM MARGIN KEUNTUNGAN MENJADI SEMAKIN TERUK DAN MENGURANGKAN NILAI KEUNTUNGAN TERAKRU SEBELUMINI.

# Pembinaan





## HARAPAN FY 2010

Harapan bagi peningkatan buku pesanan kelihatan agak cerah memandangkan Kerajaan telah mempercepatkan perbelanjaan rangsangan fiskal bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi manakala pengurusan kos input akan diutamakan berikutnya dengan naik turun harga yang meruap dalam tahun yang lepas. Tumpuan berterusan ke atas kedua-dua objektif ini adalah sangat penting bagi prestasi yang lebih baik.

# KAJIAN OPERASI CEO (samb.)

## Pasukan Pengurusan Pembinaan:



kiri ke kanan

atas:

- Dato' Goh Chye Koon
- Soo Heng Chin
- Tan Gim Foo
- Soo Sik Sang
- Tong Wai Yong

tengah atas:

- Pook Fong Fee
- Ng Chin Meng
- Ong Teng Cheng
- Azhar Bin Kaulan

tengah bawah:

- Liew Hau Seng
- Yong Juen Wah
- Pankaj Agarwal
- Kok Fook Yu

bawah:

- Lee Foh Ching
- Mohd Ghazali Bin Ali
- Quah Beng Teong
- Wan Chee Leong



Kondominium Mewah The Binjai Residency, KLCC di Kuala Lumpur

Sektor Pembinaan Dalam Negeri mencatat pertumbuhan yang positif untuk kedua tahun berturut-turut pada 2008 dengan mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 2.1% (2007: 4.6%). Pertumbuhan telah disokong oleh kegiatan yang dijalankan di seluruh tiga subsektor iaitu dalam kejuruteraan awam, kediaman dan bukan kediaman. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan telah meningkat sebanyak 23.5% dalam setengah tahun pertama 2008, terutamanya untuk membiayai pembinaan projek-projek baru dan menaik taraf kemudahan infrastruktur sedia ada.

FY 2009 adalah tahun yang sukar bagi Bahagian disebabkan oleh kenaikan yang tidak pernah disaksikan sebelum ini dalam harga bahan binaan global pada masa apabila buku pesanan Bahagian mencatat rekod tertinggi. Selain daripada itu, kegawatan kewangan global yang semakin teruk dan keluluhun kredit berterusan selanjutnya juga telah melembapkan lagi prestasi Bahagian.

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009, Bahagian Pembinaan mencatat jumlah dagangan sebanyak RM2,355.26 juta yang mewakili peningkatan kecil sebanyak 0.1% sahaja daripada tempoh sebelumnya (FY 2008: RM2,353.15 juta) berpunca daripada kelembapan pembelian disebabkan oleh kekangan yang dihadapi dalam bekalan bahan binaan berikut dengan kenaikan yang berlarutan dalam harga bahan. Keuntungan pra-cukainya merosot dengan ketara sebanyak 76% kepada RM40.33 juta (FY 2008: RM165.56 juta) terutamanya disebabkan oleh kos bahan pembinaan yang melambung naik dan kos pinjaman yang lebih tinggi ditanggung oleh projek-projek luar

negaranya, khususnya di India. Keputusan juga terjejas oleh pengurangan nilai keuntungan yang dicatat dalam tahun sebelumnya disebabkan oleh pengurangan dalam keuntungan pada akhirnya sehingga penyiapan.

Pada FY 2009, Bahagian telah berjaya menyiapkan beberapa projek termasuk PJ Eight Development di Petaling Jaya, Kondominium Mewah KLCC di Kuala Lumpur, Alam Warisan Pakej 2 & 3 dan Pakej Pusat Maritim 2 di Putrajaya, dan kondominium The Spring di Pulau Pinang. Di India, beberapa projek siap termasuk jejambat yang ditingkatkan dan tiga stesen yang ditingkatkan pada Shahdara-Dilshad Garden Corridor MRTS Delhi (Fasa II) di New Delhi. Di Timur Tengah, Lebuhraya Shaikh Khalifa Bin Salman - Fasa V Zallaq Flyover di Bahrain juga telah siap.

Bahagian telah berjaya menambah buku pesanannya kepada RM4,238.00 juta pada FY 2009 dengan mendapatkan kontrak tambahan berjumlah RM2,143.00 juta di peringkat tempatan dan luar negara. Di antara projek-projek utama yang diperolehi di Malaysia termasuk Hotel Grand Hyatt (RM544.90 juta), Pakej 1 Projek Landasan Berkembar Elektrik dari Seremban hingga Gemas (RM343.09 juta) dan Kompleks Komersial & Membeli Belah SS2 (RM157.55 juta). Di India, projek-projek utama yang diperolehi termasuk Enam Laluan Seksyen Chilkaluripet-Vijayawada Lebuhraya Nasional-5 dari KM355 hingga KM434.15 (RM550.00 juta) dan DMRC Amel C-2 bagi Jejambat & Stesen Dhaura Kuan Lapangan Terbang Ekspres Metro (RM144.93 juta).



Perkampungan Air Melayu Alam Warisan, Putrajaya



Elevated Viaduct dan Three Stations di Shahdara-Dilshad Garden Corridor Delhi MRTS (Fasa II) di New Delhi, India



Lebuh Raya Shaikh Khalifa Bin Salman - Fasa V Zallaq Flyover di Bahrain, Timur Tengah



Kondominium Spring, Pulau Pinang

Mengambil kira persekitaran ekonomi semasa yang malap, Bahagian Pembinaan dijangka akan terus menghadapi masa-masa yang mencabar. Namun demikian, dengan pelaksanaan usaha-usaha pelaburan wang oleh Kerajaan untuk merangsang kegiatan komersial sebagai contohnya di Malaysia, melalui pakej rangsangan permulaan sebanyak RM7 bilion dan RM60 bilion lagi bagi "bajet mini" pada FY 2009, peluang-peluang telah muncul bagi peningkatan buku pesanan.

Sebagai tindak balas kepada persekitaran ekonomi dan kewangan yang amat tidak pasti dan sukar, Bahagian menyedari keperluan untuk mengukuhkan prestasi dan mengekalkan kekompetennanya dengan meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya operasinya. Dalam usaha-usahanya bagi peningkatan berterusan untuk mengeluarkan produk berkualiti tinggi kepada pelanggan-pelanggan yang dihargai, Bahagian terus meningkatkan amalan-amalan alam sekitar, keselamatan dan kesihatannya, prosedur-prosedur kawalan kualiti dan memastikan pematuhan dengan semua peraturan dan perundungan Kerajaan yang terpakai.

Sebagai sebahagian daripada program pengurusan risikonya, Bahagian sentiasa mengkaji polisi, prosedur dan prosesnya bagi meningkatkan kawalan dalam mencapai objektif Syarikat. Selain daripada itu, Bahagian telah memberi penekanan yang lebih besar ke atas pengurusan kos dan sumber yang berkesan dengan sentiasa memperbaiki proses-proses penyediaan peruntukan dan pelaporan dalam semua projeknya.

#### Perkhidmatan Sokongan Pembinaan:



kiri ke kanan

- atas:  
 • James Ponniah Joseph  
 • Mohd Kamal Bin Harun  
 • Ramar s/o Subramaniam  
 • Dammavalam Sreenivasa Rao

- tengah:  
 • Soh Wan Heng  
 • Cho Foong Khuan  
 • Pang Sek Loh  
 • Liew Chee Khong


- bawah:  
 • Toh Teck Soon  
 • Lam Choy Loong  
 • Casslyn Chong Siew Chen

BAHAGIAN HARTA MENUNJUKKAN PRESTASI YANG BAIK MESKIPUN MENGHADAPI SITUASI YANG AGAK TIDAK MENENTU DARIPADA TEKANAN INFLASI KOS DAN PENGURANGAN PERMINTAAN PENGGUNA DISEBABKAN KEKURANGAN KREDIT DAN KEYAKINAN AKIBAT DARIPADA KETIDAKTENTUAN GLOBAL.

# Harta



*Unit studio Sierra Vista dan unit kediaman berkembar dua di Pulau Pinang*




## HARAPAN FY 2010

Harapan Bahagian adalah positif mengambil kira kadar faedah semasa yang rendah, persekitaran kos yang agak stabil dan tahap jualan komited yang ada dalam tangan yang kukuh. Insentif pemasaran yang menarik, sebagai sebahagian daripada usaha penjenamaan semula telah diperkenalkan pada permulaan FY 2010 juga telah diterima dengan baik oleh pengguna.

# KAJIAN OPERASI CEO

(samb.)

## Pasukan Pengurusan Harta:



Pembangunan PJ8 terdiri daripada pejabat komersil dan suite perkhidmatan di Petaling Jaya, Selangor

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009, Bahagian Harta mencatat hasil sebanyak RM985.95 juta (FY 2008: RM991.03 juta) dan keuntungan pra-cukai sebanyak RM125.48 juta (FY 2008: RM107.04 juta). Ini mewakili pengurangan sebanyak 1% dari segi hasil dan peningkatan sebanyak 17% dari segi keuntungan pra-cukai berbanding dengan tahun sebelumnya.

Di tengah-tengah persekitaran ekonomi yang amat mencabar, Kumpulan telah berjaya menyelesaikan perasionalan dan penyatuan perniagaan harta tanahnya di Malaysia di bawah pemacu yang dijenamakan semula, IJM Land Berhad. Tahun bermula dengan sektor-sektor pembinaan dan pembangunan harta menghadapi tekanan yang sangat daripada kenaikan harga bahan binaan di tengah-tengah kenaikan harga minyak yang mencatat rekod tertinggi. Kenaikan mendadak dalam harga minyak juga mengakibatkan ekonomi dalam negeri menghadapi beban inflasi tolakan kos yang membawa kepada pengurangan dalam kuasa membeli terutamanya dalam segmen kediaman besar-besaran. Akibat daripada itu, Bahagian menghadapi kerosotan margin bagi projek-projek hartanya yang sedang dalam pembinaan dan jualan yang lebih perlana bagi pelancaran baru yang lebih mahal disebabkan oleh lonjakan kos.



Unit kediaman Acacia di perbandaran Seremban 2 di Negeri Sembilan



Penduduk Seremban 2 menikmati pemandangan matahari terbenam

Dalam setengah kedua tahun kewangan, ekonomi mengalami keterbalikan yang ketara memandangkan krisis ekonomi global bertambah buruk. Keadaan ini, diiringi dengan pembetulan yang ketara dalam harga komoditi membawa kepada kemelesetan yang mendadak dalam ekonomi Malaysia yang melembapkan dengan teruk keyakinan pengguna yang membawa kepada pengurangan mendadak dalam jualan dalam tempoh akhir dari tahun kewangan memandangkan pembeli-pembeli mengamalkan amalan ‘tunggu dan lihat’ ke atas potensi harapan yang negatif.

Sumbangan hasil dan keuntungan FY 2009 Bahagian datang terutamanya daripada kondominium The Spring, rumah teres tepi pantai Nautilus Bay dan kondominium mewah The Latino di Pulau Pinang, suit perkhidmatan dan pejabat PJ Eight di Lembah Klang, kondominium mewah Ampersand @ Kia Peng berdekatan dengan KLCC, rumah berkembar dua Bayu Segar dan banglo enklaf di Cheras, perbandaran Shah Alam 2 di Selangor, perbandaran Seremban 2 di Negeri Sembilan dan perbandaran Taman Utama di Sandakan, Sabah. Bahagian juga mengiktiraf pembilang pembinaan baru daripada projek pusat komersial merangkap pusat beli-belahnya di SS2, Petaling Jaya dan keuntungan sekali yang besar daripada pelupusan pasar raya hiper Tesco di Pulau Pinang yang berjumlah RM38 juta.

## KAJIAN OPERASI CEO (samb.)



Kondominium Bayswater di Pulau Pinang

Sebagai tindak balas kepada kesan krisis ekonomi global ke atas sektor harta, Kerajaan memperkenalkan beberapa langkah di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi untuk menggalakkan jualan harta seperti pelepasan cukai ke atas faedah yang dibayar bagi pinjaman perumahan sehingga RM10,000 setahun bagi 3 tahun, memanjangkan tempoh bayaran balik pinjaman perumahan bagi penjawat awam sehingga 30 tahun dan mengecualikan kelulusan diperlukan daripada Jawatankuasa Pelaburan Asing ke atas pembelian harta komersial yang dinilai pada RM500,000 dan ke atas bagi kegunaan sendiri.

Dengan risiko inflasi yang menyusut dengan pantas, Bank Negara Malaysia telah melonggarkan dasar monetarinya dengan mengurangkan Kadar Polisi Semalam ("OPR") sebanyak 150 mata asas kepada 2% di samping Keperluan Rizab Berkanun sebanyak 300 mata asas kepada 1%. Dengan mudah tunai yang kukuh dalam sektor perbankan, beberapa bank telah bekerja bersama-sama dengan pemaju-pemaju besar bagi menawarkan pakej pinjaman perumahan yang menarik bagi menggalakkan jualan harta.

Kumpulan mengambil kesempatan daripada kadar faedah rendah ini bagi mempromosikan produknya. Dalam meneruskan langkah penjenamaannya di samping menggalakkan permintaan bagi produk hartanya, Bahagian melancarkan kempen jualan di seluruh negara yang dikenali sebagai 'My Space Plan' pada 1 April 2009, dengan konsep yang terutamanya merancang pakej bagi setiap produk untuk menyesuaikannya dengan bakal-bakal pembeli. Sebagai sebahagian daripada kempen, Bahagian telah melaksanakan pelancaran ringan bagi Summer Place, iaitu projek kondominium menghadap laut di Pulau Pinang. Sambutan adalah amat menggalakkan memandangkan bakal-bakal pembeli telah mula beratur di hadapan galeri jualan pada malam sebelumnya untuk mendapatkan unit-unit pilihan mereka. Skim terus menarik pembeli-pembeli kepada pembangunan-pembangunan Kumpulan yang lain dan secara positifnya telah menyumbang kepada jualan yang lebih baik.



Bilik tidur utama bagi unit pameran bunglo Bayu Sri Bintang di Kepong, Selangor



Suite Suriamas di Johor



Sambutan yang luar biasa semasa pelancaran alternatif projek kondominium menghadap laut Summer Place di Pulau Pinang apabila pembeli mula beratur dari waktu malam sebelum hari pelancaran

Pada tahun kewangan yang akan datang, Bahagian akan melancarkan fasa sulung pembangunan di kawasan dermaga 'The Light' yang berprestij di Pulau Pinang, dikenali sebagai 'Light Linear'. Bahagian juga akan melancarkan pembangunan kediaman yang baru di Johor Bahru yang dinamakan Nusa Duta, terletak dalam Wilayah Pembangunan Iskandar dan pembangunan komersial yang baru di Melaka terdiri daripada kedai pejabat berdekatan dengan pusat membeli-belah Jusco yang baru. Selain daripada itu, Bahagian akan terus melancarkan fasa-fasa baru dalam pembangunan sedia adanya di Lembah Klang dan Seremban seperti Bukit Manda'rina, Serenia Gardens, Shah Alam 2 dan S2 Heights.

Di India, di sebalik kemelesetan pasaran dan persekitaran ekonomi lazim, Bahagian percaya bahawa keadaan terburuk telah berlalu. Sektor harta tanah akan mengambil sedikit masa untuk pulih disebabkan oleh ketiadaan keyakinan pengguna. Namun demikian, ketersediaan kredit kepada sektor telah mulai mengalir. Projek-projek harta kami seperti Perbandaran Bandar Pertama di Nagpur, Maharashtra, Perbandaran Raintree Park Dwarka Krishna di Vijayawada dan Raintree Park Commercial di Hyderabad, Andhra Pradesh, dijangka akan menghasilkan jumlah kegiatan yang agak baik dalam tahun kewangan semasa.


Simpanan tanah bahagian yang terpelbagai dari segi geografinya dan campuran produk ekstensif dalam semua segmen pasaran daripada pasaran besar-besaran sehingga kepada segmen nic dan berharga tinggi akan meningkatkan kebolehsesuaianya kepada permintaan pasaran. Memandangkan semua faktor yang dinyatakan di atas, diiringi dengan jualan komited dalam tangan, gambaran keseluruhan bagi Bahagian kelihatan amat cerah.

DI SEBALIK KEMELESETAN GLOBAL, BAHAGIAN INDUSTRI TELAH MENGHASILKAN KEPUTUSAN YANG TERBAIK PERNAH DICAPAI ATAS AKAUN BUKU PESANANNYA YANG AGAK BESAR, KELEBIHAN HARGA SEDIA ADA BERBANDING PRODUK BERSAINGAN, KEBOLEHAN DITERIMA DALAM PASARAN LUAR NEGARA YANG SEMAKIN MENINGKAT DAN AMALAN PENGURUSAN KOS YANG KUKUH.

# Industri



Cerucuk-cerucuk digunakan di Terminal Kontena Sinotrans di Foshan, China



## HARAPAN FY 2010

Bahagian ini bersedia untuk meraih manfaat daripada peningkatan permintaan bagi bahan binaan berikutan pemulihan sektor pembinaan. Bahagian ini dijangka akan mencapai pertumbuhan yang agak baik pada masa hadapan berdasarkan tumpuannya yang berterusan pada amalan pengurusan kos yang baik dan pengekalan agenda pertumbuhannya.

# KAJIAN OPERASI CEO

(samb.)

## Pasukan Pengurusan Industri:




kiri ke kanan

- atas:  
• Khor Kiem Teoh  
• Lee Hock Aun  
• Leong Yew Kuen  
• Tan Boon Leng

- tengah atas:  
• Pang Chwee Hoon  
• Ooi Ka Tong  
• Leong Siew Wah

- bawah atas:  
• Tai Khuan Beng  
• Faizal Amir B Mohd Zain  
• Choy Teik San  
• Wong Siew Meng

- bawah:  
• Leong Chee Hong  
• Chan Kok Keong  
• Low Hong Imm



Cerucuk ICP diguna dalam Projek Jambatan Pulau Pinang Kedua

Bagi FY 2009, Bahagian Industri terus mencatat ketinggian yang baru yang disokong oleh buku pesanan yang kukuh di sebalik kegawatan kewangan dan ekonomi global. Jumlah dagangan Bahagian telah melebihi aras bilion ringgit buat pertama kalinya dengan mencatat RM1.069 bilion. Keuntungan pra-cukai sebanyak RM170.99 juta adalah 44% lebih tinggi daripada tahun terdahulu, disebabkan oleh peletakan harga yang lebih baik, permintaan yang kukuh daripada projek pembinaan berskala besar dan sumbangan luar negara yang bertambah baik. Keputusan cemerlang telah disumbangkan oleh Perniagaan Cerucuk Taji Prategang ("PSC") daripada Industrial Concrete Products Berhad ("ICP"), perniagaan bar PC Durabon Sdn Bhd dan operasi pengkuarian Malaysian Rock Products Sdn Bhd.

Prestasi yang kukuh daripada perniagaan teras Bahagian, cerucuk PSC berterusan dalam tahun kewangan semasa. Penghantaran mengikut muatan tanan telah mencecah rekod tertinggi sebanyak 1.49 juta tan, peningkatan sebanyak 15% daripada tahun sebelumnya memandangkan permintaan bagi cerucuk terus mengukuh. Keuntungan kendalian meningkat sebanyak 89% dari tahun lepas kepada RM109.62 juta tidak termasuk dividen daripada anak-anak syarikat dan eluan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan yang disokong dengan hasil yang lebih tinggi sebanyak RM663.5 juta. Penggunaan loji yang berkesan dan pengurusan pemerolehan yang baik di tengah-tengah persekitaran kos bahan mentah yang meruap telah membantu menghasilkan keuntungan yang bertambah baik.

Banyak projek dimulakan Kerajaan dan swasta telah diperolehi dalam tahun kewangan; ia termasuk hospital, sekolah, kondominium bertingkat tinggi, kilang, jambatan, pasar raya hiper, kompleks komersial dan pelabuhan. Projek-projek infrastruktur utama yang diperolehi adalah Jambatan Kedua Pulau Pinang, Terminal Kontena Utara Butterworth, Pembesaran Pelabuhan Tanjung Pelepas, Hab Petroleum di Tanjung Bin dan Pelabuhan Bintulu di Sarawak.

Program pengembangan keupayaan Bahagian ke selatan Semenanjung Malaysia adalah tepat pada masanya dengan pengaktifan kilang kesembilan pada Ogos 2008 dengan keupayaan tahunan sebanyak 180,000 tan di Senai, Johor. Dengan kelebihan dari segi geografi yang dipertingkatkan digabungkan dengan usaha-usaha pemasaran, pasaran Singapuranya juga telah bertambah baik. Walaupun jualan eksport kekal pada 13% daripada jumlah penghantarannya, nilai walau bagaimanapun meningkat sebanyak 50% kepada RM89.71 juta. Dalam tahun, Bahagian membekalkan projek utama termasuk Kilang Minyak Nestle, Kilang Panel Solar REC-Asparicus dan Terminal Pasir Panjang, Fasa 15-18.

ICP Jiangmen, loji China telah mencatat pemulihan yang luar biasa dalam tahun kewangan. Penghantaran dan hasil cerucuk PSCnya masing-masing telah meningkat sebanyak 160% dan 190% sepanjang tahun lepas. Penerimaan pasaran yang bertambah baik dan pelaksanaan awal projek-projek infrastruktur adalah faktor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan loji dan pencapaian PBT sebanyak RM3.9 juta.



Cerucuk ICP diguna untuk menyokong Eye on Malaysia di Melaka

Projek-projek marin utama yang dibekalkan oleh ICP Jiangmen termasuk Fasa 1 Terminal Kontena Pelabuhan Baoman di Zhanjiang, Jeti Limbungan Kapal Cosco di Dongguan dan Jeti Linbungan Kapal CCC4 di Xinhui. Di sebalik krisis kewangan global, harapan operasi China kekal positif memandangkan ICP Jiangmen dijangka memperolehi projek pembangunan pelabuhan di wilayah selatan dan timur Guangdong di bawah pakej rangsangan ekonomi China.

Durabon Sdn Bhd ("DSB") yang memproses batang PC bagi cerucuk PSC yang mencapai ketinggian baru, merekodkan hasil dan PBT masing-masing sebanyak RM147.64 juta dan RM14.72 juta, peningkatan masing-masing sebanyak 48% dan 5% sepanjang tahun yang lepas. Bagi memenuhi peningkatan permintaan untuk batang PC dan meningkatkan keupayaan pemprosesannya, DSB memasang talian pengeluaran baru yang menghasilkan bar PC berukuran antara 7.1mm sehingga kepada saiz yang terbesar sepanjang 12.6mm yang diperlukan dalam projek-projek mega seperti projek Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Ia merupakan satu lagi tahun yang mencabar bagi Expedient Resources Sdn Bhd ("ERSB") di tengah-tengah kemeruapan dalam pasaran pertukaran asing global. Secara keseluruhan, hasil dan PBT ERSB masing-masing telah merosot sebanyak 18% dan 25% kepada RM21.3 juta dan RM0.83 juta berbanding tahun sebelumnya. Maju ke hadapan, ERSB akan terus memulakan langkah-langkah kawalan kos yang ketat dan mencari pasaran baru bagi pemelbagaian dari segi geografi.

# KAJIAN OPERASI CEO

(samb.)



Cerucuk ICP diguna di Marina di Muara Sungai Melaka di Melaka



Kilang Kapar 2 baru di Klang Daerah Selangor



Tepi bagan baru di Kilang ICP Lumut di Perak

Keputusan Bahagian untuk menambah keupayaan pengeluaran dalam loji-loji sedia ada pada tahun lepas telah memberikan hasil yang cukup baik apabila keuntungan pra-cukai bahagian kuari di bawah Malaysian Rock Products Sdn Bhd ("MRP") telah meningkat sebanyak 25% kepada RM31.06 juta ke atas jumlah dagangan sebanyak RM111.51 juta. Hasil meningkat sebanyak 12% disebabkan oleh lokasi strategik kuari-kuarinya dan permintaan pasaran yang terus kukuh di peringkat tempatan dan dari Singapura. Walau bagaimanapun, bukan kesemuanya senang bagi sektor ini. Kos bahan peletup, alat-alat ganti dan elektrik telah meningkat masing-masing lebih daripada 100%, 70% dan 20% manakala sektor menghadapi persaingan sengit bagi jualan eksport terutamanya daripada kuari-kuari Indonesia disebabkan oleh penurunan dalam harga diesel. MRP percaya bahawa sektor kuari akan menghasilkan prestasi yang memuaskan dalam tahun kewangan akan datang.

Jumlah dagangan bagi sektor konkrit siap campur di bawah Strong Mixed Concrete Sdn Bhd ("SMC") meningkat sebanyak 4% kepada RM54.3 juta. Jumlah dagangan yang lebih tinggi adalah disebabkan oleh peningkatan harga jualan selepas Kerajaan menarik balik subsidi diesel dan membatalkan harga siling simen. Walau bagaimanapun,

kos inflasi telah membantutkan perkembangan kegiatan pembinaan dan menjadikan perniagaannya. Loji pengelompok terbarunya di Ulu Choh, Johor Bahru yang telah ditubuhkan pada Jun 2008, telah pulih dan menyumbang secara positif. Secara keseluruhan, SMC menunjukkan prestasi yang baik dengan mencatat keuntungan pra-cukai sebanyak RM2.3 juta (FY 2008: RM0.74 juta) di atas margin yang bertambah baik.

Operasi konkrit siap campur Bahagian di India, IJM Concrete Products Pte Ltd ("IJMCPPL"), terus membina reputasi dan penjenamaannya sebagai pembekal yang boleh dipercayai dan berkualiti yang membantu lima lojinya - setiap satunya di Bachupally, Whitefield, Yelahanka, Uppal dan Chennai bagi meningkatkan bahagian pasarnya dan meningkatkan jumlah dagangan keseluruhan mereka sebanyak 13% kepada RM105.22 juta. Seperti mana kebanyakan negara-negara lain, India juga berhadapan dengan kelulohan kredit mulai suku ketiga FY 2009. Walau bagaimanapun, disiplin dan tumpuan berterusan ke atas penurunan kos telah mengurangkan kenaikan harga dan IJMCPPL mencapai keuntungan pra-cukai sebanyak RM5.06 juta, sehingga 27% dari tahun terdahulu. Dengan prestasi yang menggalakkan ini,



Bar PC di Kilang Durabon



Kuari Produk Batu Kuang di Kuang, Selangor

IJMCPL memulakan langkah untuk berkembang ke barat Mumbai dan pada masa ini sedang mencari peluang-peluang pengembangan selanjutnya di selatan India.

Ita merupakan tahun yang sukar bagi operasi konkrit siap campur di Pakistan. Krisis kewangan global diiringi dengan ketidakstabilan politik telah menjadikan proses kerja bagi projek-projek besar di Islamabad. Volum jualan merosot, harga bahan yang melonjak naik kepada rekod tertinggi diiringi dengan kelemahan Rupee Pakistan, keuntungan pra-cukai loji telah jatuh sebanyak 75% kepada RM1.02 juta ke atas jumlah dagangan sebanyak RM21.3 juta. Pada bahagian yang lain, Di sebaliknya Bahagian telah berjaya mengaktifkan loji kedua di Karachi pada November 2008 yang mengumpul jumlah dagangan yang sederhana sebanyak RM2.0 juta. Maju ke hadapan, loji dijangka meraih keberuntungan disebabkan oleh peluang-peluang yang lebih baik di kawasan bandar.

Perniagaan jaringan dawai keluli di bawah IJM Steel Products Pte Ltd ("IJMSPPL") di India telah memulakan operasinya pada Julai 2008. Disebabkan oleh krisis ekonomi, IJMSPPL mencatat hasil sebanyak RM2.0 juta dan kerugian sebanyak RM3.09 juta. Usaha-usaha pemasaran yang bertambah hebat dalam suku terakhir disebabkan oleh penanda-penanda yang kebanyakannya pemaju di Hyderabad akan memulakan semula operasi dengan jurubank yang menyediakan pembiayaan. IJMSPPL pada masa ini membekalkan kepada projek-projek harta di Vijayawada dan Nagpur dan projek Kompleks Komersial Kukatpally.

Perniagaan penyewaan aram-aram di bawah Scaffold Master Sdn Bhd mencatat kejatuhan sebanyak 4% dalam jumlah dagangan kepada RM10.17 juta dengan berkurangan projek-projek swasta. Walau bagaimanapun, keuntungan pra-cukai jatuh dengan lebih tinggi sebanyak 10% kepada RM4.03 juta disebabkan oleh kejatuhan dalam kadar sewa dalam tempoh lima bulan terakhir tahun kewangan dan susut nilai yang tinggi.

Kemenia Industries Sdn Bhd, anak syarikat 55% dimiliki Kumpulan mengeluarkan produk konkrit siap campur dan konkrit bertetulang, mencatat jumlah dagangan yang lebih tinggi sebanyak 51% kepada RM19.85 juta. PBTnya meningkat dengan ketara sebanyak 2.5 kali kepada RM2.53 juta dari tahun lepas disebabkan oleh pengawasan kos yang kerap yang membolehkan syarikat untuk mempunyai peletakan harga yang berdaya saing bagi meningkatkan bahagian pasaran.

Bagi syarikat-syarikat bersekutunya, krisis ekonomi telah menjadikan prestasi mereka dengan teruk. Metech Group Berhad 20%-milik Kumpulan yang mengilang penutup bergulung dan penyemperitan aluminium menyumbang jumlah dagangan sebanyak RM49.73 juta dan PAT hanya sebanyak RM0.56 juta disebabkan oleh kerosotan bahan mentahnya. Bagi Spirolite (M) Sdn Bhd, 38% syarikat bersekutu yang mengilang paip, tiub, tangki dan kontena, menyumbang jumlah dagangan sebanyak RM9.17 juta dan PAT yang hanya sebanyak RM0.25 juta.


Secara keseluruhan, Bahagian Industri menunjukkan prestasi yang cukup baik di sebalik persekitaran yang begitu sukar dalam industri pembinaan. Di samping projek pakej rangsangan yang diperkenalkan oleh Kerajaan, Bahagian akan bergantung pada buku pesanan yang begitu kukuh baginya menghadapi tahun kewangan yang akan datang.

DI TENGAH-TENGAH KEMERUAPAN DALAM HARGA KOMODITI, KEADAAN CUACA YANG KURANG BAIK TELAH MENJEJASKAN KADAR PERAHAN MINYAK DAN MENINGKATKAN KOS PENGETAHUAN DISEBABKAN OLEH HARGA BAJA DAN DIESEL YANG TINGGI YANG TIDAK PERNAH BERLAKU SEBELUM INI, BAHAGIAN INI BERJAYA MENCAPAI PERTUMBUHAN PENGETAHUAN YANG STABIL DAN PRESTASI YANG MEMBANGGAKAN.

# Perladangan



Landscape of a plantation in Meliau



## HARAPAN FY 2010

Pemulihan baru-baru ini dalam harga CPO menunjukkan petanda baik kepada sektor perladangan. Bahagian akan terus menumpukan kepada meningkatkan kecekapan operasi dan memaksimumkan produktiviti buruh untuk membendung kesan yang kurang baik daripada peningkatan kos pengeluaran untuk mencapai prestasi yang memuaskan pada tahun kewangan yang akan datang.

# KAJIAN OPERASI CEO

(samb.)

## Pasukan Pengurusan Perladangan:



kiri ke kanan

atas:

- Velayuthan s/o Tan Kim Song
- Joseph Tek Choon Yee
- Puru Kumaran
- P K Venugopal

bawah:

- Madusoodanan
- Ng Chung Yin
- Francis Chai Min Fah



Kilang Minyak Sawit Desa Talisai

Bagi tahun kewangan di bawah kajian, Bahagian Perladangan terus mencapai keputusan yang membanggakan dengan hasil sebanyak RM541.56 juta, peningkatan sebanyak 3% berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak RM527.70 juta. Prestasi semasa tempoh telah disokong melalui pertumbuhan pengeluaran yang stabil dan harga produk palma dalam setengah tahun pertama tahun 2008 apabila harga CPO meningkat pada harga tertinggi dalam sejarah. Berikutan ini, Bahagian berupaya mencapai purata harga jualan CPO sebanyak RM2,641, 4% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya.

Keputusan yang kukuh pada setengah tahun pertama telah meredakan sedikit rintangan yang timbul daripada penurunan mendadak dalam harga CPO dalam setengah tahun kedua 2008, dan diiringi dengan kos pengeluaran yang lebih tinggi timbul daripada kemeruapan dalam harga minyak dan baja, Bahagian mencatat keuntungan pra-cukai sebanyak RM160.45 juta, kemerosotan sebanyak 16% berbanding tahun sebelumnya.

Bagi tahun kewangan, FFB dituai meningkat kepada 600,205 tan daripada 567,324 tan berbanding tahun sebelumnya, pertumbuhan sebanyak 6%, terutamanya berpuncu daripada kawasan yang lebih besar di Sugut telah mencapai kematangan atau mencapai usia terbaik.

Disokong oleh rekod volum FFB yang dituai, jumlah FFB yang dikilang termasuk pembelian buah-buahan dari luar dalam empat kilang Bahagian juga telah meningkat sebanyak 4% kepada 750,592 tan (FY 2008: 724,361 tan).

Bahagian Perladangan mempunyai jumlah hektar ditanam seluas 25,555 (2008: 25,293) hektar, yang mana 91% telah mencapai status matang. Daripada jumlah hektar yang ditanam, wilayah Sugut telah menyumbang sehingga 63%, manakala yang selebihnya sebanyak 36% adalah di wilayah Sandakan, Sabah dan 1% di Kalimantan Utara, Indonesia. Penanaman di Indonesia bermula ke arah penutup tahun kewangan, menambah 308 hektar kepada kawasan yang belum matang.

Profil usia ladang-ladang adalah seperti berikut:-

	Hektar	%
<b>Malaysia</b>		
Matang (> 20 tahun)	900	3
Matang - usia terbaik (8 - 20 tahun)	14,449	57
- muda (4 - 7 tahun)	7,764	31
Belum matang (1 - 3 tahun)	2,136	8
<b>Indonesia</b>		
Belum matang (1 - 3 tahun)	308	1



Koleksi debunga untuk pembiakan biji benih kelapa sawit



Perumahan pekerja dalam ladang

Bahagian melancarkan kilang minyak keempatnya iaitu Kilang Minyak Sawit Sabang II ("SBPOM II") dengan keupayaan sebanyak 30 tan setiap jam. Dengan keupayaan ini, Bahagian sekarang mempunyai empat kilang minyak dengan jumlah keupayaan pemprosesan sebanyak 195 tan FFB setiap jam. Kedua-dua output CPO dan isirong kelapa sawit ("PK") meningkat sebanyak 2% masing-masing kepada 157,376 tan (FY 2008: 154,174 tan) dan 35,022 tan (FY 2008: 34,269 tan) berbanding dengan tahun sebelumnya.

Bagi loji penghancur isirong, Bahagian menghancurkan sehingga 40,705 tan (FY 2008: 52,954 tan) isirong bagi mengeluarkan 17,721 tan (FY 2008: 23,042 tan) minyak isirong sawit mentah dan 20,922 tan (FY 2008: 27,717 tan) hampas isirong kelapa sawit untuk mencapai kadar perahan masing-masing sebanyak 43.5% dan 51.4% (FY 2008: 43.5% dan 52.3%).

Bahagian berhadapan dengan keadaan hujan lebat luar biasa untuk tempoh sekejap-sekejap beberapa bulan dalam tahun kewangan, yang mengganggu kegiatan pemindahan tanaman dalam tempoh-tempoh tersebut dan ini telah menjasikan kadar perahan minyak. Purata kadar perahan minyak yang dicapai adalah 21.0%, pengurangan daripada 21.3% dalam tahun sebelumnya. Kadar perahan isirong adalah pada purata 4.7% yang mana kekal pada tahap yang sama seperti tahun sebelumnya.

Manakala terdapat pertumbuhan berterusan dalam penuaian FFB dan impak positif harga CPO dalam tahun, kos kendalian telah melonjak berpuncanya daripada kos yang tinggi yang tidak pernah berlaku sebelum ini bagi baja dan diesel. Sumbangan dibuat kepada Negeri dalam bentuk cukai jualan Sabah, cukai minyak sawit yang dibayar kepada Lembaga Minyak Sawit Malaysia ("MPOB") dan levi keuntungan durian runtuh yang dibayar kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM39.34 juta, pengurangan sebanyak 17% dari tahun sebelumnya.

Terdapat beberapa inisiatif dan langkah yang dilaksanakan untuk selanjutnya meningkatkan kecekapan kendalian dan produktiviti terutamanya untuk membendung kesan kurang baik akibat daripada meningkatnya kos pengeluaran. Seperti mana pada tahun-tahun yang lepas, langkah-langkah pemuliharaan air dan saliran yang bertambah baik telah diterima pakai secara terpilih untuk meningkatkan dan mengekalkan hasil FFB yang tinggi. Selain daripada itu, dalam mengekalkan tahap produktiviti yang tinggi, pengurusan terus mencari jalan untuk merekrut dan mengekalkan pekerja mahir yang mencukupi. Oleh yang demikian, Bahagian menguruskan bahagian ini dengan menyediakan latihan kemahiran berterusan dan memastikan penyeliaan berstruktur dan intensif.

Keperihatinan kepada alam sekitar telah disemat sebagai sebahagian daripada budaya Bahagian di mana kaedah pembangunan jangka panjang yang boleh dikekalkan disokong padu dalam komitmennya kepada pemuliharaan alam sekitar. Oleh yang demikian, Bahagian memastikan agar amalan-agronomi yang baik dan mesra alam sekitar telah dipatuhi dalam pemuliharaan tanah dan air, pengurusan sisa kilang, pengurusan perosak bersepadu, penyesuaian dan pengayaan tanah dan kaedah pembakaran sifar.

# KAJIAN OPERASI CEO

(samb.)



Urusan dengan pemegang amanah harta



Penuaan gugusan buah segar



Taman tumbuhan ubat-ubatan di Sugut

Sebagai menyokong alam sekitar, Bahagian telah memulakan penggunaan baja kompos dengan efluen kilang minyak sawit ("POME") untuk tahun kelima tandan buah kosong ("EFB"). Penggunaan kompos akan mewujudkan baja organik yang meningkatkan keadaan tanah serta juga sebagai pengambilan nutrien. Akibat daripada itu, ini membolehkan perasionalan ke atas penggunaan baja dengan itu membawa kepada penjimatan kos.

Penanaman bermula sebagaimana dijadualkan dalam operasi Bahagian di Indonesia menjelang akhir tahun kewangan. Berikut dengan penuhan tapak semaihan dan kerja-kerja persiapan tapak, upacara penanaman sultung secara rasminya telah dimulakan pada Januari 2009. Pada akhir Mac 2009, lebih kurang 308 hektar tanah telah ditanam. Adalah dijangkakan bahawa rancangan bagi pembersihan tanah dan kerja penanaman akan berjalan dengan lancar dan akan dibangunkan secara progresif peringkat demi peringkat.

Dari segi kemajuan pembangunan usaha sama Bahagian dengan rakan kongsi Indianya, Godrej Agrovet Limited, kedua-dua pihak telah menjalinkan kerjasama rapat bagi memastikan objektif usaha sama sentiasa kekal. Dalam tahun kewangan, Bahagian menyediakan khidmat nasihat agronomi dan pemprosesan kepada syarikat usaha sama, Godrej IJM Palm Oil Limited yang melibatkan lawatan tapak dan tutorial untuk petani-petani di India.

Secara keseluruhan, Bahagian menjangkakan satu lagi tahun yang mencabar meskipun wujudnya kemaruapan dalam harga komoditi. Mengikut beberapa penganalisis minyak sawit, manakala ekonomi global sedang mengalami kemelesetan, harapan bagi harga minyak sawit dirasakan tidak begitu cerah. Sejarar dengan sentimen pasaran bearis dan ketidakpastian akan datang, beberapa penganalisis minyak sawit meramalkan harga untuk jatuh kepada RM1,500 setiap tan dalam setengah tahun kedua 2009. Penganalisis lain lebih yakin harga akan naik atas alasan bahawa bekalan akan menjadi kurang dan dengan yang demikian harga komoditi dijangka akan terus kukuh.

Di peringkat tempatan, Bahagian masih lagi bergelut dengan isu-isu harga baja dan minyak yang menjulang tinggi. Walau bagaimanapun, Bahagian berada pada kedudukan yang baik untuk mencatat prestasi berterusan dan memuaskan. Bahagian akan terus memberi kepentingan utama kepada kecekapan kendaliannya dan memaksimumkan produktiviti buruh. Tanpa mengambil kira ciri-ciri yang di luar kawalan Bahagian, seperti keadaan cuaca yang kurang baik dan kemaruapan dalam pasaran minyak sawit, Bahagian komited dalam mencapai prestasi memuaskan untuk tahun kewangan akan datang.

**Perangkaan Perladangan**


	Unit	FY 2009	FY 2008	FY 2007	FY 2006	FY 2005
<b>LADANG</b>						
Kawasan Kelapa Sawit						
<b>Malaysia</b>						
Matang (> 20 tahun)	hektar	900	–	–	–	–
Matang-Prime (8-20 tahun)	hektar	14,447	15,600	11,877	9,410	8,967
Matang-Muda (4-7 tahun)	hektar	7,764	7,040	10,673	10,946	8,945
Belum Matang (1-3 tahun)	hektar	2,136	2,653	2,871	4,251	6,489
<b>Indonesia</b>						
Belum Matang (1-3 tahun)	hektar	308	–	–	–	–
<b>Jumlah Kawasan Ditanam</b>		<b>25,555</b>	<b>25,293</b>	<b>25,421</b>	<b>24,607</b>	<b>24,401</b>
Pengeluaran FFB	tan	600,205	567,324	504,871	451,677	396,983
Hasil Mengikut Hektar Matang	tan	26.0	25.1	22.4	22.2	22.2
<b>KILANG</b>						
FFB Diproses	tan	750,592	724,361	669,050	622,625	635,476
Isirong Sawit Diproses	tan	40,705	52,954	55,778	56,977	49,607
Pengeluaran						
Minyak Sawit Mentah	tan	157,376	154,174	144,095	139,313	141,054
Isirong Sawit	tan	35,022	34,269	30,277	28,775	28,464
Minyak Isirong Sawit Mentah	tan	17,721	23,042	24,038	24,438	21,947
Hampas Isirong Sawit	tan	20,922	27,717	29,004	29,628	26,229
Kadar Perahan						
Minyak Sawit Mentah	%	21.0	21.3	21.5	22.4	22.2
Isirong Sawit	%	4.7	4.7	4.5	4.6	4.5
Minyak Isirong Sawit Mentah	%	43.5	43.5	43.1	42.9	44.2
Hampas Isirong Sawit	%	51.4	52.3	52.0	52.0	52.9
<b>PURATA KADAR JUALAN</b>						
Minyak Sawit Mentah	RM/tan	2,641	2,544	1,511	1,373	1,500
Isirong Sawit	RM/tan	1,180	1,481	786	941	1,024
Minyak Isirong Sawit Mentah	RM/tan	3,107	3,251	1,863	2,093	2,255
Hampas Isirong Sawit	RM/tan	358	381	198	172	157

DI SEBALIK CABARAN KOS EPC DIPERMODALKAN YANG LEBIH TINGGI TIMBUL DARIPADA KOS BITUMEN DAN KOS BAHAN LAIN YANG TINGGI YANG MENJEASKAN OPERASI TOL LUAR NEGERI, BAHAGIAN INFRASTRUKTUR TERUS MEMBERI PRESTASI YANG BAIK DARIPADA ALIRAN TUNAINYA YANG KUKUH DIHASILKAN DARIPADA KONSESI TOL DAN PELABUHAN MALAYSIA.

# Infrastruktur



*Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS)*



## HARAPAN FY 2010

Manakala terlibat dalam operasi kutipan tol luar negeri, yang masih di peringkat awal tempoh konsesinya, akan terus menghadapi cabaran dari segi volum trafik dan kos hutang yang tinggi, faktor-faktor ini akan dikurangkan oleh kematangan profil aset-aset konsesi sedia ada dan bermulanya kutipan tol penuh berhubung dengan dua aset konsesi baru dan operasi Loji Jana Kuasa Gautami yang akan bermula tidak lama lagi.

# KAJIAN OPERASI CEO

(samb.)

## Pasukan Pengurusan Infrastruktur:



kiri ke kanan

atas:  
• Neoh Soon Hiong  
• Wong Soon Fah  
• Ho Phea Keat

tengah:  
• Mohd Khalid Haji Mohamed  
• Haji Khasbullah Bin A Kadir  
• Simon Thiang Choon Hian

bawah:  
• Wan Salwani Binti Wan Yusof  
• Azah Bin Abdul Aziz



LEKAS dengan jayanya membuka seksyen pertamnya (Kajang Selatan-Pajam) pada Ogos 2008

Bahagian Infrastruktur mencatat peningkatan jumlah dagangan sebanyak 15% kepada RM349.63 juta (FY 2008: RM305.02 juta) disebabkan oleh kutipan yang lebih tinggi daripada konsesi tol beroperasi di Malaysia serta juga konsesi tol di luar negara. Konsesi pelabuhan dan konsesi air menghasilkan keputusan yang pada amnya sejajar dengan tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, keuntungan prakukai Bahagian, jatuh sebanyak 70% kepada RM26.49 juta (FY 2008: RM88.60 juta) memandangkan keuntungan tahun terdahulu termasuk keuntungan sekali daripada pelupusan pelaburan Kumpulan dalam Jambatan Kedua Vivekananda di Kolkata, India bagi RM65.0 juta. Aset-aset infrastruktur Bahagian pada masa ini terdiri daripada sembilan konsesi jalan raya bertol dengan tiga di Malaysia, lima di India dan satu di Argentina, dua pelabuhan - di Pahang dan Terengganu, loji jana kuasa di India dan loji rawatan air di Vietnam.

### Jalan Bertol

Sekali lagi, jalan bertol di Malaysia menyumbang hasil yang besar kepada Bahagian Infrastruktur dalam tahun kewangan. Pada masa ini, terdapat dua jalan bertol tempatan beroperasi yang merupakan 16.6 Km Lebuhraya Besraya ("Besraya") dan 19.6 Km Lebuhraya Pantai Baru ("NPE"). Sebuah jalan bertol masih dalam pembinaan, 44 Km Lebuhraya Kajang-Seremban ("LEKAS") yang 50%-dimiliki Kumpulan. Tempoh konsesi Besraya, NPE dan LEKAS adalah untuk 36, 34 dan 33 tahun dan mereka masing-masing telah beroperasi selama 11, 5 dan kurang daripada 1 tahun (dibuka sebahagian).

Dalam tahun kewangan, jumlah dagangan Besraya telah jatuh sebanyak 5% dari tahun lepas kepada RM52.75 juta. Keuntungan pra-cukainya berkurangan selaras dengan itu sebanyak 12% kepada RM28.86 juta. Kejatuhan boleh dikaitkan kepada kemunculan jalan pintasan tanpa tol alternatif di samping lebuh raya lain yang bersaing seperti SMART dan MEX. Pemansuhan plaza tol Salak Jayanya pada Februari 2009 juga telah menjelaskan prestasinya. NPE menunjukkan prestasi yang lebih baik dengan mencatat jumlah dagangan sebanyak RM79.19 juta, peningkatan sebanyak 14% dari tahun sebelumnya. Keuntungan prakukainya telah pulih kepada RM3.39 juta daripada kerugian pra-cukainya sebanyak RM3.85 juta pada tahun yang lepas. Prestasi yang bertambah baik boleh dikaitkan kepada pertumbuhan dua digit dalam volum trafik.

Berdasarkan perjanjian konsesi, kedua-dua jalan bertol Besraya dan NPE diberikan kebenaran untuk menaikkan kadar tol bagi semua kelas kenderaan berkuat kuasa 1 Januari 2009. Ianya telah ditunda oleh Kerajaan kepada Mac 2009 dan sekali lagi hingga Januari 2010 bagi meringankan beban kewangan orang awam yang berhadapan dengan kemelesetan ekonomi global. Selain daripada itu, kerajaan, dalam usahanya untuk meringankan beban orang awam, telah mengurangkan kadar tol bagi Kelas 5 (Bas) sebanyak 50% pada September 2008 dan telah menghapuskan dua plaza tol - PJS 2 NPE (Menghalau KL) dan plaza tol Salak Jaya Besraya pada Februari 2009. Ini mengakibatkan pampasan tunai sebanyak RM184 juta telah diberikan kepada NPE manakala sebahagian daripada pampasan kepada Besraya dibuat dalam bentuk pelebaran lebuh raya dikenali sebagai Pelebaran Bahagian Utara Besraya ("BEE").



Plaza tol Salak Jaya daripada Lebuh Raya Besraya telah ditutup pada Februari 2009



Jalan bertol Jaipur Mahua di India



Plaza tol NPE PJS 2 (KL Bound) telah ditutup pada Februari 2009 untuk meringankan beban rakyat.



Sistem Pengangkutan Pintar LEKAS membantu dalam mengurangkan kesesakan, memantau keselamatan dan jaminan sepanjang lebuh raya

LEKAS memulakan pengutipan tol berseksyen apabila berjaya membuka seksyen pertamanya (Kajang Selatan-Pajam) pada Ogos 2008 diikuti dengan seksyen kedua (Pajam-Mantin) pada Disember 2008, kedua-dua yang mana telah siap lebih awal daripada yang dijadualkan. Menjelang akhir 2009, ia dijadualkan untuk menyiapkan seksyen ketiganya (Mantin-Selul) dan menjelang Mac 2010, penyiapan sepenuhnya keseluruhan jalan raya - yang dijangka akan menyumbang perolehan yang konsisten kepada Bahagian. Sejak memulakan pengutipan tol mengikut seksyen, LEKAS mencatat jumlah dagangan sebanyak RM1.63 juta dan kerugian pra-cukai sebanyak RM6.26 juta disebabkan oleh pelunasan aset lebuh raya, kos kewangan dan volum trafik permulaan yang rendah daripada lebuh raya yang belum siap.

BEE sepanjang 12.3 Km akan datang telah dirancang untuk mengurangkan kesesakan di sepanjang beberapa persimpangan di kawasan Timur Kuala Lumpur dan bertindak sebagai laluan alternatif dari bahagian Timur ke Selatan Kuala Lumpur. Projek bernilai RM649 juta ini adalah diserah kepada Besraya untuk membina, menyelenggara dan mengendali lebuh raya tersebut. Pembinaan dijangka akan bermula pada suku ketiga tahun 2009 dan akan mengambil masa lebih kurang 3 tahun untuk siap.

Di tengah-tengah prestasi sederhana yang dicatat oleh jalan-jalan raya bertol tempatan, terdapat cabaran yang semakin meningkat dalam industri tol daripada pembinaan lebuh raya baru, kemunculan laluan alternatif tanpa tol, peningkatan di sepanjang rangkaian jalan raya dan keadaan ekonomi yang bergerak perlahan - kesemuanya telah menjelaskan volum trafik. Walau bagaimanapun, bahagian tempatan yakin akan dapat mempertahankan pertumbuhan dua digitnya dan akan terus berusaha bagi mencapai produktiviti dan kecekapan yang lebih tinggi untuk mengekalkan keberuntungan.

# KAJIAN OPERASI CEO

(samb.)



Operasi Limbungan Kontena di Pelabuhan Kuantan, Pahang



Pemuatan Paip Keluli ke atas Kapal di Pelabuhan Kuantan

Di India, jalan raya bertol Bahagian yang beroperasi seperti Swarna milik 35% (145 Km) dan jalan bertol (387 Km) milik penuh Rewa telah beroperasi selama lima tahun dengan peningkatan jumlah trafik. Tambahan terkininya adalah laluan (108 Km) Jaipur-Mahua milik penuhnya yang memulakan pengutipan tol mengikut seksyen dalam tahun kewangan. Pengutipan tol sepenuhnya dijangka pada tahun kewangan semasa. Bahagian boleh menjangka prestasi yang lebih baik dalam tahun-tahun yang mendatang apabila konsesi mencapai tempoh matang. Kerja pembinaan pada jalan bertol Trichy milik 50% (93 Km) terus mencapai kemajuan yang baik. Konsesi jalan bertol terkini, jalan bertol Chilkaluripet-Vijayawada milik 50% (79 Km) dijangka akan memulakan kerja pembinaan dalam tahun kewangan yang mendatang. Jalan bertol memegang tempoh konsesi berkisar dari 16 hingga 31 tahun. Dalam tahun kewangan, jalan bertol India menyumbang hasil sebanyak RM71.37 juta (FY 2008: RM26.77 juta) dan kerugian pra-cukai sebanyak RM21.38 juta (FY 2008: RM29.69 juta). Kerugian yang lebih rendah boleh dikaitkan kepada peningkatan pengutipan tol dalam tempoh berpunca daripada peningkatan volum trafik. Kerugian ini telah dijangka memandangkan ia masih lagi berada di peringkat awal pengutipan tol apabila trafik adalah rendah dan kos hutang adalah tinggi.

Di Argentina, Grupo Concesionario del Oeste S.A. ("Grupo") milik 20% Kumpulan yang mengendalikan konsesi 21-tahun ke atas Jalan Raya Bertol Akses Barat (56 Km) di Buenos Aires, yang mencapai peningkatan jumlah dagangan sebanyak 8% kepada RM34.60 juta sepanjang tahun lepas disebabkan oleh peningkatan volum trafik. Di sebalik peningkatan jumlah dagangan, Kumpulan walau bagaimanapun, berkongsi kerugian bersih sebanyak RM4.02 juta, 3.75 kali lebih tinggi dari tahun lepas disebabkan oleh kos buruh dan tahap pelunasan yang lebih tinggi. Sebagai sebahagian daripada

rundingan semula kontrak konsesi, Grupo telah berjaya mendapatkan semakan kadar tol bagi kenderaan ringan pada Januari 2009 sebanyak 43%. Harapan trafik bagi 2009 adalah lebih kurang 5% lebih rendah daripada 2008 disebabkan kemelesetan ekonomi tetapi Grupo dijangka akan dapat menampung kenaikan kos buruh mengikut had munasabah.

Prospek Kumpulan dalam perniagaan jalan raya bertol terus kekal positif dengan pendedahan risiko operasi dan kewangan yang terbatas dan akan terus menyumbang aliran pendapatan berulang yang stabil kepada perolehan Kumpulan. Modal insan dan kemahiran pengurusan Kumpulan yang tidak ternilai diiringi dengan pengetahuan industri ekstensif di peringkat tempatan dan luar negara, akan memastikan Bahagian Tol menjadi penyumbang utama kepada perolehan Kumpulan apabila aset-aset matang.

## Pelabuhan

Kumpulan mempunyai dua konsesi pelabuhan dalam kumpulan aset-aset konsesinya yang menyumbang secara positif kepada untung rugi Kumpulan. Dalam tahun kewangan, keputusan Pelabuhan Kuantan adalah konsisten dengan keputusan tahun terdahulu apabila mencapai keuntungan pra-cukai sebanyak RM33.10 juta (FY 2008: RM33.30 juta) berbelakangkan jumlah dagangan sebanyak RM99.40 juta (FY 2008: RM99.30 juta). Krisis kewangan global telah mengakibatkan daya pemprosesan kargonya untuk merosot sebanyak 9% kepada 9.1 juta tan berat muatan dari tahun lepas, terutamanya dalam eksport kimia cecair, bijih besi dan kontena. Dengan itu, hasil daripada operasi pelabuhan yang membentuk kira-kira 80% daripada jumlah dagangan keseluruhan telah jatuh sebanyak 2% kepada RM79.90 juta. Muatan tanan kasar berdaftar ("GRT") kapal yang singgah di Pelabuhan Kuantan pada FY 2009 kekal pada 15.70 juta (FY 2008: 15.70 juta) GRT.

39% pegangan Bahagian dalam Pelabuhan Kemaman, Terengganu yang mengendalikan Dermaga Timur dan Himpitan Kimia Cecair, menunjukkan prestasi yang baik dengan mencatat jumlah dagangan sebanyak RM32.20 juta, naik 16% dari tahun lepas. Keuntungan pra-cukainya meningkat sebanyak 4% kepada RM9.90 juta terutamanya disebabkan oleh perkhidmatan pengendalian kargo dan marin.

Bahagian Pelabuhan terus melabur dalam kemudahan pelabuhan yang akan menghasilkan pulangan yang baik kepada untung rugi mereka. Dalam tahun kewangan, himpitan minyak sawit baru no. 3 dan 200-meter himpitan kontena no. 3 telah diaktifkan. Bahagian meneruskan usaha-usahanya untuk menukar Pelabuhan Kuantan kepada pelabuhan mega bagi menjadi hab antarabangsa dan mempelopori pembangunan di negeri-negeri Pantai Timur sejajar dengan objektif Wilayah Ekonomi Pantai Timur ("ECER"). Industri pelabuhan tempatan masih lagi dalam laluan pertumbuhan dan bersedia untuk berkembang dalam tempoh jangka masa panjang walaupun krisis kewangan global semasa telah membantutkan sedikit pertumbuhannya dalam jangka pendek. Kedudukan Malaysia sebagai negara perdagangan global dan pertumbuhan ekonominya yang mapan menjadikan pelabuhan-pelabuhan tempatan, termasuk Kuantan dan Kemaman, menjadi penyedia perkhidmatan pelabuhan yang mudah bingkas dan Kumpulan yakin dengan sumbangsan yang lebih positif dan stabil daripada Bahagian Pelabuhan pada tahun-tahun yang akan datang.



Jalan Bertol Akses Barat di Buenos Aires, Argentina

### Loji Kuasa

Konsesi loji kuasa tunggal Kumpulan di Andhra Pradesh, India adalah loji milik 20%nya Gautami Power, Loji Kuasa Kitaran Gabungan 469 MW berdasarkan gas asli. Pembinaan loji telah disiapkan tetapi pengaktifan ditangguhkan disebabkan oleh ketiadaan gas. Pengaktifan baru-baru ini telah dimulakan pada 5 Jun 2009.

### Loji Rawatan Air

Di Vietnam, syarikat bersekutu milik 36% sekutu Binh An Water Corporation Ltd menyumbang keuntungan bersih sebanyak RM2.95 juta, meningkat sedikit daripada keuntungan tahun lepas sebanyak RM2.79 juta, bagi bahagian keuntungan kami dalam tahun pada dasarnya disebabkan oleh penggunaan air yang lebih tinggi. Pelaburan dijangka akan menyumbang kepada aliran pendapatan yang stabil kepada Kumpulan sehingga tahun 2019.

Pada masa ekonomi yang mencabar ini, Kumpulan akan meneruskan usahanya untuk membida secara terpilih projek-projek infrastruktur dalam pasaran tempatan dan antarabangsa bagi membina portfolio pelaburan infrastruktur terpelbagai dan terbaiknya bagi pendapatan berulang.

### KESIMPULAN

Dalam konteks persekitaran kendalian yang amat sukar, prestasi Kumpulan adalah membanggakan. Maju ke hadapan, persekitaran perniagaan akan kekal mencabar di tengah-tengah ketidakpastian global. Pelonggaran monetari global dan pakej rangsangan campur tangan kelihatan telah berjaya meneguhkan ekonomi-ekonomi utama tetapi pemulihan keseluruhan masih belum kelihatan. Di tengah-tengah situasi ini, kelihatan peluang-peluang yang Kumpulan boleh gunakan bagi mendatangkan hasil. Pakej rangsangan Malaysia memberikan harapan bagi peningkatan buku pesanan bagi Bahagian Pembinaan dan Industri manakala persekitaran kadar faedah yang paling rendah dalam sejarah telah menggalakkan permintaan ke atas harta. Pemulihan baru-baru ini dalam harga CPO diramalkan akan menunjukkan prestasi yang memuaskan Bahagian Perladangan. Konsesi tol Malaysia yang semakin matang dan operasi jana kuasa 20% milik Gautami akan mengurangkan keputusan negatif dijangka daripada jalan raya bertol yang baru beroperasi di India.

Strategi-strategi kami untuk menumpukan pada pengukuhan kehadiran kami dalam pasaran yang baru muncul manakala mengambil kesempatan daripada peluang-peluang dalam pasaran tempatan akan berterusan. Dan dengan langkah berjaga-jaga yang konstans dan pengurusan proaktif ke atas operasi kami, kami percaya kami akan terus mengatasi cabaran dan mencapai keputusan memuaskan dalam tahun-tahun yang akan datang.

Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan  
CEO & Pengarah Urusan

# PENYATA URUS TADBIR KORPORAT

URUS TADBIR KORPORAT YANG BAIK SENTIASA MENJADI PERKARA YANG AMAT PENTING KEPADA KUMPULAN SEJAK PENUBUHANNYA LAGI, DAN IA MERUPAKAN BAHAGIAN ASAS AMALAN BUDAYA DAN PERNIAGAAN KUMPULAN, OLEH ITU, LEMBAGA PENGARAH ("LEMBAGA") SENTIASA PROAKTIF BERHUBUNG DENGAN URUS TADBIR KORPORAT DAN SECARA BERTERUSAN MEMASTIKAN AGAR PRINSIP-PRINSIP DAN AMALAN-AMALAN TERBAIK URUS TADBIR YANG BAIK SEBAGAIMANA DINYATAKAN DALAM KOD MALAYSIA MENGENAI URUS TADBIR KORPORAT ("KOD") DIGUNAKAN SECUKUPNYA OLEH SEMUA SYARIKAT DALAM

KUMPULAN DAN KAKITANGANNYA

UNTUK MELINDUNGI KEPENTINGAN SEMUA PEMEGANG PELBAGAI KEPENTINGAN DAN MENINGKATKAN NILAI PEMEGANG SAHAM, LEMBAGA ADALAH KOMITED UNTUK MEMASTIKAN BAHWA PIAWAIAN TERTINGGI BAGI URUS TADBIR KORPORAT DIKENDALIKAN PADA KESELURUHAN KUMPULAN DENGAN INTEGRITI, KETELUSAN DAN PROFESIONALISME DEMI KEMAJUAN BERTERUSAN DAN KEJAYAAN JANGKA PANJANG KUMPULAN.



Lembaga Pengarah dan Setiausaha pada Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan di hotel Kumpulan, Holiday Villa Hotel & Suites Subang di Selangor

## I. LEMBAGA PENGARAH

### 1. Komposisi Lembaga

Daripada dua belas (12) ahli Lembaga, lapan adalah Pengarah Bukan Eksekutif. Antara para Pengarah Bukan Eksekutif, empat merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Pengerusi adalah salah seorang daripada Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Datuk Yahya bin Ya'acob adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan, yang boleh menjawab sebarang pertanyaan atau kebimbangan berhubung dengan Kumpulan di samping Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan ("CEO & MD").

Peranan Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas dan CEO & MD adalah berbeza dan berasingan. Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas meluangkan masa untuk memberi penjelasan mengenai isu-isu yang ditimbulkan oleh pemegang-pemegang saham dan pelabur-pelabur untuk memastikan integriti dan keberkesanannya proses urus tadbir Lembaga. Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas juga kerap mengadakan dialog dengan CEO & MD mengenai semua perkara operasi dan bertindak sebagai fasilitator dalam mesyuarat Lembaga. Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas semasa sebelum ini tidak memegang jawatan CEO & MD dalam Kumpulan.

CEO & MD mempunyai tanggungjawab keseluruhan bagi pengurusan harian perniagaan dan pelaksanaan dasar dan keputusan Lembaga. CEO & MD juga bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan matlamat strategik, operasi berkesan dalam Kumpulan, dan untuk menerangkan, menjelaskan dan memaklumkan kepada Lembaga mengenai perkara-perkara berhubung dengan Kumpulan. Pembahagian tanggungjawab di antara Pengerusi dan CEO & MD ini memastikan kebertanggungjawaban diberi keutamaan yang tinggi.

Komposisi dan saiz Lembaga disemak dari masa ke masa bagi memastikan kesesuaiannya. Profil setiap Pengarah dibentangkan pada muka surat 26 hingga 33.

## 2. Tugas-tugas dan Tanggungjawab Lembaga

Lembaga mengetuai, memberi arahan strategik dan mengurus Kumpulan. Para Pengarah adalah para profesional dalam bidang kejuruteraan, kewangan, perakaunan, ekonomi atau pentadbir awam kanan yang berpengalaman. Bersama-sama, mereka membawa rangkaian meluas kekompetenan, kebolehan, kemahiran teknikal dan pengalaman perniagaan yang relevan untuk memastikan agar Kumpulan terus menjadi peneraju yang berdaya saing dalam industri pembinaan dengan reputasi yang kukuh bagi kekompetenan teknikal dan profesional.

Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif memberi pertimbangan bebas ke atas isu-isu strategi, prestasi perniagaan, sumber dan standard tatalaku. Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif Bebas pula memberi pandangan yang bebas dan membina untuk memastikan strategi yang dicadangkan oleh pengurusan dikaji dan ditimbangkan sepenuhnya demi kepentingan Kumpulan dan juga pemegang-pemegang pelbagai kepentingan.

Lembaga bertanggungjawab terutamanya bagi rancangan strategik menyeluruh Kumpulan untuk prestasi perniagaan, menyelia pengendalian perniagaan yang teratur, rancangan penggantian, pengurusan risiko, program perhubungan pelabur, kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan. Manakala Lembaga bertanggungjawab untuk membentuk rangka kerja dan polisi dalam mana Kumpulan harus beroperasi, pihak pengurusan bertanggungjawab bagi pelaksanaan polisi yang dinyatakan dan pencapaian objektif korporat Kumpulan yang dinyatakan. Pembatasan ini melengkap dan memperkuatkan peranan penyeliaan Lembaga.

Syarikat boleh dari masa ke masa menggunakan khidmat Pengarah-pengarah Eksekutif yang telah bersara untuk peranan khusus dalam operasi Syarikat bagi tempoh-tempoh khusus. Pengarah-pengarah ini akan dibayar imbuhan untuk perkhidmatan mereka.

## 3. Mesyuarat Lembaga

Lembaga mengadakan sekurang-kurangnya empat (4) mesyuarat berjadual tetap setiap tahun, dengan mesyuarat tambahan diadakan bila dan apabila perlu. Dalam tahun kewangan, lima (5) mesyuarat Lembaga telah diadakan.

Rekod kehadiran setiap Pengarah adalah seperti berikut:-

	Bilangan Mesyuarat Dihadiri	Peratusan
<b>Pengarah Eksekutif</b>		
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	5 daripada 5	100%
Teh Kean Ming*	4 daripada 4	100%
Dato' Goh Chye Koon	5 daripada 5	100%
Soo Heng Chin	5 daripada 5	100%
<b>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas</b>		
Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	5 daripada 5	100%
Tan Sri Abdul Halim bin Ali	5 daripada 5	100%
Datuk Oh Chong Peng	5 daripada 5	100%
Datuk Yahya bin Ya'acob	5 daripada 5	100%
<b>Pengarah Bukan Eksekutif</b>		
Datuk Hj Hasni bin Harun**	4 daripada 5	80%
Datuk Lee Teck Yuen	4 daripada 5	80%
Dato' David Frederick Wilson	4 daripada 5	80%
Dato' (Dr) Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad	5 daripada 5	100%
<b>Pengarah Silih Ganti</b>		
Tan Gim Foo, Pengarah Silih Ganti kepada Soo Heng Chin	3 daripada 5	60%
Teh Kean Ming, Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon*	1 daripada 1	100%

\* Berhenti menjadi Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon pada 1 Julai 2008 dan dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan pada 1 Julai 2008

\*\* Berhenti menjadi Pengarah Silih Ganti kepada A. K. Feizal Ali pada 21 April 2008 dan dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif pada 21 April 2008

Selain daripada menghadiri mesyuarat Lembaga ini, Pengarah-pengarah juga mengambil bahagian dalam beberapa mesyuarat mempertimbangkan tender dan/atau taklimat pelaburan di mana ahli-ahli mempertimbangkan penyertaan Kumpulan dalam bida dan/atau pelaburan projek besar. Mesyuarat dan perundingan tidak rasmi sering kali dan secara bebas diadakan untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman. Para Pengarah juga menghadiri dialog pengurusan kanan tahunan di mana strategi operasi, kemajuan prestasi dan isu-isu lain dikemukakan secara ekstensif, dibincangkan dan dimaklumkan kepada pengurus-pengurus kanan Kumpulan.

# PENYATA URUS TADBIR KORPORAT

(samb.)



Para Pengarah dan pengurus kanan Kumpulan menyertai Dialog Pengurusan Kanan tahunan 2008 di Genting International Convention Centre

## 4. Bekalan Maklumat

Sebagai peraturan am, laporan Lembaga diedarkan kepada semua Pengarah lebih awal daripada mesyuarat-mesyuarat yang dijadualkan untuk memberi mereka peluang bagi mendapat penjelasan atau mencari maklumat tambahan mengenai prestasi kewangan entiti dan unit perniagaan, dan lain-lain isu yang mungkin memerlukan perbincangan dan keputusan.

Antara lain, laporan menyediakan maklumat mengenai isu-isu utama mengenai operasi, kewangan dan korporat, kegiatan dan prestasi projek, prestasi bahagian dan alasan-alasan bagi pelencongan ketara daripada bajet dan perubahan besar dalam struktur Kumpulan dan urus niaga sekuriti (termasuk ringkasan urus niaga sekuriti para Pengarah, Pegawai Utama dan pemegang-pemegang saham utama).

Para Pengarah juga dimaklumkan mengenai sebarang pengumuman korporat yang dikeluarkan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities"). Mereka juga dimaklumkan mengenai sekatan yang akan berkuat kuasa pada bila-bila masa dalam berurusan dengan sekuriti Syarikat sekurang-kurangnya satu bulan sebelum pengeluaran pengumuman keputusan kewangan suku tahunan.

Selain daripada itu, terdapat jadual perkara-perkara yang diketepikan secara khusus untuk pertimbangan Lembaga, seperti kelulusan rancangan korporat dan bajet tahunan, pembelian dan pelupusan usaha niaga dan harta bernilai besar, dan perubahan kepada struktur pengurusan dan kawalan dalam Kumpulan, termasuk polisi penting, had kuasa yang ditugaskan dan penyertaan dalam pertimbangan tender untuk projek pembinaan melebihi had yang diwujudkan.

Semua Pengarah mempunyai akses kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat sepenuh masa yang dilantik oleh Lembaga, dan mereka telah diberikan Manual Penyenaraian Bursa Securities, Kod, Penyata mengenai Kawalan Dalaman: Garis panduan bagi para Pengarah Syarikat Tersenarai Awam dan Kod Etika bagi para Pengarah dan Setiausaha, kemas kini mengenai perundungan syarikat dan sekuriti dan lain-lain kaedah dan peraturan dan perundungan berkenaan.

Para Pengarah telah memperkenalkan prosedur di mana mereka boleh mengambil nasihat bebas di mana perlu, atas perbelanjaan Syarikat, dalam melaksanakan tugas-tugas mereka.

## 5. Jawatankuasa Ditubuhkan oleh Lembaga

Lembaga telah menugaskan fungsi-fungsi tertentu kepada Jawatankuasa yang ia tubuhkan untuk membantu dalam pelaksanaan tanggungjawabnya. Jawatankuasa beroperasi di bawah bidang tugas yang telah ditetapkan. Pengerusi Jawatankuasa tertentu melaporkan kepada Lembaga keputusan mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa dan laporan-laporan tersebut dimasukkan dalam kertas-kertas Lembaga.

### A. Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa Eksekutif telah ditubuhkan pada 31 Mac 1995 dan keahliannya terdiri daripada Pengarah-pengarah Eksekutif Lembaga. Jawatankuasa Eksekutif bermesyuarat secara bulanan untuk mengkaji prestasi bahagian operasi Kumpulan. Turut menghadiri adalah Ketua Bahagian, Ketua Pegawai Kewangan dan Setiausaha Syarikat dan Ketua-ketua jabatan berkaitan.

Bidang tugas Jawatankuasa Eksekutif termasuklah yang berikut:-

- membuat keputusan mengenai semua urus niaga dan perkara berkaitan dengan perniagaan teras Kumpulan atau pelaburan sedia ada dalam kuasa terbatas diberi melalui had-had yang ditentukan oleh Lembaga; dan
- membuat keputusan mengenai semua perkara berkaitan dengan kemudahan perbankan sebagaimana mungkin diperlukan dalam melaksanakan operasi Kumpulan.

Dalam tahun kewangan, 11 mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif telah diadakan. Rekod kehadiran setiap ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:-

Pengarah Eksekutif	Bilangan Mesyuarat Dihadiri	Peratusan
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	11 daripada 11	100%
Teh Kean Ming*	7 daripada 8	88%
Dato' Goh Chye Koon	10 daripada 11	91%
Soo Heng Chin	10 daripada 11	91%

\*En Teh Kean Ming telah menjadi ahli Jawatankuasa sejak pelantikan beliau sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan pada 1 Julai 2008

#### B. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada 31 Januari 1994 dan dipengerusikan oleh Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng. Lain-lain ahli Jawatankuasa Audit adalah Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob, Y. Bhg. Tan Sri Abdul Halim bin Ali dan Y. Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob. Bidang tugas dan ringkasan kegiatan Jawatankuasa Audit dikemukakan pada muka surat 102 hingga 105.

#### C. Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan



Jawatankuasa Imbuhan telah ditubuhkan pada 2 Disember 1998 dan telah dinamakan semula sebagai Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan pada 16 Mei 2001. Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan dipengerusikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob. (*tengah kiri*). Tiga pengarah yang lain daripada Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan adalah Y. Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob (*tengah kanan*), Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng (*kiri*) dan Y. Bhg. Datuk Lee Teck Yuen (*kanan*).

Bidang tugas Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan termasuk yang berikut:-

- (i) mewujudkan dan mengkaji terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan & imbuhan Pengarah Eksekutif dan eksekutif kanan Kumpulan;
- (ii) mengkaji dan meluluskan kenaikan gaji dan bonus tahunan Pengarah-pengarah Eksekutif dan eksekutif kanan Kumpulan;
- (iii) mengkaji, mengesyorkan dan menimbangkan calon-calon kepada Lembaga Syarikat, anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan, termasuk jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga;
- (iv) mengkaji dan menentukan campuran kemahiran, pengalaman dan kualiti-kualiti lain, termasuk kekompetenan teras Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif, atas dasar tahunan; dan
- (v) menilai keberkesanan Lembaga secara keseluruhan, jawatankuasa Lembaga dan sumbangan setiap Pengarah atas dasar tahunan.

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan akan bermesyuarat sebagaimana diperlukan. Tiga mesyuarat telah diadakan dalam tahun kewangan. Satu mesyuarat, yang telah dihadiri oleh semua ahli, telah diadakan dalam tahun kewangan. Semua pengesyoran Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan adalah tertakluk kepada ratifikasi Lembaga.

# PENYATA URUS TADBIR KORPORAT (samb.)

## D. Jawatankuasa Sekuriti dan Opsyen

Jawatankuasa Sekuriti dan Opsyen (SOC) telah ditubuhkan pada 27 Ogos 2007 menggabungkan peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Saham dan Jawatankuasa Skim Opsyen Saham Kakitangan (ESOS), yang telah ditubuhkan sebelum ini masing-masing pada 3 September 1986 dan 30 Oktober 2003. SOC bertanggungjawab dalam melaksanakan dan mentadbir ESOS Syarikat, dan mengawal dan meluluskan urus niaga dan pendaftaran sekuriti. SOC terdiri daripada Y. Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob (Pengerusi), Y. Bhg. Dato' Goh Chye Koon dan Mr Soo Heng Chin.

## 6. Pelantikan Lembaga

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan bertanggungjawab untuk membuat pengesyoran kepada Lembaga, termasuk lembaga anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu. Dalam membuat pengesyoran-pengesyoran ini, Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan menimbangkan campuran kemahiran dan pengalaman yang diperlukan, yang para Pengarah harus bawa kepada Lembaga.

## 7. Pemilihan semula

Tataurusan Pertubuhan memperuntukkan agar semua Pengarah hendaklah menawarkan diri mereka bagi pemilihan semula sekurang-kurangnya setiap tiga tahun dalam mematuhi syarat-syarat penyenaraian Bursa Sekuriti. Tataurusan Pertubuhan Syarikat juga memperuntukkan bahawa satu pertiga daripada Lembaga hendaklah bersara daripada jawatan dan menjadi layak untuk pemilihan semula pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan.

Pengarah-pengarah yang berumur lebih daripada tujuh puluh tahun dikehendaki untuk menawarkan diri mereka bagi pelantikan semula setiap tahun selaras dengan Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965 ("Akta").

## 8. Latihan Para Pengarah

Semua Pengarah telah menghadiri Program Pentaulahan Mandatori Para Pengarah yang dianjurkan oleh Bursa Sekuriti. Para Pengarah juga menerima latihan selanjutnya dari masa ke masa khususnya mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan baru yang berkenaan dan perubahan risiko-risiko komersil. Kursus induksi yang ringkas diberikan oleh Setiausaha Syarikat kepada para Pengarah baru yang dilantik ke Lembaga.

Syarikat menyedari mengenai kepentingan latihan berterusan bagi para Pengarah untuk membolehkan para Pengarah melaksanakan tugas-tugas mereka secara berkesan, dan akan atas dasar berterusan, menilai dan menentukan keperluan latihan para Pengarahnaya.

Dalam tahun, tiga (3) seminar telah dianjurkan untuk para Pengarah dan pengurusan kanan seperti berikut:-

- 1) Memahami Penyata Kewangan bagi para Pengarah dan Pengurusan Kanan, satu bengkel dianjurkan oleh PricewaterhouseCoopers ("PwC") pada 11 Jun 2008;
- 2) Bajet 2009, satu seminar dianjurkan oleh PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd pada 16 September 2008; dan
- 3) FTSE Indeks Komposit Bursa Malaysia Kuala Lumpur (KLCI), satu taklimat dianjurkan oleh Bursa Malaysia Berhad pada 2 Mac 2009.

Selain daripada itu, penonjolan Bajet Mini 2009 bertajuk 'Managing Taxes in Challenging Times' disediakan oleh PwC telah diberikan kepada para Pengarah untuk mengemas kini mereka dengan perubahan-perubahan dalam perundangan cukai.

Kemas kini mengenai undang-undang syarikat dan sekuriti, kaedah dan peraturan berkaitan yang lain, seperti pindaan kepada Akta, Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Sekuriti, Kod, Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007 dan garis panduan Suruhanjaya Sekuriti baru juga disediakan kepada Lembaga, bersama dengan kertas Lembaga, supaya mereka memahami tentang perkembangan terkini dalam bidang-bidang ini.

Di mana mungkin dan apabila peluang timbul, mesyuarat Lembaga boleh diadakan di lokasi dalam perniagaan-perniagaan Kumpulan yang beroperasi untuk membolehkan para Pengarah mendapat perspektif yang lebih baik mengenai perniagaan dan mempertingkat pemahaman mereka mengenai operasi Kumpulan.



Bengkel untuk para Pengarah dan Pengurusan Kanan

Dalam tahun kewangan, ahli-ahli Jawatankuasa Audit bersama dengan ahli-ahli Lembaga yang lain telah berbincang dengan pasukan pengurusan di ibu pejabat operasi India di Hyderabad dan dengan pasukan projek di projek Municipal Corporation of Delhi di New Delhi, projek Raintree Park Township di Kukatpally, Hyderabad dan projek Mahua-Jaipur Highway di Jaipur, Rajasthan.

## II. IMBUHAN

Polisi imbuhan Syarikat adalah berdasarkan falsafah bahawa Kumpulan tidak berhasrat untuk menjadi peneraju pasaran dari segi gaji pokok tetapi akan memberi pertimbangan besar ke atas bonus berkaitan prestasi. Ini termaktub dalam polisi imbuhan bagi para Pengarah Eksekutif.

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan mengkaji secara tahunan polisi imbuhan bagi Pengarah Eksekutif untuk memastikan bahawa mereka diberi ganjaran sewajarnya bagi sumbangan mereka kepada pertumbuhan dan keberuntungan Kumpulan.

Prestasi para Pengarah diukur melalui sumbangan dan komitmen Pengarah kepada kedua-dua Lembaga dan Kumpulan. Imbuhan Pengarah Eksekutif akan bergantung kepada pencapaian matlamat (termasuk sasaran organisasi yang telah ditentukan jumlahnya dan pencapaian peribadi) ditetapkan pada permulaan setiap tahun.

Dalam hal Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif, tahap imbuhan menggambarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab dipikul oleh Pengarah Bukan Eksekutif tertentu.

Lembaga menentukan imbuhan Pengarah-pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif. Syarikat membayar balik perbelanjaan munasabah yang ditanggung oleh para Pengarah ini dalam perjalanan tugas mereka sebagai para Pengarah.

# PENYATA URUS TADBIR KORPORAT (samb.)

## 1. Yuran

Yuran perlu dibayar kepada Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan. Yuran perlu dibayar berdasarkan tahap tanggungjawab dan penyertaan Pengarah dalam Lembaga dan Jawatankuasanya.

## 2. Gaji Pokok

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan melaksanakan kajian tahunan ke atas gaji pokok bagi semua eksekutif kanan mengambil kira prestasi individu dan syarikat, dan amalan dalam industri. Kumpulan mengambil bahagian dalam soal-selidik khusus industri oleh firma profesional bebas untuk mendapatkan data semasa dalam menandakan aras Kumpulan.

## 3. Skim Bonus dan Insentif

Kumpulan melaksanakan skim bonus & insentif bagi semua kakitangan, termasuk Pengarah-pengarah Eksekutif. Kriteria bagi skim adalah bergantung kepada prestasi kewangan Kumpulan berdasarkan formula yang sedia wujud dan prestasi setiap individu kakitangan. Bonus dan insentif yang perlu dibayar kepada Pengarah-pengarah Eksekutif dikaji dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan dan diendors oleh Lembaga.

## 4. Faedah Bukan Dalam Bentuk Wang

Faedah-faedah lazim lain seperti penjagaan perubatan peribadi (termasuk insurans penyakit kritikal) dan kereta, disediakan selaras dengan garis panduan yang dibentangkan dalam Skim & Syarat-Syarat Perkhidmatan IJM.

## 5. Pengaturan Pencen

Caruman dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, sebuah pelan caruman dinyatakan mandatori negara, berhubung dengan semua kakitangan dan Pengarah-pengarah Eksekutif yang menetap di Malaysia. Selain daripada kadar caruman berkanun sebanyak 12%, Kumpulan menawarkan caruman tambahan berkisar daripada 1% hingga 5% kepada semua kakitangan berdasarkan tempoh perkhidmatan.

## 6. Opsyen Saham dan Waran Para Pengarah

Kumpulan juga menawarkan kakitangan dengan opsyen saham di bawah ESOS. ESOS Syarikat telah tamat pada 10 November 2008. Dalam tahun kewangan 2006, Kumpulan telah menerbitkan 10,000,000 waran kepada kakitangan pengurusan yang berhak pada RM0.05 setiap waran.

Pergerakan dalam opsyen saham dan waran para Pengarah dalam tahun kewangan dibentangkan pada muka surat 144 dan 145.

## 7. Imbuhan Para Pengarah

Butir-butir mengenai imbuhan para Pengarah dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:-

A. Agregat imbuhan para Pengarah dikategorikan kepada komponen-komponen yang sesuai:

	Gaji RM'000	Yuran RM'000	Bonus, Insentif & Lain-lain RM'000	KWSP RM'000	Faedah Bukan Dalam Bentuk Wang RM'000	Jumlah RM'000
Pengarah Eksekutif	2,664	77	2,269	918	135	6,063
Pengarah Bukan Eksekutif	879	498	328	110	60	1,875

Selain daripada itu, eluan sebanyak RM1,000 telah dibayar kepada Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif bagi setiap mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa dihadiri.

B. Agregat imbuhan setiap Pengarah:

	RM'000
<b>Pengarah Eksekutif</b>	
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	2,916^
Teh Kean Ming	780^
Dato' Goh Chye Koon	1,719^
Soo Heng Chin	648^
<b>Pengarah Bukan Eksekutif</b>	
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	155
Tan Sri Abdul Halim bin Ali	71
Datuk Oh Chong Peng	84
Datuk Yahya bin Ya'acob	82
Datuk Hj Hasni bin Harun	41*
Datuk Lee Teck Yuen	63
Dato' David Frederick Wilson	536
Dato' (Dr) Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad	54
<b>Pengarah Silih Ganti</b>	
Tan Gim Foo, Pengarah silih ganti kepada Soo Heng Chin	789^

\* Yuran dan elaun telah dibayar kepada Zelan Berhad.

^ Imbuhan diterima daripada Syarikat-syarikat Kumpulan IJM.

### III. PERHUBUNGAN PELABUR DAN KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM

#### 1. Dialog Antara Syarikat dengan para Pelabur

Syarikat memberi perhatian utama dalam memastikan taraf tertinggi ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pendedahan maklumat yang penting kepada pemegang-pemegang sahamnya serta pelabur-pelabur berpotensi dan orang awam.

Ini dicapai melalui pengumuman dan pendedahan tepat pada masa dibuat kepada Bursa Securities dalam tahun, termasuk pengumuman keputusan kewangan atas asas suku tahunan. Keputusan kewangan teraudit tahun penuh Syarikat telah diumumkan dalam tempoh dua (2) bulan selepas akhir tahun kewangan. Laporan tahunan diumumkan dalam tempoh empat (4) bulan selepas akhir tahun kewangan dan mengandungi ulasan mengenai aspek perniagaan, kewangan dan operasi daripada prestasi Kumpulan, keterangan ringkas mengenai perkhidmatan dan produk Kumpulan dan penyata kewangan Kumpulan.

Kumpulan kerap mengadakan dialog dengan penganalisis kewangan sebagai cara komunikasi pelabur yang berkesan. Sekurang-kurangnya dua Taklimat Ringkas Syarikat berjadual diadakan setiap tahun, biasanya berkebetulan dengan pengumuman keputusan suku tahunan kedua dan akhir Kumpulan untuk menjelaskan keputusan yang dicapai dan strategi masa hadapan. Sidang Akhbar biasanya diadakan selepas Mesyuarat Agung Tahunan dan/atau Mesyuarat Agung Luar Biasa.

Syarikat juga mengambil bahagian dalam beberapa forum pelabur institusi tempatan dan di luar Malaysia dalam tahun kewangan. Ringkasan kegiatan perhubungan pelabur Kumpulan dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:-

	Bilangan mesyuarat
<b>Mesyuarat biasa dengan para pelabur/pengurus dana/penganalisis, dsb</b>	
1. Taklimat Ringkas Syarikat	2
2. Mesyuarat dengan para pelabur/pengurus dana melawat	113
<b>Persembahan Kunjungan Pelabur Luar Negeri/Persidangan</b>	
1. Singapura	1
2. Hong Kong	1
3. Sydney, Australia	1
4. London, United Kingdom	1
5. New York, USA	1

Sebarang maklumat yang mungkin dianggap sebagai material tidak akan diberi kepada mana-mana pemegang saham tunggal atau kumpulan pemegang saham atas asas pilihan kecuali sehingga tahap perwakilan mereka dalam Lembaga.

# PENYATA URUS TADBIR KORPORAT (samb.)

## 2. Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan adalah forum utama bagi dialog dengan pemegang-pemegang saham. Notis mesyuarat dan laporan tahunan dihantar kepada pemegang-pemegang saham sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh mesyuarat selaras dengan Tataurusan Pertubuhan Syarikat.

Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, pembentangan dibuat oleh CEO & MD untuk menerangkan strategi, prestasi dan perkembangan utama Kumpulan kepada pemegang-pemegang saham. Lembaga juga menggalakkan pemegang-pemegang saham untuk turut serta dalam sesi soal jawab di Mesyuarat Agung Tahunan. Pengerusi dan, di mana sesuai, CEO & MD menjawab soalan pemegang-pemegang saham dalam mesyuarat. Di mana perlu, Pengerusi akan menyediakan jawapan bertulis kepada mana-mana soalan penting yang tidak dapat dijawab dengan senang dalam mesyuarat tersebut.

Dalam hal pemilihan semula para Pengarah, notis mesyuarat akan menyatakan Pengarah mana yang dicalonkan bagi pemilihan atau pemilihan semula.

Setiap perkara urusan khas dimasukkan dalam notis mesyuarat diiringi dengan penjelasan untuk resolusi yang dicadangkan.

## 3. Fungsi Perhubungan Pelabur

Kumpulan, menyedari kepentingan perhubungan pelabur, telah menubuhkan Jabatan Perhubungan Pelabur, untuk membangunkan dan mengekalkan secara berterusan program perhubungan pelabur dan secara seimbang memaklumkan kepada pemegang-pemegang saham dan komuniti kewangan mengenai pembangunan Kumpulan dalam cara yang berkesan, jelas dan tepat pada masanya.

## 4. Keterbukaan dan Ketelusan

Kumpulan telah menubuhkan sebuah laman web yang sangat komprehensif dan semasa di <http://www.ijm.com> untuk selanjutnya meningkatkan perhubungan pelabur dan komunikasi pemegang-pemegang saham. Antara lain, laman web menyediakan maklumat mengenai pergerakan harian sekuriti-sekuriti Syarikat, pengumuman korporat yang dikeluarkan kepada Bursa Malaysia, apa orang lain kata mengenai Kumpulan, laporan tahunan, minit-minit mesyuarat agung, pengagihan dividen, dividen-dividen tidak dituntut, urus niaga sekuriti para Pengarah, Pegawai-pegawai Prinsipal dan pemegang-pemegang saham utama, dan profil Kumpulan.

Untuk memberi khidmat yang lebih baik kepada pemegang-pemegang pelbagai kepentingan Kumpulan, satu halaman maklum balas pada laman web menyediakan satu jalan untuk pemegang-pemegang saham mencadangkan penambahbaikan melalui emel: [ijmir@ijm.com](mailto:ijmir@ijm.com). Selain daripada itu, pemegang-pemegang pelbagai kepentingan yang ingin untuk menghubungi bahagian masing-masing Kumpulan boleh berbuat demikian melalui halaman 'Contact Us'.

Pertanyaan-pertanyaan pelabur berhubung dengan prestasi kewangan atau perkembangan syarikat boleh disalurkan kepada Pengurus Perhubungan Pelabur manakala soalan berkaitan pemegang saham dan syarikat boleh dirujuk kepada Setiausaha Syarikat, yang butir-butir hubungan dimuatkan dalam bahagian 'Maklumat untuk Pelabur' pada muka surat 43 hingga 44.

## IV. KEBERTANGGUNGJAWAPAN DAN AUDIT

### 1. Pelaporan Kewangan

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan dan pengumuman suku tahunan kepada pemegang-pemegang saham, Lembaga berhasrat untuk mengemukakan penilaian seimbang dan boleh difahami mengenai kedudukan dan prospek Kumpulan. Ini juga terpakai kepada lain-lain laporan awam yang sensitif harga dan laporan-laporan kepada pengawal atur.



Pemegang saham turut serta dalam sesi soal jawab dalam Mesyuarat Agung Tahunan

## 2. Penyata Tanggungjawab Para Pengarah

Para Pengarah diperlukan oleh Akta untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan selaras dengan peruntukan Akta dan piawaian perakaunan diluluskan terpakai untuk memberi gambaran sebenar dan adil tentang keadaan hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan dan mengenai keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah:

- i) menerima pakai polisi perakaunan yang sesuai yang diamalkan secara konsisten;
- ii) membuat pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemah;
- iii) memastikan bahawa semua piawaian perakaunan diluluskan terpakai telah diikuti; dan
- iv) menyediakan penyata kewangan atas dasar usaha berterusan memandangkan para Pengarah mempunyai jangkaan munasabah, setelah membuat pertanyaan, bahawa Kumpulan dan Syarikat mempunyai sumber yang mencukupi untuk terus beroperasi pada masa hadapan yang boleh diramal.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab untuk memastikan agar Syarikat menyimpan rekod perakaunan yang mendedahkan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat yang agak tepat secara munasabah dan yang membolehkan mereka untuk memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi Akta.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab keseluruhan dalam mengambil langkah-langkah tertentu sebagaimana terbuka secara munasabah kepada mereka bagi melindungi aset-aset Kumpulan dan Syarikat, dan untuk menghalang penipuan dan lain-lain ketakteraturan. Kumpulan juga telah melaksanakan Polisi & Prosedur bagi Melaporkan Penipuan, Pembaziran dan/atau Penyalahgunaan melibatkan Sumber-sumber Syarikat, di bawah mana, sekiranya kakitangan mengesyaki bahawa penipuan, pembaziran, atau penyalahgunaan telah berlaku, kakitangan digalakkan untuk dan diberikan jalan langsung untuk menghubungi Jabatan Audit Dalaman Syarikat ,CEO & MD atau Setiausaha Syarikat.

## 3. Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman Kumpulan dikemukakan pada muka surat 106 hingga 109.

## 4. Perhubungan dengan Juruaudit

Peranan Jawatankuasa Audit berhubung dengan juruaudit luar dikemukakan pada muka surat 102 hingga 105.

## 5. Yuran Bukan Audit

Jumlah yuran bukan audit ditanggung bagi perkhidmatan oleh juruaudit luar dan syarikat-syarikat berkaitan mereka kepada Syarikat bagi FY 2009 berjumlah RM0.8 juta.

## 6. Urus Niaga Pihak Berkaitan


Urus Niaga pihak berkaitan penting Kumpulan bagi tahun kewangan dinyatakan dalam Nota 51 kepada Penyata Kewangan. Nota ini juga membentangkan urus niaga berulang yang dijalankan dalam tempoh selaras dengan mandat am diperolehi daripada pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luarbiasa yang diadakan pada 26 Ogos 2008.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi mereka bertarikh 8 Julai 2009.

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob  
Pengerusi

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

DALAM TAHUN KEWANGAN,  
JAWATANKUASA AUDIT MENJALANKAN  
KEWAJIPAN DAN TANGGUNGJAWABNYA  
SELARAS DENGAN BIDANG TUGASNYA  
DAN MENGADAKAN PERBINCANGAN  
DENGAN JURUAUDIT DALAMAN,  
JURUAUDIT LUAR DAN KAKITANGAN  
PENGURUSAN. TIDAK ADA SALAH  
NYATAAN ATAU KERUGIAN, KONTIGENSI  
ATAU KETIDAKPASTIAN MATERIAL YANG  
TELAH TIMBUL DARIPADA KAJIAN DAN  
PERBINCANGAN.



AHLI-AHLI JAWATANKUASA AUDIT

kiri ke kanan:

- Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob • Y. Bhg. Tan Sri Abdul Halim bin Ali
- Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng • Y. Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob

## SUMMARY OF ACTIVITIES FOR THE FINANCIAL YEAR KEAHLIAN DAN BIDANG TUGAS JAWATANKUASA AUDIT

### KEAHLIAN

Jawatankuasa Audit akan dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan para Pengarah Bukan Eksekutif dan akan dianggotai tidak kurang daripada tiga ahli, dengan majoriti daripada mereka merupakan Pengarah-pengarah bebas. Ahli-ahli Jawatankuasa Audit akan memilih seorang Pengurus daripada kalangan mereka, dan yang hendaklah merupakan Pengarah bebas. Pengarah silih ganti tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

Sekurang-kurangnya seorang daripada ahli Jawatankuasa Audit:

- (i) hendaklah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia; atau
- (ii) sekiranya beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, ahli hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja dan:
  - (a) hendaklah lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
  - (b) hendaklah merupakan ahli salah satu persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
- (iii) memenuhi syarat-syarat lain tertentu sebagaimana ditetapkan atau diluluskan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia").

Pengerusi Jawatankuasa Audit, Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng adalah Akauntan Bertauliah yang berkelayakan, ahli Fellow Institute of Chartered Accountants of England and Wales, dan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia.

Lembaga Pengarah hendaklah mengkaji tempoh jawatan dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap daripada ahli-ahlinya sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun untuk menentukan sama ada ahli-ahli Jawatankuasa Audit telah menjalankan kewajipan mereka selaras dengan bidang tugas.

## MESYUARAT

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun dengan dihadiri oleh Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Audit Dalaman dan wakil-wakil daripada juruaudit luar. Ahli-ahli Lembaga yang lain dan pengurusan kanan boleh menghadiri mesyuarat atas jemputan Jawatankuasa Audit. Sekurang-kurangnya dua kali setahun, Jawatankuasa Audit hendaklah bermesyuarat dengan juruaudit luar dan juruaudit dalaman tanpa mana-mana pegawai eksekutif Kumpulan turut hadir. Juruaudit, kedua-dua dalaman dan luar, boleh meminta diadakan satu mesyuarat sekiranya mereka anggap ianya perlu.

Pengerusi Jawatankuasa Audit berbincang atas dasar berterusan dengan pengurusan kanan seperti CEO & MD, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Audit Dalaman dan juruaudit luar, untuk sentiasa mengetahui perkembangan terkini mengenai perkara-perkara dan isu-isu yang melibatkan Kumpulan.

Kuorum terdiri daripada dua orang ahli yang hadir dan yang majoritinya mesti merupakan Pengarah bebas.

Setiausaha Syarikat akan bertindak sebagai setiausaha kepada Jawatankuasa Audit. Minit-minit setiap mesyuarat akan diedarkan kepada setiap ahli Lembaga, dan Pengerusi Jawatankuasa hendaklah melaporkan mengenai isu-isu utama yang dibincangkan dalam setiap mesyuarat kepada Lembaga.

Dalam tahun kewangan, Jawatankuasa Audit mengadakan 5 mesyuarat. Ahli-ahli Jawatankuasa Audit dan butir-butir kehadiran mereka dalam mesyuarat Jawatankuasa dibentangkan di bawah:

	Bil. mesyuarat	
	diadakan dalam tahun	dihadiri
Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng <i>Pengerusi Jawatankuasa Audit</i> <i>(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)</i>	5	5
Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob <i>Ahli</i> <i>(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)</i>	5	5
Y. Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob <i>Ahli</i> <i>(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan)</i>	5	5
Y. Bhg. Tan Sri Abdul Halim bin Ali <i>Ahli</i> <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)</i>	5	4

## KUASA

Jawatankuasa Audit akan mempunyai kuasa berikut sebagaimana diberi oleh Lembaga:

- untuk menyiasat sebarang kegiatan dalam bidang-bidang tugasnya;
- akses penuh, bebas dan tidak terbatas kepada sebarang maklumat yang berkaitan dengan Kumpulan;
- saluran komunikasi secara langsung dengan juruaudit luar dan dalaman serta semua kakitangan Kumpulan; dan
- untuk mendapat nasihat profesional bebas luar jika perlu.

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

(samb.)

## TUGAS-TUGAS

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab utama Jawatankuasa secara kolektif:

- (1) Untuk mengkaji laporan suku tahunan kepada Bursa Malaysia dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan sebelum dikemukakan kepada Lembaga, dengan terutamanya menumpukan kepada hal-hal yang berikut:
  - (i) andaian usaha berterusan;
  - (ii) apa-apa perubahan dalam polisi dan amalan perakaunan;
  - (iii) isu-isu penting yang timbul daripada audit;
  - (iv) pematuhan dengan piawaian perakaunan, syarat-syarat berperaturan dan perundangan yang lain; dan
  - (v) isu-isu penting yang memerlukan pertimbangan.
- (2) Untuk menimbang pencalonan dan pelantikan juruaudit luar, serta yuran audit mereka.
- (3) Untuk menimbang mana-mana surat peletakan jawatan daripada juruaudit luar, dan mana-mana persoalan mengenai peletakan jawatan atau pemecatan.
- (4) Untuk berbincang dengan juruaudit luar, sebelum permulaan audit, rancangan audit mereka, yang hendaklah menyatakan sifat audit, dan untuk memastikan penyelarasan audit di mana ia melibatkan lebih daripada satu firma audit.
- (5) Untuk mengkaji dengan juruaudit luar, penilaian mereka terhadap sistem kawalan dalaman, surat pengurusan mereka dan jawapan pengurusan.
- (6) Untuk mengkaji bantuan yang diberikan oleh kakitangan Syarikat kepada juruaudit luar.
- (7) Untuk mengkaji yang berikut berhubung dengan audit dalaman:
  - (i) kecukupan skop audit, fungsi, kekompetenan dan sumber fungsi audit dalaman dan bahawa ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan fungsinya;
  - (ii) rancangan, program dan kegiatan audit dalaman;
  - (iii) penemuan-penemuan utama penyiasatan audit dalaman dan jawapan pengurusan, dan memastikan tindakan wajar diambil ke atas pengesyoran-pengesyoran fungsi audit dalaman;
  - (iv) penilaian prestasi kakitangan fungsi audit dalaman;
  - (v) pelantikan atau penamatan ahli-ahli kakitangan kanan fungsi audit dalaman; dan
  - (vi) peletakan jawatan ahli-ahli kakitangan audit dalaman dan memberi ahli kakitangan yang meletak jawatan peluang untuk mengemukakan alasan beliau meletak jawatan.
- (8) Untuk memantau mana-mana urusniaga pihak berkaitan dan keadaan di mana percanggahan kepentingan mungkin timbul dalam Syarikat atau Kumpulan, termasuk sebarang urusniaga, prosedur atau perjalanan tindakan yang menimbulkan persoalan integriti pengurusan, dan untuk memastikan bahawa para Pengarah melaporkan urusniaga tersebut secara tahunan kepada para pemegang saham melalui laporan tahunan.
- (9) Untuk mengkaji laporan-laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko berhubung dengan kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan.
- (10) Untuk membincang masalah dan reservasi timbul daripada audit luar interim dan akhir, dan apa-apa perkara juruaudit luar dan/atau juruaudit dalaman mungkin ingin bincangkan (tanpa kehadiran pengurusan, di mana perlu).
- (11) Untuk mengkaji semua maklumat kewangan prospektif yang diberikan kepada pengawal atur dan/atau orang-orang awam.
- (12) Untuk melapor dengan segera kepada Bursa Malaysia mengenai apa-apa perkara yang dilaporkan olehnya kepada Lembaga, yang tidak diselesaikan secara memuaskan mengakibatkan pelanggaran Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia.
- (13) Untuk menimbang mana-mana perkara lain sebagaimana mungkin diarahkan oleh Lembaga dari masa ke masa.

## RINGKASAN KEGIATAN BAGI TAHUN KEWANGAN

Dalam tahun kewangan, Jawatankuasa Audit menjalankan kegiatan-kegiatan yang berikut:

### 1.0 Pelaporan Kewangan

- Mengkaji pengumuman keputusan kewangan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan;
- Dalam mengkaji penyata kewangan teraudit tahunan, Jawatankuasa Audit berbincang dengan pengurusan dan juruaudit luar prinsip-prinsip perakaunan dan piawaian yang digunakan dan pertimbangan mereka akan perkara-perkara yang boleh mempengaruhi penyata-penyata kewangan.

### 2.0 Audit Dalaman

- Mengkaji rancangan audit tahunan dicadangkan oleh Juruaudit Dalaman untuk memastikan kecukupan skop dan liputan kerja;
- Mengkaji keberkesanan proses audit, keperluan sumber bagi tahun dan menilai prestasi Jabatan Audit Dalaman;
- Mengkaji laporan audit yang dibentangkan oleh Juruaudit Dalaman dan penemuan dan pengesyoran mereka berhubung dengan kelemahan sistem dan kawalan. Jawatankuasa Audit kemudian mencadangkan agar kelemahan kawalan diperbetulkan dan pengesyoran bagi penambahbaikan dilaksanakan.

### 3.0 Audit Luar

- Mengkaji strategi audit juruaudit luar, rancangan audit dan skop kerja bagi tahun;
- Mengkaji penemuan laporan juruaudit luar, khususnya isu-isu yang ditimbulkan dalam surat pengurusan dan memastikan di mana wajar, tindakan pembetulan yang perlu telah diambil oleh pengurusan.

### 4.0 Jawatankuasa Pengurusan Risiko

- Mengkaji laporan dan penilaian Jawatankuasa Pengurusan risiko;

### 5.0 Urus Niaga Pihak Berkaitan

- Mengkaji urus niaga pihak berkaitan yang timbul dalam Kumpulan.

## LATIHAN

Dalam tahun, ahli Jawatankuasa Audit telah menghadiri seminar dan program latihan dalam bidang-bidang yang berikut:

- (a) Bengkel Memahami Penyata Kewangan;
- (b) Seminar Bajet 2009; dan
- (c) Taklimat FTSE Bursa Malaysia KLCI.

## FUNGSI AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman Kumpulan dijalankan oleh Jabatan Audit Dalaman, yang melapor terus kepada Jawatankuasa Audit mengenai kegiatannya berdasarkan Rancangan Audit Dalaman tahunan yang diluluskan. Rancangan Audit Dalaman tahunan yang diluluskan dibuat untuk meliputi projek-projek dan entiti-entiti di semua peringkat operasi dalam Kumpulan. Jabatan Audit Dalaman menerima pakai pendekatan pgauditan berdasarkan risiko, mengambil kira amalan terbaik global dan piawaian industri.

Ketua Audit Dalaman melapor terus kepada Jawatankuasa Audit dan mempunyai akses langsung kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit ke atas semua isu kawalan dalaman dan audit.

Peranan utama Jabatan Audit Dalaman adalah untuk menyediakan Jawatankuasa Audit dengan laporan bebas dan objektif, dilaksanakan secara adil, cekap dan berhati-hati secara profesional sewajarnya, ke atas keberkesanan sistem kawalan dalaman dalam Kumpulan. Jawatankuasa Audit kemudiannya membincangkan mengenai laporan audit dalaman untuk memastikan pengesyoran daripada laporan-laporan telah diambil tindakan sewajarnya oleh pengurusan.

## KEGIATAN AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN KEWANGAN

Dalam tahun kewangan, audit dalaman yang dilaksanakan meliputi pembinaan, harta, industri dan bahagian infrastruktur, serta operasi luar negara Kumpulan. Jabatan terus memberikan khidmat audit dalaman kepada IJM Land Berhad dan IJM Plantations Berhad, dan dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan nilai ditambah, ia juga memainkan peranan penasihat aktif dalam mengkaji dan mempertingkatkan kawalan dalaman sedia ada dalam Kumpulan.

# PENYATA KAWALAN DALAMAN

SISTEM KAWALAN DALAMAN DAN AMALAN PENGURUSAN RISIKO YANG KUKUH, DAN URUS TADBIR KORPORAT YANG BAIK - INI ADALAH CIRI-CIRI DAN NILAI-NILAI PENTING YANG LEMBAGA PENGARAH CUBA UNTUK PUPUK DAN KEKALKAN PADA KESELURUHAN KUMPULAN.

LEMBAGA MENGESEHKAN TANGGUNGJAWAB KESELURUHANNYA BAGI SISTEM KAWALAN DALAMAN DAN PENGURUSAN RISIKO KUMPULAN IJM, DAN BAGI MENGKAJI KECUKUPAN DAN INTEGRITI SISTEM TERSEBUT. WALAU BAGAIMANAPUN IA HARUS DIPERHATIKAN, BAHWA SISTEM TERSEBUT DIREKA UNTUK MENGURUS DAN BUKAN MENGHAPUSKAN RISIKO KEGAGALAN UNTUK MENCAPAI OBJEKTIF PERNIAGAAN. SELAIN DARIPADA ITU, HARUS DIPERHATIKAN BAHWA SISTEM-SISTEM SEDEMİKIAN HANYA BOLEH MEMBERI JAMINAN MUNASABAH, DAN BUKAN JAMINAN MUTLAK, TERHADAP SALAH NYATAAN ATAU KERUGIAN MATERIAL.

PROGRAM PENGURUSAN RISIKO BERTERUSAN YANG BERSTRUKTUR DAN LENGKAP TELAH DISEDIAKAN UNTUK MENGENAL PASTI, MENDOKUMENTASI, MENILAI, MENGAWASI DAN MENGURUS RISIKO KETARA YANG MEMPENGARUHI PENCAPAIAN OBJEKTIF DAN MATLAMAT PERNIAGAAN KUMPULAN.

## RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Lembaga telah menubuhkan struktur organisasi dengan garis-garis kebertanggungjawaban dan kuasa ditugaskan yang nyata. Ia telah meluaskan tanggungjawab Jawatankuasa Audit untuk merangkumi kerja pengawasan semua kawalan dalaman bagi pihaknya, dengan bantuan Jabatan Audit Dalaman (rujuk Laporan Jawatankuasa Audit).

Kumpulan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, dan termasuk wakil-wakil daripada semua bahagian perniagaan, termasuk operasi luar negara kami, serta daripada jabatan-jabatan sokongan operasi Ibu Pejabat berkenaan. Setiap fungsi pengurusan risiko bahagian perniagaan diketuai oleh ketua bahagian masing-masing. Setiap suku tahun, RMC melapor secara tetap kepada Jawatankuasa Audit, yang meluangkan masa yang berasingan untuk membincangkan subjek ini.



Dengan menerima pakai pendekatan berdasarkan risiko, RMC telah diberi tugas untuk membangun, melaksana dan menyelenggara sistem pengurusan risiko berkesan untuk melindungi pelaburan pemegang-pemegang saham dan aset-aset Kumpulan.

Kajiannya meliputi perkara-perkara seperti tindak balas kepada risiko-risiko ketara yang dikenal pasti termasuk ketidakpatuhan dengan undang-undang, peraturan-peraturan dan garis panduan terpakai, perubahan-perubahan kepada kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan, dan output daripada proses-proses pengawasan.

Sistem pengurusan risiko Kumpulan telah ditubuhkan dengan bantuan pakar-pakar dari luar. Taksiran dan penilaian risiko dilaksanakan sebagai bahagian penting kitaran perancangan strategik tahunan. Setelah mengenal pasti risiko-risiko pencapaian objektif strategik, kewangan, operasi dan lain-lain objektif perniagaan, setiap unit perniagaan atau kefungsian diperlukan untuk mendokumenkan tindakan pengurangan beban pengurusan bagi setiap risiko ketara. Bidang-bidang baru diperkenalkan untuk penilaian apabila profil risiko perniagaan berubah.

Di bawah sistem ini, setiap unit perniagaan atau kefungsian, tidak termasuk syarikat bersekutu atau usaha sama, menyediakan secara tahunan 'pelakaran risiko' yang meringkas risiko-risiko, kawalan dan proses-proses bagi menguruskannya dan cara-cara bagi menjamin pengurusan bahawa proses-proses adalah berkesan. Ibu pejabat Kumpulan juga menimbaangkan risiko-risiko kepada objektif-objektif strategik Kumpulan, yang tidak ditangani oleh unit-unit perniagaan atau kefungsian. Pelakaran risiko dan mana-mana cadangan perubahan kepada kawalan-kawalan dan proses-proses dilaporkan kepada RMC yang meringkaskannya untuk pertimbangan oleh Jawatankuasa Audit.

Sebagai sebuah syarikat global dengan portfolio perniagaan terpelbagai, Kumpulan IJM terdedah kepada banyak risiko. Perlindungan insurans yang mencukupi dan sentiasa dikaji di mana ia tersedia atas termas yang boleh diterima dari segi ekonomi untuk meminimumkan kesan kewangan berkaitan, disediakan.

### PENGURUSAN RISIKO PASARAN

Risiko pasaran timbul daripada keadaan ekonomi dan sifat kitaran yang sedia ada perniagaan teras Kumpulan iaitu pembinaan, pembangunan harta dan pengilangan yang melibatkan prestasi dan keberuntungan Kumpulan. Kelembapan ekonomi semasa, menjadikan peluang-peluang bagi peningkatan buku tempahan lebih mencabar dan bersaing, dengan yang demikian Kumpulan memberi tumpuan pada projek-projek terpilih serta menerokai pelbagai perniagaan yang berpotensi dan pempelbagai mengikut kawasan. Sektor harta kekal mencabar di tengah-tengah permintaan yang semakin berkurangan mengakibatkan Kumpulan untuk menerima pakai strategi pasaran yang lebih agresif dan fleksibel dalam penawaran produk-produknya untuk sesuai dengan permintaan pasaran.

### PROSES PENGURUSAN RISIKO

#### Risiko Mengenal Pasti

#### Penilaian Kemungkinan Dikesan

#### Pengawasan & Pelaporan

#### Mengurangkan Risiko-risiko Ketara

Sejak sekian lama, Kumpulan telah mencebur niaga luar negara, khususnya dalam pasaran-pasaran yang baru muncul seperti India, Timur Tengah, Pakistan dan China. Manakala Kumpulan boleh memasuki pasaran-pasaran tersebut, kerja-kerja asing yang datang bersama dengan risiko-risiko tambahan mengambil kira persekitaran kendalian dan ekonomi yang berbeza dan persekitaran ekonomi serta persaingan sengit daripada pengusaha-pengusaha tempatan dan antarabangsa. Menyedari bahawa pasaran-pasaran yang sedang muncul juga turut terjejas oleh kelembapan global, Kumpulan kini menumpukan pada pasaran tempatan untuk menambah tempahan dan mengekalkan keuntungan.

### PENGURUSAN RISIKO KOMODITI

Risiko komoditi adalah kesan yang timbul daripada kemeruapan harga-harga komoditi termasuk turun naik mata wang yang menjelaskan prestasi perniagaan khususnya perniagaan perlادangan Kumpulan. Kelapa sawit sebagai satu komoditi adalah tertakluk kepada untung rugi kitaran. Atas alasan tersebut, pengurusan secara berterusan mengawasi harga komoditi, dilengkapi dengan lindungan nilai melalui jualan hadapan dan pengawasan rapi akan trend harga komoditi-pengganti utama seperti minyak dan lemak.

### PENGURUSAN RISIKO KREDIT DAN KECAIRAN

Risiko kredit dan kecairan timbul daripada ketidakupayaan untuk mendapatkan semula hutang-hutang yang mungkin mempunyai kesan teruk ke atas untung rugi serta aliran tunai operasi dan pembiayaan. Bagi mengurangkan pendedahan kepada risiko sedemikian, Kumpulan telah mengambil langkah-langkah tambahan untuk mengawasi dengan lebih teliti aliran tunai, penggunaan kredit yang lebih berkesan serta lebih banyak usaha-usaha bersama untuk mengutip hutang-hutang yang tertunggak untuk memastikan penggearan berada pada tahap yang selesa.

# PENYATA KAWALAN DALAMAN (samb.)

## PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Risiko operasi yang timbul daripada faktor-faktor seperti kerosakan dalam sistem dan peralatan, keadaan penggunaan melebihi keupayaan, kekurangan sumber buruh mahir dan keadaan cuaca yang kurang baik menjelaskan operasi perniagaan dan pencapaian objektif perniagaan. Untuk mengurus risiko kegagalan sistem dan peralatan, Kumpulan mematuhi dengan ketat polisi-polisi, prosedur-prosedur, proses-proses, kawalan mutu dan amalan-amalan terbaik untuk memastikan perjalanan lancar operasi perniagaan. Untuk menangani isu-isu penggunaan melebihi keupayaan semasa kelembapan ekonomi semasa, Kumpulan secara berterusan mengkaji rancangan perniagaannya, mengekalkan hubungan baik dengan penjual-penjual dan mencari penggunaan alternatif loji-loji terbir. Kumpulan telah menyediakan skim imbuhan yang menarik untuk menarik dan mengekalkan buruh mahir bagi memenuhi keperluan sedia ada dan masa hadapan. Untuk menghadapi musim panas seperti El Nino yang menjelaskan tanaman kelapa sawit, bahagian perladangan mematuhi manual penanaman, melaksanakan amalan pertanian yang baik, melaksanakan langkah-langkah penjimatan air dan pengairan untuk mengekalkan hasil pengeluaran yang tinggi.



CEO & MD, Dato' Krishnan Tan diiringi oleh ahli Lembaga, Datuk Lee Teck Yuen ahli-ahli mesyuarat Pengurusan Pelabuhan Kuantan

### Elemen penting lain kawalan dalaman

Di samping pengurusan risiko elemen-elemen penting lain bagi sistem kawalan dalaman Kumpulan termasuk:

- perwakilan tanggungjawab yang dinyatakan dengan jelas kepada Jawatankuasa Lembaga dan kepada unit-unit pengendalian, termasuk tahap kuasa bagi semua aspek perniagaan yang dinyatakan dalam campuran kuasa;
- polisi dan prosedur kendalian standard yang didokumenkan dengan jelas yang adalah tertakluk kepada semakan dan peningkatan secara tetap;
- komunikasi atas ke bawah akan nilai-nilai syarikat seperti pencegahan penipuan dan jalan-jalan bagi pengaduan salah laku;
- maklumat tetap dan komprehensif yang disediakan kepada pengurusan, meliputi prestasi kewangan dan petunjuk perniagaan penting, seperti penggunaan kakitangan, prestasi aliran tunai, keadaan ekonomi dan pasaran semasa;
- proses penyediaan bajet yang terperinci di mana unit-unit kendalian menyediakan bajet-bajet bagi tahun mendatang yang diluluskan di kedua-dua peringkat unit bahagian dan oleh Lembaga;
- pengawasan secara bulanan keputusan berbanding bajet dan keputusan-keputusan tempoh terdahulu, dengan varians-variанс utama diambil tindakan susulan dan tindakan-tindakan pengurusan diambil, di mana perlu;
- taklimat syarikat dengan juruanalisis secara suku tahunan atau sebagaimana diperlukan yang diadakan pada hari pengumuman keputusan kewangan, selepas kelulusan Lembaga, untuk memaklumkan pemegang-pemegang saham, pemegang-pemegang pelbagai kepentingan dan orang awam mengenai prestasi Kumpulan dan menggalakkan ketelusan dan perbincangan terbuka; dan
- mengadakan lawatan-lawatan ke unit-unit operasi oleh ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan bagi membiasakan diri dengan perniagaan dan operasi.



Latihan asas kebakaran di tapak projek

## PEMATUHAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN

Kumpulan telah menyediakan bahagian undang-undang dalaman yang ketuanya melapor secara langsung kepada Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan. Beliau adalah seorang jurutera dan peguam mengikut profesion dan telah bekerja dengan pelbagai organisasi selama lebih 20 tahun sebelum menyertai Kumpulan pada 2007. Beliau menyediakan input undang-undang berbanding dengan pematuhan peruntukan berkanun dan berperaturan, serta nasihat undang-undang mengenai perkara-perkara perniagaan dan operasi.

## RANCANGAN PEMULIHAN BENCANA

Dengan ancaman kerosakan atau kegagalan sistem maklumat pengurusan ("MIS") atau keruntuhan dan lain-lain bencana yang berpotensi seperti kebakaran atau kegagalan perkakasan utama, antara lain, keberterusan operasi perniagaan adalah menjadi tumpuan utama.

Sejajar dengan itu, Kumpulan telah baru-baru ini telah menubuhkan satu tapak pengeluaran bagi sistem ERPnya di pusat penghosan luaran Cyberjaya, Kuala Lumpur yang telah direka bentuk untuk hampir bebas daripada bencana manakala Pusat Data IJM yang sedia ada di Wisma IJM terus menempatkan aplikasi bukan ERP. Pusat Data IJM juga akan bertindak sebagai tapak panas bagi pemulihran sistem, atau sebaliknya, jika sekiranya berlaku kegagalan MIS. Sokongan Data dilaksanakan secara sistematik setiap hari dan dihantar ke lokasi penyimpanan luar tapak. Sekiranya berlaku gangguan besar yang menyebabkan kehilangan data, sistem aplikasi akan dipulihkan dalam masa 48-72 jam untuk memastikan keberterusan operasi perniagaan.

Latihan pengurusan kejadian yang kerap diadakan di kawasan harta dan tapak projek kami berkisar dari latihan keselamatan kebakaran asas sehingga latihan pemindahan besar-besaran dijalankan untuk memastikan kakitangan kami sentiasa bersedia dan biasa dengan rancangan tindak balas kecemasan dan pengurusan krisis kami.

Kumpulan secara berterusan membangunkan dan mempertingkatkan rancangan pengurusan keberterusan perniagaannya untuk memastikan keberterusan fungsi perniagaan kritikal sekiranya berlaku krisis.

## PENILAIAN RISIKO TAHUNAN

Dalam tahun kewangan, semua Bahagian dalam Kumpulan telah menjalankan semakan tahunan mereka ke atas profil risiko dan selaras dengan itu perubahan-perubahan tertentu kepada pengurusan risiko dan proses kawalan dalaman telah dibuat. Perubahan-perubahan telah disemak oleh RMC dan kemudiannya telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit.

Kumpulan kekal berjaga-jaga, lebih-lebih lagi, semasa krisis ekonomi global semasa. Kumpulan telah mengenal pasti bidang-bidang utama yang perlu diberi perhatian dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan kesan buruknya; beberapa bidang ini termasuk kos bahan binaan yang meningkat naik, kecairan yang ketat, pengutipan yang lembap, permintaan harta yang merosot dan turun naik harga komoditi. Beberapa kelemahan kawalan dalaman yang kecil telah dikenal pasti semasa kajian, kesemua yang mana telah, atau sedang, ditangani. Tidak ada satu pun daripada bidang-bidang berkenaan telah mengalami mengakibatkan kerugian material, kontigensi atau ketidakpastian.

Penyepadan dan pelarasan operasi perniagaan dan proses oleh Kumpulan berikut pengambilalihan Kumpulan Road Builder telah berjaya dilaksanakan. Dalam langkah strategik untuk mengukuhkan kumpulan hartanahnya di bawah satu bahagian, IJM Properties Sdn Bhd telah menyuntik ke dalam IJM Land Berhad dan Kumpulan sedang dalam proses menggabungkan operasi perniagaan sedia adanya serta menyelaraskan pensijilan kualiti dan proses-proses lain.

Kami dengan suka cita menyatakan bahawa hasil daripada penilaian risiko tahunan kami adalah memuaskan dan tidak terdapat salah nyataan atau kerugian, kontigensi atau ketidakpastian material yang telah timbul daripada kajian kami.

**KUMPULAN AKAN TERUS MENGAWASI SEMUA RISIKO UTAMA YANG MELIBATKAN KUMPULAN DI BAWAH JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKONYA DAN MENGAMBIL TINDAKAN-TINDAKAN YANG PERLU UNTUK MENGURANGKAN ATAU MENGHAPUSKANNYA, DENGAN MENYEDIAKAN RANGKA KERJA BAGI MELINDUNGI KEDUDUKAN PERSAINGAN KAMI DI SELURUH DUNIA.**

# LAPORAN KUALITI

**UNTUK KEKAL BERADA DI BARISAN HADAPAN DALAM PERSEKITARAN YANG BERSAINGAN HARI INI, IJM CUBA SEDAYA UPAYA UNTUK MENGHASILKAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN BERKUALITI TERUNGGLU YANG LAIN DARIPADA YANG LAIN UNTUK PELANGGAN-PELANGGANNYA. MOTO KUMPULAN IAITU "KECEMERLANGAN MELALUI KUALITI" MENJELASKAN DENGAN TEPAT PEMATUHANNYA YANG TIADA KOMPROMI KEPADA STANDARD KUALITI DAN USAHA UNTUK MENCAPAI PENINGKATAN BERTERUSAN.**

## PENYATA DASAR KUALITI

Kumpulan mempunyai sudut pandangan kualiti yang luas, iaitu ia bukan sahaja melibatkan pembangunan sistem dan proses tetapi juga melibatkan penekanan budaya kerja yang betul di kalangan kakitangan. Selaras dengan falsafah ini, Kumpulan telah menerima pakai dasar-dasar berikut:

- Semua projek dan perkhidmatan yang dijalankan akan dilaksanakan dalam cara tertentu agar ia memenuhi harapan pelanggan dan mematuhi keperluan-keperluan berkanun dan berperaturan yang terpakai;
- Kualiti produk dan perkhidmatan akhir akan ditingkatkan melalui kajian berterusan dan kemajuan proses-proses pembinaan dan sistem pengurusan kualiti; dan
- Menanam integriti dan profesionalisme tahap tertinggi di kalangan kakitangan kami untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan-pelanggan kami.



*Pemeriksaan rutin dilaksanakan di tapak-tapak pembinaan*

## BUDAYA KUALITI

Mengambil kira kontrak-kontrak pembinaan bersifat sekali, sistem kualiti IJM perlu menyeluruh namun cukup fleksibel untuk merangkumi aspek-aspek unik setiap projek baru. Menguruskan kumpulan profesional yang berpecah-pecah serta buruh sementara dan subkontraktor juga memerlukan sistem pengurusan kualiti yang sangat teguh.

Oleh yang demikian, Kumpulan meletakkan kepentingan utama pada pembangunan budaya kesedaran kualiti di kalangan kakitangan sebagai satu cara tambahan mencapai kecemerlangan kualiti. Sistem Pengurusan Kualiti ("QMS") Kumpulan telah dilaksanakan di semua peringkat IJM, mengakibatkan amalan-amalan kualiti diterapkan dalam operasi hari-ke-hari dan bukan hanya sekadar satu bentuk kawalan pemantauan.

Komitmen Kumpulan ke arah kualiti juga dapat dilihat melalui aspirasi kualiti pengurusan atas dan penglibatannya dalam jawatankuasa pengurusan kualiti dan mesyuarat kajian pengurusan.

## KAWALAN & PEMANTAUAN KUALITI

QMS Kumpulan telah diperakui oleh standard ISO 9001 yang diiktiraf di peringkat antarabangsa pada tahun 1996. Sejak dari itu, Kumpulan telah berjaya memperbaharui sijilnya setiap tahun.

Kumpulan komited untuk menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti yang dipenuhi melalui sistem pemantauan, pengukuran dan pengurusan sistematik terdiri daripada:

- Pelan jaminan kualiti yang didokumenkan dengan baik pada permulaan setiap projek;
- Audit kualiti dalaman dan luaran berjadual;
- Lawatan mingguan dan lawatan-lawatan rutin lain untuk memantau kecekapan dan kawalan kualiti di tapak;
- Tinjauan kepuasan pelanggan tahunan; dan
- Pengemukaan laporan kualiti bulanan setiap projek melalui e-sistem bagi pemantauan dan kawalan berpusat.

Selain daripada itu, Kumpulan menyediakan satu sistem berperaturan sendiri yang dibangunkan secara dalaman dipanggil Sistem Penilaian Standard Kualiti IJM (IQSAS) bagi pelbagai aspek kualiti pembinaan bangunan dan kerja-kerja awam kami. Ia juga bertindak sebagai tanda aras antara projek-projek kami bagi peningkatan kualiti berterusan.

Produk-produk dikilang Kumpulan juga telah diperakui mematuhi standard berkenaan.

## PENINGKATAN KUALITI BERTERUSAN

Persaingan pasaran yang semakin meningkat dan persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah-ubah menyebabkan Kumpulan perlu meningkatkan kemahiran dan teknologinya secara berterusan. IJM sangat menekankan 'peningkatan berterusan' sebagai sebahagian daripada falsafahnya dengan menggunakan beberapa pendekatan berikut:

- Kajian dan semakan berterusan manual dan prosedur QMS untuk menangani keperluan pelanggan dan pembangunan pasaran;
- Peningkatan taraf dan pembersihan hias mesin-mesin dan pelaburan dalam peralatan pengujian baru;
- Kajian berterusan proses-proses pengeluaran;
- Penggunaan pakai bahan-bahan prestasi tinggi baru dalam produk-produk pengilangan kami;
- Melaksanakan program-program latihan berstruktur untuk semua peringkat kakitangan bagi meningkatkan kemahiran mereka seperti Latihan Penyeliaan Bangunan bergabung dengan Institut Teknikal dan Pendidikan Lanjutan Holmesglen (TAFE);
- Latihan semasa kerja diperkuuhkan dalam keseluruhan operasi kami;
- Berkongsi dan mengemas kini pengetahuan melalui Portal Maklumat dalaman; dan
- Pelaksanaan garis panduan dan buku panduan bagi pelaksanaan dan kawalan yang betul.

## PENGIKTIRAFAN KUALITI

Untuk menggalakkan persaingan sihat antara tapak-tapak projek kami bagi menghasilkan kerja berkualiti, Kumpulan memberikan Anugerah Kualiti tahunan kepada projek-projek yang cemerlang berdasarkan kriteria tertentu, yang termasuk antara lain, tinjauan luaran dan audit kualiti. Anugerah tersebut diberikan mengikut dua kategori - bangunan dan kerja-kerja awam.

## PENSIJILAN KUALITI

Kumpulan berhasrat untuk mencapai pematuhan ISO 9001 secara berterusan dalam operasi perniagaan terasnya. Berikut adalah syarikat-syarikat yang telah mencapai sijil yang termasyhur:



Peralatan ujian modulus daya tanah digunakan untuk menguji præ campur berteras di projek-projek kami



Ujian ketebalan tanah dilakukan pada tapak projek

- |   |                                     |
|---|-------------------------------------|
| 1. IJM Corporation Berhad               | 8. IJM Building Systems Sdn Bhd     |
| 2. IJM Construction Sdn Bhd             | 9. Road Builder (M) Sdn Bhd         |
| 3. Industrial Concrete Products Berhad  | 10. IJM (India) Infrastructure Ltd. |
| 4. IJM Land Berhad                      | 11. Expedient Resources Sdn Bhd     |
| 5. Strong Mixed Concrete Sdn Bhd        | 12. Durabon Sdn Bhd                 |
| 6. Jurutama Sdn Bhd                     | 13. Besraya (M) Sdn Bhd             |
| 7. Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd | 14. New Pantai Expressway Sdn Bhd   |
|   | 15. Kuang Rock Products Sdn Bhd     |

# LAPORAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR

**BERPANDUKAN MOTONYA, "KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR ADALAH TANGGUNGJAWAB SEMUA", KUMPULAN KOMITED UNTUK MENJALANKAN PERNIAGAANNYA DALAM CARA YANG MEMBAWA KEPADA PELAKSANAAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR ("HSE") TERUNGGLU. USAHA-USAHA INI JUGA MENYOKONG KOMITMEN ALAM SEKITAR IJM DAN KONSISTEN DENGAN IKRARNYA TERHADAP WARGA KORPORAT, TANGGUNGJAWAB SOSIAL DAN KEBOLEHAN BERTAHAN JANGKA PANJANG.**

Untuk mencapai tujuannya dalam melindungi nyawa dan harta, mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan, dan pemeliharaan alam sekitar, Kumpulan menumpu pada:

- Memenuhi atau lebih daripada memenuhi semua perundungan dan keperluan HSE yang terpakai sebagaimana ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar ("DOE") dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ("DOSH") dan Jabatan Bomba;
- Melibatkan kakitangan dan pemegang pelbagai kepentingan melalui latihan, perkongsian maklumat dan kemudahan yang tersedia;
- Meningkatkan kesedaran dan kebertanggungjawaban di semua peringkat organisasi dengan menyepadukan objektif-objektif ke dalam rancangan perniagaan dan proses-proses membuat keputusan; dan
- Penjejakan prestasi dan kajian tetap proses-proses untuk mencapai objektif-objektif yang ditetapkan atau untuk menambah baiknya



Tanda-tanda amaran digunakan di tapak-tapak projek untuk mencegah kemalangan pekerjaan



Bahan kimia disimpan dengan selamat dan dikunci di kawasan simpanan khas dengan tanda-tanda amaran dipasang untuk memberi amaran kepada pekerja-pekerja mengenai keselamatan dan bahaya kesihatan berpotensi di tempat kerja

## KESIHATAN DAN KESELAMATAN

Pejabat Buruh Antarabangsa telah menyatakan bahawa kesihatan dan keselamatan di tempat kerja adalah hak asasi manusia. Selaras dengan itu, IJM percaya bahawa warga kerjanya adalah aset Kumpulan paling bernilai dan keselamatan kakitangannya, kontraktor dan orang awam adalah keutamaan teratas dalam menguruskan perniagaan kami.

Kumpulan benar-benar percaya bahawa majikan dan kakitangan mesti bekerja bersama dalam menguatkuaskan garis panduan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja. Beberapa bahagian Kumpulan memainkan peranan penting dalam menyediakan kakitangan dengan maklumat langsung, membabitkan mereka dalam rancangan pencegahan dan perkongsian amalan-amalan terbaik dalam kesihatan dan keselamatan pekerjaan.

Setiap kakitangan mempunyai tanggungjawab masing-masing untuk memahami dan menyokong polisipolisi HSE Kumpulan, dan terlibat secara aktif dalam program-program HSE. Tanda amaran dan notis di tempat kerja juga bertindak untuk memberi amaran dan mengingatkan kakitangan tentang amalan HSE terbaik. Ini pada dasarnya bertujuan untuk menggalakkan budaya pencegahan kemalangan pekerjaan.

## Sistem Pengurusan HSE

IJM mempunyai Sistem Pengurusan HSE ("HSEMS") yang mantap untuk melaksanakan dan memantau program-program HSE. Beberapa jawatankuasa HSE dan petunjuk prestasi telah disediakan di mana Kumpulan beroperasi, untuk memastikan pematuhan dengan standard-standard terpakai dan bagi tujuan pemantauan.

Pengurus-pengurus Projek Pembinaan perlu menyediakan Rancangan Keselamatan dan Kesihatan Projek ("PSP") dan Pengurusan Alam Sekitar Projek ("PEMP") mereka sebelum memulakan operasi bagi kawalan proses yang berkesan dan untuk mengurangkan risiko berlakunya kejadian sewaktu operasi berbahaya. Mereka dipantau oleh Jawatankuasa



Keselamatan : Perlindungan tepi dan jaringan persian diambilkan di tapak-tapak projek kami



Peralatan perlindungan peribadi - abah-abah badan penuh digunakan oleh kakitangan di tapak-tapak projek

Pengurusan HSE ("HSEMC") yang bermesyuarat secara berkala untuk mengkaji operasi HSE dan pematuhan kepada polisi, prosedur dan objektif Syarikat.

Satu jawatankuasa perseorangan HSE ditubuhkan di peringkat korporat dan semua tapak-tapak projek menurut dengan Akta OSHA 1994. Jawatankuasa ini menyediakan nasihat dan memberikan cadangan-cadangan kepada lembaga:

- mengenai polisi-polisi HSE, menetapkan dengan jelas komitmen Syarikat untuk menguruskan hal-hal berkaitan HSE secara berkesan;
- dengan memantau prestasi Syarikat berhubung dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan HSE yang direka untuk memastikan komitmen yang dibuat dalam polisi-polisi dipatuhi dan bahawa risiko-risiko berkaitan HSE dinilai, dihapuskan, dihindari atau dikawal;
- dengan mengkaji dan mengesyorkan sasaran bagi pelaksanaan HSE dan penilaian kemajuan oleh Syarikat ke arah sasaran tersebut; dan
- menyiasat kejadian-kejadian HSE dalam Syarikat dan mempertimbangkan tindakan dan langkah-langkah sewajarnya untuk meminimumkan risiko berlaku berulang kali.

## Sijil OHSAS

Pada tahun 1999, IJM mendapat penghormatan menjadi syarikat pembinaan pertama di Malaysia yang menerima sijil Penilaian Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan ("OHSAS") 18001:1999 yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Akibat pelaksanaan berkesan HSEMS, sijil telah berjaya dinaikkan taraf kepada OHSAS 18001:2007 yang dipertingkatkan dan disemak pada Oktober 2008.

## Pemantauan dan Pengukuran

Manakala bilangan dan angka penting memandangkan ia menyatakan tahap sesuatu masalah, tujuan utamanya dalam IJM adalah pencegahan. Sasaran adalah bertujuan untuk

mengukur dan menilai pelaksanaan HSE secara berterusan dalam operasi perniagaannya.

Dalam tahun kewangan, sejumlah 24 audit HSE dan 86 pemeriksaan mengejut telah dijalankan pada keseluruhan projek aktif pada peringkat pembinaan yang berlainan. Objektif audit tersebut adalah untuk memastikan agar sistem yang diwujudkan mematuhi keperluan dan standard HSE dan lebih penting, untuk memantau keberkesanan polisi dan prosedur HSE IJM. Ini semua dilaksanakan sebagai sebahagian daripada proses penambahbaikan berterusan IJM. Hasil audit dilaporkan kepada pengurusan dan pengesoran bagi tindakan pemulihan diambil serta-merta. Bahagian ini juga mencatat Kadar Kekerapan sebanyak 0.10 dan Kadar Bencana Kerja sebanyak 1.94 bagi jumlah manusia kumulatif sebanyak 20.1 juta bagi tahun di bawah kajian.

Memandangkan sifat operasi Bahagian Industri, Bahagian ini mempunyai insentif tambahan untuk menggalakkan keselamatan di dalam kilang, loji dan kuarinya. Sehingga kini, lebih separuh daripada tapak-tapak kerja Bahagian telah diberi anugerah kerana telah mencapai 500 Hari Tanpa Kemalangan secara berterusan.

Komitmen kesihatan dan keselamatan Bahagian Industri boleh dilihat dalam 'Kempen dan Pertandingan Keselamatan dan Kesihatan' berterusan, yang telah dijalankan sejak tahun 1996. Audit terdiri daripada elemen-elemen pentadbiran serta pemeriksaan fizikal tapak kerja termasuk antara lainnya, amalan keselamatan, pengemasan am, peralatan perlindungan peribadi, pelaporan dan prosedur-prosedur penyiasatan. Objektif utama adalah untuk mewujudkan pematuhan dengan peraturan berkanun serta untuk meningkatkan kesihatan dan keselamatan keseluruhan tenaga kerja.

# LAPORAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR (samb.)

Pemenang-pemenang kempen ‘Pejabat Ku Rumah Ku 2008’ Bahagian Industri disandang oleh kilang-kilang cerucuk berputar di Kapar, Nilai dan Jawi yang memperoleh tiga hadiah teratas. Kilang Jawi telah menjalani Penilaian Risiko Kesihatan Kimia awal dalam mematuhi Peraturan Kesihatan (USECHH) 2000. Set penilaian ini telah mendorong kepada pewujudan langkah-langkah kawalan sesuai, latihan, pemantauan dan kegiatan pengawasan kesihatan kakitangannya.



Taklimat ringkas mengenai kotak peralatan keselamatan dan kesihatan dijalankan setiap hari sebelum memulakan kerja di kilang-kilang

Sejajar dengan CHRA, Bahagian Industri juga menjalankan Pemantauan Kebisingan sebagaimana diterangkan di bawah Peraturan Kilang dan Jentera (Pendedahan Kebisingan) 1989 disemua kilangnya. Pemantauan peribadi juga dijalankan secara berjadual setiap tahun bagi kakitangan-kakitangannya sebagai sebahagian daripada program pemuliharaan pendengarannya.

Bahagian Perladangan terus menyediakan latihan dan latihan semula kakitangan dan kontraktor-kontraktor untuk menjalankan semua kegiatan secara bertanggungjawab, selamat dan sihat dalam pelbagai aspek operasi perladangan untuk memastikan pematuhan dengan keperluan undang-undang tempatan. Pegawai-pegawai Keselamatan menjalankan audit, khidmat nasihat dan latihan mengenai amalan keselamatan dan kesihatan secara berkala dalam semua unit kendalian meliputi penggunaan bahan kimia, latihan kebakaran dan pertolongan cemas perindustrian. Penilaian Risiko Kesihatan Kimia dijalankan di semua kilang minyak sawit Bahagian dan diikuti pula di ladang-ladang.

Sementara itu, Bahagian Pelabuhan telah menyediakan polisi keselamatan selaras dengan keperluan DOSH yang terpakai kepada semua pengguna dan kakitangan pelabuhan. Bahagian komited untuk memastikan amalan kerja yang selamat di pelabuhan dengan menjalankan taklimat ringkas keselamatan hari dan mesyuarat kotak peralatan setiap hari, audit mingguan dan audit bersama bulanan dengan pengawal atur tempatan, Lembaga Pelabuhan Kuantan. Pasukan Tindakan Kecemasan menjalankan latihan tetap untuk memastikan tindakan serta merta dan pelaksanaan profesional dalam kejadian kecemasan.



Pemeriksaan keselamatan tahunan kren-kren atas dijalankan oleh Pegawai-pegawai JKPP di kilang-kilang

## ALAM SEKITAR

Kumpulan telah lama menjadikan perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar sebagai bahagian penting dalam falsafah korporat dan dasar perniagaannya. Sasaran utama yang ditetapkan oleh Kumpulan dalam polisi alam sekitar korporatnya adalah pencegahan pencemaran, pengurusan sumber asli, pengembalian semula keadaan landskap di tapak-tapak projek, peminimuman gangguan sosial dan alam sekitar dan menghormati budaya masyarakat. Kumpulan percaya strategi ini akan menghasilkan pengurangan gangguan kepada alam sekitar serta menyumbang kepada pembangunan mapan.

Syarikat mengambil pendekatan tersusun untuk memulakan, melaksanakan dan memantau rancangan alam sekitar dengan mewujudkan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (“EMS”) dalam mematuhi ISO 14001. Petunjuk-petunjuk prestasi diwujudkan berdasarkan penilaian aspek alam sekitar, objektif alam sekitar dan keperluan-keperluan berkanun.

### Model ISO 14001



### Pemantauan Alam Sekitar

Untuk menyokong rangka kerja penambahbaikan berterusan, Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar ("EQMP") diwujudkan untuk mengukur sendiri kualiti alam sekitar kawasan sekeliling yang terjejas oleh operasi dan kegiatan perniagaan kami. Program ini bertindak untuk memantau dan mengukur projek-projek yang tidak tertakluk kepada Syarat Kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar ("EIA"). Program ini tertumpu pada kualiti udara, bunyi dan air sungai untuk meminimumkan potensi kerosakan atau kemudaratan kepada sistem ekologi. Parameter-parameternya diringkaskan dalam jadual di sebelah.

Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar	Parameter
Kualiti Udara Persekitaran	Jumlah Yang Terapung (TSP) Perincian Perkara $\mu$ 10 (PM $\mu$ 10)
Kualiti Bunyi Persekitaran (Tempoh: 8 jam dan 24 jam)	$L_a eq$ $L_a min$ $L_a max$ $L_{10}$ $L_{50}$ $L_{90}$
Kualiti Air Sungai (Pembuangan Efluen)	PH Jumlah Pepejal Terapung (TSS) Suhu Ujian Permintaan Oksigen Biologi (BOD) Ujian Permintaan Oksigen Kimia (COD) Oksigen Cair (DO) <i>Escherichia Coli</i> ( <i>E.Coli</i> ) Nitrogen Ammonia (NH <sub>3</sub> N)
Pelepasan daripada Perangkap Keladak	Jumlah Pepejal Terapung

Kakitangan teknikal di tapak-tapak pembinaan juga dilatih oleh Jabatan Pengairan dan Saliran dan Jabatan Kerja Raya di bawah program Siri Amalan Alam Sekitar Terbaik, yang diperkenalkan oleh Jabatan HSE. Latihan-latihan bertajuk 'Pengenalan kepada Manual Saliran Mesra Alam' dan 'Kawalan Pencemaran Kakisan dan Endapan' adalah peristiwa pencapaian penting bagi IJM.

Di kilang-kilang kami, peraturan bagi pencegahan dan kawalan bahaya kesihatan disebabkan habuk mineral ditetapkan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967. Pemantauan habuk, pertama kali dijalankan di kilang Bahagian Industri kami di Lumut, akan diperluaskan secara progresif di semua kilang dan kuari.



Landskap indah Ladang Desa Talisai Selatan

### LANGKAH-LANGKAH PENJAGAAN DAN PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR

IJM konsisten dalam usahanya untuk melindungi alam sekitar. Dari tahun ke tahun, Kumpulan telah memperkenalkan inisiatif-inisiatif baru sambil mengekalkan penambahbaikan berterusan dalam sistem pengurusan alam sekitarnya dalam usahanya untuk menangani perubahan cuaca dan isu-isu alam sekitar lain.

Berikut adalah langkah-langkah penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar yang diterima pakai oleh beberapa bahagian Kumpulan. Usaha-usaha dicirikan mengikut sektor untuk memberikan gambaran sebenar kegiatan alam sekitar IJM.



Kawasan tадahan air

# LAPORAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR (samb.)

## Pembinaan

### Pengurusan Sisa

Sistem pengurusan sisa yang diamalkan oleh Bahagian Pembinaan dan Harta telah dibangunkan selaras dengan Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Sisa Berjadual) 2005, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan keperluan-keperluan lain oleh Majlis Perbandaran Tempatan. Sistem ini jelas mendefinisikan peranan, tanggungjawab dan kaedah-kaedah pengendalian sisa untuk memenuhi dan melangkaui obligasi Syarikat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Kolam-kolam endapan, perangkap keladak dan bunker telah dibina untuk mencegah sisa daripada dilepaskan ke dalam sungai ketika hujan lebat.

### Kawalan Pencemaran Air

Sistem saliran dan pelepasan air diambil kira dalam peringkat perancangan awal sesuatu projek. Penilaian awal dibuat oleh pakar-pakar untuk menentukan masalah-masalah yang dijangka timbul serta anggaran kos kawalan. Parameter-parameter kualiti air dan kesihatan awam dipantau pada seluruh projek. Pemantauan termasuk penilaian kualitatif dan kuantitatif sistem ekologi sungai.

Langkah-langkah pencegahan yang digunakan di tapak-tapak pembinaan dan harta untuk mengekalkan kualiti air dan kawalan banjir dijalankan melalui Pelan Kawalan Hakisan dan Endapan komprehensif, yang termasuk:

- penggredan bagi kawasan-kawasan yang akan menjalani pembinaan serta-merta;
- penggunaan penutup bumi sementara, penanaman rumput di cerun bukit, pemulihan tumbuhan progresif, hidro-pembenihan dan penstabilan cerun untuk mencegah hakisan dan runtuhan tanah;
- kerja-kerja tanah terkawal dan kawalan pengurangan banjir untuk mencegah kejadian banjir di sekitar kawasan rendah berhampiran tapak projek;
- pelенcongan, alur keluar saliran dan saluran yang mencukupi untuk mengawal aliran air hujan;
- membina landskap yang menyepadukan tapak dengan landskap alam semula jadi dengan mudah; dan
- bahan binaan seperti simen, pasir dan serbuk-serbuk lain disimpan dengan betul dan ditempatkan di mana ia tidak terdedah kepada curahan air hujan atau kawasan saliran.

Terdapat peningkatan tekanan pada syarikat-syarikat pembinaan untuk mengurangkan pencemaran dan pematuhan kepada peraturan alam sekitar. Di mana projek-projek kami melibatkan kerja penelusuran tanah di sepanjang pinggir laut, permata pasir dibina untuk mencegah pencemaran laut.



Pemakuan tanah digunakan untuk menstabilkan tanah dan mencegah tanah runtuh di tapak-tapak projek kami



Permatang pasir dibina di sepanjang pengisian tanah untuk mencegah pencemaran laut semasa penelusuran tanah

### Kawalan Pencemaran Udara dan Bunyi

Terdapat banyak kegiatan di tapak-tapak pembinaan yang boleh menjadkan kualiti udara dan bunyi sekitar. IJM telah mewujudkan amalan dan langkah-langkah untuk mengurangkan dan mengawal pencemaran udara dan bunyi di tapak. Semua projek baru perlu menyediakan penilaian risiko alam sekitar bagi kegiatan dan bahan pembinaan yang berkemungkinan menyebabkan pencemaran. Langkah-langkah khusus telah diambil untuk mengurangkan risiko-risiko ini:

- pembakaran terbuka adalah dilarang sama sekali di tapak-tapak pembinaan dan harta untuk mencegah pelepasan partikel-partikel jelaga dan gas-gas bertoksik;
- semburan air halus digunakan untuk melembapkan tapak dan laluan akses untuk mengawal habuk;
- trak-trak yang dimuatkan dengan bahan binaan ditutup atau dilembapkan; dan
- kaedah-kaedah penanaman cerucuk yang betul digunakan dalam kerja-kerja asas untuk mencegah pencemaran bunyi.

Sebagai sebahagian daripada penilaian, kualiti udara dan bunyi dipantau dengan kerap untuk memastikan pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Semua projek IJM dipantau dan diukur di bawah EQMP IJM untuk memastikan pelaksanaan alam sekitarnya mematuhi standard sebagaimana ditetapkan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan.

## Harta-harta

### Harta-harta Menghijau

Kehijauan sememangnya dititikberatkan. Bangunan hijau yang mesra ekologi semakin popular di Malaysia. Terdapat penekanan utama pada bangunan hijau, kemapanan dan penyelesaian penjimatan tenaga dalam pembangunan harta akan datang.

Sebagai pemaju yang bertanggungjawab, IJM memahami standard harta hijau dan telah melakukan usahanya untuk mencipta rekaan boleh kekal yang meminimumkan kesan negatif bangunan ke atas alam sekitar. Bahagian Harta sentiasa mencari kaedah-kaedah membuat sumbangan ketara kepada perlindungan alam sekitar dalam projek-projek hartanya.



Landscape menghijau yang subur digabungkan ke dalam projek-projek harta kami seperti Taman Idaman di Pulau Pinang

Rekaan kami berpegang kepada prinsip keharmonian dan pemuliharaan alam sekitar untuk mewujudkan keadaan kehidupan yang optimum. Ciri-ciri lain termasuk unit-unit orientasi yang menghadap ke arah 'utara' dan 'selatan', pemasangan penyongsang penyaman udara siap paip untuk meningkatkan kualiti udara dalam dan menggabungkan kawasan-kawasan hijau yang subur, laman dalam dan terbuka bagi pengudaraan menyeluruh yang lebih baik untuk persekitaran yang lebih sihat.

Projek terapung IJM di Pulau Pinang, 'The Light' bersedia untuk menjadi bandar bualan ramai apabila ia mendedahkan ciri-ciri mesra ekologi canggih yang belum pernah dilihat sebelum ini di Malaysia termasuk laluan air dengan hidupan marin yang hidup membiak. Projek ikonik ini akan menonjolkan pemuliharaan air dan sumber melalui pengoptimuman tenaga, penggunaan bahan binaan boleh kekal, ciri-ciri tenaga boleh diperbaharui dalam kawasan kediaman.

Bahagian ini telah berjaya dalam mencapai keseimbangan antara objektif keuntungan dan daya maju alam sekitar dengan menerapkan kelebihan inovatif dalam kejuruteraan nilai dan perancangan tenaga yang cekap. Ini tidak mustahil dicapai melalui sokongan yang sinergistik daripada Bahagian Pembinaan kami.

## Perladangan

Sebagai ahli rundingan Meja Bulat mengenai Kemapanan Minyak Sawit, Bahagian Perladangan mengambil pelaksanaan sosio alam sekitarnya dengan serius. Semua unit operasinya mengamalkan konsep 'Sisa Sifar', di mana sisa dikurangkan, dikitar semula, digunakan semula atau dilupuskan dalam cara yang bertanggungjawab dari aspek alam sekitar dan sosial.

### Pemuliharaan Tanah

Langkah-langkah pemuliharaan tanah dijalankan di ladang-ladang termasuk pembuatan teres di kawasan berbukit, penanaman tanaman penutup bumi kekacang, pembinaan saliran dan pemeliharaan terusan air semula jadi, penggunaan lubang kelodak dan peletakan pelepah-pelepah dengan betul di seluruh cerun untuk meminimumkan hakisan dan runtuhan.



Tanaman penutup bumi kekacang

Tumbuh-tumbuhan hijau penutup bumi kekacang yang subur menyumbang kepada pengayaan ekosistem dan biodiversiti ladang kelapa sawit. Ladang-ladang kami ditanam dengan tumbuhan penutup bumi kekacang seperti *Mucuna bracteata* sebagai penutup bumi. Tumbuhan kekacang membekalkan nitrogen ke dalam tanah yang meningkatkan kesuburan selain daripada mengurangkan suhu tanah dan mengekalkan tahap kelembapan yang tinggi.

### Pengitaran Semula Produk Sampingan Kelapa Sawit

Efluen kilang minyak sawit ("POME") daripada kilang-kilang yang kaya dengan nutrien dirawat dengan betul sebelum dilepaskan ke medan untuk pengairan. Tandan buah kosong ("EFB") juga disalurkan untuk sungkupan di ladang-ladang. Di Sabang, kedua-dua EFB dan POME yang dicarik-carik dicampurkan untuk pengeluaran biokompos.

### Pemuliharaan Air

Teknologi pengairan titisan adalah satu teknologi penjimatan air yang membolehkan penggunaan kepersisan air yang perlahan secara langsung kepada akar-akar pokok melalui rangkaian paip plastik yang direka secara inovatif. Teknologi inovatif ini telah berjaya dilaksanakan dan telah digunakan secara berterusan di Ladang Desa Talisai di Sabah di mana ia mengeluarkan anak benih yang sihat dan berkualiti bagi program penanaman semula yang sedang dijalankan dan melindungi alam sekitar melalui pemuliharaan tanah, air dan penggunaan agrokimia.

Bahagian Perladangan menguruskan penggunaan air optimum melalui kawasan tадahan air, takungan air dan beberapa siri sistem pengairan. Takungan air telah dibina di kawasan-kawasan terpilih di ladang-ladang mengambil kesempatan daripada topografi semula jadi.

# LAPORAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR (samb.)

## Polisi Pembakaran Sifar

Program penanaman semula berskala kecil telah dimulakan di Ladang Desa Talisai Selatan. IJM menguatkusakan polisi pembakaran sifar dalam semua kegiatan penanaman semula. Amalan pengurusan terbaik bagi tanaman semula telah dilaksanakan.

## Pengurusan Perosak Bersepada

Bahagian ini juga merangkumi pengurusan perosak bersepada yang melibatkan gabungan teknik-teknik pengurusan perosak untuk mengekalkan tahap biodiversiti yang tinggi dalam ekosistem. Bahagian penting amalan ini adalah penanaman pokok-pokok bermanfaat seperti *Turnera subulata*, *Antigonon leptopus* dan *Cassia cobanensis* untuk mengekalkan keseimbangan populasi serangga perosak kelapa sawit dengan alam semula jadi. Ini telah membawa kepada pengurangan dalam penggunaan racun serangga bagi mengawal ulat kelongsong dan ulat bulu netel. IJM juga membela dan membiak serangga pemangsa dalam insektarium di Pusat Kualiti, Latihan dan Penyelidikannya dan Sugut bagi kawalan biologi perosak memakan daun. Rumah burung hantu juga dibina untuk menarik perhatian burung-burung hantu pemakan tikus sebagai alatan kawalan biologi bagi tikus-tikus di ladang. Begitu juga, feromon digunakan untuk memerangkap kumbang badak *Oryctes rhinoceros*, dan bukannya kawalan kimia. Penggunaan minimum racun perosak perlادangan telah membolehkan pelbagai jenis flora dan fauna berkembang biak.

## Pemuliharaan Hutan

Bahagian ini juga mengekalkan kawasan hutan semula jadi di ladang-ladang sebagai tapak pemuliharaan. Kemuncak kejayaan langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan Bahagian Perladangan adalah plot pemuliharaan pokok Sugut seluas 100 ekar dan tapak semaihan mini yang terletak di ladang Sg. Sabang. Tapak ini menyimpan pelbagai jenis pokok hutan hujan tropika, menanam pelbagai jenis spesies pokok buah-buahan tropika dan tumbuh-tumbuhan perubatan. Pada masa hadapan, mamalia dan burung menjadi penghuni tetap di tapak ini. Tapak semaihan juga menempatkan taman bagi koleksi tumbuh-tumbuhan perubatan dengan lebih 150 spesies pokok perubatan dan pelbagai jenis pokok herba lain dikumpulkan dan ditanam bagi tujuan pemuliharaan dan pendidikan.

Satu lagi kawasan pemuliharaan meliputi plot kawasan seluas lebih 300 ekar yang mengelilingi tasik ladang di Sugut telah dipelihara untuk tujuan penyelidikan, pendidikan dan pemuliharaan melalui kerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah.

Kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti tidak sesuai untuk penanaman kelapa sawit telah ditanam dengan anak pokok balak yang sesuai di bawah projek penanaman pokok Sugut. Kawasan-kawasan selebihnya di ladang-ladang juga telah ditanam dengan beberapa spesies pokok balak seperti mahogani (*Swietenia spp.*) dan sentang (*Azadirachta excelsa*).



Serangga pemangsa dibiak dalam insektarium



Pokok periuk kera di habitat semula jadinya

## Industri

Bahagian Industri mempunyai prosedur kendalian standard yang ketat untuk melindungi alam sekitar. Tumpuannya adalah untuk melindungi kualiti udara dan meminimumkan pencemaran bunyi di dalam dan di sekitar komuniti dalam mana ia beroperasi.

## Pencegahan Tanah Runtuh

Operasi pengkuarian kami juga menggunakan pakai penanaman rumput di tebing bukit sebagai langkah pencegahan runtuh tanah atau kesan-kesan buruk lain kepada alam sekitar.

## Kawalan Pencemaran Udara dan Bunyi

Untuk mengurangkan wasap debu, semua kuari mempunyai sistem perenjis yang dipasang pada penghancur, penyampai dan sepanjang laluan akses kuari untuk melembapkan muatan atas lori. Sistem penapis habuk juga telah dipasang dalam silo-silo simen kami.

Bahagian juga telah melantik perunding luar untuk memantau pencemaran habuk dan mengkaji tahap kebisingan untuk mengekalkan kedua-duanya pada tahap yang dibenarkan. Pada masa yang sama, cabang pengilangan telah menerima pakai penggunaan jaringan bergetah dalam operasi penyaringannya dan memasang penyerap bunyi dalam bilik kawalan kuari. Untuk memantapkan usaha-usaha ini, Bahagian telah mengaktifkan loji-loji dan mesin-mesin yang mesra alam dalam operasinya.

Sebagai langkah pencegahan dan mematuhi peraturan OSHA, semua kakitangan perlu memakai peralatan perlindungan kebisingan.



Tangki skid ditutup dengan dinding konkrit perimeter untuk mencegah tumpahan minyak di kilang-kilang dan kawasan sekitar di bawah keperluan OSHA 1994



Di kilang-kilang kami, persekitaran yang bersih dan sihat dikekalkan dengan pemasangan penapis silo untuk mencegah limpahan simen



LEKAS memperkenalkan sistem Kad Pintar untuk menggantikan tiket konvensional yang digunakan untuk mengurangkan pembaziran kertas

## Tol

### Kawalan Pembaziran Kertas

Sebagai percubaan Bahagian Tol untuk memelihara bumi lebih hijau, edisi lebuh raya terbarunya, LEKAS telah memperkenalkan sistem 'Kad Pintar' apabila ia memulakan pengutipan tol pada 4 Oktober 2008. 'Kad Pintar' adalah pengganti bagi tiket konvensional yang digunakan dalam sistem lebuh raya tol tertutup lain. Selain mengurangkan penggunaan kertas memandangkan kad tersebut boleh digunakan semula, sistem 'Kad Pintar' ini juga mengurangkan sebarang percanggahan yang mungkin timbul dalam pengutipan tol dan menghapuskan kebimbangan dikenakan denda maksimum bagi kehilangan tiket. Selain daripada itu, kad tersebut memudahkan pemerolehan semula data dengan mudah dan menjimatkan kos keseluruhan.

### Pematuhan EIA

Menggabungkan teknologi terkini dalam rekaan dan pembinaan lebuh raya dengan kesan minimum kepada alam sekitar, LEKAS telah dibina berdasarkan Syarat-syarat Kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar ("EIA").

## Pelabuhan

### Kawalan Pencemaran Laut

Pencemaran perairan pelabuhan dan kawasan sekitarnya boleh meningkatkan kesan yang membawa bencana kepada alam sekitar dan perniagaan pelabuhan. Bahagian Pelabuhan mematuhi sepenuhnya peraturan tempatan dan antarabangsa dalam hubungan ini, misalnya Konvensyen Pencemaran Minyak Marin (Konvensyen MARPOL 73/78) dan Panduan Keselamatan Antarabangsa bagi Kapal Tangki Minyak dan Terminal ("ISGOTT"). Bahagian ini juga mewajibkan semua kapal tangki minyak yang masuk ke Pelabuhan Kuantan untuk mematuhi dengan ketat senarai semak keselamatan kapal pesisir untuk memastikan pematuhan kepada kawalan keselamatan dan pencemaran. Sebagai langkah pengurangan, Pasukan Tindakan Kecemasan Tumpahan Minyak Bahagian sentiasa tunggu sedia dan boleh dikerahkan serta-merta apabila diperlukan.

### Kawalan Pencemaran Habuk

Bahagian juga mengarahkan agar lori-lori yang membawa kargo pukal seperti hampas isirung sawit, baja, serpihan kayu dan barang pukal lain, untuk menutup kargo sebelum meninggalkan premis-premis pelabuhan untuk mengurangkan pencemaran habuk di kawasan pelabuhan dan kawasan sekitarnya. Penggunaan sistem penyampai bagi pemuatian dan pemunggahan kargo adalah digalakkan. Habuk daripada kargo-kargo pukal ini, walaupun ia mungkin tidak menjaskan alam sekitar secara ketara, walau bagaimanapun boleh menjaskan kesihatan kakitangan dan pengguna pelabuhan dalam jangka panjang. Justeru itu, kakitangan dan pengguna pelabuhan digalakkan untuk menggunakan topeng habuk.

# LAPORAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR (samb.)

## PROGRAM LATIHAN DAN KESEDARAN

Kumpulan konsisten dalam usahanya untuk meningkatkan kesedaran dan kebertanggungjawaban pada semua peringkat organisasi.

Jabatan HSE menguruskan laman web komprehensif mengenai Portal Maklumat Dalaman Kumpulan yang menyenaraikan manual HSE terkini dan garis panduan mengenai amalan terbaik serta langkah-langkah pembetulan dan pencegahan yang disyorkan. Hal-hal ketidakpatuhan, insiden dan tindakan pemulihan juga telah ditonjolkan sebagai kajian kes bagi manfaat semua.

Ini selanjutnya ditambah dengan latihan tetap, persembahan kunjungan dan program-program kesedaran. Latihan-latihan yang dijalankan oleh IJM disokong oleh beberapa pihak berkuasa dan badan-badan kerajaan. Program-program dan bengkel-bengkel latihan yang dijalankan di bawah Siri OHSAS 18001 dan Standard Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2004 terdiri daripada:

- Kursus pengenalan asas bagi semua peringkat korporat dan kakitangan tapak;
- Latihan 'Audit Dalaman HSE' dengan sesi latihan di tapak;
- Latihan 'Penyiasatan Kemalangan' dianjurkan secara khusus untuk personel projek;
- 'Pertolongan Cemas dan CPR' bagi ahli Pasukan Tindakan Kecemasan di ibu pejabat serta di tapak; dan
- Latihan dan praktikal 'Keselamatan Loji dan Jentera' di Bengkel Pusat IJM di Bukit Beruntung.

Bengkel 'Aspek dan Kesan Alam Sekitar' dijalankan setiap tiga bulan untuk melatih personel tapak mengenal pasti risiko-risiko berpotensi dan implikasi operasi Kumpulan kepada alam sekitar.

Kumpulan juga mengadakan pertandingan kesihatan dan keselamatan tahunan bagi pasukan-pasukan projek berdasarkan tapak dan kilang, dalam usaha untuk menggalakkan amalan kesihatan dan keselamatan yang baik. Anugerah juga diberi untuk menggalakkan persaingan sihat dan meningkatkan standard operasi kami secara berterusan.



Persembahan Kunjungan Kesedaran HSE dijalankan secara kerap di pejabat-pejabat cawangan dan tapak-tapak



Amalan latihan kebakaran dan pengosongan berkesan, disokong oleh Jabatan Bomba (BOMBA) tempatan, kerap dijalankan di ibu Pejabat IJM di Wisma IJM di Petaling Jaya, Selangor



IJM telah menerima Pengumuman Khas bagi Anugerah Amalan Terbaik Alam Sekitar

## PENGIKTIRAFAN DAN PENCAPAIAN

### Anugerah Kecemerlangan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negara 2007

IJM telah diberikan anugerah Emas yang diingini bagi amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ("OSH") di tempat kerja bagi kategori Industri Pembinaan dalam Anugerah Kecemerlangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2007. IJM juga telah menerima pengumuman khas dalam kategori yang sama pada tahun 2005. Anugerah tersebut mengiktiraf syarikat-syarikat atas kecemerlangan sistem pengurusan OSH, inisiatif dan prestasi mereka. Penyempurnaan ini menggambarkan komitmen berterusan yang dicurahkan oleh semua staf dan kakitangan pengurusan ke arah OSH.

Upacara penyampaian anugerah pada Julai 2008 telah dirasmikan ketika itu oleh Timbalan Perdana Menteri, Y.B. Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, yang menyampaikan anugerah kepada pemenang-pemenang dalam 16 kategori industri. IJM adalah antara 200 organisasi dengan sistem pengurusan OSH bereputasi yang mengambil bahagian dalam persaingan peringkat nasional. Pertandingan tersebut diaudit oleh DOSH dan diadili oleh Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ("NCOSH").

### Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia ("MCIEA") 2008

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia ("CIDB"), sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Kerja Raya menganjurkan anugerah tahunan untuk mengiktiraf pencapaian dan untuk menyediakan pelantar bagi persaingan sihat dalam industri pembinaan. IJM telah menerima Pengumuman Khas bagi Anugerah Amalan Terbaik Alam Sekitar bagi usaha-usaha proaktifnya ke arah kestabilan alam sekitar. Upacara penyampaian anugerah telah diadakan pada 13 Januari, 2009 di Pusat Konvensyen CIDB, Kuala Lumpur. En. Tan Gim Foo telah mewakili IJM semasa menerima anugerah daripada Menteri Kerja Raya, Y.B. Dato' Ir. Mohd Zin Mohamed.



IJM memenangi anugerah pingat emas dalam Anugerah Kecemerlangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2007



Para sukarelawan IJM yang bersemangat dalam Perlumbaan Rumah Api tajaan IJM yang diadakan selaras dengan acara Melihat Burung Pemangsa Tahunan Persatuan Pencinta Alam Malaysia Ke-10 di Tanjung Tuan, Melaka.

# Tanggungjawab Korporat



- 124 Pasaran
- 127 Alam Sekitar
- 128 Masyarakat
- 132 Tempat Kerja

KAMI BERASA TERUJA DENGAN DEDIKASI, RASA IHSAN DAN TANGGUNGJAWAB YANG DITUNJUKKAN OLEH KAKITANGAN IJM. DALAM LAPORAN INI, KAMI BANGGA UNTUK BERKONGSI DENGAN ANDA USAHA-USAHA KAMI DALAM MEMBAWA PENINGKATAN MAPAN KEPADA RAMAI PEMEGANG PELBAGAI KEPENTINGAN KAMI ...

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT

**TANGGUNGJAWAB KORPORAT ("CR") ADALAH BAHAGIAN PENTING DARIPADA FALSAFAH PERNIAGAAN DAN BUDAYA KORPORAT IJM. PENERAPAN CR KAMI YANG BAIK TERCETUS DARIPADA ASPIRASI KAMI UNTUK MEMBERIKAN NILAI DAN KEMAJUAN MAPAN KEPADA MASYARAKAT, DALAM JANGKA PANJANG, DENGAN MENERIMA PAKAI AMALAN-AMALAN TERBAIK DALAM PERANAN UTAMA KAMI SEBAGAI:**

- **PELINDUNG BAGI MODAL DAN PERUSAHAAN DI TEMPAT PASARAN;**
- **PEMELIHARA ALAM SEKITAR;**
- **PEMAJU KOMUNITI; AND**
- **PENYEDIA PELUANG DI TEMPAT KERJA.**

Sebagai sebuah organisasi besar, IJM menyedari bahawa operasi perniagaan dan tindakan korporatnya boleh memberikan kesan mendalam pada pemegang pelbagai kepentingan. Justeru itu, Kumpulan benar-benar percaya bahawa objektif utamanya untuk meningkatkan nilai pemegang saham jangka panjang hanya dapat dicapai sekiranya disertai dengan amalan terbaik CR yang menyeluruh.

Dalam penggunaan amalan-amalan terbaik ini, IJM dipandu oleh Rangka Kerja CRnya, yang konsisten dengan prinsip-prinsip dinyatakan dalam Garis Panduan CSR Bursa Malaysia, sebagaimana ditunjukkan dalam rajah di bawah:



## TEMPAT PASARAN

KEUPAYAAN UNTUK MENDAPAT KEYAKINAN PELANGGAN-PELANGGANNYA, PEMBEKAL, RAKAN NIAGA, PELABUR, JURUBANK, KERAJAAN DAN BADAN-BADAN BERPERUTURAN ADALAH SANGAT PENTING KEPADA KEJAYAAN BERTERUSAN KUMPULAN. JUSTERU ITU IJM MENUMPUKAN USAHA-USAHA UTAMA KE ARAH MEMUPUK ETIKA DAN NILAI PERNIAGAAN YANG BAIK, URUS TADBIR KORPORAT YANG BAIK DAN PELANTIKAN PEMEGANG PELBAGAI KEPENTINGAN, SISTEM PEMEROLEHAN YANG CEKAP, DAN PRODUK SERTA PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI DAN INOVATIF.

### **Etika dan Nilai Perniagaan**

Kumpulan menyedari bahawa mengekalkan budaya perniagaan beretika dalam organisasi adalah satu usaha berterusan yang dilaksanakan. Untuk tujuan ini, IJM berusaha melangkuai bukan sahaja pembangunan dan penambahbaikan dasar-dasar, amalan-amalan dan prosedur-prosedur; ia juga menggalakkan kepimpinan beretika daripada pihak atasan sebagai satu cara penting menanam dan memelihara ketahanan atas moral seluruh Kumpulan. Kursus induksi, latihan dan penambahbaikan yang dianjurkan oleh Jabatan Sumber Manusia Kumpulan juga diterapkan, di mana mungkin, dengan mesej-mesej untuk memupuk budaya beretika di kalangan kakitangan. Dalam interaksinya dengan komitmen perniagaan, Kumpulan berusaha untuk mengendalikan dirinya sendiri dalam cara yang bertanggungjawab dan beretika, yang akan dinyatakan selanjutnya secara terperinci dalam perenggan berikutnya dalam seksyen ini.



Pucuk pimpinan dari atas, CEO & Pengarah Urusan kami memberi ucapan kepada para Pengarah dan kakitangan dalam acara tahunan Dialog Pengurusan Kanan 2008 untuk membincangkan prestasi, rancangan masa hadapan dan strategi-strategi Kumpulan

### Urus Tadbir Korporat

Antara Rangka Kerja CR Kumpulan adalah untuk memupuk budaya urus tadbir dan kebertanggungjawaban yang baik dalam keseluruhan Kumpulan, sebagaimana dinyatakan dalam pernyata dasarnya "Kami berusaha untuk mendukung standard profesionalisme tertinggi dan urus tadbir korporat contoh untuk memaksimumkan pulangan kepada semua pemegang pelbagai kepentingan". Kumpulan telah menyediakan beberapa amalan terbaik daripada imbalan Lembaga yang mencukupi di kalangan pengarah eksekutif, pengarah bukan-eksekutif dan pengarah bebas bagi proses membuat keputusan yang bijak hingga pendedahan telus imbuhan Lembaga.

Seiring dengan urus tadbir yang baik, Lembaga komited untuk memastikan pelaporan kewangan yang betul dan adil dan menyenggara sistem kawalan dalaman yang ketat dan rangka kerja pengurusan risiko sewajarnya, melindungi aset-aset Kumpulan dengan sewajarnya dan mencegah penipuan dan ketidakstabilan lain. Rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan menggunakan pendekatan berasaskan risiko dan kajiannya meliputi bidang-bidang ketidakpatuhan dengan undang-undang terpakai, peraturan, garis panduan, perubahan kepada kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan. Hasil penilaian risiko tahun semasa adalah memuaskan dan tidak ada salah nyataan atau kerugian, kontingen atau ketidakpastian material telah timbul.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Penyata Urus Tadbir Korporat (bagi amalan urus tadbir korporat terbaik Kumpulan) dan Penyata Kawalan Dalaman (bagi rangka kerja dan amalan pengurusan risiko dan langkah-langkah kawalan dalaman lain).

### Penglibatan Pemegang Pelbagai Kepentingan

Kumpulan berusaha untuk menyampaikan maklumat berkualiti kepada pelabur-pelabur, pengawal-pengawal arur, pelanggan-pelanggan, pembekal-pembekal, kakitangan dan orang awam, secara tepat pada masa dan telus. Misalnya, Kumpulan mempunyai satu program Perhubungan Pelabur ("IR") terkemuka untuk menyebarkan maklumat penting mengenai perkembangan, operasi dan prestasi kewangan Kumpulan kepada komuniti pelaburan. Beberapa pendedahan dan pengumuman telah dibuat kepada Bursa Malaysia Securities Berhad, dialog-dialog biasa diadakan dengan penganalisis-penganalisis dan pengurus-pengurus dana,



Penganalisis kewangan menghadiri Taklimat Ringkas Syarikat

dan sidang akhbar dianjurkan dari masa ke masa untuk menyebarkan maklumat berkaitan secara berkesan kepada orang awam. Maklumat lanjut mengenai kegiatan-kegiatan Perhubungan Pelabur Kumpulan terkandung dalam Penyata Urus Tadbir Korporat..

Saluran bagi pengaduan salah laku disediakan di mana kakitangan boleh melaporkan penipuan atau ketidakstabilan secara sulit dan tidak menimbulkan syak kepada Juruaudit Dalaman Kumpulan, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan atau Setiausaha Syarikat. Peluang-peluang juga disediakan kepada kakitangan untuk memberikan maklum balas dan pendapat melalui forum-forum intranet interaktif dan kotak-kotak cadangan.

Kumpulan juga mempunyai laman web komprehensif di <http://www.ijm.com> untuk mempertingkatkan lagi perhubungan pelabur dan komunikasi pemegang pelbagai kepentingan. Para pengunjung ke laman web dialu-alukan untuk memberi maklum balas dan ulasan bagi penambahbaikan berkenaan dengan penawaran produk, perkhidmatan atau apa jua perkara lain yang mereka ingin ajukan.

### Dasar Pemerolehan

Inisiatif CR Kumpulan termasuk keputusan mengenai pemerolehan barang dan perkhidmatan bagi perniagaan memandangkan ia memikul tanggungjawab untuk memastikan agar bahan atau perkhidmatan yang diperoleh memenuhi keperluan klien dan spesifikasi kontrak. Dasar pemerolehan Kumpulan adalah untuk mendapatkan sumber bahan dan perkhidmatan yang sangat boleh dipercayai dari segi peletakan harga, kualiti, ketersediaan dan penyerahan tepat pada masa.

Kumpulan menerima pakai dasar-dasar dan prosedur-prosedur pemerolehan neutral dan terbuka yang telah diperakui dengan ISO 9001 dan berhasrat untuk menyediakan pilihan, kualiti, kecekapan dan ekonomi bidangan dalam penyediaan produk dan perkhidmatan berkualiti untuk memastikan kepuasan pelanggan. Ia meliputi bidang-bidang seperti proses pengambilan dan tempahan bahan, permintaan bagi tender dan sebut harga, penilaian dan pemilihan subkontraktor dan pembekal berdasarkan kriteria tertentu, penilaian subkontraktor/pembekal secara berkala dan kemas kini tetap terhadap senarai subkontraktor/ pembekal yang diluluskan.

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT

(samb.)



Penilaian kawalan kualiti tetap dijalankan di tapak-tapak projek untuk menjaga kualiti produk kami



Ujian pemampatan bagi silinder konkrit bagi projek USA di makmal bebas



Makmal pengujian bahan

## Produk dan Perkhidmatan Berkualiti

Dalam usahanya untuk menyerahkan produk dan perkhidmatan berkualiti terunggul kepada pelanggan-pelanggannya dan memenuhi keperluan berperaturan yang terpakai, Kumpulan telah menyediakan standard tertinggi bagi dasar, prosedur dan amalan terbaik dengan penerimaan pakai pensijilan kualiti ISO. Ini adalah selaras dengan penyata dasar Kumpulan untuk "Kami berusaha untuk memastikan kualiti produk dan perkhidmatan kami melebihi jangkaan pelanggan kami". Sehingga kini, syarikat-syarikat dalam Kumpulan yang diperakui ISO berjumlah 15 buah syarikat. Komitmen Kumpulan kepada kualiti digambarkan selanjutnya melalui penggunaan jenama 'Mercu Kecemerlangan' dan moto korporatnya 'Kecemerlangan melalui Kualiti'.

Sebagai sebuah perbadanan yang bertanggungjawab, Kumpulan menjalankan kajian tetap, penambahbaikan proses dan penilaian kawalan kualiti, untuk mempertingkatkan proses pengeluaran secara berterusan dan kualiti produk dan perkhidmatannya, untuk meminimumkan kecacatan produk, kemalangan, bahaya kesihatan dan alam sekitar, manakala pada masa yang sama, memuaskan hati pelanggan-pelanggannya dan memenuhi keperluan pemegang-pemegang pelbagai kepentingannya dan masyarakat keseluruhan. Selain daripada itu, tinjauan kepuasan hati tahunan dijalankan untuk mendapatkan maklum balas pelanggan untuk menyediakan perkhidmatan kepada mereka dengan lebih baik.

IJM telah membangunkan teknologi dan kepakaran bangunan nianya sendiri dengan menjadi peneraju terkemuka dalam industri pembinaan bagi sektor swasta dan sektor awam, serta arena antarabangsa. Sebagai bukti komitmen Kumpulan kepada kualiti, ia telah menerima pengiktirafan tinggi daripada pelanggan-pelanggannya yang berpuas hati, kerajaan dan badan-badan berperaturan, dan sokongan awam, melalui pelbagai bentuk anugerah dan sokongan termasuk Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (Pencapaian Antarabangsa) pada tahun 2007 dan Anugerah Kecemerlangan Industri MITI bagi Kecemerlangan Eksport (Perkhidmatan) pada tahun 2008.

Maklumat lanjut mengenai amalan kualiti terbaik Kumpulan diliputi dalam Laporan Kualiti.

## Inovasi, Penyelidikan dan Pembangunan

Kumpulan sentiasa membuat pembaharuan dan penambahbaikan ke atas kualiti produk dan perkhidmatannya untuk kekal seiring dengan perubahan teknologi dan keutamaan pelanggan. Dalam hubungan ini, Kumpulan mengamalkan perekayasaan dan penciptaan semula produk dan prosesnya melalui penyelidikan dan pembangunan

("R&D") berterusan untuk mengeluarkan kualiti tertinggi dengan kos yang lebih rendah dan masa ke pasaran yang lebih pantas berbanding pesaing-pesaingnya, untuk mengekalkan kelebihan daya saingnya.

Anak syarikat pembinaan inovatif, IJM Building Systems Sdn Bhd telah ditauliahkan oleh Malaysian Book of Records bagi pengeluaran panel komposit simen bertetulang serat kelapa sawit ringan yang pertama di Malaysia.

Makmal Penyelidikan dan Pembangunan Berpusat Bahagian Industri di kilangnya di Klang telah ditauliahkan oleh Jabatan Standard, Malaysia bagi penenturan bidang meliputi dimensi dan jisim sejak tahun 2000. Dalam usaha berterusannya untuk meningkatkan proses pengilangan cerucuk konkrit berpintal pra tegang ("PSC") dan kecekapan kos, makmal tersebut telah memulakan kajian menggunakan bahan kimia baru yang mesra alam dan bahan tambahan bersemen untuk mengeluarkan cerucuk cekap yang lebih tahan lama dan bertenaga. Penggunaan bahan tambahan baru berdasarkan poli-eter digabungkan dengan produk bersimen teknologi mesra alam telah membawa kepada peningkatan kualiti cerucuk yang boleh memecut keuntungan dalam kekuatan konkrit tanpa proses pengawetan stim, dengan itu, mengakibatkan masa pusing balik yang lebih singkat dalam sistem penyerahan. Bidang-bidang lain penambahbaikan R&D adalah penubuhan kemudahan pengujian agregat untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik mengenai ciri-ciri agregat dan ketahanan konkrit di bawah serangan sulfat.

Bahagian Perladangan kami sentiasa menjalankan kegiatan R&D melalui Pusat Kualiti, Latihan dan Penyelidikannya ("QTRC"). Usaha-usaha sedemikian termasuk pelaksanaan kawalan biologi untuk mengurangkan penggunaan racun perosak kimia. Usaha-usaha R&D lain yang dijalankan termasuk peningkatan hasil kelapa sawit melalui kaedah pembiakbakaan dan pemilihan, rekod saintifik blok-blok genetik, pemilihan induk sawit di Ladang Sijas, Sabah dan ujian percubaan progeni. Program pembiakbakaan membolehkan Bahagian ini mengeluarkan bahan penanaman hasil berkualiti tinggi. Selain daripada itu, SIRIM MS157:2005 dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia ("MPOB") telah memperakui biji benih kelapa sawit kacukan yang membawa kepada pengeluaran dan penggunaan cap dagangan 'IJM DxP' dalam penanaman semula kelapa sawit Bahagian di Sabah serta penanaman baru di Indonesia.

Kumpulan, dalam usahanya untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi, akan terus melabur dan memperuntukkan sumber dalam kegiatan R&D bagi peningkatan mapan dan untuk menghapuskan proses-proses yang tidak cekap.



*Tapak semai Sugut*



*IJM adalah penaja utama dan menganjurkan Perlumbaan Rumah Api 2009 yang membawa para peserta mendaki tanah berbukit melalui hutan hujan sehingga garis penamat rumah api*



*"Hutan Kayu Beratus Ekar" di Sugut - Kawasan pemuliharaan oleh Bahagian Perladangan*



*Sukarelawan IJM menjaga satu gerai kanak-kanak di acara Raptor Watch*



*Satu gambar burung pemangsa yang menarik ditangkap oleh kakitangan kami, En Lee Hock Aun, seorang jurugambar yang ghairah*

## ALAM SEKITAR

KUMPULAN TELAH LAMA MENJADIKAN PERLINDUNGAN DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR SEBAGAI BAHAGIAN PENTING DALAM FALSAFAH KORPORAT DAN DASAR PERNIAGAANNYA. SASARAN UTAMA YANG DITETAPKAN OLEH KUMPULAN DALAM POLISI ALAM SEKITAR KORPORATNYA ADALAH PENCEGAHAN PENCEMARAN, PENGURUSAN SUMBER ASLI, PENGEMBALIAN SEMULA KEADAAN LANDSKAP DI TAPAK-TAPAK PROJEK, PEMINIMUMAN GANGGUAN SOSIAL DAN ALAM SEKITAR DAN MENGHORMATI BUDAYA MASYARAKAT. KUMPULAN PERCAYA STRATEGI INI AKAN MENGHASILKAN PENGURANGAN GANGGUAN KEPADA ALAM SEKITAR SERTA MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN MAPAN.

IJM Telah Lama Menunjukkan Keprihatinan Terhadap Pemuliharaan Alam Sekitar. Wawasan Syarikat Bagi Masa Hadapan Yang Mapan Dapat Dilihat Melalui Penglibatan Dalam Acara-acara Awam Yang Disertai Dalam Tahun Di Bawah Kajian. Dua Acara Penting Jelas Memperlihatkan Mesej-mesej Global Yang Ia Bawa.

### Perlumbaan Rumah Api 2009 Persatuan Pencinta Alam Malaysia

IJM merupakan penaja utama dalam Perlumbaan Rumah Api 2009 Persatuan Pencinta Alam Malaysia ("MNS") yang dianjurkan selaras dengan acara Melihat Burung Pemangsa yang diadakan di Tanjung Tuan, Melaka. Temasya pada Mac 2009 tersebut diadakan untuk menyambut kepulangan burung hijrah atau lebih dikenali sebagai burung pemangsa ke habitat asal mereka di hemisfera utara.

MNS menganjurkan acara tersebut untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pemuliharaan burung pemangsa dan habitat mereka. Warga IJM diberi peluang luar biasa untuk memimba pengalaman langsung mengenai pemuliharaan alam semula jadi, untuk memahami dan mengambil bahagian dalam kerja-kerja MNS dalam usaha melindungi warisan alam semula jadi Malaysia.

### Earth Hour

*Earth Hour* adalah inisiatif memadamkan lampu seluruh dunia kami yang diilhamkan oleh WWF ("Tabung Hidupan Liar Dunia"). Berjuta-juta orang seluruh dunia dan di Malaysia memadamkan lampu mereka selama satu jam pada hari Sabtu, 28 Mac 2009 pada jam 8.30 malam untuk menyatakan sokongan bagi menangani perubahan cuaca. Ia adalah inisiatif utama pertama dalam hasrat jangka panjang IJM untuk membina pemuliharaan sumber dalam Kumpulan.

IJM mengambil bahagian dalam acara tersebut dengan menyertai semua rakyat Malaysia dalam usaha memadamkan lampu-lampu tidak penting (misalnya lampu hadapan dan lampu neon) di ibu pejabatnya di Selangor serta cawangan-cawangan, tapak dan anak-anak syarikatnya di Malaysia dan pejabat antarabangsa. Semua kakitangan telah diperingatkan untuk memadamkan monitor komputer, perkakas elektrik, dan lampu-lampu tidak penting mereka di tempat kerja sebelum meninggalkannya untuk bercuti di hujung minggu.

IJM komited kepada acara *Earth Hour* dan menggalakkan kakitangannya untuk menghebahkan kepada ahli keluarga dan rakan taulan mereka; dan juga untuk meraikan acara *Earth Hour* di kediaman mereka sendiri.

Usaha-usaha Kumpulan Dalam Penjagaan Dan Pemuliharaan Alam Sekitar Dihuraikan Selanjutnya Dalam Laporan Kesihatan, Keselamatan Dan Alam Sekitar.

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT

(samb.)



Penyampaian trofi bagi Ragbi 10 Sebelah Jemputan Sekolah-sekolah COBRA Kelima



Aksi pemain rugbi



IJM... Rakan anda dalam Rugbi

## KOMUNITI

IJM BENAR-BENAR PERCAYA BAHWA IA HARUS "MEMBERI SUMBANGAN" KEPADA KOMUNITI DALAM MANA IA BEROPERASI. KENYATAAN RASMI INI TELAH DIAMALKAN DAN DIPERHALUSI SECARA KONSISTEN UNTUK SEKIAN LAMANYA. DIPANDU OLEH RANGKA KERJA CRNYA, USAHA-USAHA KOMUNITI IJM' TERTUMPU PADA PEMBANGUNAN SUKAN DI PERINGKAT AKAR UMBI, PENDIDIKAN DAN KEBAJIKAN SOSIAL.

### Pembangunan Sukan di Peringkat Akar Umbi

Kumpulan menumpukan perhatian pada sukan di peringkat akar umbi memandangkan ia menganggap sukan sebagai sebahagian daripada pembangunan pendidikan dan kesihatan penting manakala pada masa yang sama menyumbang kepada pembangunan negara. Dalam memberi tumpuan pada ragbi dan gimnastik, IJM mempertahankan pendekatan semasa kerja yang telah menghasilkan beberapa tahap kejayaan.

Kedua-dua acara ragbi dan gimnastik yang ditaja oleh IJM mempunyai banyak kebaikan yang sama. Satu aspek penting adalah ia dianjurkan secara keseluruhan oleh sukarelawan-sukarelawan yang terdiri daripada penggemar sukan, penyokong dan ahli-ahli keluarga peserta. Ia bermula sebagai acara-acara tempatan dan berkembang ke peringkat tertinggi, menarik pasukan dan audiens antarabangsa, yang sejahtera dengan seruan Kerajaan untuk mempromosi pelancongan sukan.

#### Ragbi

Penglibatan IJM dalam ragbi bermula apabila ia menyokong inisiatif 'Rakan Muda' Kerajaan pada tahun 90-an. Penajaan pembangunan ragbi di Semenanjung Malaysia diuruskan melalui perkongsian dengan Persatuan Ragbi Gabungan Bekas-bekas Pelajar ("COBRA"), kelab Ragbi Malaysia paling berjaya. Bahagian Perladangan di Sabah juga mempunyai program pembangunan ragbi yang berjaya yang dikendalikan melalui kerjasama dengan Kesatuan Ragbi Sabah, Kelab Ragbi Sandakan dan Jabatan Pelajaran Sabah. Kerjasama ini telah membolehkan IJM memulakan agenda peringkat kebangsaan yang menjangkau semua kumpulan usia dan kejayaannya boleh dinilai dalam dua bidang: kegiatan pembangunan akar umbi dan kejohanan antarabangsa.

#### a) Program Pembangunan Ragbi

Kumpulan telah mengaitkan dirinya dengan COBRA dan penaja utamanya bagi program sekolah, yayasan CIMB, dalam menyempurnakan program bagi mengangkat taraf ragbi di peringkat sekolah.

Fasa pertama Program Pembangunan Ragbi Sekolah-sekolah COBRA (2005 hingga 2007) tertumpu pada melatih guru-guru untuk menjadi jurulatih ragbi berkelayakan dan menggalakkan sukan di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Fasa dua program tersebut, dilancarkan pada tahun 2008, bertujuan untuk menaik taraf kemahiran guru-jurulatih manakala pada masa yang sama juga mempersiapkan generasi akan datang sebagai pemain ragbi Malaysia bertaraf dunia.

Sehingga kini, program tersebut telah melatih 421 guru sebagai Jurulatih Ragbi Peringkat Satu. Daripada jumlah tersebut, seramai 22 guru telah mengorak langkah kepada Kejurulatihan Peringkat Dua. Program-program Kejurulatihan ini telah dikendalikan oleh jurulatih bertauliah Lembaga Ragbi Antarabangsa ("IRB") daripada Akademi Ragbi Penguin, United Kingdom. Sejak penerimaannya, program tersebut dengan penglibatan guru-guru terlatih telah menjangkau sehingga lebih 30,000 pelajar dari sekolah-sekolah seluruh Malaysia.

Kegiatan-kegiatan sepanjang tahun termasuk antara lainnya, kursus-kursus kejurulatihan bagi guru-guru, klinik-klinik kejurulatihan bagi para pelajar, kem-kem ragbi dan satu kejohanan tahunan peringkat kebangsaan serta dua kejohanan peringkat antarabangsa.



IJM menaja pertandingan gimnastik berirama antara kelab antarabangsa dwitahunan, Piala Angel



Penerima Anugerah Biasiswa IJM 2008

Di Sabah, program-program pembangunan ragbi Bahagian Perladangan dilaksanakan melalui Akademi Kecemerlangan Ragbi. Kegiatan utamanya termasuk kejohanan pelbagai kumpulan usia yang diadakan setiap tahun untuk membangunkan kecemerlangan sukan, mencari bakat-bakat muda dan memupuk para atlet untuk kebaikan negeri dan negara.

Walau bagaimanapun, ragbi bukanlah satu-satunya sukan yang ditaja oleh Bahagian Perladangan. Bahagian ini juga menghoskan kejohanan bola sepak dengan tujuan menggalakkan perpaduan di kalangan golongan peladang serta komuniti dalam mana ia beroperasi. Kejohanan Bola Sepak Jemputan IJM-Adidas edisi ke-13 telah diadakan pada Ogos 2008 yang sekali lagi mendapat sokongan baik dan memupuk keakraban baik di kalangan pasukan tempatan.

#### b) Acara-acara Sukan Antarabangsa

IJM secara berterusan menaja kejohanan Ragbi COBRA 10 Sebelah dengan matlamat jangka panjang untuk memulihkan sukan ragbi di Malaysia; dengan memudahkan tontonan ragbi bertaraf dunia kepada peminat-peminat tempatan serta untuk meningkatkan kualiti ragbi di Malaysia dengan penglibatan bersama dengan pasukan-pasukan antarabangsa. Kejohanan ragbi antarabangsa terbesar Malaysia telah meningkat dari segi taraf dan saiz, menarik beberapa pasukan kelab terbaik daripada negara-negara yang bermain sukan ragbi. Dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai penaung kejohanan, acara tersebut disokong secara komprehensif oleh Kementerian Belia dan Sukan; Maklumat dan Pelancongan.

Ini juga merupakan langkah strategik untuk menyokong pembangunan ragbi di sekolah-sekolah dengan mendedahkan para pelajar dengan pertandingan peringkat lebih tinggi, dan untuk memberi inspirasi kepada mereka bagi menerap semangat kesukanan dan kerja berpasukan yang dipaparkan. Melalui sokongan rakan-rakan IJM dan COBRA, lebih kurang 5,000 pelajar sekolah telah ditaja untuk menyaksikan perlawanan akhir di stadium.

Penglibatan sektor Perladangan IJM dalam sukan ragbi di Sabah bermula pada tahun 2002, apabila ia bekerjasama dengan Kesatuan Ragbi Sabah untuk menghidupkan semula minat sukan ragbi di negeri itu, melalui pengenalan kejohanan tahunan - Ragbi Jemputan Borneo-COBRA 10 Sebelah. Pada awalnya diperkenalkan sebagai kejohanan tempatan dan ciri penting dalam Pesta Sandakan, ia telah berkembang tahun demi tahun sehingga menjadi acara antarabangsa yang menarik pasukan-pasukan kelab berkualiti dari negara-negara yang bermain sukan ragbi. Dengan IJM Plantations Berhad sebagai penaja utama, kejohanan tersebut yang kini dalam tahun kelapannya tersenarai dalam kalender acara sukan negeri dan kebangsaan.

#### Gimnastik

Pencapaian Kelab Serdang Rhythmic Angels dalam menubuhkan pusat latihan dalam tempoh yang singkat sungguh mengagumkan IJM yang kemudiannya mengambil peranan sebagai penaja utama dalam pertandingan gimnastik berirama antara kelab antarabangsa dwitahunan. Pertandingan tersebut telah menyediakan tapak bagi ahli gimnastik muda untuk bersaing di peringkat antarabangsa serta menyediakan pelantar bagi jurulatih dan pengadil untuk mengasas kemahiran kejurulatihan dan pengadilan mereka, selain memupuk perhubungan dengan kelab-kelab tempatan dan antarabangsa.

Ditubuhkan pada tahun 1998, kelab gimnastik yang berpangkalan di Seri Kembangan dan diuruskan keseluruhannya oleh sukarelawan, telah memenangi anugerah sulung "Kelab Gimnastik Berirama Prestasi Terbaik" daripada Persatuan Gimnastik Amatur Selangor pada tahun 2007. Daripada bilangan awal seramai 12 ahli gimnastik pada permulaannya, pengambilan telah meningkat dua kali ganda terdiri daripada peringkat-peringkat pembangunan dan kumpulan usia yang berlainan.

#### Pendidikan

##### Biasiswa IJM

Kumpulan telah menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang layak menerima bagi tempoh 14 tahun lepas. Program Biasiswa IJM adalah sejarah dengan objektif CR Syarikat membuat sumbangan bermakna dengan menyediakan bantuan pendidikan untuk membantu membangunkan dan memupuk bakat-bakat muda Malaysia yang cerah kepada pemimpin berkebolehan pada masa hadapan. Sehingga kini, lebih daripada 120 pelajar mendapat manfaat daripada program tersebut, kebanyakannya daripada mereka telah kembali untuk bekerja dengan Kumpulan. Majlis penyampaian biasiswa 2008 yang diadakan pada Ogos 2008, telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam. Penerima biasiswa yang berjaya bukan sahaja menerima RM10,000 setahun, tetapi juga kelebihan tambahan mempunyai seorang mentor yang dikenal pasti daripada kalangan personel kanan IJM, untuk membimbing dan menasihati mereka sepanjang pengajian mereka apabila mereka menyertai Kumpulan.

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT

(samb.)



Pendidikan asas disediakan untuk kanak-kanak daripada komuniti estet yang miskin



IJM adalah Juara Kumpulan Ketua Penyorak keseluruhan dalam Rat Race 2008



IJM mengambil peranan menganjurkan sekretariat jawatankuasa Program 'Rakan Membasmi Kemiskinan' yang meraih RM1.155 juta untuk membasmi kemiskinan tegar di Pulau Pinang



Penduduk dan kakitangan mengambil bahagian dalam Charity Walk for MAKNA semasa karnival 'Colours of Life Fiesta' di perbandaran Seremban 2 kami di Negeri Sembilan



IJM menderma RM100,000 sebagai membantu Dana Kemanusiaan Palestin

IJM juga mempunyai program latihan amali berterusan yang memberikan Pemegang Biasiswa IJM peluang untuk menjalani latihan perindustrian dengan Kumpulan sebagai sebahagian daripada keperluan kursus mereka. Anugerah biasiswa IJM meliputi bidang-bidang pengajian seperti Kejuruteraan Awam, Mekanikal, Kimia dan Elektrik; Perakaunan; Perumahan, Pembinaan dan Perancangan; Ukur Bahan; Sains Gunaan; Ekonomi; Pentadbiran Perniagaan; Sains Bahan dan Geologi.

## Pesta Kerjaya dan Pendidikan

IJM juga mengambil bahagian dalam pesta kerjaya dan pendidikan, paling terkenal adalah Pesta MYCareer & Education yang diadakan pada Mei 2008. Biasanya, Kumpulan responsif kepada permintaan daripada kolej-kolej dan universiti-universiti bagi lawatan tapak, jemputan ke ceramah-ceramah kerjaya atau teknikal, penglibatan dalam kajian atau tinjauan yang dijalankan oleh pelajar dan penaja acara-acara yang menawarkan pendedahan dan sokongan mereka dalam pembangunan intelektual dan antara perorangan.

## Program Pendidikan dalam Perladangan

Bahagian Perladangan telah menubuhkan program yang menyediakan pendidikan asas bagi kanak-kanak para pekerja dan komuniti sekeliling. Terdapat tujuh tadika yang menempatkan kanak-kanak berusia antara lima dan sepuluh tahun. Bahagian ini telah maju selangkah lagi dengan menubuhkan sebuah sekolah di Ladang Selatan Desa Talisai dengan kerjasama daripada Humana Child Aid Society Sabah. Maklumat mengenai program ini boleh ditemui di (<http://www.borneochildaids.org/>).

## Kebajikan Sosial

Wawasan IJM untuk memastikan agar ia dapat mengubah kehidupan orang yang ia bantu selaras dengan teras usaha CRnya. Mengelakkan perhubungan berterusan dengan komuniti merupakan satu lagi ciri utama. Manakala usaha-

usaha CR kekal berorientasi Bahagian, langkah-langkah biasa dapat dilihat dalam bentuk kegiatan yang dilaksanakan.

Di peringkat ibu pejabat, Syarikat meneruskan sokongannya dalam acara-acara amal tahunan seperti Kuala Lumpur Rat Race 2008, manakala pada masa sama memperluaskan skopnya untuk menangani isu-isu semasa dan menyahut cabaran-cabaran baru selaras dengan dengan Rangka Kerja CRnya.

IJM menderma ke dalam Tabung Kemanusiaan Palestin pada Februari 2009 dan juga jaminan sokongannya ke arah program Rakan Pembasmian Kemiskinan ("PAP") Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Program PAP, dilancarkan pada Januari 2009, memberikan sektor swasta peluang untuk melaksanakan tanggungjawab korporat dan sosial mereka dengan menderma ke dalam tabung khas untuk membasmi kemiskinan tegar di Pulau Pinang. Bahagian Harta memainkan peranan penting dalam menggerakkan kempen tersebut.

Meneruskan usaha-usaha CR Kumpulan, Bahagian Harta juga bekerjasama dengan Majlis Kanser Nasional ("MAKNA") dalam acara mengumpulkan dana bertajuk 'Jalan Amal Warna-warni Kehidupan 2008' untuk membantu pesakit-pesakit kanser miskin. Acara berjalan kaki sejauh 3.5 km di Seremban 2, Negeri Sembilan, telah disokong sepenuhnya oleh penduduk tempatan dan kakitangan IJM. IJM Land Berhad telah menghoskan pesta warna-warni sepanjang hari, dipenuhi dengan kegiatan dan sukan menyeronokkan bagi semua peringkat usia.

Warga IJM telah menunjukkan rasa simpati mereka dan menderma dengan murah hati bagi mengumpulkan RM187,283 untuk anak perempuan rakan kerja mereka, Chew Koon Chuan yang memerlukan perhatian perubatan ekstensif. Chew Cai Ying yang berusia lapan tahun telah didiagnosis dengan Fanconi Anaemia, penyakit darah yang memerlukan Pemindahan Sel Stem Haematopoietik yang menelan kos lebih kurang RM160,000. Dana tersebut diperoleh hanya dari dalam Kumpulan IJM, menggambarkan budaya keprihatinan organisasi terhadap kebajikan kakitangan dan keluarga mereka.



Kakitangan IJM telah bermurah hati menderma untuk Chew Cai Ying, anak perempuan rakan sekerja mereka yang memerlukan rawatan perubatan yang besar. IJM dan kakitangan mendekan beliau cepat sembuh

kerja-kerja pemuliharaan jalan raya sedang dilaksanakan untuk menyediakan jalan yang lebih baik kepada penduduk-penduduk berdekatan kuari-kuari Bahagian Industri kami

Lebih 60 topi keledar telah ditukar dengan topi-topi keledar yang tidak memenuhi standard syarat keselamatan SIRIM dalam kempen sokongan tahunan Bahagian Tol

Memakai tali pinggang keledar untuk pemanduan selamat - sebahagian daripada kempen keselamatan jalan raya Bahagian Tol kami

Bahagian Pelabuhan kami menyumbangkan kasut sekolah kepada pelajar-pelajar miskin Sekolah Kebangsaan Sungai Ular di Kuantan, Pahang

Untuk menggalakkan tabiat membaca di kalangan kanak-kanak, Bahagian Pelabuhan kami telah menyumbangkan sejumlah wang untuk membantu pembinaan sudut membaca di Sekolah Kebangsaan Jabor di Kuantan, Pahang

Bahagian Industri komited untuk memastikan agar infrastruktur asas dalam kawasan-kawasan ia beroperasi diselenggara untuk manfaat dan keselamatan penduduk tempatan. Anak syarikat IJM, Kuang Rock Products Sdn Bhd yang mempunyai sebuah kuari di kawasan Bukit Lagong telah memulakan projek untuk membaiki dan menaik taraf jalan raya bagi menyediakan akses yang lebih baik untuk penduduk berhampiran Matang Jaya di Sungai Buloh. Meneruskan usaha-usahanya, Bahagian ini juga telah memindahkan kilang cerucuk berpintal, yang dibina bersebelahan dengan sebuah kampung pada awal tahun 80-an, dari Bukit Tengah ke Kawasan Perindustrian Prai.

Pada Jun 2008, kilang Bahagian Industri secara bersama menganjurkan satu kempen 'gotong-royong' dengan jiran-jirannya di Kawasan Perindustrian Senai untuk membersihkan kawasan bagi manfaat komuniti.

Bahagian Infrastruktur yang termasuk NPE, LEKAS dan Besraya Highway, terus memainkan peranan penting dalam mewujudkan kesedaran keselamatan jalan raya terutamanya semasa musim perayaan. Polis Diraja Malaysia, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (KKJR), Lembaga Lebuhraya Malaysia dan media telah menyokong kempen keselamatan jalan raya awam dan usaha-usaha pengiklanan untuk meningkatkan tahap kesedaran dan menyemai tabiat keselamatan jalan raya. Selain daripada itu, terdapat juga agenda berterusan untuk menyokong penguatkuasaan Kerajaan bagi inisiatif keselamatan peringkat kebangsaan seperti pelaksanaan peraturan baru yang memerlukan penumpang belakang memakai tali pinggang belakang.

Kempen sokongan tahunan Bahagian Tol yang diadakan pada Januari 2009 merupakan kejayaan yang menjadi sebutan, memandangkan ia telah menjangkau bilangan audiens yang lebih besar. Memandangkan beberapa kajian menunjukkan

bahawa penunggang motosikal dan pembonceng adalah paling mudah terdedah kepada kematian akibat kecederaan parah dalam kemalangan jalan raya, kempen tahun ini tertumpu pada pendidikan orang awam mengenai penggunaan topi keledar yang betul. Lebih 60 topi keledar telah diberi sebagai pertukaran dengan topi keledar mereka yang tidak memenuhi standard keperluan keselamatan SIRIM. Kerusi keselamatan kanak-kanak untuk kereta juga telah diberi kepada pemandu bertuah untuk meningkatkan kesedaran mengenai cara penggunaan kerusi keselamatan dan booster yang betul.

Kegiatan CR Bahagian Pelabuhan telah menyelami kehidupan kanak-kanak bersekolah dan kanak-kanak "istimewa" di Pahang. Kalender kegiatan Kuantan Port Consortium Sdn Bhd termasuk sumbangan derma kepada kanak-kanak bersekolah, sumbangan ke arah pembinaan sudut bacaan untuk menggalakkan tabiat membaca di kalangan kanak-kanak, menaja lawatan lapangan ke Johor bagi kanak-kanak "istimewa" Seri Nilam Cahaya dan derma keperluan makanan kepada rumah kanak-kanak.

Sementara itu, Bahagian Perladangan terus melibatkan diri dengan komuniti sekeliling melalui projek-projek kesedaran kesihatan awam. Satu forum awam mengenai barah payu dara dan demonstrasi mengenai pemeriksaan payu dara sendiri ("BSE") telah ditaja dan dianjurkan secara bersama dengan Jawatankuasa Kesedaran Kesihatan Payu Dara Sandakan (Breast Health Awareness Committee) dari Hospital The Duchess of Kent.

Acara tersebut menyasarkan pelajar-pelajar khususnya pelajar sekolah wanita, bertujuan untuk menggalakkan BSE dari awal di kalangan generasi muda. Forum tersebut yang telah menarik lebih daripada 400 pelajar juga mendidik para peserta mengenai ciri-ciri pemakanan dan manfaat minyak sawit.

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT

(samb.)



Perlindungan sisi tepi diamalkan di tapak-tapak pembinaan kami



Taklimat ringkas bulanan oleh Pengurus Kilang kepada kakitangan dan pekerja mengenai kesedaran kesihatan & keselamatan di kilang kami

## TEMPAT KERJA

SELAIN DARIPADA PERSEKITARAN RUMAH, TEMPAT KERJA MERUPAKAN PERSEKITARAN DI MANA KEBANYAKAN ORANG MENGHABISKAN SEBAHAGIAN BESAR MASA MEREKA. MEMAHAMI KEADAANINI, KUMPULAN SENTIASA MENEKANKAN KEPENTINGAN PERSEKITARAN TEMPAT KERJA YANG SELAMAT DAN TELAH MELAKSANAKAN LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN DI TEMPAT KERJA DAN KAWASAN-KAWASAN DI MANA OPERASI KAMI BERTAPAK. SYARIKAT MEMPUNYAI PROGRAM EKSTENSIF UNTUK MENDIDIK DAN MEWUJUDKAN KESEDARAN DI KALANGAN KAKITANGAN MENGENAI TANGGUNGJAWAB BERSAMA MEREKA BAGI PENCEGAHAN KECEDERAAN DAN BAHAYA KESIHATAN PEKERJAAN.

### Kesihatan & Keselamatan

Untuk mencapai objektif kesihatan dan keselamatannya, Kumpulan telah menyediakan rangka kerja Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar ("HSE") dan sistem pengurusan komprehensif yang membantu Kumpulan untuk:

- Mematuhi semua peraturan, garis panduan dan keperluan lain berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan pekerjaan yang terpakai;
- Menubuhkan beberapa Jawatankuasa Keselamatan bagi pemantauan, kajian berterusan dan penambahbaikan ke atas kesihatan dan keselamatan;
- Melaksanakan audit HSE dirancang dan pemeriksaan mengejut;

- Membiasakan semua kakitangan dengan latihan, maklumat dan kemudahan HSE yang tersedia;
- Meningkatkan kesedaran dan kebertanggungjawaban di semua peringkat organisasi; dan
- Mengukur prestasi HSE.

Amalan kesihatan dan keselamatan Kumpulan diuraikan dalam *Laporan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar*.

### Kepelbagaiant Tempat Kerja

"Kami berusaha untuk menghormati pelbagai budaya, jantina, agama, hak asasi dan maruah pemegang-pemegang pelbagai kepentingan kami" ... telah berakar umbi dalam pernyata polisi kami sebagai sebahagian komitmen Kumpulan ke arah kepelbagaiant tempat kerja IJM yang benar-benar percaya bahawa usaha sama daripada semua kakitangan akan membolehkan Kumpulan berkembang dengan teguh manakala pada masa yang sama mencapai produktiviti yang optimum dan memberikan yang terbaik kepada warganya.

Kumpulan percaya dalam menyediakan persekitaran kerja yang saksama di mana semua kakitangan tanpa mengira keturunan etnik, jantina, usia, budaya, agama, pendidikan dan penampilan fizikal, disokong dan dinilai sama rata. Mengambil kira keadaan ini, Kumpulan berharap agar setiap kakitangan berusaha meningkat potensi sebenar mereka, manakala pada masa yang sama bekerja sama secara harmoni untuk mencapai matlamat organisasi.

Analisis beberapa kakitangan mengikut klasifikasi, komposisi etnik dan produktiviti dimasukkan dalam Laporan Kakitangan & Produktiviti.

### Pembangunan Modal Insan

Untuk memastikan agar Kumpulan sentiasa berdaya tahan dan berdaya saing dalam persekitaran perniagaannya, IJM terus melabur dalam pembangunan modal insan melalui beberapa program latihan sepanjang tahun penuh. Program-program latihan ini akan membantu warga kami meningkatkan kemahiran dan keupayaan mereka untuk cemerlang dalam organisasi dan memberikan khidmat mereka yang terbaik. Peluang-peluang latihan disediakan kepada semua kakitangan melalui program-program latihan dalam dan luaran berkisar daripada kursus-kursus berkaitan teknikal dan pengurusan kemahiran hingga kemahiran mudah.

Jurutera-jurutera graduan yang baru sahaja menyertai Syarikat diambil dalam Program Latihan Jurutera. Di bawah program ini, jurutera-jurutera ini diberi pendedahan tentang semua aspek kerja pembinaan untuk persediaan bagi mengambil alih peranan Pengurus Projek pada masa hadapan. Keperluan pembangunan Pengurus Projek ditangani melalui Program Pengurus Projek yang akan melengkapkan mereka dengan kemahiran teknikal, pengurusan dan kemahiran manusia.



'Gotong-royong' untuk membersihkan dan mencantikkan kawasan Wisma IJM dan Bangunan Tambahan



Pelbagai program latihan dianjurkan untuk kakitangan



Bengkel kerja bina semangat

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT

(samb.)

Kumpulan secara berterusan menilai syarat dan keperluan set kemahiran operasi perniagaannya. Di mana perlu, kursus-kursus baru atau kursus tambahan akan diperkenalkan dan dikendalikan untuk memenuhi keperluan Kumpulan. Kursus-kursus baru yang diperkenalkan dalam tahun termasuk:

- Pengurusan Bakat dan Rancangan Penggantian - untuk mengenal pasti secara berkesan, membangunkan pengganti dan bakat mengurus bagi menyokong pertumbuhan perniagaan dan kestabilan Kumpulan;
- Latihan Penyeliaan Bangunan Holmesglen - untuk menyediakan latihan penyeliaan mengenai semua aspek pembinaan bangunan kepada penyelia-penyelia projek kami. Sejak Februari 2008, latihan telah dijalankan oleh pakar-pakar dari Holmesglen Institute, TAFE Australia. Kelas-kelas dijalankan dalam dua minggu sekali bagi tempoh satu setengah tahun. Selepas berjaya menamatkan latihan, kakitangan dianugerahkan Sijil IV dalam Bangunan dan Pembinaan. Bahagian Pembinaan telah melabur dalam program ini untuk meningkatkan kemahiran pengurusan projek penyelia-penyelianya; dan
- Sikap Kerja Positif (direka khususnya untuk eksekutif dan kakitangan sokongan) - untuk memastikan agar kakitangan tanpa mengira peringkat atau kategori diberi peluang untuk pembangunan diri iaitu peningkatan pengetahuan, kemahiran dan sikap.

Untuk menentukan keperluan latihan kakitangan, Kumpulan telah membangunkan e-TNA (Analisis Keperluan Latihan). Kakitangan diperlukan untuk melengkapkan soal selidik yang disemak oleh pegawai mereka. Ini telah menyediakan Jabatan Latihan maklumat bernilai untuk merancang program latihan tahunan manakala pada masa yang sama membolehkan Kumpulan menjelak keupayaan serta keperluan latihan bagi kakitangannya.

Selain latihan dalaman, Kumpulan juga menggalakkan kakitangannya untuk melanjutkan pendidikan dan pembangunan profesional dengan menyediakan pinjaman pendidikan, subsidi dan cuti belajar dan peperiksaan bagi kakitangan yang mengambil Sarjana, Ijazah atau program-program Kelayakan Profesional.

## Anugerah Kakitangan

### Penghargaan Kesetiaan

Kumpulan mengiktiraf dan menghargai dedikasi kakitangan yang telah lama berkhidmat. Kakitangan yang menjangkau 20 tahun perkhidmatan diberikan Anugerah Lama Berkhidmat dan disampaikan satu hadiah penghargaan. Pada tahun 2008, 14 kakitangan telah menerima Anugerah Lama Berkhidmat dalam majlis Makan Malam Tahunan Syarikat.



Peserta-peserta Latihan Penyeliaan Bangunan Holmesglen semasa latihan di tapak



Pengurusan kanan mengambil bahagian secara aktif dalam bengkel kerja Pengurusan Bakat & Perancangan Penggantian

### Anugerah Persaraan

Kakitangan IJM yang telah mencapai usia persaraan 55 tahun dan berkhidmat lebih daripada 15 tahun diberikan Anugerah Persaraan. Kakitangan-kakitangan ini dibawa ke majlis makan tengah hari dengan pengurusan kanan di mana mereka diberikan hadiah kenang-kenangan. Dalam tahun di bawah kajian, lima kakitangan bersara telah menerima anugerah mereka.

### Anugerah Prestasi

Kakitangan yang memberi prestasi yang baik dalam Bahagian Tol diberikan anugerah prestasi kakitangan sebagai satu bentuk motivasi yang juga bertindak untuk menggalakkan kakitangan lain. New Pantai Expressway Sdn Bhd menyampaikan Anugerah Kakitangan dan Pengutip Tol Terbaik setiap suku tahunan dan setiap tahun kepada kakitangannya.

### Imbuhan Saksama

Kumpulan secara berterusan menilai dan menanda aras struktur pampasannya terhadap standard industri serta tempat pasaran keseluruhan untuk mengekalkan pakej imbuhan yang berdaya saing bagi kakitangannya. Polisi gaji Kumpulan menggambarkan kadar industri untuk menarik dan mengekalkan kakitangan berkualiti.



Beberapa daripada penerima Anugerah Perkhidmatan Lama pada Makan Malam IJM 2008



Penerima-penerima Anugerah Kakitangan dan Pengutip Tol Terbaik New Pantai Expressway bagi tahun 2008



Kakitangan yang menghadiri dalam Dialog Pengurusan Kanan 2008 yang membincangkan prestasi semasa, rancangan dan strategi masa hadapan Kumpulan

Falsafah Kumpulan adalah untuk mewujudkan persekitaran kerja yang menarik dengan prospek kemajuan kakitangan yang baik dengan pakej imbuhan yang saksama bagi tempoh jangka panjang. Kumpulan menyokong imbuhan gaji dan manfaat yang sepadan dengan kelayakan, pengalaman dan prestasi kakitangan.

Kumpulan sentiasa mengambil bahagian dalam tinjauan kakitangan untuk menilai kedudukannya di kalangan rakan setugasnya serta untuk menaikan taraf imbuhan kakitangan secara berterusan.

Selain daripada itu, Kumpulan melaksanakan Skim Opsyen Saham Kakitangan dan memperuntukkan waran-waran kepada kakitangan yang layak untuk menggalakkan penglibatan kakitangan dalam operasi Kumpulan, merangsang semangat, meningkatkan prestasi kakitangan dan menanam kesetiaan.

#### **Kebajikan Kakitangan**

IJM menawarkan manfaat kakitangan yang berdaya saing seperti berikut:

#### **Perlindungan Kakitangan**

Untuk memastikan agar kakitangan dijaga dengan baik, Kumpulan telah mendapatkan dan melaksanakan pelbagai skim perlindungan kakitangan seperti Skim Manfaat Insurans Berganda Berkelompok ("GMIBS") yang merupakan gabungan hayat sementara, hilang upaya kekal menyeluruh, penyakit kritis dan skim pulangan pelaburan. Ia menyediakan perlindungan komprehensif sehingga usia 70 tahun dan boleh menjangkau untuk melindungi pasangan dan kanak-kanak pada kadar yang mampu dimiliki. Keperihatinan Kumpulan terhadap kakitangannya melangkaui tempoh pekerjaan mereka memandangkan skim tersebut boleh dibawa sekiranya mereka meninggalkan Kumpulan.

Kakitangan juga dilindungi oleh skim kemalangan diri Kumpulan yang disediakan untuk hilang upaya kekal menyeluruh dan/atau kematian akibat kemalangan semasa melaksanakan tugas-tugas rasmi. Kumpulan juga membuat caruman yang lebih tinggi daripada kadar berkanun bagi bahagian Majikan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, sebagai sebahagian daripada usahanya untuk menjaga keperluan kakitangannya selepas persaraan.

Dalam usaha Kumpulan untuk menjaga kesihatan kakitangannya, Kumpulan menyediakan kos rawatan perubatan pesakit luar dan pergigian, pemeriksaan fizikal tahunan, dan yuran rawatan hospital dan pembedahan.

#### **Bantuan untuk Membeli Harta Kediaman**

Bahagian Harta Kumpulan membangunkan pelbagai jenis harta kediaman. Harta-harta bertingkat tingginya terdiri daripada pangsapuri asas hingga kondominium mewah manakala harta-harta tanah merangkumi rumah-rumah teres mampu milik hingga rumah-rumah berkembar dan banglo di perbandaran utama seluruh negara. Untuk sekian lamanya, Kumpulan telah membantu kakitangannya untuk memiliki harta kediaman yang dibangunkan oleh IJM dengan memberikan diskain kakitangan sebanyak 5%.

#### **Anugerah Kecemerlangan Akademik bagi Anak-anak Kakitangan**

Kumpulan juga menyokong seruan Kementerian Pelajaran dalam menggalakkan ibu bapa untuk memainkan peranan lebih penting dalam pendidikan anak-anak mereka dengan memberi ganjaran kepada anak-anak kakitangan yang memamerkan prestasi cemerlang dalam Peperiksaan Negara (SPM, STPM dan A-Level) dengan Anugerah Kecemerlangan Akademik dan hadiah wang tunai. Terdapat anugerah-anugerah yang bertindak sebagai galakan kepada kanak-kanak untuk cemerlang dalam pelajaran mereka dan meningkatkan kesedaran bagi keperluan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka.



Penerima Anugerah Kecemerlangan Akademik

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT

(samb.)



Kejohanan Sukan Ketujuh IJM di Sandakan, Sabah



Acara Bola Tampar, Sukan IJM



Peserta-peserta kejohanan Badminton IJM



Kakitangan berbakat membuat persembahan tradisional budaya Sabah yang menghiburkan



Bahagian Perladangan meraikan kemenangan mereka sebagai juara keseluruhan

## Keseimbangan Kerja-Kehidupan

Acara sukan dan kegiatan menyeronokkan dianjurkan sepanjang tahun untuk menggalakkan kakitangan menjalani gaya hidup sihat dan mencapai keseimbangan kerja dan kehidupan.

## Kehidupan Yang Sihat

IJM dengan kerjasama daripada Persatuan Ragbi Gabungan Bekas-bekas Pelajar (COBRA) membina dan menguruskan Kompleks Sukan IJM-COBRA yang menempatkan banyak kegiatan sukan tertutup dan sukan luaran Kelab Sukan IJM ("KSIJM"). Banyak perlawanan sukan dalaman seperti futsal dan boling telah dianjurkan untuk menggalakkan pertandingan sihat di kalangan kakitangan.

Pada Jun 2008, Bahagian Perladangan telah menjadi tuan rumah acara sukan antara bahagian dwitahunan ke-7 di tempat mereka sendiri di Sandakan, Sabah di mana lebih 350 kakitangan dari seluruh Malaysia, mengambil bahagian dalam pelbagai acara sukan. Juara keseluruhan dirangkul oleh Bahagian Perladangan. Sehubungan dengan acara sukan tersebut, satu kunjungan bandar dan lawatan ke tempat perlindungan orang utan dan estet perladangan telah dianjurkan untuk membolehkan warga IJM memahami operasi Bahagian Perladangan dengan lebih mendalam.

Satu siri ceramah kesihatan oleh pakar perubatan dan pakar pemakanan berkelayakan telah dianjurkan bagi manfaat kakitangan. Topik-topik termasuk 'Penyakit Buah Pinggang: Peringkat Biasa, Berbahaya dan Boleh Dirawat' oleh Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan, 'Penyakit Kardiovaskular, Kanser & Sihat Semula Jadi' dan 'Pemakanan Hijau untuk Menentang Penyakit Kronik, Panjang Usia & Lebih Sihat'. Selain daripada itu, penyaringan kesihatan percuma dan ceramah pendidikan kesihatan telah dijalankan untuk mendidik kakitangan mengenai pengenalpastian awal faktor-faktor risiko dan gaya hidup sihat. Kempen derma darah telah dianjurkan dalam seluruh Kumpulan di mana kakitangan yang prihatin memberi sambutan yang positif.

Kumpulan percaya bahawa keteguhan dan perlindungan kewangan juga merupakan aspek penting dalam kehidupan yang sihat. Justeru itu, ceramah-ceramah mengenai 'Keteguhan Kewangan' dan 'SOCSO: Skim dan Manfaatnya' telah dianjurkan untuk membantu kakitangan dalam merancang kewangan mereka untuk masa hadapan. Acara-acara lain termasuk ceramah-ceramah 'Pencegahan Kebakaran' dan 'Pencegahan Jenayah' untuk mendidik kakitangan mengenai langkah-langkah pencegahan untuk melindungi diri mereka.

#### Acara Sosial

KSIJM telah menganjurkan acara-acara sosial yang popular di kalangan warga IJM yang mengambil kesempatan untuk mengenali rakan-rakan sekerja daripada bahagian, jabatan dan cawangan lain. Acara-acara yang dijalankan sepanjang tahun termasuk majlis Makan Malam Tahunan, Zoo Hunt, Majlis Berbuka Puasa, Deepa Raya, perayaan Krismas dan 'KSIJM Idol 2009' versi kami sendiri. Terdapat kegiatan yang menggalakkan persahabatan dan kemesraan di kalangan kakitangan.

Bahagian Harta juga menganjurkan karnival-karnival di beberapa perbandaran harta mereka seperti "Karnival Hari Keluarga" di mana kakitangan dan ahli keluarga mereka menyertai penduduk dalam acara yang menyeronokkan.

**KUMPULAN BERPEGANG TEGUH KEPADA KEPERCAYAAN BAHAWA WARGA KERJANYA ADALAH ASET TERBAIKNYA YANG AKAN MEMACU ORGANISASI UNTUK MENCAPI KEJAYAAN. IA AKAN TERUS MENGGALAKKAN KAKITANGANYA UNTUK SENTIASA MENINGKATKAN KEMAHIRAN DAN PENGETAHUAN MEREKA UNTUK BERADA DI BARISAN HADAPAN INDUSTRI DALAM MANA IA BEROPERASI.**



Demonstrasi mengenai teknik-teknik mempertahankan diri telah dianjurkan untuk mendidik kakitangan dalam cara untuk melindungi diri mereka daripada jenayah



Ceramah kesihatan dianjurkan bagi mendidik kakitangan mengenai pelbagai penyakit dan langkah-langkah pencegahan yang mereka boleh ambil untuk melindungi diri mereka



Kakitangan menikmati hidangan Melayu dan India yang lazat semasa sambutan perayaan 'Deepa Raya'



Kakitangan berpakaian cantik dan memberikan persembahan semasa acara Makan Malam Tahunan Syarikat bertemakan 'Movie Mania'



Penduduk dan kakitangan mengambil bahagian dalam Karnival Riang Ria Hari Keluarga di perbandaran Bandar Puncak Alam kami di Shah Alam 2, Selangor



Lebuhraya LEKAS

# Penyata Kewangan dan Lain-Lain



**140**  
Penyata  
Kewangan

**264**  
Senarai 10 Harta  
Teratas

**266**  
Notis  
Mesyuarat Agung  
Tahunan

**267**  
Borang Proksi

**269**  
Maklumat  
Korporat

# LAPORAN DAN PENYATA PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan mereka yang kedua puluh lima bersama dengan penyata kewangan teraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009.

## KEGIATAN UTAMA

Syarikat pada dasarnya terlibat dalam kegiatan pembinaan dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan adalah dalam pembinaan, pembangunan harta, pengilangan dan pengkuarian, operasi hotel, operasi pelabuhan, operasi lebuh raya bertol, perladangan dan pemegangan pelaburan.

Tidak ada perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama ini dalam tahun kewangan.

## KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	401,967	412,679
Boleh dikaitkan kepada:		
Pemegang-pemegang ekuiti Syarikat	290,212	412,679
Kepentingan minoriti	111,755	-
	401,967	412,679

## DIVIDEN

Dividen dibayar sejak akhir tahun kewangan yang lepas adalah seperti berikut:

	RM'000
Berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009:	
Dividen dikecualikan cukai in-specie sebanyak 85,763,142 waran IJM Land Berhad (dahulunya dikenali sebagai RB Land Holdings Berhad) ("IJMLB") berasaskan 1 waran IJMLB bagi setiap 10 saham IJM yang dipegang pada 4.99 sen setiap saham, diagihkan pada 15 September 2008	42,881
Dividen interim khas sebanyak 25 sen setiap saham tolak cukai pendapatan pada 25%, dibayar pada 25 November 2008	160,641
	203,522

Pada 26 Mei 2009, para Pengarah telah mengisyiharkan dividen interim kedua berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009 sebanyak 5% tolak cukai pada 25% yang akan dibayar pada 21 Ogos 2009 kepada setiap ahli yang adalah berhak untuk menerima dividen pada jam 5:00 petang pada 31 Julai 2009.

Para Pengarah tidak mengesyorkan bayaran sebarang dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009.

## RIZAB DAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN

Semua pemindahan material kepada atau daripada rizab atau peruntukan-peruntukan dalam tahun kewangan dinyatakan dalam penyata kewangan.

## MODAL SAHAM

Dalam tahun kewangan, modal saham biasa Syarikat yang diterbitkan dan berbayar telah ditambah daripada RM859,313,724 kepada RM941,951,233 melalui:

- Terbitan 76,831,052 dan 4,988,797 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham masing-masing pada 1 Disember 2008 dan 15 Januari 2009 sebagai balasan pembelian bagi pengambilalihan pemegangan saham selebihnya dalam Industrial Concrete Products Berhad sebagaimana dinyatakan dalam Nota 46 kepada penyata kewangan;
- Terbitan 311,060 dan 2,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham timbul daripada pelaksanaan Waran 2005/2010 masing-masing pada harga pelaksanaan RM4.80 dan RM4.77 setiap saham selaras dengan Surat Ikatan Amanah bertarikh 22 Jun 2005; dan

**MODAL SAHAM (samb.)**

- (c) Terbitan 504,600 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham timbul daripada pelaksanaan opsyen-opsyen di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan pada harga terbitan yang berikut:

Bilangan saham diterbitkan unit	Harga pelaksanaan ESOS RM/saham
197,100	3.96*/3.93**/3.91***/3.88****
62,500	4.20**/4.18****/4.15****
245,000	4.36*/4.33**/4.31****/4.28****
<b>504,600</b>	

\* Harga pelaksanaan ESOS telah diselaraskan pada 30 April 2005

\*\* Harga pelaksanaan ESOS telah diselaraskan pada 1 Ogos 2006

\*\*\* Harga pelaksanaan ESOS telah diselaraskan pada 1 Ogos 2007

\*\*\*\* Harga pelaksanaan ESOS telah diselaraskan pada 19 Ogos 2008

Saham biasa baru yang diterbitkan bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan saham-saham biasa ada Syarikat.

**SAHAM PERBENDAHARAAN**

Dalam tahun kewangan, Syarikat membeli semula 3,040,800 daripada modal sahamnya yang diterbitkan daripada pasaran terbuka pada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia") bagi RM14,523,342. Harga purata dibayar bagi saham-saham dibeli semula adalah lebih kurang RM4.78 setiap saham.

Butir-butir mengenai saham perbendaharaan dikemukakan dalam Nota 14(C) kepada penyata kewangan.

**SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN ("ESOS")**

Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 17 Oktober 2003, para Pengarah telah diberi kebenaran untuk meneruskan dengan penuhkuhan dan pentadbiran ESOS dikenali sebagai Skim Opsyen Saham Kakitangan IJM Corporation Berhad.

Ciri-ciri utama ESOS adalah seperti berikut:

- (a) ESOS telah dilaksanakan pada 11 November 2003 dan tamat pada 10 November 2008.
- (b) Kakitangan yang layak adalah mengikut budi bicara mutlak Jawatankuasa ESOS tertakluk kepada kakitangan dan Pengarah Eksekutif (memegang jawatan sepenuh masa dalam keupayaan eksekutif) telah disahkan dalam jawatan atau pelantikan IJM Corporation Berhad dan anak-anak syarikatnya (kecuali bagi mana-mana anak syarikat yang adalah lengai) pada atau sehingga Tarikh Tawaran dan telah mencapai umur lapan belas (18) tahun. Pengarah Eksekutif hanya layak sekiranya beliau berada dalam senarai gaji dan terlibat dalam pengurusan harian IJM dan penyertaan beliau dalam Skim diluluskan secara khususnya oleh pemegang-pemegang saham Syarikat dalam mesyuarat agung.
- (c) Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa pada 19 Mei 2004, Undang-undang Kecil ESOS telah dipinda untuk meluluskan pemberian opsyen kepada para Pengarah Bukan Eksekutif. Pada tarikh tersebut, para Pengarah telah dibenarkan untuk menawarkan dan memberikan opsyen kepada Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif berikut:
  - (i) Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob
  - (ii) Datuk Oh Chong Peng
  - (iii) Datuk Yahya bin Ya'acob
- (d) Jumlah bilangan saham baru Syarikat yang boleh disediakan di bawah ESOS tidak boleh melebihi sepuluh peratus (10%) (atau sebarang peratusan maksimum yang dibenarkan oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan) daripada jumlah modal saham Syarikat yang diterbitkan dan berbayar terdiri daripada saham-saham biasa Syarikat pada satu-satu masa.
- (e) Harga Opsyen adalah purata wajaran harga pasaran saham Syarikat sebagaimana ditunjukkan dalam Senarai Rasmi Harian Bursa Malaysia Securities Berhad bagi lima (5) hari pasaran sebaik sahaja sebelum Tarikh Tawaran dengan peruntukan bagi diskaun tidak lebih daripada sepuluh peratus (10%) daripadanya mengikut budi bicara Jawatankuasa ESOS atau nilai tara saham Syarikat, yang mana lebih tinggi.

# LAPORAN DAN PENYATA PARA PENGARAH (samb.)

## SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN ("ESOS") (samb.)

Ciri-ciri utama ESOS adalah seperti berikut: (samb.)

- (f) Harga pelaksanaan ESOS telah diselaraskan masing-masing pada 30 April 2005, 1 Ogos 2006, 1 Ogos 2007 dan 19 Ogos 2008 selaras dengan Undang-undang Kecil 14 daripada Undang-undang Kecil ESOS, yang menyatakan bahawa harga opsyen boleh diselaraskan jika sekiranya berlaku pengagihan modal yang mungkin melibatkan perisytiharan atau peruntukan dividen melainkan agregat dividen kasar diisytharkan berhubung dengan tempoh/tahun kewangan adalah kurang daripada sepuluh peratus (10%) nilai nominal saham-saham Syarikat. Harga opsyen yang diselaraskan masing-masing pada 30 April 2005, 1 Ogos 2006, 1 Ogos 2007 dan 19 Ogos 2008 adalah seperti berikut:

Tarikh Tawaran	Harga Tawaran pada Tarikh Tawaran	Diselaraskan pada 30 April 2005	Diselaraskan pada 1 Ogos 2006	Diselaraskan pada 1 Ogos 2007	Diselaraskan pada 19 Ogos 2008
8 Januari 2004	RM3.99	RM3.96	RM3.93	RM3.91	RM3.88
7 April 2004	RM4.47	RM4.44	RM4.41	RM4.39	RM4.36
30 April 2004	RM4.39	RM4.36	RM4.33	RM4.31	RM4.28
20 Mei 2004	RM4.21	RM4.18	RM4.15	RM4.13	RM4.10
30 Ogos 2005	RM4.40	n/a	RM4.37	RM4.35	RM4.32
26 Oktober 2005	RM4.23	n/a	RM4.20	RM4.18	RM4.15

ESOS tamat pada 10 November 2008. Pada tarikh penamatian, semua opsyen yang diberikan tetapi tidak dilaksanakan telah loput dan berhenti menjadi sah bagi sebarang tujuan. Butir-butir mengenai opsyen diberikan tetapi tidak dilaksanakan pada tarikh penamatian dinyatakan dalam Nota 14A(b) kepada penyata kewangan.

## WARAN 2005/2010

Waran 2005/2010 dibentuk melalui Surat Ikatan Pol bertarikh 22 Jun 2005.

Pada 23 Ogos 2005, Syarikat memperuntukkan:-

- (a) 93,171,576 Waran baru 2005/2010 pada harga terbitan RM0.05 setiap Waran berasaskan satu Waran bagi setiap 5 saham biasa sedia ada bernilai RM1.00 sesaham dipegang dalam Syarikat pada 11 Julai 2005; dan
- (b) 10,000,000 Waran baru 2005/2010 pada harga terbitan RM0.05 setiap Waran kepada kakitangan pengurusan Syarikat dan anak-anak syarikatnya yang layak.

Setiap Waran 2005/2010 memberi hak kepada pemegang berdaftar untuk melanggan satu (1) saham biasa baru dalam Syarikat pada bila-bila masa pada atau selepas 23 Ogos 2005 hingga 22 Ogos 2010, pada harga pelaksanaan RM4.80 selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam Surat Ikatan Pol. Harga opsyen kemudiannya telah diselaraskan kepada RM4.77 pada 19 Ogos 2008 selaras dengan bayaran dividen in-specie oleh Syarikat kepada pemegang-pemegang sahamnya sebanyak 85,763,142 waran IJM Land Berhad ("IJMLB") berasaskan 1 waran IJMLB bagi setiap 10 saham IJM yang dipegang. Mana-mana Waran 2005/2010 tidak dilaksanakan pada tarikh matang akan loput dan berhenti menjadi sah untuk apa-apa tujuan. Pada tarikh kunci kira-kira, 21,848,341 Waran 2005/2010 (2008: 22,161,401) kekal tidak dilaksanakan.

Saham-saham biasa yang diterbitkan daripada pelaksanaan Waran 2005/2010 akan bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan saham-saham biasa sedia ada Syarikat yang diterbitkan kecuali bahawa saham-saham tersebut tidak akan berhak kepada sebarang dividen, pengagihan atau hak, tarikh keberhakan yang mana adalah sebelum tarikh peruntukan saham-saham baru timbul daripada pelaksanaan Waran 2005/2010.

## PARA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan dan penyata yang lepas adalah:

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob\*, Pengarus Bukan Eksekutif Bebas

Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan, Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan

Teh Kean Ming, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan (berhenti sebagai Pengarah Silih Ganti kepada Dato' Goh Chye Koon pada 1 Julai 2008, dan dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan pada 1 Julai 2008)

Dato' Goh Chye Koon, Pengarah Eksekutif (bersara sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan pada 29 Jun 2008, dan kekal sebagai Pengarah Eksekutif)

Soo Heng Chin, Pengurus Besar Kanan & Pengarah Eksekutif

Datuk Yahya bin Ya'acob\*, Pengarah Bukan Eksekutif Kanan Bebas

Tan Sri Abdul Halim bin Ali, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Datuk Oh Chong Peng\*, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Dato' (Dr) Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad, Pengarah Bukan Eksekutif

Datuk Lee Teck Yuen\*, Pengarah Bukan Eksekutif

Dato' David Frederick Wilson, Pengarah Bukan Eksekutif

Hasni bin Harun, Pengarah Bukan Eksekutif

Tan Gim Foo, Pengarah Silih Ganti kepada Soo Heng Chin

\*Ahli-ahli Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran

**PARA PENGARAH (samb.)**

Selaras dengan Daftar Pemegangan Saham para Pengarah, butir-butir kepentingan para Pengarah dalam saham-saham, opsyen-opsyen ke atas saham-saham biasa dan Waran Syarikat dan perbadanan berkaitannya dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

**Bilangan saham biasa bernilai RM1 sesaham**

	<b>Baki pada 1.4.2008</b>	<b>Diperolehi</b>	<b>Dilupuskan</b>	<b>Baki pada 31.3.2009</b>
<b>IJM Corporation Berhad</b>				
<b>Nama Pengarah</b>				
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	50,000	–	–	<b>50,000</b>
Kepentingan langsung				
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	954,600	457,200	–	<b>1,411,800</b>
Kepentingan langsung	50,000	732,240	–	<b>782,240</b>
Kepentingan tidak langsung				
Teh Kean Ming	20,000	60,000	–	<b>80,000</b>
Kepentingan langsung	42,000	54,000	–	<b>96,000</b>
Kepentingan tidak langsung				
Dato' Goh Chye Koon	298,712	50,640	20,000	<b>329,352</b>
Kepentingan langsung				
Soo Heng Chin	120,400	30,000	70,000	<b>80,400</b>
Kepentingan langsung				
Datuk Yahya bin Ya'acob	50,000	–	–	<b>50,000</b>
Kepentingan langsung				

**Bilangan saham biasa bernilai RM0.50 sesaham**

	<b>Baki pada 1.4.2008</b>	<b>Diperolehi</b>	<b>Dilupuskan</b>	<b>Baki pada 31.3.2009</b>
<b>Industrial Concrete Products Berhad (anak syarikat)</b>				
<b>Nama Pengarah</b>				
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	762,000	–	762,000	–
Kepentingan langsung	901,200	–	901,200	–
Kepentingan tidak langsung				
Teh Kean Ming	50,000	–	50,000	–
Kepentingan langsung	30,000	–	30,000	–
Kepentingan tidak langsung				
Dato' Goh Chye Koon	84,400	–	84,400	–
Kepentingan langsung				

# LAPORAN DAN PENYATA PARA PENGARAH (samb.)

## PARA PENGARAH (samb.)

Bilangan saham biasa bermilai RM0.50 sesaham				
	Baki pada 1.4.2008	Diperolehi	Dilupuskan	Baki pada 31.3.2009
<b>IJM Plantations Berhad (anak syarikat)</b>				
<b>Nama Pengarah</b>				
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	–	35,000	–	<b>35,000</b>
Kepentingan langsung				
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	505,879	–	–	<b>505,879</b>
Kepentingan langsung	277,879	50,000	–	<b>327,879</b>
Kepentingan tidak langsung				
Teh Kean Ming	30,000	–	–	<b>30,000</b>
Kepentingan langsung				
Dato' Goh Chye Koon	153,484	–	–	<b>153,484</b>
Kepentingan langsung				
Soo Heng Chin	22,000	30,000	–	<b>52,000</b>
Kepentingan langsung				
Datuk Oh Chong Peng	50,000	50,000	30,000	<b>70,000</b>
Kepentingan langsung				

Bilangan saham biasa bermilai RM1 sesaham				
	Baki pada 1.4.2008	Diperolehi	Dilupuskan	Baki pada 31.3.2009
<b>IJM Land Berhad (anak syarikat)</b>				
<b>Nama Pengarah</b>				
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	–	50,000	–	<b>50,000</b>
Kepentingan langsung				
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	–	20,000	–	<b>20,000</b>
Kepentingan tidak langsung				
Soo Heng Chin	–	30,000	–	<b>30,000</b>
Kepentingan langsung				
Tan Sri Abdul Halim bin Ali	10,000	–	–	<b>10,000</b>
Kepentingan langsung				
Datuk Lee Teck Yuen	3,932,000	–	–	<b>3,932,000</b>
Kepentingan langsung				

Bilangan opsyen ke atas saham biasa bermilai RM1 sesaham					
	Baki pada 1.4.2008	Diberikan	Dilaksanakan	Luput atas penamatkan pada 10.11.2008*	Baki pada 31.3.2009
<b>IJM Corporation Berhad</b>					
<b>Nama Pengarah</b>					
Teh Kean Ming	35,000	–	–	35,000	–
Dato' Goh Chye Koon	550,000	–	–	550,000	–
Datuk Oh Chong Peng	100,000	–	–	100,000	–

Bilangan opsyen ke atas saham biasa bermilai RM0.50 sesaham					
	Baki pada 1.4.2008	Diberikan	Dilaksanakan	Luput atas penamatkan pada 19.10.2008^	Baki pada 31.3.2009
<b>IJM Plantations Berhad (anak syarikat)</b>					
<b>Nama Pengarah</b>					
Datuk Oh Chong Peng	50,000	–	–	50,000	–

\* ESOS IJM Corporation Berhad tamat pada 10 November 2008

^ ESOS IJM Plantations Berhad tamat pada 19 Oktober 2008

## PARA PENGARAH (samb.)

	Bilangan Waran				Baki pada 31.3.2009
	Baki pada 1.4.2008	Diperolehi	Dilupuskan	Dilaksanakan	
<b>IJM Corporation Berhad</b>					
<b>Nama Pengarah</b>					
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob					
Kepentingan langsung	-	21,500	-	-	<b>21,500</b>
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan					
Kepentingan langsung	501,900	-	-	-	<b>501,900</b>
Teh Kean Ming					
Kepentingan langsung	97,000	-	-	-	<b>97,000</b>
Kepentingan tidak langsung	5,000	-	-	-	<b>5,000</b>
Dato' Goh Chye Koon					
Kepentingan langsung	113,000	-	-	-	<b>113,000</b>
Soo Heng Chin					
Kepentingan langsung	273,400	-	131,400	-	<b>142,000</b>
Datuk Lee Teck Yuen					
Kepentingan langsung	1,500,000	-	-	-	<b>1,500,000</b>
Kepentingan tidak langsung	700,000	-	-	-	<b>700,000</b>
Tan Gim Foo					
Kepentingan langsung	10,000	-	-	-	<b>10,000</b>

	Bilangan Waran				Baki pada 31.3.2009
	Baki pada 1.4.2008	Diperolehi	Dilupuskan	Dilaksanakan	
<b>IJM Land Berhad (anak syarikat)</b>					
<b>Nama Pengarah</b>					
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob					
Kepentingan langsung	-	5,000	-	-	<b>5,000</b>
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan					
Kepentingan langsung	-	95,460	-	-	<b>95,460</b>
Kepentingan tidak langsung	-	13,000	-	-	<b>13,000</b>
Teh Kean Ming					
Kepentingan langsung	-	2,000	-	-	<b>2,000</b>
Kepentingan tidak langsung	-	5,200	-	-	<b>5,200</b>
Dato' Goh Chye Koon					
Kepentingan langsung	-	29,871	-	-	<b>29,871</b>
Soo Heng Chin					
Kepentingan langsung	-	8,040	-	-	<b>8,040</b>
Datuk Yahya bin Ya'acob					
Kepentingan langsung	-	5,000	-	-	<b>5,000</b>

Kecuali sebagaimana dinyatakan di atas, para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan tidak mempunyai sebarang kepentingan langsung atau tidak langsung dalam saham, opsyen ke atas saham-saham biasa atau Waran Syarikat dan perbadanan-perbadanan berkaitannya dalam tahun kewangan.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tidak ada Pengarah telah menerima atau menjadi berhak untuk menerima manfaat (selain daripada yuran dan lain-lain emolumen yang ditunjukkan dalam penyata kewangan) dengan alasan kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau oleh perbadanan berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang mana Pengarah adalah seorang ahli, atau dengan syarikat dalam mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan utama.

Kecuali sebagaimana dinyatakan di atas, sama ada dalam tahun kewangan mahupun pada akhir tahun kewangan Syarikat atau mana-mana anak syarikatnya tidak menjadi pihak kepada mana-mana pengaturan yang objeknya adalah untuk membolehkan para Pengarah mendapat manfaat melalui pembelian saham-saham dalam, atau debentur, Syarikat atau mana-mana badan korporat selain daripada ESOS dan Waran Syarikat (Lihat Nota 7 kepada penyata kewangan).

# LAPORAN DAN PENYATA PARA PENGARAH (samb.)

## LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah: -

- (a) untuk memastikan tindakan yang diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan penyediaan peruntukan bagi hutang ragu dan berpuas hati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan bahawa peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa mana-mana aset semasa, selain daripada hutang, yang besar kemungkinan tidak akan dapat direalis nilai bukunya dalam perjalanan biasa perniagaan telah dikurangkan nilai kepada anggaran nilai boleh direalisnya.

Pada tarikh laporan dan penyata ini, para Pengarah tidak mengetahui mengenai apa-apa keadaan: -

- (a) yang akan menjadikan jumlah dihapus kira bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi sehingga mana-mana tahap yang material atau nilai yang boleh dikaitkan kepada aset semasa Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau
- (b) yang telah timbul yang menjadikan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak wajar; atau
- (c) tidak sebaliknya diuruskan dalam laporan dan penyata ini atau dalam penyata kewangan yang akan menjadikan mana-mana jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

Dalam jarak waktu antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan dan penyata ini: -

- (a) tidak ada perkara, urus niaga atau peristiwa lain yang bersifat material dan luar biasa telah timbul yang, pada pendapat para Pengarah, akan secara ketara menjelaskan keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan semasa; atau
- (b) tidak ada gadaian telah timbul ke atas aset mana-mana syarikat dalam Kumpulan yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain tidak juga apa-apa liabiliti kontingen telah timbul dalam mana-mana syarikat dalam Kumpulan.

Tidak ada liabiliti kontingen atau lain-lain liabiliti mana-mana syarikat dalam Kumpulan telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Syarikat dan anak-anak syarikatnya untuk memenuhi obligasi mereka apabila tiba masanya.

Pada Pendapat para Pengarah: -

- (a) selain daripada sebagaimana dinyatakan dalam penyata kewangan, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan tidak terjejas secara ketara oleh mana-mana perkara, urusniaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa; dan
- (b) penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dinyatakan pada muka surat 147 hingga 260 disediakan untuk memberi gambaran sebenar dan adil mengenai hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2009 dan mengenai keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian-piawaian Perakaunan MASB Diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain daripada Entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965.

## JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus berkhidmat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga selaras dengan resolusi para Pengarah.

**TAN SRI DATO' IR. (DR) WAN ABDUL RAHMAN  
BIN WAN YAACOB**  
PENGARAH

Petaling Jaya  
26 Mei 2009

**DATO' TAN BOON SENG @ KRISHNAN**  
PENGARAH

# PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2009

BANGKIT  
MENGATASI  
CABARAN

LAPORAN TAHUNAN '09

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Hasil kendalian	4,13	<b>4,601,294</b>	4,637,172	<b>411,016</b>	204,406
Kos jualan		(3,703,848)	(3,652,868)	(188,886)	(143,430)
Keuntungan kasar		<b>897,446</b>	984,304	<b>222,130</b>	60,976
Lain-lain pendapatan kendalian		<b>157,265</b>	331,029	<b>324,149</b>	158,477
Perbelanjaan tender, jualan dan pengedaran		(93,413)	(83,559)	—	—
Perbelanjaan pentadbiran		<b>(154,698)</b>	(169,215)	(18,697)	(16,364)
Lain-lain perbelanjaan kendalian:					
- Kerosotan pelaburan dalam anak syarikat	45	—	—	—	(940,860)
- Kerosotan muhibah		—	(940,860)	—	—
- Lain-lain		<b>(111,044)</b>	(127,583)	<b>(38,581)</b>	(28,660)
Keuntungan/(kerugian) kendalian sebelum kos kewangan	5	<b>695,556</b>	(5,884)	<b>489,001</b>	(766,431)
Kos kewangan	9	(189,090)	(157,459)	(21,410)	(22,652)
Keuntungan/(kerugian) kendalian selepas kos kewangan		<b>506,466</b>	(163,343)	<b>467,591</b>	(789,083)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu		<b>19,046</b>	14,638	—	—
Bahagian keuntungan entiti kawalan bersama		<b>3,158</b>	3,857	—	—
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	13	<b>528,670</b>	(144,848)	<b>467,591</b>	(789,083)
Perbelanjaan cukai pendapatan	10,13	(126,703)	(155,314)	(54,912)	(20,889)
Keuntungan/(kerugian) bersih bagi tahun kewangan	13	<b>401,967</b>	(300,162)	<b>412,679</b>	(809,972)
Boleh dikaitkan kepada:					
Pemegang-pemegang ekuiti Syarikat epentingan minoriti		<b>290,212</b>	(420,467)	<b>412,679</b>	(809,972)
111,755		111,755	120,305	—	—
Keuntungan/(kerugian) bersih bagi tahun kewangan	13	<b>401,967</b>	(300,162)	<b>412,679</b>	(809,972)
Dividen setiap saham	12			<b>34.99</b>	—
<b>Perolehan/(kerugian) setiap saham</b>					
Keuntungan/(kerugian) bersih boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti biasa Syarikat		<b>290,212</b>	(420,467)		
Perolehan/(kerugian) setiap saham boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti biasa Syarikat:					
- Asas	11(a)	<b>32.84 Sen</b>	(49.4 Sen)		
- Dicairkan sepenuhnya	11(b)	T/B	(48.9 Sen)		
T/B menandakan bukan boleh digunakan kerana waran-waran itu adalah anti dilutive dan oleh itu pengiraan cair perolehan sesaham untuk tahun berakhir kewangan 31 Mac 2009 tidak mengandaikan latihan waran-waran					
Maklumat tambahan mengenai perolehan setiap saham dalam tahun kewangan sebelumnya tidak termasuk kerosotan muhibah adalah seperti berikut:					
Kerugian bersih boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti biasa Syarikat			(420,467)		
Kerosotan muhibah			940,860		
Keuntungan bersih boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti iasa Syarikat, tidak termasuk kerosotan muhibah			520,393		
Perolehan setiap saham boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti biasa Syarikat dalam tahun kewangan sebelumnya, tidak termasuk kerosotan muhibah:					
- Asas			61.2 Sen		
- Dicairkan sepenuhnya			60.5 Sen		

# KUNCI KIRA-KIRA

PADA 31 MAC 2009

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
<b>MODAL DAN RIZAB BOLEH DIKAITKAN KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG EKUITI SYARIKAT</b>				
Modal saham	14	<b>941,952</b>	859,314	<b>941,952</b>
Premium saham	14	<b>2,128,037</b>	1,991,180	<b>2,128,037</b>
Saham perbendaharaan	14	(16,298)	(1,774)	(16,298)
Rizab penilaian semula		<b>36,441</b>	36,196	—
Rizab terjemahan pertukaran		<b>(72,232)</b>	17,793	(743)
Lain-lain rizab	15	<b>37,903</b>	37,919	<b>653</b>
Keuntungan tertahan	10	<b>1,714,347</b>	1,687,622	<b>761,348</b>
		<b>4,770,150</b>	4,628,250	<b>3,814,949</b>
		<b>845,917</b>	936,026	—
<b>KEPENTINGAN MINORITI</b>		<b>5,616,067</b>	5,564,276	<b>3,814,949</b>
<b>JUMLAH EKUITI</b>		<b>5,616,067</b>	5,564,276	<b>3,814,949</b>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>				
Bon	16	<b>652,704</b>	844,130	—
Surat Niaga Perdagangan dan Nota Berjangka Sederhana	17	<b>233,380</b>	274,384	<b>150,000</b>
Pinjaman berjangka	18	<b>1,073,621</b>	990,633	—
Pinjaman sokongan Kerajaan	19	<b>280,175</b>	273,365	—
Pemiutang sewa beli dan pajakan	20	<b>5,843</b>	5,605	—
Liabiliti cukai tertunda	21	<b>350,093</b>	347,760	—
Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang	22	<b>84,888</b>	75,221	—
Manfaat persaraan	23	<b>5,839</b>	5,670	—
		<b>2,686,543</b>	2,816,768	<b>150,000</b>
<b>Pendapatan tertunda</b>	24	<b>73,343</b>	68,952	—
		<b>8,375,953</b>	8,449,996	<b>3,964,949</b>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>		<b>8,375,953</b>	8,449,996	<b>3,964,949</b>
Hartanah, loji dan peralatan	25	<b>1,299,035</b>	1,179,706	<b>11,221</b>
Tanah pegangan pajak	26	<b>320,799</b>	309,668	—
Harta pelaburan	27	<b>163,521</b>	35,489	<b>5,294</b>
Aset konsesi	28	<b>2,175,269</b>	2,184,803	—
Anak-anak syarikat	29	—	—	<b>3,707,146</b>
Syarikat-syarikat bersekutu	30	<b>415,263</b>	397,586	<b>87,706</b>
Entiti kawalan bersama	31	<b>817,981</b>	679,157	<b>119,646</b>
Pelaburan jangka panjang	32	<b>18,135</b>	86,233	<b>2,050</b>
Penghutang jangka panjang	33	<b>72,986</b>	75,891	—
Aset tidak ketara	34	<b>83,078</b>	86,681	—
Aset cukai tertunda	21	<b>65,773</b>	65,820	<b>856</b>
Tanah dipegang untuk pembangunan harta	35	<b>734,233</b>	638,891	<b>281</b>
Perbelanjaan pembangunan ladang	36	<b>430,972</b>	416,898	—
		<b>6,597,045</b>	6,156,823	<b>3,934,200</b>
				2,257,513

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
<b>ASET SEMASA</b>				
Kos pembangunan harta	35	<b>1,699,730</b>	1,667,188	—
Inventori	37	<b>390,726</b>	341,868	<b>19,732</b> 5,366
Penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang	38	<b>2,103,848</b>	2,140,641	<b>1,122,158</b> 1,591,718
Pelaburan jangka pendek	39	<b>73,350</b>	68,455	<b>12,588</b> 24,564
Deposit, tunai dan baki bank	40	<b>945,654</b>	666,537	<b>166,829</b> 95,337
Aset dipegang untuk jualan	41	<b>29,830</b>	94,940	—
Cukai boleh diperolehi semula		<b>69,905</b>	11,961	<b>5,677</b> —
		<b>5,313,043</b>	4,991,590	<b>1,326,984</b> 1,716,985
Tolak:				
<b>LIABILITI SEMASA</b>				
Pembiutang perdagangan dan lain-lain pembiutang	42	<b>2,015,357</b>	1,816,802	<b>877,773</b> 403,069
Liabiliti cukai semasa		<b>29,567</b>	34,423	— 1,001
Pinjaman				
- Overdraft bank	43	<b>123,801</b>	67,932	—
- Lain-lain	43	<b>1,365,410</b>	779,260	<b>418,462</b> 20,046
		<b>3,534,135</b>	2,698,417	<b>1,296,235</b> 424,116
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		<b>1,778,908</b>	2,293,173	<b>30,749</b> 1,292,869
		<b>8,375,953</b>	8,449,996	<b>3,964,949</b> 3,550,382

# PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2009

**Boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat**

Nota	Boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat							Jumlah ekuiti RM'000
	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Saham Perben- daharaan RM'000	Rizab Penilaian semula RM'000	Rizab terjemahan pertukaran RM'000	Lain-lain rizab tertahan RM'000	Jumlah RM'000	
Kumpulan								
Pada 1 April 2008	859,314	1,991,180	(1,774)	36,196	17,793	37,919	1,687,622	4,628,250
Perbezaan pertukaran timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan cawangan asing	-	-	-	-	(90,025)	-	-	(90,025)
Bahagian realisasi rizab penilaian semula anak syarikat	-	-	-	(194)	-	-	194	-
Bahagian kepentingan minoriti daripada rizab penilaian semula	-	-	-	(135)	-	-	-	(135)
Pencairan kepentingan dalam syarikat bersekutu	-	-	-	-	-	-	(732)	(732)
Pelarsaan kepada nilai saksama kepentingan dipegang sebelum ini dalam pengambilalihan kecil-kecilan	-	-	-	574	-	-	-	574
Pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf secara langsung dalam ekuiti	-	-	-	245	(90,025)	-	(538)	(90,318)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan diiktiraf bagi tahun	-	-	-	-	-	-	290,212	111,755
Jumlah pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf bagi tahun	-	-	-	245	(90,025)	-	289,674	199,894
								101,813
								301,707

Perbezaan pertukaran timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan cawangan asing

Bahagian realisasi rizab penilaian semula anak syarikat

Bahagian kepentingan minoriti daripada rizab penilaian semula

Pencairan kepentingan dalam

syarikat bersekutu

Pelarsaan kepada nilai saksama kepentingan dipegang sebelum ini dalam pengambilalihan kecil-kecilan

Pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf secara langsung dalam ekuiti

Keuntungan bersih bagi tahun kewangan diiktiraf bagi tahun

Boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat

Kumpulan	Nota	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Saham Perben-daharaan RM'000	Rizab Penilaian semula RM'000	Rizab terjemahan pertukaran RM'000	Lain-lain rizab RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	Jumlah RM'000	Kepenting minoriti RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
Pengambililan anak-anak syarikat											
Pengambililan kepentingan tambahan daripada pemegang-pemegang saham minoriti											
Pelupusan dianggap anak-anak Syarikat Dividen in specie:											
- Tahun berakhir 31 Mac 2009	12	-	-	-	-	-	-	(42,881)	(42,881)	42,881	-
Dividen interim khas:											
- Tahun berakhir 31 Mac 2009	12	-	-	-	-	-	-	(160,641)	(160,641)	-	(160,641)
Dividen dibayar oleh anak-anak syarikat kepada pemegang-pemegang saham minoriti											
Terbitan saham:											
- Pengambililan anak-anak syarikat	14,46	81,820	134,073	-	-	-	-	(50,630)	165,263	(201,947)	(36,684)
- Pelaksanaan Waran 2005/2010	14	313	1,206	-	-	-	-	(16)	-	1,503	-
- Pelaksanaan ESOS	14	505	1,578	-	-	-	-	-	-	2,083	-
Belian balik saham	14	-	-	(14,524)	-	-	-	-	(14,524)	-	(14,524)
Terbitan saham dan waran oleh anak-anak syarikat kepada pemegang saham minoriti											
Pada 31 Mac 2009		<b>941,952</b>	<b>2,128,037</b>	<b>(16,298)</b>	<b>36,441</b>	<b>(72,232)</b>	<b>37,903</b>	<b>1,714,347</b>	<b>4,770,150</b>	<b>845,917</b>	<b>5,616,067</b>

# PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2009

(samb.)

## Boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat

Nota	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Saham Perben daharaan RM'000	Rizab Penilaian semula RM'000	Rizab terjemahan pertukaran RM'000	Lain-lain rizab terlahan RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	Jumlah RM'000	Kepenting minoriti RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
<b>Kumpulan</b>										
<b>Pada 1 April 2007</b>	570,327	748,846	-	27,056	12,886	50,975	1,192,832	2,602,922	559,459	3,162,381
Pemindahan kepada rizab modal atas terbitan saham bonus oleh anak syarikat	-	-	-	-	-	-	544	(544)	-	-
Perbezaan pertukaran daripada terjemahan pelaburan bersih dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersama dan cawangan asing	-	-	-	-	4,907	-	-	-	4,907	-
Bahagian realisasi daripada rizab penilaian semula anak syarikat	-	-	-	(710)	-	-	710	-	-	-
Kesan perubahan dalam kadar cukai ke atas rizab penilaian semula pelarasan kepada nilai saksama	-	-	-	2,193	-	-	-	2,193	-	2,193
kepentingan dipegang sebelum ini dalam pengambilalihan kecil-kecilan	-	-	-	25,929	-	-	-	25,929	8,985	34,914
Realisasi daripada rizab penilaian semula atas pelupusan tanah	-	-	-	(18,272)	-	-	-	(18,272)	(6,841)	(25,113)
Realisasi rizab atas pelupusan pelaburan/anak syarikat	-	-	-	-	-	(12,886)	(37)	(12,923)	-	(12,923)
Pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf secara langsung dalam ekuiti	-	-	9,140	4,907	(12,886)	673	1,834	2,144	3,978	
Kerugian bersih bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	(420,467)	(420,467)	120,305	(300,162)	
Jumlah pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf bagi tahun	-	-	9,140	4,907	(12,886)	(419,794)	(418,633)	122,449	(296,184)	

**Boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat**

Nota	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Saham Perben daharaan RM'000	Rizab				Jumlah RM'000	Kepenting minoriti RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
				Risalah semula RM'000	Penilaian pertukaran RM'000	Rizab terijaman RM'000	Lain-lain rizab tertahan RM'000			
<b>Kumpulan</b>										
Pengambilalihan anak syarikat	46b(i)	-	-	-	-	-	-	-	-	320,111
Pengambilalihan kepentingan tambahan daripada pemegang-pemegang saham minoriti	-	-	-	-	-	-	-	-	-	320,111
Pemberian kepentingan dalam anak syarikat selepas penukaran stok injaman boleh tukar boleh tebus tidak bercagar	-	-	-	-	-	-	-	-	1,195	(1,195)
Kesan perakaunan ekuiti tahun semasa daripada entiti kawalan bersama yang telah disatukan dalam tahun sebelumnya	-	-	-	-	-	-	-	-	23,220	(23,220)
Dividen:										
- Tahun berakhir 31 Mac 2007	-	-	-	-	-	-	-	(31,542)	(31,542)	-
Dividen dibayar oleh anak-anak syarikat kepada pemegang-pemegang saham minoriti	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(31,542)
Terbitan saham:										
- Pengambilalihan anak-anak syarikat	14,46	272,661	2,102,935	-	-	-	-	-	2,375,596	-
- Pelaksanaan Waran 2005/2010	14	14,287	55,003	-	-	(714)	-	-	68,576	-
- Pelaksanaan ESOS	14	2,039	6,651	-	-	-	-	-	8,690	-
Belian balik saham	14	-	-	(1,774)	-	-	-	-	(1,774)	-
Terbitan saham oleh anak syarikat Kepada pemegang-pemegang saham minoriti	-	-	-	-	-	-	-	-	-	16,765
Pemindahan kerotongan muhibah kepada premium saham	14	-	(922,255)	-	-	-	-	922,255	-	-
<b>Pada 31 Mac 2008</b>	<b>859,314</b>	<b>1,991,180</b>	<b>(1,774)</b>	<b>36,196</b>	<b>17,793</b>	<b>37,919</b>	<b>1,687,622</b>	<b>4,628,250</b>	<b>936,026</b>	<b>5,564,276</b>

# PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

(samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2009

Syarikat	Nota	Modal saham RM'000	Tidak boleh diagih			Boleh diagih	
			Saham Premium RM'000	perbenda-haraan RM'000	Rizab terjemahan pertukaran RM'000	Lain-lain rizab RM'000	Keuntungan tertahan RM'000
<b>Pada 1 April 2008</b>		859,314	1,991,180	(1,774)	(1,198)	669	552,191 3,400,382
Perbezaan pertukaran timbul daripada terjemahan cawangan asing			—	—	—	455	— 455
Perbelanjaan diiktiraf secara langsung dalam ekuiti			—	—	—	455	— 455
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan			—	—	—	—	412,679 412,679
Jumlah pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf bagi tahun			—	—	—	455	— 412,679 413,134
Dividen in specie:							
- Tahun berakhir 31 Mac 2009	12		—	—	—	—	(42,881) (42,881)
Dividen interim khas:							
- Tahun berakhir 31 Mac 2009	12		—	—	—	—	(160,641) (160,641)
Terbitan saham:							
- Pengambilalihan anak-anak syarikat	14,46	81,820	134,073	—	—	—	— 215,893
- Pelaksanaan Wara 2005/2010	14	313	1,206	—	—	(16)	— 1,503
- Pelaksanaan ESOS	14	505	1,578	—	—	—	— 2,083
Belian balik saham	14	—	—	(14,524)	—	—	— (14,524)
<b>Pada 31 Mac 2009</b>		<b>941,952</b>	<b>2,128,037</b>	<b>(16,298)</b>	<b>(743)</b>	<b>653</b>	<b>761,348 3,814,949</b>
<b>Syarikat</b>							
<b>Pada 1 April 2007</b>		570,327	748,846	—	579	1,383	471,450 1,792,585
Perbezaan pertukaran timbul daripada terjemahan cawangan asing			—	—	(1,777)	—	— (1,777)
Perbelanjaan diiktiraf secara langsung dalam ekuiti			—	—	—	(1,777)	— — (1,777)
Kerugian bersih bagi tahun kewangan			—	—	—	—	(809,972) (809,972)
Jumlah pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf bagi tahun			—	—	—	(1,777)	— (809,972) (811,749)
Dividen:							
- Tahun berakhir 31 Mac 2007			—	—	—	—	(31,542) (31,542)
Terbitan saham:							
- Pengambilalihan anak-anak syarikat	14,46	272,661	2,102,935	—	—	—	— 2,375,596
- Pelaksanaan Waran 2005/2010	14	14,287	55,003	—	—	(714)	— 68,576
- Pelaksanaan ESOS	14	2,039	6,651	—	—	—	— 8,690
Belian balik saham	14	—	—	(1,774)	—	—	— (1,774)
Pemindahan kerosotan pelaburan dalam anak syarikat kepada premium saham	14	—	(922,255)	—	—	—	922,255 —
<b>Pada 31 Mac 2008</b>		<b>859,314</b>	<b>1,991,180</b>	<b>(1,774)</b>	<b>(1,198)</b>	<b>669</b>	<b>552,191 3,400,382</b>

# PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2009

BANGKIT  
MENGATASI  
CABARAN

LAPORAN TAHUNAN '09

## KEGIATAN KENDALIAN

	Nota	2009 RM'000	2008 RM'000
Penerimaan daripada pelanggan		4,748,151	4,269,480
Bayaran kepada kontraktor, pembekal dan kakitangan		(3,978,705)	(3,715,946)
Faedah diterima		42,564	56,532
Faedah dibayar		(226,142)	(182,246)
Cukai pendapatan dibayar		(155,560)	(120,680)
<b>Aliran tunai bersih daripada kegiatan kendalian</b>		<b>430,308</b>	<b>307,140</b>

## KEGIATAN PELABURAN

Pengambilalihan anak-anak syarikat	46	(30,235)	303,083
Pengambilalihan saham daripada pemegang-pemegang saham minoriti dalam anak-anak syarikat		(20,882)	(12,850)
Pelupusan saham dalam anak syarikat	47	–	69,127
Pelaburan dalam entiti kawalan bersama		(41,621)	(65,345)
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu		(17,315)	(56,713)
Pengambilalihan pelaburan		–	(180)
Pembelian tanah pembangunan dipegang untuk pembangunan harta		(74,478)	(76,751)
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan dan tanah pegangan pajak		(406,252)	(309,769)
Kos ditanggung ke atas aset konsesi		(83,766)	(158,366)
Tambahan kepada perbelanjaan pembangunan ladang		(10,926)	(6,565)
Perbelanjaan tertunda ditanggung	34	(3,071)	(3,655)
Pelupusan harta tanah, loji dan peralatan, harta pelaburan dan tanah pegangan pajak		72,022	45,518
Pelupusan aset dipegang untuk jualan		132,000	–
Pelupusan syarikat bersekutu		–	106,364
Pelupusan pelaburan		18,088	178,453
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu		2,951	11,890
Dividen diterima daripada pelaburan-pelaburan lain		1,861	635
Pendahuluan kepada syarikat-syarikat bersekutu		(723)	(3,274)
Bayaran balik pendahuluan daripada syarikat-syarikat bersekutu		7,134	10,303
Pendahuluan kepada entiti kawalan bersama		(96,098)	(172,336)
Bayaran balik pendahuluan daripada entiti kawalan bersama		99,492	25,791
<b>Aliran tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan</b>		<b>(451,819)</b>	<b>(114,640)</b>

**PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN** (samb.)  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2009

	Nota	2009 RM'000	2008 RM'000
<b>KEGIATAN PEMBIAYAAN</b>			
Terbitan saham oleh Syarikat:			
- Pelaksanaan ESOS		2,083	8,690
- Pelaksanaan Waran 2005/2010		1,503	68,576
Terbitan saham oleh anak-anak syarikat kepada pemegang-pemegang saham minoriti		16,411	16,765
Bayaran balik Bon		(70,000)	(65,000)
Pengeluaran Surat Niaga Perdagangan		150,000	—
Bayaran balik Nota Berjangka Sederhana ("MTN") dan Surat Niaga Perdagangan		(95,000)	—
Perolehan daripada pinjaman bank		781,455	549,041
Bayaran balik pinjaman bank		(344,774)	(291,210)
(Bayaran balik kepada)/pendahuluan daripada Kerajaan Negeri		(1,500)	7,000
Bayaran balik Pinjaman Sokongan Kerajaan		(2,500)	(2,500)
Bayaran balik kepada pemutang sewa beli dan pajakan		(15,600)	(14,366)
Bayaran MTN dan faedah bon		(19,283)	(16,267)
Dividen dibayar oleh anak-anak syarikat kepada pemegang-pemegang saham minoriti		(37,245)	(24,291)
Dividen dibayar oleh Syarikat		(160,641)	(31,542)
(Peningkatan)/pengurangan dalam deposit bank diserah hak kepada pemegang amanah		(18,981)	(13,481)
Belian semula saham perbendaharaan	14(C)	(14,524)	(1,774)
<b>Aliran tunai bersih daripada kegiatan pembiayaan</b>		<b>171,404</b>	189,641
<b>PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI DALAM TAHUN KEWANGAN</b>			
<b>TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA PERMULAAN TAHUN KEWANGAN</b>		<b>149,893</b>	382,141
<b>PERBEZAAN PERTUKARAN ASING KE ATAS BAKI PEMBUKAAN</b>		<b>626,805</b>	251,793
<b>TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN</b>	48	<b>10,999</b>	(7,129)
		<b>787,697</b>	626,805

# PENYATA ALIRAN TUNAI SYARIKAT

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2009

BANGKIT  
MENGATASI  
CABARAN

LAPORAN TAHUNAN '09

## KEGIATAN KENDALIAN

	Nota	2009 RM'000	2008 RM'000
Penerimaan daripada pelanggan		197,244	98,972
Bayaran kepada kontraktor, pembekal dan kakitangan		(245,008)	(187,786)
Faedah diterima		6,915	6,175
Faedah dibayar		(7,175)	(2,513)
Cukai pendapatan dibayar		(16,053)	(17,514)
<b>Aliran tunai bersih digunakan dalam kegiatan kendalian</b>		<b>(64,077)</b>	<b>(102,666)</b>

## KEGIATAN PELABURAN

Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	47	(499)	(8,305)
Pelupusan harta tanah, loji dan peralatan		113	–
Pengambilalihan kepentingan tambahan dalam anak-anak syarikat		(655,351)	(11,709)
Pelupusan saham dalam anak syarikat		354,000	73,139
Pelupusan/(pengambilalihan) pelaburan		95	–
Pengambilalihan saham dalam syarikat-syarikat bersekutu		(11)	(34,244)
Dividen diterima daripada anak-anak syarikat		104,085	22,845
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu		531	6,615
Dividen diterima daripada pelaburan-pelaburan lain		703	536
Bayaran balik bersih pendahuluan daripada anak-anak syarikat		520,149	200,709
Bayaran balik pendahuluan daripada syarikat-syarikat bersekutu		5,421	3,847
Pendahuluan kepada entiti kawalan bersama		–	(21,472)
Bayaran balik pendahuluan daripada entiti kawalan bersama		1,339	–
Langganan stok pinjaman boleh tukar boleh tebus		(400,000)	–
tidak bercagar ("RCULS") IJM Land Berhad		(20,000)	–
Langganan RCULS Lebuhraya Kajang Seremban Sdn Bhd			
<b>Aliran tunai bersih (digunakan dalam)/daripada kegiatan pelaburan</b>		<b>(89,425)</b>	<b>231,961</b>

## KEGIATAN PEMBIAYAAN

Terbitan saham oleh Syarikat:			
- Pelaksanaan ESOS		2,083	8,690
- Pelaksanaan Waran 2005/2010		1,503	68,576
Perolehan daripada pinjaman bank		262,540	–
Bayaran balik pinjaman bank		(14,881)	(44,902)
Bayaran faedah MTN		(11,283)	(8,267)
Dividen dibayar oleh Syarikat		(160,641)	(31,542)
Belian semula saham perbendaharaan		(14,524)	(1,774)
Pengeluaran Surat Niaga Perdagangan		150,000	–
<b>Aliran tunai bersih daripada/(digunakan dalam) kegiatan pembiayaan</b>		<b>214,797</b>	<b>(9,219)</b>

## PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI

DALAM TAHUN KEWANGAN		61,295	120,076
----------------------	--	--------	---------

## TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA PERMULAAN

TAHUN KEWANGAN		115,534	(4,542)
----------------	--	---------	---------

## TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR

TAHUN KEWANGAN	48	176,829	115,534
----------------	----	---------	---------

# RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2009

Polisi-polisi perakaunan berikut telah dipakai secara konsisten kepada semua tahun yang dibentangkan dalam berurusan dengan perkara-perkara yang dianggap material berhubung dengan penyata kewangan, melainkan dinyatakan sebaliknya.

## 1 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan, Piawaian-piawaian Perakaunan Yang Diluluskan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") di Malaysia bagi Entiti Selain daripada Entiti Persendirian.

Penyata kewangan disediakan di bawah konvensyen kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan polisi-polisi perakaunan penting ini.

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi Piawaian-piawaian Perakaunan MASB Yang Diluluskan bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian yang memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan penting tertentu yang melibatkan jumlah aset dan liabiliti dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti kontingen pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan dalam tempoh dilaporkan. Ia juga memerlukan para Pengarah untuk melaksanakan pertimbangan mereka dalam proses menggunakan polisi-polisi perakaunan Syarikat. Walaupun anggaran dan pertimbangan ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah mengenai peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran tersebut.

Bidang-bidang yang melibatkan tahap pertimbangan atau kekompleksan tertinggi, atau bidang-bidang di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan, dinyatakan dalam Nota 2 kepada penyata kewangan.

### (a) Piawaian dan pindaan kepada piawaian dan tafsiran yang berkuat kuasa

Piawaian dan pindaan kepada piawaian yang disiarkan yang berkuat kuasa dan bagi tahun kewangan Kumpulan dan Syarikat bermula pada atau selepas 1 April 2008 adalah seperti berikut:-

- FRS 112 Cukai Pendapatan
- FRS 120 Perakaunan bagi Geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan
- Pindaan kepada FRS 121 - Kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing - Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing
- Tafsiran 1 IC "Perubahan dalam Penyahaktifan, Pemulihan dan Liabiliti Serupa Sedia Ada"
- Tafsiran 2 IC "Bahagian Ahli dalam Entiti Koperasi dan Instrumen Serupa"
- Tafsiran 5 IC "Hak kepada Kepentingan timbul daripada Penyahaktifan, Pemulihan dan Dana Pemulihan Alam Sekitar"
- Tafsiran 6 IC "Liabiliti timbul daripada Penyertaan dalam Pasaran Khusus - Peralatan Elektrik dan Elektronik Tidak Digunakan Lagi"
- Tafsiran 7 IC "Menggunakan Pendekatan Pernyataan Semula di bawah FRS 129 Pelaporan Kewangan dalam Ekonomi Hiperinflasari"
- Tafsiran 8 IC "Skop FRS 2"

Tafsiran 2, 5, 6 dan 7 IC adalah tidak berkenaan dengan operasi Kumpulan dan Syarikat.

Semua perubahan dalam polisi-polisi perakaunan telah dibuat selaras dengan peruntukan-peruntukan peralihan dalam piawaian, pindaan masing-masing kepada piawaian dan tafsiran disiarkan. Semua piawaian, pindaan dan tafsiran yang diterima pakai oleh Kumpulan memerlukan penggunaan retrospektif kecuali bagi Tafsiran 8 IC yang memerlukan penggunaan retrospektif tertakluk kepada peruntukan peralihan FRS 2. FRS 2 memerlukan penggunaan retrospektif bagi semua instrumen ekuiti yang diberikan selepas 31 Disember 2004 dan tidak terletak hak pada 1 April 2006.

Penerimaan pakai piawaian, pindaan kepada piawaian dan tafsiran disiarkan tidak mempunyai sebarang kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

### (b) Piawaian-piawaian dan Tafsiran IC kepada piawaian sedia ada yang belum lagi berkuat kuasa dan tidak diterima pakai secara awal

Piawaian baru dan Tafsiran IC yang adalah mandatori bagi tahun kewangan Kumpulan bermula pada atau selepas 1 April 2010 atau tempoh-tempoh terkemudian, dan Kumpulan tidak terima pakai secara awal, adalah seperti berikut:

- FRS 8 "Segmen Kendalian" (berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2009). FRS 8 menggantikan FRS 114 2004 Pelaporan Bersegmen. Piawaian baru memerlukan pendekatan pengurusan, di bawah mana maklumat segmen dibentangkan atas asas yang sama sebagaimana yang digunakan untuk tujuan pelaporan dalaman. Kumpulan akan menggunakan piawaian ini dari tempoh-tempoh kewangan bermula pada 1 April 2010.

## 1 ASAS PENYEDIAAN (samb.)

### (b) Piawaian-piawaian dan Tafsiran IC kepada piawaian sedia ada yang belum lagi berkuat kuasa dan tidak diterima pakai secara awal (samb.)

- Tafsiran 9 IC "Penilaian Semula Derivatif Terbenam" (berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). Tafsiran 9 IC memerlukan entiti untuk menilai sama ada derivatif terbenam adalah perlu untuk diasingkan daripada kontrak utama dan diakaunkan sebagai derivatif apabila entiti pada pertama kalinya menjadi pihak kepada kontrak. Penilaian semula berikutnya adalah dilarang melainkan terdapat perubahan dalam terma-terma kontrak yang secara ketaranya mengubah suai aliran tunai yang sebaliknya mungkin diperlukan di bawah kontrak, dalam hal mana penilaian semula diperlukan. Kumpulan akan menggunakan piawaian ini dari tempoh-tempoh kewangan bermula pada 1 April 2010.
- Tafsiran 10 IC "Pelaporan Kewangan Interim dan Kerosotan (berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). Tafsiran 10 IC melarang kerosotan diiktiraf dalam tempoh interim ke atas muhibah dan pelaburan dalam instrumen ekuiti dan aset kewangan dinyatakan pada kos untuk diterbalikkan pada tarikh kira-kira yang berikutnya. Kumpulan akan menggunakan piawaian ini dari tempoh-tempoh kewangan bermula pada 1 April 2010.

Piawaian dan tafsiran di atas tidak dijangka akan mempunyai sebarang kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dalam tahun penggunaan permulaan.

Piawaian-piawaian berikut akan berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010. Kumpulan akan menggunakan piawaian ini dari tempoh-tempoh kewangan bermula pada 1 April 2010. Kumpulan telah menggunakan peruntukan peralihan dalam piawaian masing-masing yang mengecualikan entiti daripada mendedahkan kesan yang mungkin timbul daripada penggunaan awal piawaian ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

- FRS 139 Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Pengukuran
- FRS 7 Instrumen Kewangan : Pendedahan

### (c) Tafsiran IC kepada piawaian-piawaian sedia ada yang masih belum berkuat kuasa dan tidak berkenaan dengan operasi Kumpulan dan Syarikat

- FRS 4 "Kontrak Insurans" (berkuat kuasa bagi tempoh-tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010).

## 2 ENTITI EKONOMI DALAM KUMPULAN

### (a) Anak-anak syarikat

Anak syarikat adalah syarikat, perkongsian atau lain-lain entiti (termasuk entiti tujuan khas) di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan kendalian untuk mendapatkan faedah daripada kegiatannya, pada amnya mengiringi pemegangan saham lebih daripada separuh hak mengundi.

Kewujudan dan kesan potensi hak mengundi yang pada masa ini boleh dilaksanakan atau boleh ditukar dipertimbangkan apabila menilai sama ada Kumpulan mengawal entiti yang lain. Dalam menilai sama ada hak-hak mengundi menyumbang kepada kawalan, Kumpulan meneliti semua fakta dan keadaan (termasuk terma-terma pelaksanaan potensi hak mengundi dan mana-mana pengaturan kontrak yang lain sama ada dipertimbangkan secara individu atau dalam kombinasi) yang melibatkan potensi hak mengundi.

Anak-anak syarikat disatukan dengan menggunakan kaedah pembelian perakaunan, kecuali bagi kombinasi perniagaan melibatkan entiti atau perniagaan di bawah kawalan bersama dengan tarikh perjanjian pada atau selepas 1 Januari 2006 dan diakaunkan dengan menggunakan kaedah penggabungan perakaunan.

Di bawah kaedah pembelian perakaunan, anak-anak syarikat disatukan sepenuhnya dari tarikh bila mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan tidak lagi disatukan dari tarikh kawalan tersebut berhenti. Kos pengambilalihan diukur sebagai nilai saksama aset-aset diberikan, instrumen-instrumen ekuiti diterbitkan dan liabiliti yang ditanggung atau diandaikan pada tarikh pertukaran, campur kos secara langsung boleh dikaitkan kepada pengambilalihan. Aset-aset dikenal pasti diambil alih dan liabiliti dan liabiliti kontigen yang dipikul dalam kombinasi perniagaan diukur pada awalnya pada nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira tahap mana-mana kepentingan minoriti. Lebihan daripada kos pengambilalihan ke atas nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset bersih boleh dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan ditunjukkan sebagai muhibah - Lihat polisi perakaunan 3 mengenai muhibah. Sekiranya kos pengambilalihan kurang daripada nilai saksama aset bersih anak syarikat diambil alih, perbezaan diiktiraf secara langsung dalam penyata pendapatan.

Di mana lebih daripada satu urus niaga pertukaran terlibat, sebarang pelarasaran kepada nilai saksama aset, liabiliti dan liabiliti kontigen anak syarikat yang dikenal pasti berkaitan dengan kepentingan Kumpulan dipegang sebelum ini diakaunkan sebagai penilaian semula.

# RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2009

### 2 ENTITI EKONOMI DALAM KUMPULAN (samb.)

#### (a) Anak-anak syarikat (samb.)

Kepentingan minoriti mewakili bahagian keuntungan atau kerugian dan aset bersih anak syarikat boleh dikaitkan kepada kepentingan ekuiti yang tidak dimiliki, secara langsung atau tidak langsung melalui anak-anak syarikat, oleh Syarikat. Ia diukur pada bahagian minoriti daripada nilai saksama aset dan liabiliti boleh dikenal pasti anak-anak syarikat pada tarikh pengambilalihan dan bahagian minoriti dalam ekuiti anak-anak syarikat sejak tarikh tersebut.

Di bawah kaedah penggabungan perakaunan, keputusan anak-anak syarikat dibentangkan seolah-olah penggabungan telah berkuat kuasa di sepanjang tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya. Aset dan liabiliti digabungkan diakaunkan berdasarkan jumlah dibawa daripada perspektif pemegang saham kawalan bersama pada tarikh pemindahan. Atas penyataan, kos penggabungan dibatalkan dengan nilai saham-saham diterima. Sebarang perbezaan kredit terhasil dikelaskan sebagai ekuiti dan dianggap sebagai rizab. Sebarang perbezaan debit terhasil diselaraskan terhadap rizab. Sebarang premium saham, rizab penebusan modal dan sebarang rizab lain yang boleh dikaitkan kepada modal saham syarikat-syarikat digabung, sehingga tahap yang ia tidak boleh dipermodalkan melalui perbezaan debit, dikelaskan semula dan dikemukakan sebagai pergerakan dalam lain-lain rizab modal.

Semua urus niaga, baki antara syarikat dan keuntungan tidak direalis atas urus niaga antara syarikat-syarikat kumpulan dihapus kira kecuali bagi barang siap yang dikontrakkan yang dinyatakan pada nilai boleh direalis bersih. Kerugian tidak direalis juga dihapus kira tetapi dianggap sebagai petunjuk kerosotan aset dipindahkan. Di mana perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan anak-anak syarikat untuk memastikan keseimbangan polisi-polisi perakaunan dengan polisi-polisi Kumpulan.

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan anak syarikat, yang adalah perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan bahagian Kumpulan daripada aset-aset bersihnya pada tarikh pelupusan, termasuk jumlah terkumpul mana-mana perbezaan pertukaran yang berkait dengan anak syarikat, diiktiraf dalam penyata pendapatan disatukan.

#### (b) Urus niaga dengan kepentingan minoriti

Kumpulan menggunakan polisi menganggap urus niaga dengan kepentingan minoriti sebagai urus niaga dengan pemilik-pemilik ekuiti Kumpulan. Bagi pembelian daripada kepentingan minoriti, perbezaan antara sebarang balasan dibayar dan bahagian berkenaan daripada nilai dibawa aset bersih anak syarikat diambil alih ditolak daripada ekuiti. Keuntungan atau kerugian atas pelupusan kepada kepentingan minoriti juga direkodkan dalam ekuiti. Bagi pelupusan kepada kepentingan minoriti, perbezaan antara sebarang perolehan diterima dan bahagian berkenaan daripada kepentingan minoriti juga direkodkan dalam ekuiti.

#### (c) Syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah syarikat, perkongsian atau lain-lain entiti dalam mana Kumpulan melaksanakan pengaruh penting, tetapi ia tidak mengawal, pada amnya mengiringi pemegangan saham antara 20% dan 50% daripada hak mengundi. Pengaruh penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan polisi kewangan dan kendalian syarikat-syarikat bersekutu tetapi bukan kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas polisi-polisi tersebut.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diakaunkan dengan menggunakan kaedah ekuiti perakaunan dan pada mulanya diiktiraf pada kos. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu termasuk muhibah dikenal pasti atas pengambilalihan, tolak sebarang kerugian kerosotan terkumpul.

Bahagian Kumpulan daripada keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan syarikat-syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata pendapatan, dan bahagian daripada pergerakan selepas pengambilalihannya dalam rizab diiktiraf dalam rizab. Pergerakan selepas pengambilalihan terkumpul diselaraskan terhadap jumlah dibawa pelaburan. Di mana bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu menyamai atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu, termasuk mana-mana penghutang tidak bercagar yang lain, kepentingan Kumpulan dikurangkan kepada sifar dan pengiktirafan kerugian selanjutnya tidak diteruskan kecuali sehingga tahap yang Kumpulan telah menanggung obligasi undang-undang atau konstruktif atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Keuntungan tidak direalis atas urus niaga antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutunya dihapus kira sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Kerugian tidak direalis juga dihapus kira melainkan urus niaga memberi bukti kerosotan aset dipindahkan. Di mana perlu, dalam menggunakan kaedah ekuiti, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu untuk memastikan keseimbangan polisi-polisi perakaunan dengan polisi-polisi perakaunan Kumpulan. Keuntungan dan kerugian kecairan dalam syarikat-syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Bagi kepentingan bertambah dalam syarikat bersekutu, tarikh pengambilalihan adalah tarikh pembelian pada setiap peringkat dan muhibah dikira pada setiap tarikh pembelian berdasarkan nilai saksama aset dan liabiliti dikenal pasti. Tidak ada "peningkatan kepada nilai saksama ("step up to fair value") aset bersih kepentingan yang diambil alih sebelum ini dan bahagian keuntungan dan pergerakan ekuiti bagi kepentingan diambil alih sebelum ini direkodkan secara langsung melalui ekuiti.

## 2 ENTITI EKONOMI DALAM KUMPULAN (samb.)

### (d) Entiti Kawalan Bersama

Entiti kawalan bersama adalah syarikat, perkongsian, atau lain-lain entiti ke atas mana terdapat perkongsian kawalan yang dipersetujui secara kontrak oleh Kumpulan dengan satu atau lebih pihak di mana keputusan kewangan dan kendalian strategik berkaitan dengan entiti memerlukan kebenaran serentak pihak-pihak yang berkongsi kawalan.

Kepentingan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama diakaunkan dalam penyata kewangan disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan bahagian Kumpulan daripada keputusan selepas pengambilalihan entiti kawalan bersama dalam penyata pendapatan dan bahagian daripada pergerakan rizab selepas pengambilalihan entiti kawalan bersama dalam penyata pendapatan dan bahagian pergerakan rizab selepas pengambilalihannya dalam rizab. Pergerakan selepas pengambilalihan terkumpul diselaraskan terhadap kos pelaburan dan termasuk muhibah atas pengambilalihan (tolak kerosotan terkumpul).

Keuntungan tidak direalis atas urus niaga antara Kumpulan dan entiti kawalan bersamanya dihapus kira sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama; kerugian tidak direalis juga dihapus kira melainkan urus niaga menunjukkan bukti kerosotan aset dipindahkan.

Kumpulan mengiktiraf bahagian keuntungan atau kerugian atas jualan aset oleh Kumpulan kepada usaha niaga yang boleh dikaitkan kepada lain-lain syarikat usaha niaga. Kumpulan tidak mengiktiraf bahagian keuntungan atau kerugiannya daripada usaha niaga yang berpunca daripada pembelian aset oleh Kumpulan daripada usaha niaga sehingga ia menjual semula asetnya kepada pihak bebas. Walau bagaimanapun, kerugian atas urus niaga diiktiraf dengan serta-merta sekiranya kerugian menunjukkan bukti mengenai pengurangan dalam nilai boleh direalis bersih aset semasa atau kerugian kerosotan.

Di mana perlu, pelarasian telah dibuat kepada penyata kewangan entiti kawalan bersama untuk memastikan keseimbangan polisi-polisi perakaunan dengan polisi-polisi perakaunan Kumpulan.

## 3 MUHIBAH

Muhibah mewakili lebihan daripada kos pengambilalihan anak-anak syarikat, entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu ke atas nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset bersih boleh dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan.

Muhibah atas pengambilalihan anak-anak syarikat dimasukkan dalam kunci kira-kira sebagai aset tidak ketara. Muhibah diuji setiap tahun bagi kerosotan dan dinyatakan pada kos tolak kerugian kerosotan terkumpul. Kerugian kerosotan atas muhibah tidak diterbalikkan. Keuntungan dan kerugian atas pelupusan entiti termasuk amaun dibawa muhibah berkaitan dengan entiti terjual.

Muhibah diperuntukkan kepada unit penghasilan tunai bagi tujuan pengujian kerosotan. Peruntukan dibuat kepada unit penghasilan tunai tersebut atau kumpulan unit penghasilan tunai yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi kombinasi perniagaan dalam mana muhibah timbul. Kumpulan memperuntukkan muhibah kepada setiap segmen perniagaan dalam setiap negara dalam mana ia beroperasi. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan aset.

Muhibah atas pengambilalihan entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu dimasukkan masing-masing dalam pelaburan dalam entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu. Muhibah sedemikian diuji bagi kerosotan sebagai sebahagian daripada baki keseluruhan.

## 4 PELABURAN

Pelaburan dalam anak-anak syarikat, entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu ditunjukkan pada kos. Di mana petunjuk kerosotan wujud, jumlah dibawa pelaburan dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehi semulanya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan aset.

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos dan peruntukan bagi pengurangan dalam nilai dibuat di mana, pada pendapat para Pengarah, terdapat pengurangan selain daripada yang bersifat sementara dalam nilai pelaburan sedemikian. Di mana terdapat pengurangan selain daripada yang bersifat sementara dalam nilai pelaburan, pengurangan sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana pengurangan dikenal pasti.

Pelaburan jangka pendek dalam sekuriti boleh pasaran yang mana lebih rendah, ditentukan atas dasar portfolio agregat. Kos diperolehi atas dasar purata wajaran. Nilai pasaran dikira dengan merujuk kepada harga jualan disebut harga pada bursa saham pada penutupan perniagaan pada tarikh kunci kira-kira. Peningkatan/pengurangan dalam nilai dibawa sekuriti boleh pasaran dikreditkan/dicaj kepada penyata pendapatan. Atas pelupusan pelaburan, perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan nilai dibawanya dicaj atau dikreditkan kepada penyata pendapatan.

## 5 MATA WANG ASING

### (a) Mata wang kefungsian dan pembentangan

Perkara termasuk dalam penyata kewangan setiap entiti Kumpulan dikira dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi primer dalam mana entiti beroperasi ("mata wang kefungsian"). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang adalah mata wang kefungsian dan pembentangan Syarikat.

### (b) Urus niaga dan baki

Urus niaga mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang kefungsian dengan menggunakan kadar pertukaran sedia ada pada tarikh urus niaga. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing berpunca daripada penyelesaian urus niaga sedemikian dan daripada terjemahan pada kadar pertukaran akhir tahun aset dan liabiliti monetari didenominasikan dalam mata wang asing diiktiraf dalam penyata pendapatan.

### (c) Syarikat-syarikat Kumpulan

Keputusan dan kedudukan kewangan semua entiti kumpulan (tidak ada satu pun yang mempunyai mata wang mengikut ekonomi hiperinflasari) yang mempunyai mata wang kefungsian berbeza daripada mata wang pembentangan diterjemahkan kepada mata wang pembentangan seperti berikut:

- Aset dan liabiliti bagi setiap kunci kira-kira dibentangkan diterjemahkan pada kadar penutupan pada tarikh kunci kira-kira;
- Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata pendapatan diterjemahkan pada purata kadar pertukaran (melainkan purata ini bukan merupakan anggaran munasabah kesan terkumpul ke atas kadar sedia ada pada tarikh urus niaga, dalam hal mana pendapatan dan perbelanjaan diterjemahkan pada kadar pada tarikh urus niaga); dan
- Semua perbezaan pertukaran terhasil diiktiraf sebagai komponen ekuiti berasingan.

Atas penyatuhan, perbezaan pertukaran timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam operasi asing dimasukkan ke ekuiti pemegang-pemegang saham. Apabila operasi asing dilupuskan atau dijual sebahagiannya, perbezaan pertukaran yang telah direkodkan dalam ekuiti diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai sebahagian daripada keuntungan atau kerugian atas pelupusan.

Pelarasan muhibah dan nilai saksama timbul atas pengambilalihan entiti asing dianggap sebagai aset dan liabiliti entiti asing diterjemahkan pada kadar penutup pada tarikh kunci kira-kira.

## 6 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN DAN SUSUT NILAI

Semua harta tanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau pada penilaian tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan terkumpul kecuali bagi tanah pegangan kekal dan modal kerja dalam pelaksanaan yang tidak disusutnilaikan. Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan memandangkan ia mempunyai hayat yang tidak terbatas. Susut nilai ke atas modal kerja dalam pelaksanaan bermula apabila aset sedia bagi kegunaannya yang dihasratkan.

Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung boleh dikaitkan kepada pembelian aset. Kos berikutnya termasuk amaun dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, sebagaimana sesuai, hanya apabila ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan dengan perkara akan mengalir kepada Kumpulan dan kos perkara boleh dikira dengan agak tepat. Amaun dibawa bahagian diganti tidak lagi diiktiraf. Semua pemberian dan penyelenggaraan yang lain dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh kewangan dalam mana ia ditanggung.

Peralatan kendalian hotel mewakili barang kaca, barang perak dan barang tembikar yang dipermodalkan pada keperluan tahap minimum bagi operasi biasa dan tidak disusutnilaikan. Kos penggantian berikutnya dihapus kira kepada penyata pendapatan dalam tahun kewangan dalam mana ia dibeli. Pada pendapat para Pengarah, perbezaan antara kos penggantian dicaj kepada penyata pendapatan dan susut nilai sekiranya peralatan kendalian hotel telah dipermodalkan dan disusutnilaikan sepanjang hayat bergunanya adalah tidak material kepada penyata kewangan.

Perbelanjaan penyelenggaraan pengorekan, terdiri daripada kos ditanggung untuk menyelenggara kedalaman lembangan, dipermodalkan dan dilunaskan atas dasar garisan lurus sepanjang hayat berguna selama lima tahun.

## 6 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN DAN SUSUT NILAI (samb.)

Lain-lain harta tanah, loji dan peralatan disusutnilaikan atas dasar garisan lurus untuk menghapus kira kos aset, atau jumlah dinilai semulanya, kepada nilai bakinya sepanjang anggaran hayat bergunanya. Kadar tahunan susut nilai adalah:

Perbelanjaan pembangunan infrastruktur ladang	2 %
Bangunan, termasuk bangunan hotel	2 hingga 33.3 %
Loji, mesin, peralatan dan kenderaan	4 hingga 33.3 %
Peralatan, perabot dan pepasangan dan ubahsuai pejabat	5 hingga 33.3 %
Himpitan kapal kimia cecair	3.3 %
Basin pelabuhan dalam basin	2 %

Para Pengarah telah menggunakan peruntukan peralihan Piawaian Perakaunan Antarabangsa ("IAS") 16 "Hartanah, Loji dan Peralatan", yang telah diterima pakai oleh MASB, yang membolehkan aset untuk dinyatakan pada jumlah dinilai semulanya yang terakhir tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan terkumpul. Selaras dengan itu, penilaian ini tidak dikemaskinikan.

Lebihan timbul atas penilaian semula dikreditkan kepada rizab penilaian semula. Sebarang defisit timbul daripada penilaian semula dicaj terhadap rizab penilaian semula sehingga tahap lebihan sebelum ini dipegang dalam rizab penilaian semula bagi aset yang sama. Dalam semua hal lain, pengurangan dalam nilai dibawa dicaj kepada penyata pendapatan.

Nilai baki dan hayat berguna harta tanah, loji dan peralatan disemak semula, dan diselaraskan sebagaimana sesuai, pada setiap tarikh kunci kira-kira. Kesan-kesan ke atas mana-mana semakan daripada nilai baki dan hayat berguna dimasukkan dalam penyata pendapatan bagi tahun kewangan dalam mana perubahan timbul.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk kerosotan. Di mana petunjuk kerosotan wujud, nilai dibawa aset dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehi semulanya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan aset.

Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan amaun dibawa dan dimasukkan dalam penyata pendapatan. Atas pelupusan aset-aset dinilai semula, jumlah dalam rizab penilaian semula berkaitan dengan aset-aset tersebut dipindahkan kepada perolehan tertahan.

Di mana berkenaan, nilai saksama harta tanah, loji dan peralatan pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan sebagai mengantikan kos.

## 7 HARTA PELABURAN

Harta pelaburan terdiri terutamanya daripada tanah dan bangunan yang dipegang untuk kadar hasil sewa jangka panjang atau peningkatan modal atau kedua-duanya, dan tidak didiami oleh Kumpulan. Harta pelaburan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan terkumpul.

Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan memandangkan ia mempunyai hayat yang tidak terbatas.

Susut nilai ke atas bangunan dikira untuk menghapus kira kos aset atas dasar garisan lurus sepanjang anggaran hayat bergunanya. Kadar susut nilai tahunan bagi Bangunan adalah 2%.

Atas pelupusan harta pelaburan, atau apabila ia secara kekal tidak digunakan lagi dan tidak ada manfaat ekonomi dijangka daripada pelupusannya, ia tidak lagi akan diiktiraf. Perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan amaun dibawa diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh persaraan atau pelupusan.

# RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2009

## 8 ASET KONSESI

Perkara dikelaskan sebagai aset konsesi terdiri daripada Perbelanjaan Pembangunan Lebuh Raya Ekspres dan pemberian berat.

### (a) Perbelanjaan Pembangunan Lebuh Raya Ekspres

Perbelanjaan Pembangunan Lebuh Raya ("EDE") terdiri daripada kos pembinaan (termasuk kos pembinaan semula, peluasan dan pemulihan) aset konsesi. EDE diukur pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian kerosotan terkumpul.

Di mana Kumpulan menyediakan perkhidmatan pembinaan sebagai pertukaran bagi aset konsesi, hasil dan keuntungan berkaitan dengan perkhidmatan pembinaan diiktiraf selaras dengan polisi perakaunan 9(a) mengenai pengiktirafan hasil dan keuntungan bagi kontrak pembinaan.

Selepas selesai kerja-kerja pembinaan dan permulaan operasi tol jalan raya, EDE dilunaskan sepanjang tempoh konsesi berdasarkan formula yang berikut:

$$\frac{\text{Volum trafik terkumpul sehingga kini}}{\text{Jumlah volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi}} \times \text{EDE}$$

Volum trafik keseluruhan yang diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi ditentukan melalui tinjauan trafik yang dijalankan pada setiap tahun oleh firma perunding trafik bebas dan penilaian semula para Pengarah ke atas jumlah volum trafik yang diunjurkan.

Semua faedah dan yuran ditanggung dalam tempoh pembinaan dipermodalkan dalam EDE yang kemudiannya dilunaskan kepada penyata pendapatan selaras dengan formula di atas. Faedah dan yuran ditanggung selepas penyiapan kerja pembinaan dicaj kepada penyata pendapatan.

### (b) Pemberian berat

Pemberian berat terdiri daripada perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pemberian berat mengikut struktur dan pemulihan tambak, cerun dan laluan jalan kaki di sepanjang lebuh raya. Kos pemberian berat dilunaskan atas dasar garisan lurus sepanjang hayat ekonomi dijangka ke atas kerja-kerja sedemikian selama tujuh tahun, bermula dari tarikh perbelanjaan ditanggung.

Di mana berkenaan, nilai saksama aset konsesi pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan sebagai ganti kos..

## 9 PENGIKTIRAFAN HASIL DAN KEUNTUNGAN

Hasil terdiri daripada nilai saksama balasan diterima atau boleh diterima bagi jualan barang dan perkhidmatan dalam perjalanan biasa kegiatan Kumpulan. Hasil ditunjukkan selepas ditolak cukai dan diskon jualan dan selepas menghapus kira jualan dalam Kumpulan.

Kumpulan mengiktiraf hasil apabila jumlah hasil boleh dikira dengan agak tepat, ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan akan mengalir kepada entiti dan kriteria khusus telah dipenuhi bagi setiap kegiatan Kumpulan sebagaimana dinyatakan di bawah. Jumlah hasil tidak dianggap sebagai boleh dikira dengan agak tepat sehingga semua kontigensi berkaitan dengan jualan telah diselesaikan. Kumpulan membuat anggaran-anggarannya berdasarkan sejarah keputusan, mengambil kira jenis pelanggan, jenis urus niaga dan perkara-perkara khusus bagi setiap pengaturan.

### (a) Kontrak pembinaan

Kontrak pembinaan adalah kontrak yang secara khususnya dirundingkan bagi pembinaan aset atau kombinasi aset yang saling berkait rapat atau saling bergantung dari segi reka bentuk, teknologi dan fungsinya atau tujuan atau kegunaan utamanya.

Apabila keputusan kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan agak tepat, hasil kontrak dan kos kontrak masing-masing diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan dengan merujuk kepada peringkat siap kegiatan kontrak pada tarikh kunci kira-kira. Peringkat siap kontrak pembinaan ditentukan berdasarkan perkadarannya yang kos kontrak ditanggung bagi kerja yang dilaksanakan sehingga kini tanggung berbanding anggaran jumlah kos bagi kontrak. Kos ditanggung dalam tahun kewangan berhubung dengan kegiatan masa hadapan ke atas kontrak dikecualikan daripada kos ditanggung sehingga kini apabila menentukan peringkat siap kontrak. Kos sedemikian ditunjukkan sebagai jumlah terhutang daripada/(kepada) pelanggan ke atas kontrak pembinaan dalam penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang pada kunci kira-kira melainkan ia tidak berkemungkinan bahawa kos kontrak sedemikian boleh diperolehi semula daripada pelanggan-pelanggannya, dalam hal mana kos sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

## 9 PENGIKTIRAFAN HASIL DAN KEUNTUNGAN (samb.)

### (a) Kontrak pembinaan (samb.)

Apabila keputusan kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan agak tepat, hasil kontrak diiktiraf hanya sehingga tahap kos kontrak ditanggung yang berkemungkinan dapat diperolehi semula.

Di mana ianya berkemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi hasil kontrak, kerugian dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dengan serta-merta.

Hasil kontrak terdiri daripada jumlah awal hasil yang dipersetujui dalam kontrak dan variasi dalam kerja kontrak dan tuntutan yang boleh dikira dengan agak tepat. Variasi atau tuntutan hanya termasuk dalam hasil kontrak apabila ia berkemungkinan bahawa pelanggan akan meluluskan variasi atau perundingan telah mencapai peringkat lanjut hingga ia berkemungkinan bahawa pelanggan akan menerima tuntutan.

### (b) Kegiatan pembangunan harta

Di mana keputusan kegiatan pembangunan boleh dianggar dengan agak tepat dan jualan unit harta pembangunan dilaksanakan, hasil dan kos pembangunan harta masing-masing diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan melalui rujukan kepada peringkat siap kegiatan pembangunan pada tarikh kunci kira-kira. Peringkat siap ditentukan berdasarkan perkadarannya yang kos pembangunan harta tanggung sehingga kini berbanding dengan anggaran jumlah kos bagi pembangunan harta.

Apabila keputusan kegiatan pembangunan tidak boleh dianggarkan dengan agak tepat, hasil pembangunan harta diiktiraf hanya sehingga tahap kos pembangunan harta ditanggung yang berkemungkinan boleh diperolehi dan kos pembangunan harta ke atas unit-unit pembangunan dijual diiktiraf apabila ditanggung.

Di mana ianya berkemungkinan bahawa jumlah kos pembangunan harta akan melebihi jumlah hasil pembangunan harta, kerugian dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana kerugian dikenal pasti.

### (c) Jualan barang

Jualan diiktiraf semasa penghantaran produk dan penerimaan pelanggan, dan pelaksanaan perkhidmatan selepas jualan, sekiranya ada, tolak cukai dan diskaun jualan dan selepas menghapus kira jualan dalam Kumpulan.

### (d) Hasil konsesi tol

Hasil konsesi tol daripada operasi jalan bertol diiktiraf bila dan apabila perkhidmatan dilaksanakan.

### (e) Hasil pelabuhan

Hasil daripada operasi pelabuhan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan kepada pelanggan.

### (f) Hasil operasi hotel dan kelab

Hasil hotel mewakili pendapatan diperolehi daripada sewa bilik dan jualan makanan dan minuman. Pendapatan sewa bilik diakru atas dasar harian bagi bilik yang dihuni oleh pelanggan. Jualan makanan dan minuman diiktiraf atas penghantaran kepada pelanggan. Hasil hotel diiktiraf tolak cukai dan diskaun jualan.

### (g) Lain-lain hasil

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran dibuktikan.

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar perkadarannya masa, dengan mengambil kira jumlah pokok belum dijelas dan kadar berkesan sepanjang tempoh sehingga matang, melainkan kebolehan dikutip adalah meragukan, dalam hal mana diiktiraf atas penerimaan tunai.

## 10 PERMODALAN KOS KEWANGAN

Kos pinjaman ditanggung ke atas pinjaman yang dikaitkan secara langsung dengan kegiatan pembangunan harta dan kontrak pembinaan sehingga siap dipermodalkan dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos pembangunan harta dan kos kontrak pembangunan.

Kos pinjaman untuk membiayai pembangunan perbandaran bermula apabila kegiatan yang perlu untuk menyediakan tanah pembangunan bagi kegunaannya yang diharuskan bermula dan termasuk kegiatan yang berkaitan dengan mendapatkan kelulusan sebelum permulaan pembangunan fizikal. Permodalan kos pinjaman berkaitan dengan setiap fasa pembangunan individu akan berhenti selepas selesainya fasa pembangunan masing-masing.

# RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2009

### 10 PERMODALAN KOS KEWANGAN (samb.)

Kos pinjaman ditanggung ke atas pinjaman untuk membiayai pembinaan aset konsesi dan harta tanah, loji dan peralatan konsesi dalam tempoh yang diperlukan untuk disiapkan dan menyediakan aset untuk kegunaan dihasratkannya dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset.

Semua kos pinjaman lain dicaj kepada penyata pendapatan.

### 11 TANAH DİPEGANG BAGI PEMBANGUNAN HARTA DAN KOS PEMBANGUNAN HARTA

Tanah dipegang untuk pembangunan harta terdiri daripada tanah yang dipegang bagi pembangunan masa hadapan di mana tidak ada pembangunan penting telah dilaksanakan atau di mana kegiatan pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran kendalian biasa. Tanah sedemikian dikelaskan sebagai aset bukan semasa dan dinyatakan pada kos atau pada penilaian tolak kerugian kerosotan terkumpul. Tanah dipegang bagi pembangunan harta dipindahkan kepada kos pembangunan harta (di bawah aset semasa) apabila kegiatan pembangunan telah bermula dan pembangunan dijangka akan disiapkan dalam kitaran kendalian biasa.

Kos dikaitkan dengan pembelian tanah termasuk harga pembelian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan lain-lain cukai berkaitan. Di mana Kumpulan sebelum ini telah merekodkan tanah pada jumlah dinilai semula, ia terus mengelakkan jumlah ini sebagai kos penggantian sebagaimana dibenarkan oleh FRS201 2004 ke atas "Kegiatan Pembangunan Harta". Di mana petunjuk kerosotan wujud, jumlah dibawa aset dinilai dan dikurang nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehnya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan aset.

Kos pembangunan harta terdiri daripada kos berkaitan dengan pembelian tanah dan semua kos boleh dikaitkan secara langsung kepada kegiatan pembangunan atau yang boleh diperuntukkan atas dasar munasabah kepada kegiatan ini.

Kos pembangunan harta yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos termasuk kos tanah, semua kos bangunan langsung, dan lain-lain perbelanjaan pembangunan berkaitan, termasuk perbelanjaan faedah ditanggung dalam tempoh pembangunan aktif.

Di mana hasil diiktiraf dalam penyata pendapatan melebihi bil-bil dikeluarkan kepada pembeli-pembeli, baki ditunjukkan sebagai bil terakru di bawah penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang (dalam aset semasa). Di mana bil melebihi hasil diiktiraf dalam penyata pendapatan, baki ditunjukkan sebagai bil progres di bawah pemutang perdagangan dan lain-lain pemutang (dalam liabiliti semasa).

Di mana berkenaan, nilai saksama tanah pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan sebagai menggantikan kos.

### 12 INVENTORI

#### (a) Bangunan siap

Unit harta pembangunan yang disiapkan dan dipegang untuk jualan dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos terdiri daripada perkadaruan kos tanah dan perbelanjaan pembangunan dan pembinaan berkaitan.

Di mana berkenaan, nilai saksama bangunan siap pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan sebagai menggantikan kos.

#### (b) Barang siap, produk kuari, bahan mentah, bahan pembinaan, semaihan pokok sawit simpanan dan alat-alat

Inventori dinilai pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos ditentukan atas dasar purata wajaran. Kos bahan mentah, semaihan pokok sawit simpanan dan alat ganti terdiri daripada kos asal pembelian campur kos membawa masuk inventori ke lokasi semasanya dan bagi barang siap dan produk kuari, ia terdiri daripada bahan-bahan langsung, buruh langsung, caj langsung dan overhead pengeluaran.

Nilai boleh direalis bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, tolak kos penyiapan dan perbelanjaan jualan berubah terpakai.

### 13 JUMLAH TERHUTANG DARIPADA/(KEPADA) PELANGGAN-PELANGGAN ATAS KONTRAK PEMBINAAN

Di mana jumlah kos kontrak pembinaan ditanggung campur keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf) melebihi bil-bil progres, baki bersih ditunjukkan sebagai jumlah terhutang daripada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang. Di mana bil progres melebihi jumlah kos kontrak pembinaan ditanggung dan keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf), baki bersih ditunjukkan sebagai jumlah terhutang kepada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah pemutang perdagangan dan lain-lain pemutang.

## 14 PENGHUTANG PERDAGANGAN

Penghutang perdagangan termasuk wang tahanan yang ditahan oleh prinsipal. Hutang lapuk diketahui dihapus kira dan peruntukan dibuat apabila terdapat bukti objektif bahawa Kumpulan tidak akan dapat mengutip semua jumlah yang terhutang mengikut terma-terma asal penghutang.

## 15 PAJAKAN

### (a) Perakaunan sebagai Pemajak

#### Pajakan kewangan

Pajakan harta tanah, loji dan peralatan di mana Kumpulan mengambil alih sebahagian besar semua faedah dan risiko pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Pajakan kewangan dipermodalkan pada nilai saksama aset dipajak atau anggaran nilai semasa bayaran pajakan mendasari pada tarikh permulaan yang mana lebih rendah. Setiap bayaran pajakan diperuntukkan antara liabiliti dan caj kewangan untuk mencapai kadar seimbang ke atas jumlah pokok pajakan belum dijelas. Obligasi sewa sepadan, selepas ditolak caj kewangan, dimasukkan dalam pinjaman. Elemen faedah caj kewangan dicajkan kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang seimbang ke atas baki liabiliti selebihnya bagi setiap tempoh.

Harta tanah, loji dan peralatan dibeli di bawah kontrak pajakan kewangan disusutnilaikan ke sepanjang hayat berguna aset. Sekiranya tidak ada kepastian yang munasabah bahawa pemilikan akan dipindahkan kepada Kumpulan, aset disusutnilakan sepanjang tempoh pajakan dan hayat bergunanya yang mana lebih pendek.

#### Pajakan kendalian

Pajakan aset di mana sebahagian penting daripada risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan oleh pemberi pajakan dikelaskan sebagai pajakan kendalian. Pembayaran dibuat di bawah pajakan kendalian dicaj kepada penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan.

### (b) Perakaunan sebagai pemberi pajakan

#### Pajakan kewangan

Pajakan aset di mana pemajak mengambil alih sebahagian besar daripada semua faedah dan risiko pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Apabila aset dipajak di bawah pajakan kewangan, nilai semasa bayaran pajakan diiktiraf sebagai penghutang. Perbezaan antara penghutang kasar dan nilai semasa penghutang diiktiraf sebagai pendapatan pembiayaan tidak terperoleh. Pendapatan pajakan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan menggunakan kaedah pelaburan bersih untuk menunjukkan kadar berkala faedah yang seimbang ke atas baki belum dijelas.

#### Pajakan kendalian

Aset dipajak di bawah pajakan kendalian dimasukkan dalam harta tanah, loji dan peralatan dalam kunci kira-kira. Ia disusutnilakan sepanjang anggaran hayat berguna atas asas-asas yang seimbang dengan harta tanah, loji dan peralatan serupa yang dimiliki. Pendapatan sewa (tolak mana-mana insentif diberikan kepada pemajak) diiktiraf atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajakan.

## 16 PEMBANGUNAN KUARI

Perbelanjaan ditanggung ke atas pembangunan permukaan kuari dipermodalkan dan dihapus kira berdasarkan volum pengeluaran sebenar ke atas anggaran rizab tersedia daripada permukaan kuari yang dibangunkan.

Di mana petunjuk kerosotan wujud, nilai dibawa ke atas aset dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta merta kepada jumlah boleh diperolehi semulanya. Lihat polisi perakaunan 25 mengenai kerosotan aset.

## 17 LESEN

Perbelanjaan ke atas lesen yang diperolehi dipermodalkan pada kos dan dilunaskan dengan menggunakan kaedah garisan lurus sepanjang anggaran hayat bergunanya selama 20 tahun.

# RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2009

## 18 PINJAMAN

Pinjaman pada mulanya diiktiraf berdasarkan perolehan diterima, selepas ditolak kos urusniaga ditanggung. Dalam tempoh-tempoh berikutnya, pinjaman dinyatakan pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah hasil berkesan; sebarang perbezaan antara perolehan (selepas ditolak kos urusniaga) dan nilai penebusan diiktiraf dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pinjaman.

Pinjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti bagi tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan pada tarikh kira-kira.

Di mana berkenaan, nilai saksama pinjaman pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan sebagai mengantikan kos.

## 19 CUKAI PENDAPATAN

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan selaras dengan undang-undang cukai setiap bidang kuasa dalam mana Kumpulan beroperasi dan termasuk semua cukai berdasarkan keuntungan boleh dicukai, termasuk cukai penahanan perlu dibayar oleh anak syarikat asing, syarikat bersekutu atau entiti kawalan bersama ke atas pengagihan perolehan tertahan kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya, dengan menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara pada tarikh kunci kira-kira antara asas cukai aset dan liabiliti dan jumlah dibawanya dalam penyata kewangan. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara ditolak sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap mana perbezaan sementara boleh ditolak atau kerugian cukai tidak diguna boleh digunakan.

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan pada masa urusniaga, tidak menjelaskan keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda diiktiraf atas perbezaan sementara timbul atas pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama kecuali di mana pemasaan keterbalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan ia berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan terbalik pada masa hadapan boleh dijangka.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai kepada tempoh di mana aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh kunci kira-kira.

Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ia timbul daripada urusniaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, dalam hal mana cukai tertunda juga dicaj atau dikreditkan secara langsung kepada ekuiti, atau apabila ia timbul daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan, dalam hal mana cukai tertunda dimasukkan dalam muhibah berhasil.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diseimbangkan apabila syarikat mempunyai hak boleh dikuatkuasakan yang sah untuk diseimbangkan dan berhasrat untuk menyelesaikan atas dasar bersih atau untuk merealis aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

## 20 MANFAAT KAKITANGAN

### (a) Manfaat jangka pendek kakitangan

Kumpulan mengiktiraf liabiliti dan perbelanjaan bagi bonus berdasarkan formula yang mengambil kira keuntungan boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat selepas pelarasan tertentu. Kumpulan mengiktiraf peruntukan di mana terdapat obligasi kontrak atau di mana terdapat amalan yang lepas yang telah membentuk obligasi konstruktif.

Upah, gaji, bonus dan manfaat bukan monetari diakrukan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan.

### (b) Manfaat selepas perkhidmatan

Kumpulan mempunyai beberapa skim manfaat selepas perkhidmatan selaras dengan syarat-syarat dan amalan-amalan tempatan dalam negara di mana ia beroperasi. Manfaat ini adalah sama ada pelan caruman dinyatakan atau pelan manfaat dinyatakan.

Pelan caruman dinyatakan adalah pelan pencecutan di bawah mana Kumpulan membayar caruman tetap kepada entiti berasingan (dana) dan tidak akan mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya sekiranya dana tidak mempunyai aset-aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tempoh-tempoh semasa dan terdahulu. Pelan caruman dinyatakan adalah pelan pencecutan yang mentakrifkan jumlah manfaat pencecutan yang akan diperuntukkan, pada kebiasaannya sebagai fungsi salah satu atau lebih faktor seperti umur, tahun perkhidmatan atau pampasan.

## 20 MANFAAT KAKITANGAN (samb.)

### (b) Manfaat selepas perkhidmatan (samb.)

#### (i) Pelan Caruman Dinyatakan

Caruman Kumpulan kepada pelan caruman dinyatakan dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh kepada mana ia berkait. Sebaik sahaja caruman telah dibuat, Kumpulan tidak mempunyai obligasi bayaran selanjutnya. Caruman prabayar diiktiraf sebagai aset sehingga tahap yang bayaran balik tunai atau pengurangan dalam bayaran masa hadapan tersedia. (Sebagaimana diperlukan oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada skim pencegah negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), pelan caruman dinyatakan.

#### (ii) Skim manfaat dinyatakan tidak dibiayai

Kuantan Port Consortium Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Syarikat yang mengendalikan Skim Manfaat Persaraan dinyatakan tidak dibiayai, bagi kakitangannya selaras dengan peruntukan-peruntukan Perjanjian Kolektif. Manfaat perlu dibayar berdasarkan bilangan tahun perkhidmatan dengan syarikat.

Peruntukan dibuat dalam kunci kira-kira syarikat bagi kos manfaat persaraan di bawah Skim yang ditentukan berdasarkan penilaian aktuari dengan menggunakan kaedah kredit unit diunjurkan. Di bawah kaedah ini, kos menyediakan manfaat persaraan diiktiraf dalam penyata pendapatan atas dasar sistematis untuk mengagihkan kos sepanjang hayat pekerjaan kakitangan dengan syarikat. Obligasi diukur pada nilai semasa daripada anggaran aliran keluar tunai masa hadapan dengan menggunakan hasil pada tarikh kunci kira-kira ke atas sekuriti kerajaan yang mempunyai tarikh matang menyamai dengan terma-terma obligasi syarikat.

Keuntungan dan kerugian aktuari timbul terutamanya daripada perubahan dalam andaian aktuari dan perbezaan antara andaian aktuari yang sebenarnya telah berlaku. Keuntungan dan kerugian dikreditkan atau dicajkan kepada penyata pendapatan sepanjang purata hayat pekerjaan selebihnya kakitangan yang mengambil bahagian dalam pelan.

### (c) Pampasan berdasarkan saham

Kumpulan mengendalikan pelan pampasan berdasarkan saham diselesaikan mengikut ekuiti bagi kakitangan Kumpulan. Nilai saksama perkhidmatan kakitangan yang diterima sebagai pertukaran bagi pemberian opsyen saham diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh perletahakan pemberian, dengan peningkatan sepadan dalam ekuiti.

Jumlah keseluruhan yang akan dibelanjakan sepanjang tempoh perletahakan ditentukan dengan merujuk kepada nilai saksama opsyen saham diberikan, tidak termasuk kesan ke sebarang syarat perletahakan bukan pasaran. Syarat-syarat perletahakkan bukan pasaran dimasukkan dalam andaian-andaan mengenai bilangan opsyen yang dijangka untuk terletak hak. Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menyemak anggaran-anggarannya mengenai bilangan opsyen saham yang dijangka akan terletak hak. Ia mengiktiraf kesan penyemakan anggaran-anggaran asal, sekiranya ada, dalam penyata pendapatan, dengan pelarasan sepadan kepada ekuiti.

Perolehan diterima, selepas ditolak mana-mana kos urus niaga boleh dikaitkan secara langsung, dikreditkan kepada modal saham (nilai nominal) dan premium saham apabila opsyen saham dilaksanakan.

Kumpulan telah mengambil kesempatan ke atas peruntukan peralihan FRS 2 "Bayaran berdasarkan Saham" berhubung dengan instrumen ekuiti yang diberikan selepas 31 Disember 2004 dan tidak diletak hak pada 1 April 2006, dan tidak mengiktiraf sebarang perbelanjaan berhubung dengan instrumen-instrumen ini.

Pelan pampasan berdasarkan saham tamat pada 10 November 2008.

## 21 TUNAI DAN SETARA TUNAI

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, deposit dipegang pada panggilan dengan bank, selain daripada pelaburan jangka pendek, berkecairan tinggi dengan kematangan asal tiga bulan atau kurang daripadanya, dan overdraf bank. Overdraft bank dimasukkan dalam pinjaman dalam liabiliti semasa dalam kunci kira-kira.

# RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2009

## 22 MODAL SAHAM

### (i) Klasifikasi

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

### (ii) Kos terbitan saham

Kos luaran boleh dikaitkan secara langsung kepada terbitan saham-saham baru ditunjukkan sebagai penolakan daripada akaun premium saham. Dalam hal lain, ia dicaj kepada penyata pendapatan apabila ditanggung.

### (iii) Dividen

Dividen ke atas saham-saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti apabila diisyiharkan. Dividen akhir dicadangkan terakru sebagai liabiliti hanya selepas kelulusan oleh pemegang-pemegang saham.

### (iv) Rizab waran

Perolehan daripada terbitan waran, selepas ditolak kos terbitan, dikreditkan kepada rizab waran yang tidak boleh diagih. Rizab waran dipindahkan kepada akaun premium saham selepas pelaksanaan waran dan rizab waran berhubung dengan waran tidak dilaksanakan pada penamat tempoh waran akan dipindahkan kepada perolehan tertahan.

### (v) Pembelian saham sendiri

Di mana Syarikat membeli modal saham ekuiti Syarikat, balasan dibayar, termasuk sebarang peningkatan kos luar yang boleh dikaitkan secara langsung, tolak cukai, ditolak daripada modal dan rizab boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat sebagai saham-saham perbendaharaan sehingga saham-saham tersebut dibatalkan, diterbitkan semula atau dilupuskan.

Di mana saham-saham sedemikian dijual, perbezaan antara balasan jualan dan jumlah dibawa saham-saham perbendaharaan ditunjukkan sebagai pergerakan dalam ekuiti. Di mana balasan diterima adalah lebih daripada jumlah dibawa, perbezaan kredit timbul dimasukkan kepada akaun premium saham. Di mana balasan diterima adalah kurang daripada jumlah dibawa, perbezaan debit diseimbangkan terhadap rizab.

Di mana saham-saham sedemikian dibatalkan, modal saham yang diterbitkan dikurangkan dengan nilai nominal saham-saham yang dibatalkan. Jumlah melalui mana modal saham Syarikat yang diterbitkan dikurangkan atas pembatalan saham-saham dipindahkan kepada akaun rizab penebusan modal.

## 23 INSTRUMEN KEWANGAN

### (a) Instrumen kewangan diiktiraf pada kunci kira-kira

Kaedah pengiktirafan tertentu diterima pakai bagi instrumen kewangan diiktiraf pada kunci kira-kira dinyatakan dalam penyata polisi individu berkaitan dengan setiap perkara.

### (b) Instrumen kewangan tidak diiktiraf pada kunci kira-kira

Kumpulan adalah pihak kepada instrumen kewangan yang terdiri terutamanya daripada kontrak hadapan mata wang asing dan kontrak swap kadar faedah. Instrumen ini tidak diiktiraf dalam penyata kewangan pada permulaan, tetapi dinyatakan dalam nota-nota berkenaan kepada penyata kewangan.

#### Kontrak hadapan mata wang asing

Kumpulan menandatangani kontrak hadapan mata wang asing untuk melindungi Kumpulan daripada pergerakan dalam kadar pertukaran dengan mewujudkan kadar pada mana aset atau liabiliti mata wang asing akan diselesaikan.

Keuntungan dan kerugian pertukaran ke atas kontrak diiktiraf apabila diselesaikan pada masa yang mana keuntungan dan kerugian dimasukkan dalam pengukuran urus niaga dilindung nilai.

#### Kontrak swap kadar faedah

Kumpulan menandatangani kontrak swap kadar faedah untuk melindung Kumpulan daripada pergerakan dalam kadar faedah. Sebarang perbezaan untuk dibayar atau diterima atas kontrak swap kadar faedah diiktiraf sebagai komponen daripada pendapatan atau perbelanjaan faedah sepanjang tempoh kontrak. Keuntungan dan kerugian pada penamat awal swap kadar faedah atau bayaran balik pinjaman dimasukkan kepada penyata pendapatan.

## 23 INSTRUMEN KEWANGAN (samb.)

### (c) Anggaran Nilai Saksama Untuk Tujuan Pendedahan

Nilai saksama derivatif dan sekuriti yang didagang secara awam adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga pada tarikh kunci kira-kira.

Nilai saksama kontrak pertukaran mata wang asing hadapan ditentukan dengan menggunakan kadar pasaran pertukaran hadapan pada tarikh kunci kira-kira. Nilai saksama kontrak swap kadar faedah dikira pada nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan.

Dalam menaksir nilai saksama derivatif dan instrumen kewangan tidak didagang, Kumpulan menggunakan pelbagai kaedah dan membuat andaian yang berdasarkan keadaan pasaran yang wujud pada setiap tarikh kunci kira-kira. Harga pasaran disebut harga atau sebut harga peniaga bagi instrumen khusus atau serupa digunakan bagi hutang jangka panjang. Lain-lain teknik dan asas, seperti nilai didiskaunkan aliran tunai masa hadapan dan asas aset bersih mendasari instrumen, digunakan untuk menentukan nilai saksama bagi instrumen kewangan selebihnya. Khususnya, nilai saksama liabiliti kewangan dianggarkan dengan mendiskaunkan aliran tunai kontrak masa hadapan pada kadar faedah pasaran semasa tersedia kepada Kumpulan bagi instrumen kewangan yang serupa.

Nilai dibawa aset kewangan dan liabiliti kewangan dengan kematanan kurang dari satu tahun diandaikan sebagai lebih kurang menyamai nilai saksamanya.

## 24 GERAN KERAJAAN

Geran daripada kerajaan diiktiraf pada nilai saksamanya di mana terdapat jaminan munasabah bahawa akan diterima dan Kumpulan akan mematuhi semua syarat yang ada padanya.

Geran kerajaan berkaitan dengan pembelian aset dimasukkan dalam liabiliti bukan semasa sebagai pendapatan tertunda dan dikreditkan kepada penyata pendapatan sepanjang hayat dijangka aset-aset berkaitan, atas asas-asas yang seimbang dengan susut nilai aset berkaitan.

## 25 KEROSOTAN ASET

Aset yang mempunyai hayat berguna yang tidak pasti tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun bagi kerosotan. Aset-aset yang tertakluk kepada pelunasan disemak bagi kerosotan apabila peristiwa-peristiwa atau perubahan-perubahan dalam keadaan-keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin boleh diperolehi semula. Kerugian kerosotan diiktiraf bagi jumlah untuk yang mana nilai dibawa melebihi jumlah boleh diperolehi semulanya. Jumlah boleh diperolehi semula adalah harga jualan bersih aset dan nilai dalam penggunaan yang mana lebih tinggi. Untuk tujuan menilai kerosotan, aset dikumpulkan pada tahap yang paling rendah untuk yang mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penghasilan tunai). Aset bukan kewangan, selain daripada muhibah, yang mengalami kerosotan disemak bagi keterbalikan yang mungkin ke atas kerosotan pada setiap tarikh pelaporan.

Kerosotan dicaj kepada penyata pendapatan melainkan ia menterbalikan penilaian semula sebelum ini, dalam hal mana ia dicaj kepada lebihan penilaian semula. Kerosotan atas muhibah tidak diterbalikkan. Berhubung dengan lain-lain aset, sebarang peningkatan berikutnya dalam jumlah boleh diperolehi semula diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan ia menterbalikkan kerugian kerosotan ke atas aset dinilai semula, dalam hal mana ia dimasukkan kepada lebihan penilaian semula.

## 26 MAKLUMAT BERSEGMENT

Pelaporan bersegmen dibentangkan bagi penilaian dipertingkatkan ke atas risiko-risiko dan pulangan Kumpulan sebagai segmen perniagaan atau geografi yang berbeza daripada lain-lain segmen perniagaan dan geografi.

Segmen hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti adalah jumlah yang terhasil daripada kegiatan kendalian segmen yang secara langsung boleh dikaitkan kepada segmen dan perkadarannya berkenaan yang boleh diperuntukkan atas dasar munasabah kepada segmen.

Segmen hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti ditentukan sebelum baki dalam kumpulan dan urusniaga dalam kumpulan dihapus kira sebagai sebahagian daripada proses penyatuan.

# RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2009

## 27 LIABILITI KONTIGEN

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti kontigen tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti kontigen adalah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa-peristiwa lepas yang kewujudannya akan disahkan melalui peristiwa-peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf disebabkan ia tidak berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi. Liabiliti kontigen juga timbul dalam keadaan-keadaan yang amat jarang sekali berlaku di mana liabiliti tidak boleh diiktiraf disebabkan ia tidak boleh dikira dengan agak tepat.

Dalam pengambilalihan anak-anak syarikat oleh Kumpulan di bawah kombinasi perniagaan, liabiliti kontigen diandaikan telah dikira pada mulanya pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira tahap mana-mana kepentingan minoriti.

Kumpulan mengiktiraf liabiliti kontigen secara berasingan syarikat-syarikat diambil alih sebagai sebahagian daripada memperuntukkan kos daripada kombinasi perniagaan di mana nilai saksamanya boleh dikira dengan agak betul. Di mana nilai saksama tidak boleh dikira dengan agak betul, kesan terhasil akan ditunjukkan dalam muhibah timbul daripada pengambilalihan dan maklumat mengenai liabiliti kontigen diambil alih dinyatakan dalam Nota kepada penyata kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, Kumpulan mengira liabiliti kontigen yang diiktiraf secara berasingan pada tarikh pengambilalihan pada jumlah yang lebih tinggi yang mungkin diiktiraf selaras dengan peruntukan-peruntukan FRS 1372004 dan jumlah yang diiktiraf pada awalnya tolak, di mana sesuai, pelunasan terkumpul diiktiraf selaras dengan FRS 1182004.

## 28 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN LADANG

Perbelanjaan pembangunan ladang terdiri daripada perbelanjaan penanaman baru yang ditanggung daripada pembersihan tanah sehingga ke masa penanaman. Perbelanjaan ini dipermodalkan dan tidak dilunaskan. Perbelanjaan penanaman semula, yang mewakili kos ditanggung dalam penanaman semula kawasan ditanam yang lama, dicaj kepada penyata pendapatan dalam tahun dalam mana ia ditanggung.

## 29 ASET BUKAN SEMASA DIKELASKAN SEBAGAI ASET DIPEGANG UNTUK JUALAN

Aset bukan semasa dikelaskan sebagai aset dipegang untuk jualan, dan dinyatakan pada amaun dibawa dan nilai saksama yang mana lebih rendah tolak kos untuk menjual, sekiranya amaun dibawa diperolehi terutamanya melalui urus niaga jualan selain daripada melalui penggunaan berterusan.

## 30 TANAH PEGANGAN PAJAK

Para Pengarah telah menggunakan peruntukan peralihan FRS 117 "Pajakan" bagi pajakan tanah yang sebelum ini diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan.

Di mana Kumpulan dan Syarikat telah sebelum ini mengkelaskan pajakan tanah sebagai pajakan kewangan dan telah mengiktiraf jumlah tanah pegangan pajak sebagai harta dalam hartanah, loji dan peralatan, Kumpulan dan Syarikat akan menganggap pajakan sebagai pajakan kendalian dengan jumlah dibawa tidak dilunaskan dikelaskan sebagai tanah pegangan pajak.

Di mana Kumpulan dan Syarikat telah sebelum ini menilai semula tanah pegangan pajak, Kumpulan dan Syarikat akan mengekalkan jumlah dinilai semula sebagai jumlah dibawa gantian sewa pajakan, yang dilunaskan sepanjang tempoh pajakan.

Tanah pegangan pajak dilunaskan sepanjang tempoh selebihnya daripada pajakan masing-masing berkisar dari 21 hingga 97 tahun.

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2009

BANGKIT  
MENGATASI  
CABARAN

LAPORAN TAHUNAN '09

## 1 MAKLUMAT AM

Syarikat pada dasarnya terlibat dalam pembinaan dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri daripada pembinaan, pembangunan harta, pengilangan dan pengkuarian, operasi hotel, operasi lebuhraya bertol, operasi pelabuhan, peladangan dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan dalam Nota 56 kepada penyata kewangan.

Syarikat adalah sebuah syarikat liabiliti awam berhad, diperbadankan dan berdomisil di Malaysia dan tersenarai pada Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Alamat pejabat berdaftar Syarikat adalah Tingkat 2, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk dikeluarkan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah pada 26 Mei 2009.

## 2 ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN PENTING

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan oleh para Pengarah dan berdasarkan sejarah pengalaman dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan mengenai peristiwa-peristiwa masa hadapan yang dipercayai sebagai munasabah di bawah keadaan tersebut.

Kumpulan membuat anggaran dan andaian yang melibatkan masa hadapan. Anggaran perakauan terhasil akan, melalui takrifan, jarang menyamai keputusan sebenar. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan material kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya digariskan di bawah.

### (a) Cukai pendapatan

Kumpulan tertakluk kepada cukai pendapatan dalam beberapa bidang kuasa. Pertimbangan penting diperlukan dalam menentukan eluan modal dan kebolehan ditolak perbelanjaan tertentu dalam anggaran peruntukan bagi cukai pendapatan. Terdapat banyak urus niaga dan pengiraan untuk yang mana penentuan cukai utama adalah tidak pasti dalam perjalanan biasa perniagaan. Di mana hasil cukai akhir ke atas perkara-perkara ini adalah berbeza daripada jumlah yang pada awalnya direkodkan, perbezaan sedemikian akan memberi kesan ke atas cukai pendapatan dan peruntukan cukai pendapatan tertunda dalam tempoh dalam mana penentuan dibuat.

### (b) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh digunakan. Ini melibatkan pertimbangan berkaitan dengan prestasi kewangan masa hadapan entiti tertentu dalam mana aset cukai tertunda telah diiktiraf.

### (c) Kontrak pembinaan

Kumpulan mengiktiraf keuntungan kontrak berdasarkan kaedah peringkat siap. Peringkat siap daripada kontrak pembinaan ditentukan berdasarkan perkadarannya kos kontrak yang ditanggung bagi kerja dilaksanakan sehingga kini tanggung berbanding jumlah kos yang dianggarkan bagi kontrak. Apabila ia berkemungkinan bahawa anggaran jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian dijangka ke atas kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta merta.

Pertimbangan penting diperlukan dalam anggaran jumlah kos kontrak. Di mana jumlah kos kontrak sebenar adalah berbeza daripada anggaran jumlah kos kontrak, perbezaan sedemikian akan memberi kesan ke atas keuntungan/(kerugian) kontrak yang diiktiraf.

Kumpulan telah menganggarkan jumlah hasil kontrak berdasarkan jumlah hasil permulaan yang dipersebutui dalam kontrak dan variasi dalam kerja kontrak dan tuntutan yang boleh diukur dengan tepat berdasarkan maklumat terkini yang boleh didapati, dan dalam ketiadaan maklumat sedemikian, anggaran terbaik para Pengarah diperolehi daripada andaian, pengalaman dan pertimbangan yang munasabah.

Di mana variasi dan tuntutan sebenar yang diluluskan adalah berbeza daripada anggaran, perbezaan sedemikian akan memberi kesan ke atas keuntungan/(kerugian) kontrak yang diiktiraf.

### (d) Pembangunan harta

Kumpulan mengiktiraf keuntungan pembangunan harta dengan merujuk kepada peringkat siap kegiatan pembangunan pada tarikh kunci kira-kira. Peringkat siap ditentukan berdasarkan perkadarannya kos pembangunan harta ditanggung sehingga kini berbanding dengan anggaran jumlah kos bagi pembangunan harta. Di mana ia adalah berkemungkinan bahawa jumlah kos pembangunan harta satu-satu fasa pembangunan akan melebihi jumlah hasil pembangunan harta fasa pembangunan, kerugian dijangka ke atas fasa pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Pertimbangan penting diperlukan dalam anggaran jumlah kos pembangunan harta. Di mana jumlah kos pembangunan harta sebenar adalah berbeza daripada anggaran jumlah kos pembangunan harta, perbezaan sedemikian akan memberi kesan kepada keuntungan/(kerugian) pembangunan harta yang diiktiraf.

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2009

## 2 ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (e) elunasan aset konsesi

Aset konsesi jalan Kumpulan dilunaskan sepanjang tempoh konsesi berdasarkan formula yang berikut:

$$\frac{\text{Volum trafik terkumpul sehingga kini}}{\text{Volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi}} \times \text{Perbelanjaan pembangunan lebuhraya ekspres}$$

Untuk menentukan jumlah volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi, Kumpulan bergantung pada tinjauan trafik yang dijalankan oleh firma perunding trafik bebas dan penilaian semula tahun para Pengarah terhadap jumlah volum trafik diunjurkan tahun semasa dan tahun-tahun hadapan. Sebarang perubahan dalam jumlah volum trafik diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi akan memberi kesan kepada caj pelunasan bagi tahun.

### (f) Peruntukan bagi hutang rugu

Kumpulan mengiktiraf peruntukan bagi hutang rugu apabila terdapat bukti objektif bahawa Kumpulan tidak dapat mengutip semua jumlah terhutang mengikut terma-terma asal penghutang.

Pertimbangan penting diperlukan dalam penilaian jumlah boleh dikutip semula penghutang khususnya berdasarkan persekitaran ekonomi semasa. Sehingga tahap yang perolehan semula berbeza daripada anggaran pengurusan, perubahan sedemikian mungkin mempunyai kesan material ke atas penyata pendapatan. Berdasarkan penilaian pengurusan, pengurusan percaya bahawa tahap peruntukan semasa bagi hutang rugu adalah mencukupi. Selain daripada itu, pengurusan juga mengawasi dengan ketat jumlah boleh dikutip semula penghutang-penghutang ini.

### (g) Kerosotan aset

Kumpulan menentukan sama ada aset merosot dengan nilai tahap sehingga mana jumlah boleh diperolehi semula daripada aset adalah kurang daripada kosnya. Penilaian ini adalah tertakluk kepada perubahan seperti prestasi pasaran, keadaan ekonomi dan politik negara. Pelbagai kaedah digunakan untuk menentukan jumlah boleh diperolehi semula, seperti laporan penilaian dan aliran tunai terdiskaun. Untuk aliran tunai terdiskaun, ini melibatkan penggunaan anggaran keputusan masa hadapan dan satu set andaian-andaian untuk menggambarkan pendapatan dan aliran tunainya. Pengadilan telah digunakan untuk menentukan kadar diskon bagi aliran tunai dan pertumbuhan masa hadapan perniagaan.

## 3 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kegiatan Kumpulan mendedahkan Kumpulan kepada pelbagai risiko kewangan, termasuk risiko pertukaran mata wang asing, risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan dan aliran tunai. Objektif keseluruhan pengurusan risiko kewangan Kumpulan adalah untuk memastikan agar Kumpulan membentuk nilai bagi pemegang-pemegang sahamnya. Kumpulan menumpukan ke atas ketakbolehan diramal pasaran kewangan dan cuba untuk meminimumkan potensi kesan-kesan kurang baik ke atas prestasi kewangan Kumpulan. Pengurusan risiko kewangan dijalankan melalui kajian risiko, sistem kawalan dalaman, program insurans dan pematuhan kepada polisi-polisi pengurusan risiko kewangan Kumpulan. Pengurusan kerap mengkaji risiko-risiko ini dan meluluskan polisi-polisi perbendaharaan, yang meliputi pengurusan risiko-risiko ini.

Kumpulan menggunakan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak hadapan pertukaran mata wang asing dan kontrak swap kadar faedah untuk melindung nilai pendedahan tertentu, tetapi ia tidak berdagang dalam instrumen kewangan.

### Risiko pertukaran mata wang asing

Kumpulan beroperasi di peringkat antarabangsa dan terdedah kepada pelbagai mata wang, terutamanya Dolar Amerika Syarikat, Dolar Australia, Dolar Singapura, Dolar Hongkong, Renminbi China, Rupee India, Peso Argentina dan Dirham UAE. Aset dan liabiliti didenominasikan dalam mata wang asing bersama-sama dengan jangkaan aliran tunai daripada urusniaga-urusniaga dijangkakan didenominasikan dalam mata wang asing membawa kepada pendedahan pertukaran asing.

Kumpulan mengekalkan pelindung nilai semulajadi, bila-bila mungkin, dengan meminjam dalam mata wang negara dalam mana harta atau pelaburan terletak atau dengan meminjam dalam mata wang yang menyamai dengan aliran hasil pada masa hadapan yang akan diperolehi daripada pelaburannya. Pendedahan pertukaran asing dalam mata wang urusniaga selain daripada mata wang kefungsian daripada entiti kendalian dikekalkan pada tahap boleh terima.

Urus niaga dengan pendedahan mata wang asing penting adalah dilindung nilai, terutamanya dengan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak pertukaran asing hadapan.

### Risiko kadar faedah

Pendapatan dan aliran tunai kendalian Kumpulan kebanyakannya bebas daripada perubahan dalam kadar faedah pasaran. Pendedahan kadar faedah timbul terutamanya daripada pinjaman dan deposit Kumpulan. Kumpulan menguruskan pendedahan kadar faedah dengan mengekalkan campuran berhemah kadar pinjaman tetap dan terapung. Instrumen-instrumen kewangan derivatif digunakan, di mana sesuai, untuk menghasilkan profil kadar faedah yang diharatkann.

### 3 OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (samb.)

#### Risiko harga

Kumpulan menghadapi pendedahan kepada risiko daripada perubahan dalam hutang dan harga ekuiti. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan kerap menyemak risiko-risiko ini dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan potensi kesan risiko-risiko sedemikian.

#### Risiko kredit

Risiko kredit timbul apabila instrumen-instrumen derivatif digunakan atau jualan dibuat atas terma-terma kredit. Kumpulan mengawal risiko-risiko ini melalui penggunaan prosedur-prosedur kelulusan kredit, had dan pengawasan. Kumpulan juga meminimumkan pendedahannya dengan menganalisisi kedudukan kewangan sebelum menandatangani sebarang perjanjian/ontrak. Pengutang perdagangan diawasi atas dasar berterusan melalui prosedur-prosedur pelaporan pengurusan Kumpulan. Kumpulan tidak mempunyai apa-apa pendedahan penting kepada mana-mana pelanggan individu atau rakan perniagaan tidak juga ia mempunyai apa-apa penumpuan utama risiko kredit berkaitan dengan mana-mana instrumen kewangan.

Penumpuan risiko kredit berhubung dengan pengutang perdagangan adalah terhad disebabkan bilangan pelanggan Kumpulan yang ramai, yang bertebar dalam spektrum industri dan perniagaan yang luas. Selain daripada penumpuan risiko kredit berhubung dengan 'jumlah terutang' daripada Kumpulan Europlus Berhad ("KEB"), syarikat bersekutu. Kumpulan juga telah menjalankan penilaian ke atas dikutip baki terutang daripad KEB dan syarikat-syarikat berkaitan KEB. Pengurusan percaya bahawa tidak ada risiko kredit tambahan yang melebihi jumlah dibenarkan bagi kerugian pengutipan sedia ada dalam pengutang perdagangan Kumpulan.

#### Risiko kecairan dan aliran tunai

Kumpulan secara aktifnya menguruskan profil kematangan hutang Kumpulan, aliran tunai kendalian dan ketersediaan pembiayaan untuk memastikan kesemua keperluan pembiayaan semula, bayaran balik dan pembiayaan dipenuhi. Sebagai sebahagian daripada keseluruhan pengurusan kecairan berhemah Kumpulan, Kumpulan mengekalkan tahap mencukupi bagi tunai atau pelaburan boleh ditukar kepada tunai untuk memenuhi keperluan modal kerjanya. Selain daripada itu, Kumpulan berusaha untuk mengekalkan ketersediaan kemudahan perbankan pada tahap munasabah kepada kedudukan keseluruhan hutang Kumpulan. Setakat mana yang boleh, Kumpulan cuba mendapatkan pembiayaan dikomitkan daripada kedua-dua institusi pasaran modal dan institusi kewangan dan secara berhemah mengimbangkan portfolionya dengan pendanaan jangka pendek untuk mencapai keberkesanan kos secara keseluruhan.

### 4 HASIL KENDALIAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Hasil kontrak pembinaan	<b>1,745,486</b>	2,081,901	<b>190,870</b>	148,561
Hasil pembangunan harta	<b>807,837</b>	838,743	—	677
Jualan produk kuari dan produk dikilang	<b>998,286</b>	811,442	—	—
Jualan barang	<b>238,961</b>	63,964	—	—
Hasil konsesi	<b>165,031</b>	135,975	—	—
Hasil pelabuhan	<b>102,851</b>	99,362	—	—
Jualan minyak sawit mentah dan produk berkaitan perladangan	<b>491,604</b>	478,029	—	—
Perkhidmatan pengurusan	<b>8,757</b>	24,616	<b>1,634</b>	1,361
Pendapatan dividen	<b>802</b>	741	<b>218,248</b>	53,536
Sewa harta	<b>3,276</b>	3,896	<b>264</b>	271
Pemberian perkhidmatan lain	<b>38,403</b>	98,503	—	—
	<b>4,601,294</b>	4,637,172	<b>411,016</b>	204,406

Maklumat tambahan mengenai hasil kendalian Kumpulan termasuk bahagian hasil syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama adalah seperti berikut:

	2009 RM'000	2008 RM'000
Hasil kendalian Kumpulan	<b>4,601,294</b>	4,637,172
Bahagian hasil kendalian daripada:		
Syarikat-syarikat bersekutu	<b>355,843</b>	327,398
Entiti kawalan bersama	<b>348,169</b>	123,475
	<b>5,305,306</b>	5,088,045

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2009

## 5 KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN

(a) Perbelanjaan berikut (tidak termasuk kos kewangan dan perbelanjaan cukai) mengikut sifat telah didebitkan dalam mendapatkan keuntungan/(kerugian) kendalian sebelum kos kewangan:

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Kos kontrak pembinaan	<b>1,813,192</b>	1,910,457	<b>188,886</b>	142,753
Kos pembangunan harta	<b>729,081</b>	722,165	—	677
Kos produk kuari dan produk dikilang dijual	<b>778,616</b>	657,315	—	—
Kos produk perladangan dijual	<b>262,500</b>	219,854	—	—
Kos operasi tol	<b>55,834</b>	43,035	—	—
Kos operasi pelabuhan	<b>59,960</b>	56,653	—	—
Kos pemberian perkhidmatan lain	<b>4,665</b>	43,389	—	—
Kos manfaat kakitangan	<b>256,956</b>	240,210	<b>16,791</b>	13,100
Hartahanah, loji dan peralatan:				
- susut nilai	25 <b>82,859</b>	79,790	<b>2,336</b>	1,282
- penghapusan kira	25 <b>1,476</b>	748	—	—
- kerugian atas pelupusan	<b>17</b>	42	<b>2</b>	—
- kerosotan	25 <b>338</b>	38	—	—
Pelunasan tanah pegangan pajak	<b>5,228</b>	4,628	—	—
Harta pelaburan				
- susut nilai	27 <b>1,884</b>	486	<b>129</b>	—
- kerosotan	27 <b>561</b>	1,718	—	—
Sewa tanah dan bangunan	<b>3,509</b>	3,723	<b>1,276</b>	586
Sewa loji dan peralatan	<b>24,028</b>	27,870	—	—
Pajakan pelabuhan dan lesen	<b>3,829</b>	3,215	—	—
Imbuhan juruaudit				
- audit berkanun	8 <b>2,176</b>	2,194	<b>258</b>	235
Tahun semasa				
Terkurang akruan berhubung dengan tahun-tahun terdahulu	<b>429</b>	132	<b>112</b>	—
Kerugian pertukaran asing:				
- tidak direalis				
- direalis	<b>1,661</b>	445	<b>1,192</b>	—
- direalis	<b>887</b>	3,059	—	1,800
Kerugian atas pelupusan/pencairan pelaburan	—	170	—	—
Peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan disebut harga	<b>2,581</b>	1,218	<b>1,780</b>	—
Peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan tidak disebut harga	<b>4</b>	14,750	—	—
Kerosotan ke atas pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	<b>15,455</b>	20,532	<b>13,445</b>	20,000
Kerosotan ke atas tanah dipegang untuk pembangunan harta	35(a) <b>2,649</b>	3,050	—	—
Kerosotan ke atas kos pembangunan harta	35(b)      —	2,346	—	—
Pelunasan aset konsesi	28 <b>55,350</b>	46,188	—	—
Pelunasan perbelanjaan pembangunan kuari	34 <b>3,234</b>	3,092	—	—
Pelunasan premium dibayar ke atas hak kuari	34        —	47	—	—
Pelunasan yuran lesen	34 <b>157</b>	47	—	—
Pelunasan buku pesanan pembinaan	34 <b>3,283</b>	3,283	—	—
Kerosotan muhibah	34        —	940,860	—	—

**5 KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN (samb.)**

(a) Perbelanjaan berikut (tidak termasuk kos kewangan dan perbelanjaan cukai) mengikut sifat telah didebitkan dalam mendapatkan keuntungan/(kerugian) kendalian sebelum kos kewangan: (samb.)

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Kerosotan pelaburan dalam anak syarikat	—	—	11,880	940,860
Pelunasan diskaun ke atas terbitan bon	16 90	713	—	—
Pelunasan premium ke atas pengambilalihan sekuriti boleh pasa	218	229	—	—
Peruntukan bagi hutang rugu	4,366	33,956	—	4
Peruntukan bagi stok lapuk	245	110	—	—
Hutang lapuk dihapus kira	955	1,113	—	—
Stok bangunan dikurangkan nilai	4,383	435	—	—

Perbelanjaan kendalian langsung daripada harta pelaburan yang menghasilkan pendapatan sewa bagi Kumpulan dalam tahun kewangan berjumlah RM498,000 (2008: RM256,000).

Perbelanjaan kendalian langsung daripada harta-harta pelaburan yang tidak menjanakan pendapatan sewa bagi Kumpulan dalam tahun kewangan berjumlah RM259,000 (2008: RM160,000).

(b) Jumlah berikut telah dikreditkan dalam mendapatkan keuntungan/(kerugian) kendalian sebelum kos kewangan:

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Dividen kasar diterima daripada:				
- anak-anak syarikat				
(disebut harga)	—	—	12,546	29,909
(tidak disebut harga)	—	—	204,188	11,699
- bersekutu				
(disebut harga)	—	—	325	163
(tidak disebut harga)	—	—	388	11,032
- lain-lain pelaburan				
(disebut harga)	2,408	744	801	733
Pendapatan faedah	50,467	56,532	69,276	96,071
Keuntungan pertukaran asing:				
- tidak direalis	7,274	821	115	1,321
- direalis	317	76	—	4
Keuntungan atas pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	22,547	7,595	—	—
Keuntungan atas pelupusan harta pelaburan	—	328	—	—
Keuntungan atas pelupusan aset dipegang untuk jualan	39,083	—	—	—
Pendapatan sewa daripada harta	11,155	6,687	264	271
Pendapatan sewa daripada loji, jentera, peralatan dan kenderaan	3,454	5,278	313	310
Hutang lapuk didapati semula	8	2,145	—	6,113
Kemasukan kira semula peruntukan bagi hutang rugu	36	—	—	—
Kemasukan kira semula peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan	41	670	—	670
Pelunasan pendapatan tertunda	24 4,421	3,988	—	—
Keuntungan ke atas pelupusan saham dalam anak-anak syarikat	—	21,967	254,000	54,287

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2009

## 5 KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN (samb.)

(b) Jumlah berikut telah dikreditkan dalam mendapatkan keuntungan/(kerugian) kendalian sebelum kos kewangan: (samb.)

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Keuntungan atas pelupusan syarikat bersekutu	—	65,540	—	—
Keuntungan atas pelupusan pelaburan jangka pendek	74	121,160	54	—
Keuntungan atas pelupusan pelaburan angka panjang	1,000	—	—	—
Muhibah negatif timbul daripada pengambilalihan anak-anak syarikat	117	2,698	—	—
Realisasi rizab penilaian semula atas pelupusan tanah dan bangunan	—	18,272	—	—
Penepian hutang	598	—	—	—

## 6 KOS MANFAAT KAKITANGAN

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Upah, gaji dan bonus	247,700	229,254	13,212	10,196
Pelan persaraan caruman dinyatakan	25,887	24,968	2,220	1,633
Pelan manfaat persaraan dinyatakan	1,247	1,723	—	—
Lain-lain manfaat kakitangan	12,308	15,281	1,359	1,271
	287,142	271,226	16,791	13,100
Tolak perbelanjaan dipermodalkan ke dalam:				
- Kos pembangunan harta	(472)	(1,045)	—	—
- Perbelanjaan pembangunan ladang	(4,077)	(3,019)	—	—
- Kerja kontrak pembinaan dalam pelaksanaan	(25,637)	(26,952)	—	—
	256,956	240,210	16,791	13,100

## 7 IMBUHAN PARA PENGARAH

	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Para Pengarah Syarikat:				
Yuran				
- Tahun semasa	619	666	498	515
- Terlebih peruntukan berhubung dengan tahun terdahulu	—	(45)	—	(45)
Pelan persaraan caruman dinyatakan	1,028	1,028	765	587
Lain-lain emolumen	6,140	6,944	4,636	3,215
	7,787	8,593	5,899	4,272
Para Pengarah anak-anak syarikat:				
Yuran	181	968	—	—
Pelan persaraan caruman dinyatakan	887	1,125	—	—
Pelan manfaat persaraan dinyatakan	—	3,633	—	—
Lain-lain emolumen	6,142	8,611	—	—
	7,210	14,337	—	—

## 7 IMBUHAN PARA PENGARAH (samb.)

Anggaran nilai monetari manfaat bukan berupa wang yang diberi kepada Pengarah-pengarah Kumpulan dan Syarikat melalui penggunaan aset Kumpulan dan Syarikat dan penyediaan faedah-faedah lain dalam tahun kewangan masing-masing berjumlah sehingga RM337,000 (2008: RM410,000) dan RM134,000 (2008: RM78,000).

Butir-butir pelan caruman dan pelan manfaat dinyatakan Kumpulan dan Syarikat dikemukakan dalam Nota 23 kepada penyata kewangan.

Pengarah-pengarah Eksekutif dan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif tertentu Syarikat telah diberikan opsyen di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS") atas terma-terma dan syarat-syarat yang sama sebagaimana ditawarkan kepada lain-lain kakitangan Kumpulan (lihat Nota 14A(b)) seperti berikut:

		Bilangan opsyen ke atas saham biasa bernilai RM 1 sesaham					
Tarikh Pemberian	Tarikh Tamat	Harga Pelaksanaan RM/share	Baki pada 1.4.2008 '000	Diberikan '000	Dilaksana-kan '000	Luput selepas tamat tempoh pada 10.11.2008 '000	Baki pada 31.3.2009 '000
8 Januari 2004	10 November 2008	3.99/3.96*/3.93**/ 3.91***/3.88****	—	—	—	—	—
7 April 2004	10 November 2008	4.47/4.44*/4.41**/ 4.39***/4.36****	240	—	—	(240)	—
30 April 2004	10 November 2008	4.39/4.36*/4.33**/ 4.31***/4.28****	310	—	—	(310)	—
20 Mei 2004	10 November 2008	4.21/4.18*/4.15**/ 4.13***/4.10****	100	—	—	(100)	—
30 Ogos 2005	10 November 2008	4.40/4.37**/ 4.35***/4.32****	35	—	—	(35)	—
26 Oktober 2005	10 November 2008	4.23/4.20**/ 4.18***/4.15****	—	—	—	—	—
			685	—	—	(685)	—

Harga pelaksanaan ESOS telah diselaraskan pada 30 April 2005 (\*), 1 Ogos 2006 (\*\*), 1 Ogos 2007 (\*\*\*) dan 19 Ogos 2008 (\*\*\*\*) masing-masing selaras dengan Undang-undang Kecil 14 Undang-undang Kecil ESOS (Lihat Nota 14A(b)).

Pengarah-pengarah Eksekutif dan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif tertentu Syarikat telah diperuntukkan waran di bawah Waran 2005/2010 (lihat Nota 14A(c)) seperti berikut:

		Bilangan Waran			
Tarikh Tamat	Harga Pelaksanaan RM/Warrant	Baki pada 1.4.2008 '000	Dilupuskan '000	Dilaksanakan '000	Baki pada 31.3.2009 '000
22 Ogos 2010	4.80/4.77*	571	(131)	—	440

Harga pelaksanaan Waran 2005/2010 telah diselaraskan pada 19 Ogos 2008 (\*) selaras dengan peruntukan Surat Ikatan Pol bertarikh 22 Jun 2005 membentuk Waran 2005/2010.

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (samb.)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2009

## 8 IMBUHAN JURUAUDIT - AUDIT BERKANUN

	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
PricewaterhouseCoopers Malaysia*	<b>1,524</b>	1,154	<b>370</b>	235
Lain-lain firma ahli				
PricewaterhouseCoopers International Limited *	<b>604</b>	564	—	—
Lain-lain juruaudit anak-anak syarikat	<b>477</b>	608	—	—
	<b>2,605</b>	2,326	<b>370</b>	235

